

**PERANAN DAN SUMBANGAN HIMPUNAN MAHASISWA
ISLAM CAWANGAN SALATIGA, INDONESIA
DALAM PEMBAHARUAN ISLAM: KAJIAN
DARI TAHUN 1985-2015**

KASTOLANI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**PERANAN DAN SUMBANGAN HIMPUNAN MAHASISWA
ISLAM CAWANGAN SALATIGA, INDONESIA
DALAM PEMBAHARUAN ISLAM: KAJIAN
DARI TAHUN 1985-2015**

KASTOLANI

**TESIS INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISANNama: **KASTOLANI**(No. K.P/Pasport No. Pendaftaran/Matrik: **IHA 100012**

Nama Ijazah:

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

PERANAN DAN SUMBANGAN HIMPUNAN MAHASISWA ISLAM CAWANGAN SALATIGA INDONESIA DALAM PEMBAHARUAN ISLAM : KAJIAN DARI TAHUN 1985-2015

Bidang Penyelidikan:

ISLAMIC STUDIES

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tarikh **27/7-2017**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Nama:
Jawatan:

Dr Abdullah Yusof
Pemangku Ketua
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
50603 Lembah Pantai, Kuala Lumpur

Tarikh **27/7-2017**

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertajuk “Peranan dan Sumbangan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) Cawangan Salatiga Indonesia Dalam Pembaharuan Islam: Kajian Dari Tahun 1985-2015”. Ia bertujuan untuk menganalisis pemikiran dan aktiviti kader HMI sehingga para kadernya mampu menjadi pencetus gerakan pembaharuan Islam.

Kajian ini merupakan gabungan antara kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan digunakan untuk menganalisis pemikiran, sedangkan kajian lapangan yang menggunakan teori mobilisasi sumber daya digunakan untuk menganalisis strategi dan pelaksanaan pembinaan kader HMI, peranan dan sumbangannya dalam pembaharuan Islam.

Hasil daripada penyelidikan ini adalah sebagaimana berikut: 1) pemikiran HMI di bidang ugama dan isu-isu semasa bercirikan substantif, transformatif dan moden; 2) Kajian keagamaan dan pelbagai bentuk perkaderan telah berjaya membina para kader HMI sebagai penggiat gerakan pembaharuan Islam; 3) Peranan dan sumbangan HMI adalah penting dalam melahirkan generasi cendekiawan yang berwawasan keagamaan dan memahami aspirasi kebangsaan.

Adapun faktor yang mendorong kelestarian gerakan pembaharuan di HMI adalah adanya usaha menggerakkan sumber daya moral, budaya, material dan modal insan. Manakala sumber daya moral (pemikiran keislaman) dan modal insan (jaringan alumni) merupakan teras utama bagi kelestarian gerakan pembaharuan Islam.

ABSTRACT

This research entitled “ The Role and Contribution of the Islamic Students Association Salatiga, Indonesia Baranch in Islamic Revival: An Analysis from 1985-2015” . Among the aims of this research is to analyze the thought and cadre activities of HMI Salatiga which have contributed to the Islamic reform movement.

This study is a combination of library research with field research to describe the movement of Islamic reform in HMI Salatiga. Library research aims to analyze the thoughts of Islam in modernism perspective, and the field research uses resource mobilization theory which is aimed to analyze the strategies and implimentation of HMI cadre development, roles, and contributions of HMI in the Islamic reform.

The findings of this research are as follows, 1) the characters of HMI Islamic thought are substantial, transformative and modern; 2) Religious discussions and any format of cadre trainings have been succeeded to develop human capital of HMI cadres to become activist of Islamic reform; 3) The role and contribution of HMI is significant to develop intellectual generation who have a clear vision religious and adapting to the national aspiration.

The fundamental factors of supporting Islamic reform sustanbility is reinforcing the resources of morality, cultural, material and human capital. The moral resource (Islamic thought) and human capital (alumni network) are the main supporter for the sustainability of the Islamic reform movement.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji milik Allah SWT yang telah memberikan berbagai kenikmatan kepada penulis, sehingga Tesis Doktor Falsafah boleh diselesaikan. Selawat dan salam semoga selalu dilimpahkan kepada Baginda Rasulullah Muhammad SAW.

Penulisan Tesis Doktor Falsafah dengan tajuk “Peranan dan Sumbangan Himpunan Mahasiswa Islam Cawangan Salatiga, Indonesia dalam Pembaharuan Islam: Kajian dari Tahun 1985-2015” ini dapat diselesaikan tidak terlepas dari bimbingan dan doa ramai pihak. Dengan kerendahan hati serta ketulusan diaturkan sejuta terima kasih kepada: Profesor Madya Dr Mohd Fauzi bin Hamat Timbalan Pengarah (Ijazah Tinggi) Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang telah memberikan kesempatan kepada penulis untuk studi pada program doktoral; Dr. Abdullah bin Yusof sebagai penyelia sekaligus sebagai Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya;; Profesor Madya Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor yang memberikan banyak arahan dalam penyelesaian penulisan tesis ini; Dr Rahmat Hariyadi, M.Pd. Rektor IAIN Salatiga; Pengurus HMI Cawangan Salatiga; Orang tua, dan istri tercinta dr, Mulyaningsih Mardliyana, serta kedua anak kami Zievan Ananta Pahlevi dan Ersya Najwa Saskia; dan semua keluarga dan teman.

Semoga semua kebaikan mereka dalam menyokong penulisan tesis inidapat kebaikan yang berlipat ganda dari Allah SWT.

Yang benar,

Tarikh, Julai 2017

Kastolani

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Salatiga, Jawa Tengah Indonesia

University of Malaya

ISI KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL	ii
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI GAMBAR RAJAH	x
SENERAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv
BAB 1: PENDAHULUAN	01
1.1. Pengenalan	01
1.2. Latar Belakang Masalah	03
1.3. Permasalahan Kajian	10
1.4. Objektif Kajian	10
1.5. Kepentingan Kajian	11
1.6. Skop Kajian	11
1.7. Definisi Tajuk	12
1.8. Landasan Teori	20
1.9. Kajian Terdahulu	33
1.10. Metodologi Penyelidikan	43
1.11. Penyusunan Kajian	48
BAB 2: HIMPUNAN MAHASISWA ISLAM (HMI)	50
2.1. Pengenalan	50
2.2. Sejarah Penubuhan HMI	50
2.3. Penyebaran HMI di Indonesia	65
2.4. Badan Koordinator HMI Jawa Tengah dan Daerah Istimewa Yogyakarta	66
2.5. Bandar Salatiga dan HMI Cawangan Salatiga	67
2.7. Kesimpulan	85

BAB 3: PEMIKIRAN PEMBAHARUAN ISLAM HMI	87
3.1. Pengenalan	87
3.2. Dasar-Dasar Kepercayaan dalam Pemahaman HMI	88
3.2.1. Tentang Tuhan	91
3.2.2. Tentang Wahyu (Al-Quran)	98
3.2.3. Tentang Rasul	101
3.2.4. Tentang Qadar	103
3.2.5. Tentang Hari Kiamat	109
3.3. Taqdir dan Ikhtiyar dalam Pemahaman HMI	115
3.4. Pemikiran HMI tentang Isu-isu Semasa	122
3.4.1. Individu dan Masyarakat	122
3.4.2. Keadilan Sosial dan Ekonomi	126
3.4.3. Kepentingan Ilmu Pengetahuan	128
3.4.4. Hubungan Islam dengan Negara	133
3.5. Kesimpulan	140
BAB 4: GERAKAN PEMBAHARUAN ISLAM MELALUI PENGKADERAN PADA HMI CAWANGAN SALATIGA	142
4.1. Pengenalan	142
4.2. Pengkaderan di HMI Sebagai Media Pembentukan Karakter Kader	143
4.2.1. Sistem Perkaderan di HMI	145
4.2.2. Strategi dan Pelaksanaan Perkaderan di HMI Cawangan Salatiga	149
4.3. HMI Cawangan Salatiga dalam Gerakan Sosial Keagamaan	153
4.4. <i>Resource Mobilization Theory</i> bagi Menilai Gerakan Sosial	154
4.5. Gerakan Pembaharuan Islam dalam Perkaderan di HMI Cawangan Salatiga	181
4.6. Kesimpulan	186

BAB 5: PERANAN DAN SUMBANGAN HIMPUNAN MAHASISWA ISLAM CAWANGAN SALATIGA DALAM PEMBAHARUAN ISLAM	188
5.1. Pengenalan	188
5.2. Ciri Pemikiran Keislaman HMI	188
5.3. Peranan HMI Cawangan Salatiga dalam Pembaharuan Islam	197
5.3.1. Aspek Pendidikan	198
5.3.2. Kajian Keagamaan	198
5.3.3. Kajian Mengenai Isu Semasa	204
5.3.4. Latihan Pengkaderan	204
5.3.5. Aspek Sosial	208
5.4. Sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam Pembaharuan Islam	214
5.4.1. Mempersiapkan Generasi Cendekiawan Muslim	214
5.4.2. Melahirkan Generasi yang Mengambil Berat Kebajikan	216
5.4.3. Melahirkan Generasi Berkhidmat	217
5.5. Posisi HMI dalam Peta Gerakan Pembaharuan Islam	218
5.6. Kesimpulan	220
BAB 6: PENUTUP	
6.1. Pengenalan	222
6.2. Dapatan Kajian	223
6.3. Cadangan	235
6.4. Kata Penutup	237
RUJUKAN	238
LAMPIRAN	

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 2.1.	Struktur Organisasi HMI	66
Gambar 2.2.	Peta Provinsi Jawa Tengah	67
Gambar 2.3.	Peta Bandar Salatiga	68
Gambar 2.5.	Kantor HMI Cawangan Salatiga	73
Rajah 2.7.	Struktur Organisasi HMI Cawangan Salatiga	83
Rajah 2.8.	Struktur Organisasi HMI Ranting	84
Rajah 4.3.	RMT bagi Menilai Gerakan Pembaharuan Islam	154
Gambar 4.6.	Demonstrasi Menyokong Penegakan Hukum	174
Gambar 5.1.	Demonstrasi Bertajuk “Harmony in Diversity”	201
Rajah 6.1.	Segitiga Cara Pandang	225

SENERAI JADUAL

Jadual 1.1.	Mekanisme Akses Sumber Daya	31
Jadual 2.4.	Lembaga Pendidikan di Bandar Salatiga	69
Jadual 2.6.	HMI Ranting di Cawangan Salatiga	81
Jadual 4.1.	Tujuan Pelapisan pada Masing-masing Peringkat	144
Jadual 4.2.	Perbezaan Bahan Kajian pada Masing-masing Peringkat	148
Jadual 4.4.	Mekanisme Akses dan Jenis Sumber Daya	156
Jadual 4.5.	Kegiatan Bidang Sosial HMI Cawangan Salatiga	163
Jadual 5.2.	Kegiatan Keorganisasian HMI Cawangan Salatiga	205
Jadual 5.4.	Analisis Gerakan Pembaharuan Islam HMI	213

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Maksud
AKBID	Akademi Kebidanan
BADKO	Badan Koordinator
BPT	Badan Perguruan Tinggi
Cet	Cetakan
Dr.	Doktor Gelar Sarjana Strata 3
ed.	Editor
FIP	Fakulti Ilmu Pendidikan
FKUB	Forum Komunikasi Umat Beragama
FPPI	Fron Pemuda Pelajar Indonesia
FPBI	Forum Persaudaraan Bangsa Indonesia
GERINDO	Gerakan Rakyat Indonesia
GMK	Gerakan Mahasiswa Makasar
GMKI	Gerakan Mahasiswa Kristian Indonesia
GMNI	Gerakan Mahasiswa Nasional Indonesia
GMS	Gerakan Mahasiswa Surabaya
h.	Halaman
HMD	Himpunan Mahasiswa Djakarta
HMI	Himpunan Mahasiswa Islam
IAIN	Institut Agama Islam Negeri
Ibid.	Ibidem
IKIP	Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan
IMM	Ikatan Mahasiswa Muhammadiyah
ITB	Institut Teknologi Bandung
KAHMI	Korp Alumni Himpunan Mahasiswa Islam
KAMMI	Kesatuan Aksi Mahasiswa Muslim Indonesia
M.Pd	Master Pendidikan Sarjana Stata 2
Masyumi	Majlis Syuro Muslimin Indonesia
MIAI	Majlis Islam A'laa Indonesia
MMB	Masyarakat Mahasiswa Bogor
No	Nombor
NU	Nahdhatul Ulama'

<i>Op.cit</i>	Opera citato
PARTINDO	Parti Indonesia
PERMI	Persatuan Muslimin Indonesia
PERMI	Persatuan Muslimin Indonesia
PERSIS	Persatuan Islam
PERTI	Parti Islam Indonesia
PII	Parti Islam Indonesia
PMB	Perhimpunan Mahasiswa Bandung
PMD	Persatuan Mahasiswa Djakarta
PMI	Parti Muslimin Indonesia
PMID	Persatuan Mahasiswa Indonesia Djakarta
PMII	Pergerakan Mahasiswa Islam Indonesia
PMKH	Persatuan Mahasiswa Kedokteran Hewan
PMKRI	Pergerakan Mahasiswa Katolik Republik Indonesia
PMY	Perserikatan Mahasiswa Yogyakarta
PNI	Parti Nasional Indonesia
PSI	Parti Syarekat Islam
PSIHT	Parti Syarekat Islam Hindia Timur
PSII	Parti Syarekat Islam Indonesia
PUI	Persatuan Umat Islam
S.A.W	Sallahu Alayhi Wa Sallam
S.W.T.	Subhanallahu Wa Ta'ala
SI	Syarekat Islam
SMA	Sekolah Menengah Atas
SMI	Serikat Mahasiswa Indonesia
SMK	Sekolah Menengah Kejuruan
SMP	Sekolah Menengah Pertama
STI	Sekolah Tinggi Islam
STIE	Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi
STT	Sekolah Tinggi Teologia
UI	Universiti Indonesia
UII	Universiti Islam Indonesia
UKSW	Universiti Kristian Satya Wacana

BAB I: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Gerakan pembaharuan bermula daripada kesedaran terhadap persoalan dalaman tentang kejumudan budaya berfikir di dunia Islam, dan ketertinggalannya dengan dunia Barat moden, tepatnya pada awal abad ke 19 Masehi. Pada waktu itu, dunia Islam agak terkebelakang manakala dunia Barat moden sedang mengalami kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Seterusnya, para ulama dan pimpinan melakukan pembaharuan dengan mengkaji ajaran Islam semula. Bermula daripada pemikiran ini lahirlah gerakan kebangkitan Islam dengan menggunakan pelbagai nama, antaranya: *Al-Ushuliyyah Al-Islamiyyah* (Fundamentalisme Islam), *Al-Sahwah Al-Islamiyyah* (Kebangkitan semula Islam), *Al-Ihya' Al-Islam* (Kebangkitan Islam), *Al-Tajdid* dan *Al-Islah* (Pembaikan, Pembaharuan dan Penegasan semula), *Al-Ba'ath Al-Islami* (Kebangkitan Islam), *Renaissance*, *Reconstruction*, *Neo-fundamentalism* dan *Islamism*.¹

Di Indonesia, gerakan pembaharuan Islam dipelopori oleh Sarikat Islam (1911)² dan Muhammadiyah yang ditubuhkan pada tahun 1912.³ Sarikat Islam mengurus ekonomi dan politik, sedang Muhammadiyah mengurus masalah sosial, seperti: pendidikan, kesihatan dan dakwah. Kedua-dua organisasi ini digelar sebagai pelopor gerakan pembaharuan Islam di Indonesia berdasarkan beberapa sebab, antaranya dua organisasi ini tidak hanya membataskan gerakan mereka dalam bidang agama akan tetapi di bidang sosial, politik dan ekonomi. Oleh sebab itu, idea dan gerakan dua organisasi ini mengatasi organisasi keagamaan yang wujud pada waktu itu.

¹Kamarrudin Saleh(2012), "Transfer Pemikiran Pembaharuan dan Modernisme di Malaysia: Suatu Penyelidikan Awal" dalam *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 2, h. 23-37.

²Sarekat Dagang Islam yang lahir pada tahun 1905 merupakan embrio kepada Sarikat Islam pada tahun 1911. Lihat Deliar Noer. (1996), *Gerakan Moden Islam di Indonesia 1900-1942*, Jakarta: LP3ES.h. 114.

³Syarifuddin Jurdi (2010), *Muhammadiyah dalam Dinamika Politik Indonesia 1966-2006*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 80.

Antara tahun 1945 hingga tahun 1966, idea pembaharuan yang dijalankan masih terhad kepada persoalan ideologi disebabkan oleh perbelahan bangsa Indonesia kedalam dua kelompok, iaitu kelompok nasional agama dan nasional sekuler.⁴ Syafii Maarif mengatakan bahawa lebih kurang 15 tahun (1945-1960) perhatian tokoh-tokoh umat dan para ulama lebih banyak tertumpu kepada masalah politik sama ada bimbingan berdasarkan teori ataupun praktikal.⁵

Kemudian, antara tahun 1967 hingga tahun 1997, umat Islam berhadapan dengan pemerintahan bercorak otoriterisme (kuku besi) yang bertentangan dengan tujuan politik Islam pada ketika itu. Parti Masyumi dengan kekuatan ideologi Islam dianggap “mengancam” pemerintahan Soeharto. Oleh sebab itu, kerajaan telah mengambil langkah untuk melemahkan politik Islam pada waktu itu dengan cara membataskan ruang pergerakan aktivis politik Islam. Sehingga, aktivis politik Islam tidak dapat meluaskan peranan mereka dalam dunia politik, dan mereka yang boleh bertindak hanyalah mereka yang dibenarkan oleh kerajaan.

Pada waktu itu, suasana politik kurang menguntungkan bagi umat Islam, dan hubungan antara kerajaan dan aktivis politik Islam juga kurang harmoni. Dalam suasana politik yang demikian, lahirlah pemikiran yang berusaha untuk mendekatkan faham keagamaan dan faham kebangsaan, serta mendekatkan hubungan yang kurang harmoni antara aktivis politik Islam dan pihak kerajaan. Gagasan tersebut disampaikan oleh oleh Nurcholis Madjid yang menjabat sebagai Ketua Umum Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) pada waktu itu. Beliau menyampaikan tentang kepentingan pembaharuan dalam pemikiran Islam.

⁴ Konsep “Nasakom” yang digagaskan oleh Presiden Soekarno dinilai sebagai jambatan penyatuan semua elemen masyarakat baik golongan agama, nasionalis atau komunis. Hamid Fahmy (2012), “Konstruksi Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia”, dalam <http://hamidfahmy.com/konstruk-pembaharuan-pemikiran-islam-di-indonesia/>

⁵ Ahmad Syafii Maarif (1997), *Islam: Kekuatan Doktrin dan Keagamaan Umat*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 34.

1.2 Latar Belakang Masalah

Islam merupakan agama samawi yang disampaikan oleh Nabi Muhammad kepada umat manusia sebagai ajaran yang sempurna sehingga akhir zaman.⁶ Umat Islam meyakini bahawa Islam adalah agama yang sempurna dan tidak hanya membicarakan masalah agama, akan tetapi Ia juga membahas pelbagai aspek kehidupan sebagai satu kesatuan, iaitu *al-Islam kullu la yatajazza*.⁷

Islam hadir di tengah-tengah kehidupan umat manusia dengan membawa misi *rahmatan lil'alamin*. oleh sebab itu, umat Islam perlu melakukan kajian *syumuliyat al-Islam* yang diyakininya secara operasi sehingga dapat diwujudkan sesuai dengan tempat dan waktu (semasa). Dalam konteks inilah, gagasan Nahdhatul Ulama' (NU) tentang "Islam Nusantara", dan gagasan Muhammadiyah tentang "Islam Berkemajuan".⁸ Kedua-dua gagasan ini merupakan bahagian daripada modenisasi yang menempatkan Islam sebagai ruh dalam masyarakat yang religi.⁹

Tujuan utama gerakan pembaharuan Islam adalah untuk membangunkan umat yang berkemampuan untuk menggali potensi yang dimiliki dan menjadi rahmatan bagi seluruh makhluk di muka bumi.¹⁰ Dalam konteks ini, para pembaharu dan organisasi keagamaan merumuskan pemahaman keagamaan dan menyusun perancangan tindakan, iaitu membangunkan modal insan yang meliputi aspek rohani dan tuntutan duniawi secara seimbang sehingga membawa faedah atau kebaikan bagi kehidupan manusia.

Fazlur Rahman mengatakan bahawa umat Islam perlu memiliki pemahaman tentang Islam yang selari dengan masa.¹¹ Oleh sebab itu, gerakan dan pemikiran pembaharuan perlu diupayakan agar kesempurnaan yang dicita-citakan ini sentiasa

⁶ Lihat QS. Al-Maidah [5]: 3.

⁷ Ahmad Azhar Basyir (1993), *Refleksi atas Persoalan Keislaman: Seputar Filsafat, Hukum, Politik dan Ekonomi*, Bandung: Mizan. h. 276.

⁸ Muhammad Ali (2015), "The Muhammadiyah's 47 th Conggres and Islam Berkemajuan", *Kajian Islamika*, Volume 22, No. 2, h.377-386

⁹ Syamsul Bakri (2016), "Modernisasi Dalam Perubahan Sosial Dalam Lintasan Sejarah Islam", *Kajian Agama-agama dan Pemikiran Islam*, Volume 14, No. 2, h. 173-190

¹⁰ Ali Abdul Halim Mahmud (2011), *Perangkat-Perangkat Tarbiyah Ikhwanul Muslimin*, Penerj. Wahid Ahmadi, Fakhruddin Nursyam, dan Khozin Abu Faqih, Solo: Era Adicitra Intermedia, h.25.

¹¹ Fazlur Rahman (1980), "Islam: Legacy and Contemporary Challenge," *Islamic Kajianes*, Volume 19, No. 4 h. 237-238.

berada pada kedudukan yang tinggi. Jika tidak, kesedaran nurani akan menjadi tumpul dan kepentingan daripada aspirasi tersebut hanya menjadi kepentingan golongan tertentu atau kepentingan individu.¹²

Kepelbagaian amalan sebagai ekspresi pemahaman keagamaan umat Islam merupakan realiti yang tidak dapat dihindari, dan ianya selari dengan perkembangan zaman dan ilmu pengetahuan. Dengan demikian, Islam dalam realiti kehidupan manusia bukan sekadar doktrin yang bersifat universal dan bergerak mengikut zaman tetapi juga wujud dalam institusi-institusi sosial yang dipengaruhi oleh situasi dan tempat pada masa itu.¹³

Dalam konteks inilah, pelbagai penafsiran dan amalan daripada ajaran Islam lahir, dan John L Esposito menyebutnya “Islam Warna-Warni”.¹⁴ Pelbagai ragam penafsiran dan amalan tersebut menyebabkan konflik sosial oleh sebab wujudnya ketegangan teologi, iaitu ketegangan antara keharusan untuk bertahan dengan fahaman keagamaan yang sedia ada dengan memberikan pemahaman baharu.¹⁵ Ketegangan. .¹⁶

Dalam hal ini, dikotomi antara kelompok moden dengan revival, dikotomi antara golongan muda dengan golongan tua, dan dikotomi antara golongan moderat dengan golongan fundamental telah memperlihatkan ketegangan teologi. Dan kesannya, ketegangan ini menjadi penghalang secara psikologi kepada mereka yang berupaya untuk melakukan pembaharuan.

Di Indonesia, gerakan pembaharuan berhadapan dengan persoalan yang semakin rumit. Zaman globalisasi yang memendekkan jarak serta waktu bagi penyebaran informasi telah memberikan ruang untuk penyebaran ideologi atau fahaman yang melintasi negara bangsa, ketandusan kerohanian, dan tersisih daripada kehidupan sosial.

¹²*Ibid.*

¹³ Azyumardi Azra (1996), *Pergolakan Politik Islam*, Jakarta: Paramadina, h. 1.

¹⁴ John L. Esposito (2004), *Islam Warna-Warni: Ragam Ekspresi Menuju “Jalan Lurus”*, Penerj. Arif Maftuhin, Jakarta: Paramadina, h. xv-xvi

¹⁵ Azyumardi Azra (1996), *Op. Cit.*, h. ii.

¹⁶ Haedar Nashir (2007), *Gerakan Islam Syari'at: Reproduksi Salafiyah Ideologis di Indonesia*, Jakarta: Pusat Kajian Agama dan Peradaban Muhammadiyah, h. 2

Pada masa yang sama, agama masih belum dapat mengimbangi kelajuan modenisasi dan sering tertinggal sehingga tidak dapat memberikan tindak balas terhadap kesan yang bakal timbul.

Pada awal abad ke-21 ini pula, umat manusia dikejutkan oleh pelbagai aksi pengganas yang berlaku di beberapa bahagian dunia dengan mempergunakan nama agama, misalnya: aksi pengganas di Amerika Syarikat, Filipina, Indonesia, Arab Saudi, Yordania dan Turki. Selain itu, juga lahir pelbagai kelompok radikal, seperti: Kelompok Abu Sayyaf, dan Kelompok Jama'ah Islamiyah.¹⁷

Peristiwa letupan bom di mercu-mercu tanda Barat di beberapa buah kota besar dunia pada awal tahun 2000-an merupakan kemuncak perjuangan ekstrem kelompok Islam radikal. Mengikut Ahmad Ali Nurdin, bahawa lahirnya kelompok radikal sentiasa diikuti oleh lahirnya kelompok liberal.¹⁸ Hal ini sepertimana yang telah wujud di Indonesia dengan lahirnya kelompok liberal, misalnya: Jaringan Islam Liberal dan Jaringan Intelektual Muda Muhammadiyah.

Menurut Zuly Qodir, kemunculan pemikiran dan gerakan pembaharuan berlatarbelakangkan beberapa masalah, iaitu: Pertama ialah masalah teologi, iaitu masalah yang disebabkan oleh pemahaman agama berdasarkan teks yang tidak memasukkan sejarah dimensi sosial; Kedua ialah masalah budaya, iaitu masalah sosial yang disebabkan oleh proses percampuran antara budaya warisan dengan budaya moden sehingga mengakibatkan konflik politik dan kejutan budaya (*culture shock*) dalam kalangan umat; Ketiga ialah masalah penstrukturan oleh sebab kelemahan capaian politik Islam untuk turut serta dalam pembangunan. Zuly Qodir turut menegaskan bahawa ketiga-tiga masalah tersebut telah mendorong pembentukan usaha yang kreatif

¹⁷Nando Baskara (2009), *Gerilyawan-gerilyawan Militan Islam*, Jakarta: Buku Kita, h. 55.

¹⁸ Ahmad Ali Nurdin (2005), "Islam and State: A Study of the Liberal Islamic Network in Indonesia 1999-2004", *New Zealand Journal of Asian Kajianes*, Volume 7, No. 2, h. 20-38.

sehingga mampu memberikan sumbangan yang penting dalam proses pembaharuan pemikiran Islam.¹⁹

Gerakan dan pemikiran pembaharuan dalam Islam telah wujud lama, namun persoalan faham keagamaan (teologi), budaya dan perstrukturannya masih menjadi cabaran umat Islam. Misalnya, kemunculan Islam radikal yang mengancam sistem kehidupan dunia yang damai dan tenteram masih wujud hingga hari ini. Namun demikian, hal ini tidak bermaksud bahawa gerakan pembaharuan yang dilakukan oleh Muhammadiyah, NU dan Universiti Islam yang menggalakkan pemikiran teologi rasional serta HMI yang mengalihkan fahaman keagamaan inklusif menemui kegagalan, kerana perkara ini mungkin disebabkan oleh keterbatasan gerakan yang masih belum menembusi segenap lapisan masyarakat.

Fenomena gerakan Islam dengan pelbagai variasi seperti Hizbut Tahrir Indonesia (HTI) yang berkembang di universiti menggambarkan bahawa gerakan pembaharuan Islam di Indonesia masih belum menyeluruh dan masih belum mencapai sasaran sebahagian besar masyarakatnya. Fenomena ini menjadi cabaran bagi penuntut-penuntut pembaharuan untuk terus berdaya cipta dan melakukan tindakan nyata di hadapan masyarakat Indonesia dan dunia.

Pada sisi yang lain, pemikiran pembaharuan pada tahun 1970 yang dipelopori oleh Nurcholis Madjid telah menunjukkan kesan positif terhadap hubungan mesra antara Islam dengan negara. Penubuhan Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) yang menghimpun para aktivis dan pemikir Islam salah satu bukti politik akomodasi kerajaan terhadap Islam sebagai kekuatan politik.²⁰

Faktor tersebut telah mendorong golongan elit Islam, iaitu golongan ulama dan tokoh politik Islam mengambil inisiatif untuk memajukan dunia Islam sama ada dengan cara melakukan pembaharuan fahaman agama mahupun kelembagaan. Oleh sebab itu,

¹⁹ Zuly Qodir (2006), *Pembaharuan Pemikiran Islam: Wacana dan Aksi Islam Indonesia*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. vi

²⁰ M. Syafii Anwar (1995), *Pemikiran dan Aksi Islam Indonesia: Sejarah Kajian Politik Tentang Cendekiawan Muslim Orde Baru*, Jakarta: Paramadina, h. x.

para ulama berusaha untuk memahami secara lebih dalam makna dan maksud yang terkandung dalam al-Quran dan Hadits. Selain itu, mereka juga mengkaji buku-buku yang ditulis oleh para ulama terdahulu.

Gerakan pembaharuan ini berusaha untuk mengkaji warisan intelektual para ulama pada masa kejayaan Islam. Artinya, mereka juga memulai berfikir rasional dan kritik sebagaimana tradisi para ulama semula. Budaya berfikir rasional dan kritikal yang menjadi tradisi dan mewarnai umat Islam terhakis perlahan-lahan dan tenggelam dalam kebesaran sejarah masa silam atau yang disebut sebagai “romantisme sejarah”.

Seruan untuk melakukan gerakan pembaharuan telah disuarakan buat pertama kali oleh HMI semasa kepimpinan Nurcholis Madjid sebagai Ketua Umum Pengurus Besar HMI pada tahun 1968 hingga tahun 1971.²¹ Gagasan ini selari dengan yang diperkatakan oleh Dawam Raharjo tentang kepentingan mewujudkan kerangka pemikiran keagamaan yang tepat dan sesuai dengan perubahan zaman. Hal ini demikian kerana agama yang tidak dapat disesuaikan dengan keadaan masyarakat dan tidak dapat berfungsi dengan berkesan untuk mengatasi dampak dan pemikiran cara moden yang melampau ialah agama yang mungkin ditinggalkan oleh umatnya.²²

Dalam konteks ini, HMI telah merumuskan fahaman keagamaan yang moden seperti yang sudah termaktub dalam Nilai-nilai Dasar Perjuangan (NDP). Fahaman keagamaan ini diharapkan dapat mengakhiri masalah teologi, budaya dan struktural umat Islam kerana fahaman ini selari dengan fahaman moden dan halatuju pembangunan negara yang menggunakan instrumen modenisme. Oleh itu, fahaman keagamaan ini dijadikan sebagai bahan kajian keislaman yang disampaikan kepada setiap kader (generasi pelapis) sehingga sekarang. Artinya, bahawa pemikiran keislaman yang menjadi bahan kajian dalam setiap peringkat pengkaderan di HMI yang sudah berusia hampir separuh abad masih relevan. Dari sudut lain, banyak pemerhati HMI

²¹ Dawam Rahardjo (1993), *Intelektual Inteligensia dan Perilaku Politik Bangsa: Risalah Cendekiawan Muslim*, Bandung: Mizan, h. 325

²² *Ibid.*, h. 381.

khususnya alumni HMI²³ yang berpendapat bahwa kemunduran sedang berlaku pada waktu itu oleh sebab hilangnya asas intelektual HMI di universiti-universiti, kelewatan HMI beradaptasi dengan perubahan, krisis kader dan pola latihan pembentukan kader.²⁴

Walau bagaimanapun, gerakan pembaharuan melalui proses pengkaderan berlangsung secara menyeluruh di bandar-bandar yang wujud di dalamnya universiti. Kewujudan HMI berdasarkan tujuan asal penubuhannya adalah membangunkan negara dan meningkatkan darajat bangsa Indonesia di samping mendakwahkan Islam dengan mengembangkan nilai-nilai ajaran Islam sehingga dapat memberikan warna kepada kehidupan masyarakat.²⁵ Jadi, ada dua asas yang menjadi anjakan HMI, iaitu: semangat kebangsaan dan keislaman.²⁶

Halatuju pengkaderan di HMI adalah melahirkan generasi berilmu dan patuh kepada ajaran Islam serta bertanggungjawab terhadap pembentukan masyarakat adil dan makmur yang diredai Allah.²⁷ Oleh sebab itu, maka pelbagai kegiatan yang diselenggarakan harus bertujuan untuk membangun modal insan yang berwawasan keagamaan dan memahami persoalan bangsa dan umat manusia hari ini.

Berdasarkan latar belakang pemikiran tersebut, kajian tentang binaan pemikiran dan gerakan pembaharuan yang dikembangkan oleh HMI melalui proses pengkaderan berserta perbincangan lain merupakan kajian yang menarik untuk dilakukan. Penyelidikan ini diharapkan dapat menggambarkan gerakan pembaharuan pemikiran HMI yang masih belum dibahaskan dalam kajian-kajian lain. Hal ini seperti yang disimpulkan oleh Victor Tanja, iaitu HMI dipandang sebagai organisasi mahasiswa

²³Misalnya: Fachri Ali, M.T. Arifin dan Ridwan Saidi. Lihat: Azyumardi Azra(1999), *Menuju Masyarakat Madani: Gagasan,Fakta dan Tantangan*,Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.

²⁴Baca lebih lanjut: Agussalim Sitompul (2005), *44 Indikator Kemunduran HMI: Suatu Kritik dan Koreksi Untuk Kebangkitan Kembali HMI*, Jakarta: Misaka Galiza.

²⁵ Tujuan tersebut mengalami perubahan setelah kongres ke-1 di Yogyakarta 30 November 1947, iaitu: (1) mempertegak dan mengembangkan ajaran agama Islam, dan (2) mempertinggi drajat rakyat dan negara Republik Indonesia. Lihat: Agussalim Sitompul (2008), *Menyatu dengan Umat Menyatu dengan Bangsa: Pemikiran Keislaman dan Keindonesiaan HMI 1947-1997*. Jakarta: Milasa Galiza, h.223.

²⁶Djohan Effendi dalam Kata Pengantar Victor Tanja (1982), *HMI Sejarah dan Kedudukannya di Tengah-Tengah Gerakan Pembaharu Muslim di Indonesia*, Jakarta: Sinar Harapan. h. 10.

²⁷Pengurus Besar HMI (2013), *Hasil-hasil Kongres HMI ke XXVIII*, Jakarta: PB HMI, h.79.

Muslim yang tepat dan bijak ketika menempatkan diri mereka dalam kalangan masyarakat Indonesia yang beragam budaya dalam bingkai negara Pancasila.²⁸

Pemikiran keagamaan HMI tidak terlepas daripada keadaan dan situasi sosial politik Indonesia seperti kesedaran terhadap fahaman keagamaan yang masih belum selari dengan pemikiran moden. Dalam hal ini, halatuju perjuangan HMI ialah membangunkan modal insan dan mendakwahkan Islam dengan mengembangkan nilai-nilai ajaran Islam supaya sentiasa melandasi segala aktiviti organisasi. Matlamat HMI itu menggambarkan penubuhan HMI yang berlandaskan semangat kebangsaan dan keislaman dengan penawaran gagasan pemikiran yang mengintegrasikan ajaran Islam dan nilai-nilai budaya Indonesia.²⁹

Penyelidikan yang mengkaji gerakan pembaharuan Islam HMI Cawangan Salatiga dilatarbelakangi oleh perkara sebagai berikut. Pertama, HMI berorientasikan gerakan pembaharuan melalui dakwah Islam yang inklusif dan melalui proses latihan pembentukan kader; Kedua, HMI telah memiliki pemikiran tentang Islam yang jelas dan perkara tersebut merupakan hasil rumusan yang asli daripada HMI; Ketiga, HMI memiliki struktur dan sistem latihan pembinaan kader daripada pusat sampai daerah; Keempat, HMI memiliki modal yang cukup untuk menjadi gerakan sosial khususnya modal insan. Sekurang-kurangnya, terdapat empat potensi yang ada dalam diri mahasiswa, iaitu intelektual, spiritual, emosi dan fizikal.³⁰

Penyelidikan ini menjadi bandar Salatiga sebagai kawasan kajian yang di dalamnya telah ditubuhkan HMI pada tahun 1984. Di daerah ini, para kader HMI adalah mahasiswa Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Universiti Kristian Satya Wacana (UKSW) dan Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) AMA. Pemilihan Salatiga sebagai kawasan kajian atas beberapa sebab. Antaranya: Salatiga sebagai bandar yang menjaga

²⁸Victor Tanja (1982), *Op.Cit.*, h.160-163.

²⁹ Djohan Effendi dalam Kata Pengantar Victor Tanja (1982), *HMI Sejarah dan Kedudukannya di Tengah-Tengah Gerakan Pembaharu Muslim di Indonesia*, Jakarta: Sinar Harapan, h. 10.

³⁰ Indra Kusumah (2007), *Risalah Pergerakan Mahasiswa*, Bandung: INDYDEC Press, h. 16.

kerukunan umat beragama, Salatiga merupakan pusat gerakan agama Kristian, wujud kader HMI yang menuntut ilmu di UKSW.

1.3 Permasalahan Kajian

Beberapa permasalahan kajian telah dikenal pasti dan dirumuskan seperti yang berikut:

1. Bagaimana faham keagamaan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) tentang dasar-dasar Islam, ikhtiar dan takdir, keadilan sosial dan ekonomi, ilmu pengetahuan serta hubungan Islam dan Negara?
2. Bagaimana strategi dan pelaksanaan latihan pembentukan kader oleh HMI Cawangan Salatiga sehingga para kader ini mampu menjadi pencetus gerakan pembaharuan Islam?
3. Apa peranan dan sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti, beberapa matlamat kajian telah dibentuk seperti yang berikut:

1. Menganalisis faham keagamaan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) tentang Islam yang meliputi dasar-dasar kepercayaan, ikhtiar dan takdir, keadilan sosial dan ekonomi, ilmu pengetahuan serta hubungan Islam dan Negara.
2. Menganalisis strategi dan pelaksanaan pembentukan kader di HMI Cawangan Salatiga sehingga para kader ini mampu menjadi pencetus gerakan pembaharuan Islam.
3. Merumuskan peranan dan sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk melengkapkan kajian tentang gerakan pembaharuan Islam di Indonesia terutamanya gerakan yang dilakukan oleh HMI Cawangan Salatiga. Oleh itu, beberapa kepentingan kajian telah dikenal pasti seperti yang berikut:

1. Kajian ini dapat menjelaskan fahaman Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) tentang Islam yang meliputi dasar-dasar Islam, ikhtiar dan takdir, keadilan sosial dan ekonomi, ilmu pengetahuan serta hubungan Islam dan Negara
2. Kajian ini dapat menghuraikan strategi dan pelaksanaan pembentukan kader di HMI Cawangan Salatiga sehingga para kader ini mampu menjadi pencetus gerakan pembaharuan Islam.
3. Kajian ini dapat mendedahkan peranan dan sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam.
4. Kajian ini dapat membantu masyarakat mengetahui dan memahami gerakan pembaharuan Islam di Indonesia terutamanya gerakan yang dilakukan oleh HMI Cawangan Salatiga.

1.6 Skop Kajian

Sesuai dengan fokus kajian yang telah dipilih, beberapa skop kajian telah ditetapkan seperti yang berikut:

1. Faham keagamaan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) tentang Islam yang meliputi dasar-dasar Islam, ikhtiar dan takdir, keadilan sosial dan ekonomi, ilmu pengetahuan serta hubungan Islam dan Negara
2. Strategi dan pelaksanaan pembentukan kader di HMI Cawangan Salatiga sehingga para kader ini mampu menjadi pencetus gerakan pembaharuan Islam.
3. Peranan dan sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam.

1.7 Definisi Tajuk

1.7.1 Pembaharuan Islam

Pembaharuan Islam dalam pengertian yang sempit ialah keupayaan untuk menyesuaikan fahaman agama dengan perkembangan yang ditimbulkan oleh kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi moden. Menurut Nurcholis Madjid, fahaman tentang kemodenan ini merupakan fahaman pemikiran logik atau rasionalisasi,³¹ iaitu mampu untuk memberikan jawapan secara rasional terhadap persoalan-persoalan yang muncul pada zaman moden dan dampak yang ditimbulkan oleh modenisasi Barat dengan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Secara terminologi, istilah moden bermaksud kesedaran untuk melakukan sesuatu yang berbeza dengan yang sebelumnya kerana yang sebelumnya itu dianggap tidak selari dengan perkembangan zaman. Kesedaran itu lahir disebabkan oleh keinginan untuk melakukan perubahan dan pemulihan dalaman untuk pelbagai cabang kehidupan seperti politik, pengurusan organisasi dan fahaman agama. Dalam erti kata lain, ketidakpuasan terhadap keadaan hidup masyarakat yang terkebelakang dan terpinggir telah mendorong tindakan ke arah perubahan yang lebih baik sebagai suatu kesedaran dan keinginan semula jadi. Oleh itu, kesedaran yang datang dari dalam diri seseorang ini berbentuk perubahan pola pemikiran.³²

Secara etimologi, istilah pembaharuan dalam bahasa Arab disebut *tajdid*. Menurut Ibnu Manzur, kata "*tajdid*" berasal dari kata "*jaddada, yujaddidu*" yang mengandungi erti *sayyarahu jadidan* iaitu menjadi baharu atau bernafas baru.³³ Menurut Harun Nasution pula, pembaharuan atau modenisme satu erti dengan *tajdid*. Modenisme dalam masyarakat Barat mengandungi erti pemikiran, aliran, gerakan dan usaha untuk mengubah fahaman, adat istiadat, institusi lama dan

³¹ Nurcholis Madjid (1988), *Islam Kemoderenan dan Keindonesiaan*, Bandung: Mizan. h.218.

³² F. Budi. Hardiman (2004), *Filsafat Moden*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, h.1.

³³ Ibnu Mandhur, Jamal al-Din Muhammad Ibnu Mukram (1990), *Lisanul Arab*, Bairut: Dar Sader Publiser, h. 111

sebagainya untuk disesuaikan dengan suasana baharu yang ditimbulkan oleh kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi moden.³⁴

Pembaharuan juga boleh berlaku dalam bentuk fizikal dan maknawi. Pembaharuan dalam bentuk fizikal meliputi pembaharuan institusi, arsitek masjid dan lain sebagainya yang bersifat fizikal. Sedang pembaharuan dalam bentuk maknawi misalnya pembaharuan fahaman keagamaan. Pembaharuan ini dijalankan bagi memperbaharui fahaman yang dinilai salah atau tidak lagi sesuai dengan perkembangan zaman.³⁵

Ciri-ciri modenisme yang lain ialah rasionalisme kerana modenisasi sama dengan rasionalisasi. Dari perspektif ini, modenisasi ialah proses perubahan daripada cara pandang dan perilaku hidup yang lama dan tidak rasional kepada cara pandang dan perilaku hidup yang baharu dan rasional. Dengan demikian, modenisasi adalah proses perubahan fahaman agama lama yang tidak sesuai dengan nilai-nilai moden seperti unsur rasionaliti kepada fahaman agama baharu yang selaras dengan cara pandang moden yang rasional tetapi tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Perbezaan pembaharuan dalam Islam berbeza dengan pembaharuan di dunia Barat wujud pada anjakan yang menjadi asas. Dalam Islam, pembaharuan disusuli dengan nilai keagamaan manakala pembaharuan di dunia Barat lebih terdorong ke arah fahaman materialisme. Modenisasi Islam ialah keupayaan untuk memurnikan dan menyesuaikan fahaman agama Islam dengan fahaman dan pemikiran yang berkembang pada zaman moden berdasarkan sumber ajaran Islam yang utama. Proses modenisasi dilakukan atas alasan bahawa sesuatu pemikiran tidak terlepas daripada situasi sosial, politik dan budaya yang melatarinya kerana pemikiran yang

³⁴Harun Nasution (1995), *Op.Cit.*, h. 3.

³⁵Muhamad Zaid Ismail dan Norahida Mohamed (2015), "Islah dan Tajdid: Pendekatan Pembinaan Semula Tamadun Islam", *International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21 st Century*, Uiversiti Sultan Zaenal Abidin: Proceeding of ICIC, h. 679-690

tepat pada sesuatu zaman tidak semestinya tepat untuk zaman-zaman yang berikutnya.

Pengertian yang lain modernisasi merupakan proses harmonisasi antara fahaman agama dengan pengaruh modernisasi yang berlangsung di dunia Islam yang dijalankan dengan mentafsirkan Islam secara logik sehingga Islam dapat menyaingi perkembangan zaman dengan sendirinya dan mampu untuk beradaptasi dengan perubahan-perubahan yang sedang berlangsung di dunia moden. Dengan demikian, proses modernisasi memperlihatkan unsur modenisme yang salah satu cirinya ialah rasionalisme dan proses harmonisasi antara fahaman agama dengan modenisme yang menggunakan kedua-dua pendekatan *aqliyah* dan *naqliyah*.

Pembaharuan merupakan keupayaan memperbaharui fahaman untuk disesuaikan dengan fahaman yang baharu tetapi masih merujuk kepada ajaran Islam. Wujud dua pendekatan yang digunapakai dalam pembaharuan. Pertama ialah kembali kepada ajaran Islam semasa zaman Rasulullah dalam segala aspek dan yang kedua ialah memahami teks-teks al-Quran dan Hadis untuk memahami makna dan rohnya dengan menggunakan pendekatan ilmu moden.

Dalam hal ini pentakrifan tentang pembaharuan Islam sepertimana dibincangkan sebelumnya memiliki kesamaan. Jadi, esensi dalam pembaharuan Islam ialah kajian dan refleksi kefahaman dan interpretasi terhadap Islam serta pembaharuan institusi Islam.³⁶

Berdasarkan definisi-definisi yang diberikan, dapat disimpulkan bahawa pembaharuan bahagian daripada kehidupan yang berupaya untuk melakukan penambahbaikan peradaban, dan tingginya sesuatu peradaban manusia dipengaruhi oleh kemampuan manusia melakukan kerja-kerja kemanusiaan berdasarkan ilmu

³⁶Tarmidzi Taher (2001) "Sumbangan Pembaruan Islam kepada Pembangunan" dalam Sukandi AK, *Nurcholis Madjid: Jejak Pemikiran dari Pembaharu sampai Guru Bangsa*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 81-82.

pengetahuan dan etika. Sebaliknya, sesuatu peradaban manusia akan hancur sekiranya ilmu pengetahuan dan etika ditinggalkan.

Oleh itu, pembaharuan ialah usaha kolektif manusia untuk meningkatkan peradaban manusia yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan etika. Selain itu, pembaharuan sebagai suatu gerakan lazimnya dilakukan secara kolektif dalam bentuk organisasi yang mempunyai orientasi tertentu. Rumusan agenda bersama menunjukkan adanya kesefahaman, keinginan dan matlamat yang ingin dicapai bersama-sama. Hal ini berbeza dengan pembaharuan yang menunjukkan pembaharuan pemikiran. Pembaharuan pemikiran ini mungkin dilakukan secara individu oleh seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan untuk merumuskan konsep pembaharuannya. Namun begitu, pembaharuan pemikiran juga dapat dilakukan secara bersama sebagai hasil rumusan kolektif yang mempunyai nilai kesepakatan dan disampaikan kepada orang lain. Oleh yang demikian, gabungan antara kedua-duanya ialah gerakan pembaharuan dan pembaharuan pemikiran. Gerakan pembaharuan merujuk kepada agenda bersama manakala pembaharuan pemikiran ialah reformasi pemikiran yang dibawa dalam sesebuah gerakan. Seterusnya, gerakan pembaharuan atau pembaharuan pemikiran lahir atas tafsiran realiti yang dianggap kurang kondusif, terpinggir dan tidak sesuai lagi dengan perubahan situasi sosial yang disebabkan oleh perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Berdasarkan pemikiran ini, pembaharuan menjadi aspek penting sebagai jalan untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Selanjutnya, gerakan pembaharuan dan pembaharuan pemikiran merangkumi dua perkara, iaitu gerakan pembaharuan yang dilakukan secara kolektif dan sedar manakala pembaharuan pemikiran merupakan tawaran konsep baharu dalam bidang pemikiran.

Pembaharuan Islam yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah ijtihad intelektual (pemikiran) untuk memahami Islam melalui pendekatan tertentu dalam

rangka untuk memahami persoalan umat contohnya fahaman agama dan kebangsaan. Selain itu, pembangunan pembaharuan pemikiran berfungsi sebagai sebuah gerakan yang berlanjutan sepanjang masa dan melintasi sempadan.

1.7.2 Islam dan Kemodenan

Perbincangan mengenai hubungan antara Islam dengan kemodenan telah menjadi perdebatan dan diskusi yang berpanjangan antara golongan pemikir Islam terutama dalam satu abad yang terakhir. Hal ini bukan sahaja disebabkan oleh masalah tersebut perlu dibincangkan tetapi juga disebabkan oleh keperluan yang mendesak dalam usaha untuk membangkitkan peradaban Islam semula kerana peradaban Islam pernah berjaya berabad-abad lamanya.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Islam merupakan agama yang sempurna dan komprehensif kerana ajaran-ajarannya meliputi pelbagai aspek termasuklah hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia. Kesempurnaan ajaran Islam ini belum dapat meningkatkan kualiti peradaban Islam di masa moden ini. Kepentingan untuk mewujudkan kesempurnaan ini dalam kehidupan nyata secara menyeluruh pula merupakan cabaran bagi umat Islam.³⁷

Dari perspektif ini, Fazlur Rahman berpandangan bahawa modenisme dalam Islam ialah keupayaan untuk mencari fahaman agama yang bersumberkan ajaran Islam untuk diwujudkan dalam kehidupan moden supaya selari dengan kemodenan. Dengan demikian, Fazlur Rahman menggunakan istilah modenisme untuk memahami gerakan Islam yang berorientasi ajaran Islam yang sesuai dengan nilai-nilai kemodenan dan tidak terlepas daripada akar tradisi pemikiran Islam.³⁸ Oleh itu, pembaharuan dalam Islam ialah keperluan tetapi pembaharuan ini tidak boleh

³⁷ Nazih Ayubi (1991), *Political Islam: Religion and Politics in the Arab World*, London and New York: Routledge, h. 67-68.

³⁸ Zuli Qodir (2006), *Op.Cit.*, h. 66.

meninggalkan tradisi-tradisi yang sudah diamalkan dalam Islam yang sedia ada. Dan gerakan pembaharuan Islam menuntut usaha untuk memahami nilai-nilai ajaran Islam yang dapat dijadikan asas kehidupan dalam dunia moden dan tidak sekadar menekankan.

Pembaharuan merupakan usaha untuk mencari corak pemikiran yang muncul daripada semangat kemodenan oleh sebelah pihak dan tidak meninggalkan warisan kekayaan ilmu Islam klasik oleh sebelah pihak yang lain. Oleh itu, pembaharuan merupakan pencarian kesatuan dan kombinasi antara kedua-dua aspek tersebut. Dalam erti kata lain, gerakan pembaharuan muncul sebagai respons terhadap pelbagai kelemahan seperti menekankan aspek penghidupan kembali ajaran Islam sebagaimana yang difahami dan dipraktikkan pada zaman awal Islam oleh satu pihak dan menyampaikan penciptaan dunia Barat moden tanpa menggali tradisi Islam oleh satu pihak yang lain.

Pembaharuan yang membawa semangat tradisionalisme dan modenisme yang saling melengkapi untuk mencapai peradaban Islam yang lebih baik ini telah diperkenalkan buat kali pertama oleh Fazlur Rahman. Ianya menyebut corak pembaharuan ini sebagai neomodernisme yang merupakan pendekatan untuk memahami khazanah pemikiran Islam dan modenisme Barat secara padu. Dalam hal ini, pengkajian Islam secara komprehensif merupakan syarat untuk mencari nilai-nilai Islam yang sebenarnya di samping tidak bertentangan dengan nilai-nilai kemodenan, mendukung nilai tersebut dan sesuai dengan semangat kemodenan.

Selanjutnya, Fazlur Rahman menyebut tentang empat asas dasar untuk memahami dan menyelesaikan persoalan umat pada zaman moden, iaitu melibatkan Islam dalam perjuangan modenisme, menjaga dan melestarikan tradisi keislaman yang telah mapan seperti yang dimaksudkan dengan *al-muhafadhah 'ala al-qadim al-shalih wa al-akhdu bi al-jadid al-ashlah*, iaitu memelihara tradisi lama yang baik

dan menerima tradisi baharu yang lebih baik, Islam yang bersifat universal tidak bertentangan dengan nilai-nilai kemodenan dan mestilah menggandingkan tradisionalisme dengan modenisme.

Langkah untuk memahami khazanah pemikiran masa lalu dijalankan dengan menggunakan kaedah historikal untuk mencari makna al-Quran, membezakan ketetapan undang-undang dengan sasaran dan tujuan al-Quran serta memperhatikan latar belakang sosiologi penetapan sasaran al-Quran³⁹ dengan menggunakan teori “*the double movement theory*”, iaitu daripada sesuatu yang khusus kepada sesuatu yang umum atau sebaliknya. Rumusan teori ini dilakukan dengan cara memahami situasi dan masalah historikal penurunan wahyu untuk mencari kelogikannya yang dapat diterima akal (*illah*), menjadikan prinsip-prinsip umum lebih umum dan sistematik serta menghadapkannya kepada realiti sebenar dewasa ini.⁴⁰ Gagasan Fazlur Rahman ini berasaskan gabungan progresif antara kerasionalan moden dengan penguasaan khazanah klasik sebagai prasyarat kebangkitan Islam.⁴¹

Modenisme berbeza dengan tradisionisme atau fundamentalisme yang menganggap kemodenan sebagai gangguan daripada globalisasi peradaban Barat selain menganggap Barat bertentangan dengan Timur. Sebaliknya, modenisme tidak menganggap perbezaan antara Timur (Islam) dengan Barat dan penekanan identiti sebagai persoalan.

Dari perspektif ini, modenisme melihat kepentingan sikap positif terhadap kemodenan Barat secara kritikal dan sentiasa memerhatikan masalah-masalah keadilan ekonomi dan sosial serta persoalan kemanusiaan untuk menatap perubahan sosial yang begitu cepat.⁴² Fikiran moden menuntut kecerdasan untuk mendekati keilmuan dan kebudayaan Barat khususnya ilmu-ilmu yang

³⁹Muhammad Iqbal (1994), *Rekonstruksi Pemikiran Islam: Kajian Tentang Kontribusi Gagasan Iqbal Dalam Pembaruan Hukum Islam*, Jakarta:Kalam Mulia, h. 42

⁴⁰ FazlurRahman (1982), *Islam*, Chicago: The Universiti of Chicago Press, h. 48-52

⁴¹Yudhie R. Haryono (2001), “Gagalnya Mazhab Islam Liberal”, Jakarta: Republika 21 Maret 2001.

⁴²Fazlur Rahman (1982), *Op.Cit.*, h. 201

berkaitan dengan sosial dan kemanusiaan. Ide-ide yang datang daripada Barat seperti demokrasi, hak-hak asasi manusia dan pemisahan agama dengan negara perlu dikaji secara mendalam dari perspektif Islam.⁴³

Gerakan pembaharuan Islam di Indonesia mula muncul pada tahun 1970 yang digerakkan oleh generasi muda yang terpelajar dengan latar belakang pendidikan moden. Pembaharuan ini mula terkenal setelah Nurcholis Madjid menggunakan terma “desakralisasi” dan “sekularisasi” dalam seminar tunggalnya pada bulan Januari 1970. Menurutnya, cara berfikir secara moden dimulakan dengan meletakkan dasar-dasar keislaman dalam konteks atau ruang lingkup nasional. Hal ini demikian kerana keadaan sesuatu bangsa tidak dapat dielakkan daripada pengaruh agama Islam itu sendiri walaupun Islam bersifat universal.⁴⁴

Berdasarkan pandangan tersebut, terdapat beberapa hal yang menarik mengenai pembaharuan Islam yang dikaitkan dengan gerakan pemikiran Islam oleh HMI. Dalam pemahaman pembaharuan Islam, terdapat perkara yang dapat dijadikan bahan analisis untuk membaca pandangan HMI tentang Islam yang terkandung dalam Nilai Dasar Perjuangan (NDP) HMI baik dalam konteks keislaman mahupun keindonesiaan. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji sejauh mana pembaharuan Islam yang dilakukan oleh HMI khususnya HMI Cawangan Salatiga berserta peranan dan sumbangannya.

1.7.3 Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) Cawangan Salatiga

Penubuhan Himpunan Mahasiswa Islam yang disingkat menjadi HMI telah dirasmikan pada 5 Februari 1947 di Yogyakarta. Pengasas organisasi ini ialah Lafran Pane bersama dengan 14 orang rakannya yang merupakan mahasiswa Sekolah Tinggi Islam Yogyakarta atau dikenali sebagai Universiti Islam Indonesia (UII) pada hari ini.

⁴³ *Ibid*, h. 203

⁴⁴ Nurcholis Madjid (1987), *Islam: Kemodenan dan Keindonesiaan*, Bandung: Mizan, h. 198

HMI Cawangan Salatiga merupakan sebahagian daripada cawangan HMI yang wujud di Indonesia dan HMI Cawangan Salatiga ini berada di bawah naungan Badan Koordinator (Badko) HMI Jawa Tengah-Daerah Istimewa Yogyakarta. HMI Cawangan Salatiga yang berada di Bandar Salatiga membina 5 (lima) ranting, iaitu: Walisongo, Ganesha, Zarkasi, Diponegoro dan Lafran Pane yang masing-masing dianggotai oleh ahli-ahli yang menuntut ilmu di beberapa universitidi Bandar Salatiga, iaitu: Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Salatiga, Universiti Kristian Satya Wacana (UKSW), dan Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi “AMA”.

Pembaharuan Islam yang dimaksudkan oleh kajian ini ialah keupayaan untuk membangunkan kefahaman Islam melalui kajian keagamaan dan pelbagai aktiviti lain sehingga dapat melahirkan cara pandang, sikap dan perilaku yang selari dengan perkembangan dan tuntutan zaman tetapi tidak menyimpang daripada ajaran Islam.

1.8 Landasan Teori

1.8.1 Mengenal *Resource Mobilization Theory* sebagai Teori Gerakan Sosial

HMI merupakan sebuah gerakan sosial yang memiliki struktur organisasi daripada tingkat pusat sampai kepada daerah. Selain itu, organisasi ini juga mempunyai peraturan atau dasar organisasi yang menjadi asas bagi setiap kegiatan, seperti: panduan pelaksanaan perkaderan (misalnya: masa pelaksanaan pada setiap peringkat, kurikulum, persyaratan peserta dan trainer); peraturan pemilihan pengurus, laporan pertanggungjawaban pengurus, dan sistem surat menyurat. Oleh sebab bahagian-bahagian organisasi gerakan ini sudah distrukturkan dengan baik maka gerakannya lebih mudah difahami dengan menggunakan teori gerakan sosial.

Gerakan sosial ialah suatu tindakan kolektif dalam kalangan masyarakat atau kelompok yang digerakkan oleh individu-individu yang belum puas dengan

struktur sosial sedia ada dan berusaha untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dengan mengubah struktur sosial sedia ada dengan struktur sosial yang baharu.⁴⁵ Andaian utama gerakan sosial dapat berkembang apabila individu-individu tersebut mampu untuk menggerakkan sumber daya yang mencukupi untuk bertindak melalui sebuah gerakan. *Resource Mobilization Theory* (seterusnya disebut teori mobilisasi Sumber daya) ini memberikan pengertian tentang faktor individu yang belum berpuas hati terhadap struktur sosial sedia ada tersebut mampu mengorganisasikan sesebuah gerakan berbanding dengan orang lain.

Teori mobilisasi sumber daya merupakan kerangka teori yang banyak digunakan untuk menganalisis gerakan sosial dan tindakan kolektif pada masa ini.⁴⁶ Teori ini bermula daripada teori yang mengatakan bahawa gerakan sosial baru (*new social movements*) bukan disebabkan oleh perasaan (*feelings*), rasa tidak puas hati (*grievances*) dan psikologi⁴⁷ tetapi berdasarkan pemikiran rasional. Kenyataan ini turut disokong oleh Cohen, Zurcher dan Snow dalam Klandermans (1984) yang mengatakan bahawa teori mobilisasi sumber daya merupakan tindak balas pandangan tradisional daripada teori-teori psikologi sosial tentang gerakan sosial. Para pencetus teori psikologi sosial secara amnya mengkaji pelibatan individu-individu dalam sesuatu gerakan sosial atas dasar sifat-sifat keperibadian (*personality traits*), peminggiran dan keterasingan.⁴⁸

Pelbagai kajian telah pun dijalankan untuk memahami aspek kerasionalan penglibatan individu dalam sesebuah gerakan sosial kerana tindakan tersebut melibatkan beberapa kos seperti yang disebut oleh Olson dalam Pichardo (1988), iaitu masa (*time*), wang (*money*), keselamatan peribadi (*personal safety*), dan kehilangan pekerjaan (*loss of job*). Oleh itu, Olson berpendapat bahawa aktiviti

⁴⁵ Syamsul Maarif (2010), *Sosiologi Perilaku Kolektif & Gerakan Sosial*, Yogyakarta: Gress Publishing, h.53

⁴⁶ Buechler, Steven M (1995), "New Social Movement Theories", *The Sociological Quarterly*, Volume, 36, h. 441-464.

⁴⁷ Rajendra Singh (2001), *Social Movements, Old and New: A Post-Modernist Critique*. New Delhi: SAGE Publications India, h.33

⁴⁸ Bert Klandermans (1984), "Mobilization and Participation: Social-Psychological Expansions of Resource Mobilization Theory". *American Sociological Review*, Volume, 49, h. 583-600.

secara kolektif mestilah mampu menawarkan pilihan insentif seperti kedudukan (*prestige*), gaji (*salary*), dan kepemimpinan (*leadership*) untuk menarik pelibatan masyarakat dalam sesuatu aktiviti perwakilan (*kolektif*).⁴⁹

Perkembangan gerakan sosial dipandang sebagai keluaran daripada kekuatan alam sekitar (*environmental forces*) sama ada kekuatan tersebut bersifat dalaman seperti kepemimpinan dan ketersediaan sumber daya ataupun faktor luaran seperti tahap penekanan daripada masyarakat (*the level of social repression*) dan tahap simpati luaran (*external sympathizers*). Menurut Pichardo, hubungan antara pelbagai faktor tersebut disebut sebagai faktor penentu ke arah perkembangan dan perilaku sesebuah gerakan sosial.⁵⁰

Pada dasarnya, terdapat 4 (empat) teori yang berkaitan dengan gerakan sosial sebagaimana yang dinyatakan oleh David A. Locher, iaitu Teori Masyarakat Massa (*Mass Society Theory*), Teori Deprivasi Relatif (*Relative Deprivation Theory*), Teori Mobilisasi Sumber Daya (*Resource Mobilization Theory*) dan Teori Proses Politik (*Political Process Theory*).⁵¹ Keempat-empat teori tersebut pada dasarnya mementingkan kewujudan pelbagai tindakan secara kolektif untuk membentuk gerakan sosial. Tambahan pula, dalam sesuatu sistem politik yang ditubuhkan, pembentukan prospek untuk membangunkan tindakan-tindakan secara kolektif dan pilihan bentuk gerakan akan sentiasa dirangsang.⁵²

Namun demikian, teori gerakan sosial yang akan digunakan dalam kajian ini ialah teori mobilisasi sumber daya. Hal ini demikian kerana setiap aktivis gerakan berusaha untuk mencipta tindakan secara kolektif seperti melakukan protes, membentuk organisasi gerakan sosial dan seumpamanya melalui sempadan waktu dan sempadan geografi. Dan keberhasilan usaha para aktivis ini berkaitan dengan

⁴⁹*Ibid.* h.43.

⁵⁰*Ibid.*

⁵¹ David A. Locher (2002), "Collective Behaviour", *Upper Saddle River*, New Jersey: Prentice. h. 249-267

⁵² Doug McAdam, John D. McCarthy & Mayer N. Zald (ed.) (1996), *Comparative Perspectives on Social Movements: Political Opportunities, Mobilizing Structures, and Cultural Framings*, Cambridge: Cambridge University Press, p 3.

ketersediaan sumber daya sedia ada dalam konteks yang lebih luas dan dalam lingkungan mereka yang lebih banyak. Sumber daya ini meliputi waktu, usaha dan bahan yang diapresiasi sebagai sumber daya yang paling penting untuk melakukan tindakan secara kolektif. Namun demikian, ketersediaan sumber daya tersebut tidak mencukupi. Oleh itu, koordinasi dan langkah yang proaktif diperlukan untuk mengubah sumber daya yang dimiliki secara individual kepada sumber daya kolektif sebelum menggunakan sumber daya tersebut untuk kepentingan tindakan secara kolektif.⁵³ Melalui potensi inilah teori mobilisasi sumber daya menjadi teori yang cukup dominan untuk menganalisis dan mengkaji gerakan sosial dan tindakan secara kolektif.⁵⁴

Para pencipta teori mobilisasi sumber daya mengawal teori mereka dengan tidak memberikan perhatian kepada perasaan (*feelings*), rasa tidak puas hati (*grievances*) dan psikologi untuk menjelaskan gerakan sosial baru (*new social movements*)⁵⁵ kerana gerakan sosial tersebut bukanlah sebuah fenomena psikologi dan kerana perkara tersebut tidak rasional melainkan hanya sebagai respons politik terhadap masalah-masalah yang dihadapi.⁵⁶

Sehubungan dengan itu, Klandermans menyatakan bahawa teori mobilisasi sumber daya muncul sebagai reaksi terhadap pandangan tradisional daripada teori-teori psikologi sosial tentang gerakan sosial. Para pencipta teori psikologi sosial secara umumnya mengkaji pelibatan individu-individu dalam sesebuah gerakan sosial atas dasar sifat-sifat keperibadian (*personality traits*), peminggiran dan pengasingan (*marginality and alienation*) serta rasa tidak puas hati dan ideologi

⁵³Bob Edward and John D. McCarthy (2004), "Resources and Social Movement Mobilization," dalam David S. Snow, (ed.), *The Blackwell Companion to Social Movement*. UK: Blackwell Publishing. h.116

⁵⁴Steven M. Buechler (1995), "New Social Movement Theories." Dalam *The Sociological Quarterly*, Vol. 36, No. 3, h.441-464

⁵⁵Baca Rajendra Singh (2010), *Gerakan Sosial Baru*, Yogyakarta: Resist Book, h. 134

⁵⁶Ihsan Ali Fauzi (2012), "Sintesis Saling Menguntungkan Hilangnya "Orang Luar" dan "Orang Dalam", Kata Pengantar dalam Quintan Wictorowicz (ed.), *Gerakan Sosial Islam: Teori, Pendekatan, dan Kajian Kasus*, Yogyakarta: Gading Publishing bekerja sama dengan Yayasan Wakaf Paramadina, h. 18

(*grievances and ideology*).⁵⁷ Selain itu, teori mobilisasi sumber daya inilah yang kemudiannya muncul sebagai reaksi terhadap kewujudan aspek psikologi terhadap gerakan sosial ini.

Teori mobilisasi sumber daya ini pertama kali muncul ketika Anthony Oberschall menerbitkan *Social Conflict and Social Movement* pada tahun 1973 sebagai sebahagian daripada kritiknya terhadap teori masyarakat massa (*mass society theory*) yang memang dominan pada waktu itu. Teori mobilisasi sumber daya Oberschall ini dibentuk untuk menjelaskan informasi baharu yang muncul dalam usaha untuk menjawab kelemahan penelitian yang sebelumnya.⁵⁸ Hal ini sama seperti gerakan anti demokrasi yang dilakukan oleh gerakan NAZI di Jerman.

Oberschall dan individu-individu yang berada dalam arus pemikiran ini mempersoalkan andaian konvensional yang mengatakan bahawa secara umumnya, para penggerak mobilisasi kolektif ialah orang-orang yang mengalami masalah keterasingan dan ketegangan sosial. Andaian asas paradigma teori mobilisasi sumber daya ialah gerakan secara kontemporari memerlukan bentuk komunikasi dan organisasi yang lebih canggih, ketimbang jargon daripada gerakan lama.⁵⁹ Oleh sebab itu, teori mobilisasi sumber daya ini lebih berorientasikan proses pembentukan kelompok, persatuan dan organisasi untuk mengejar matlamat-matlamat secara kolektif.⁶⁰ Tanpa kelompok, asosiasi dan organisasi, matlamat-matlamat secara kolektif tidak akan menjadi kenyataan. Oleh sebab itulah teori ini menegaskan bahawa seseorang individu tidak akan dapat menghasilkan perubahan sosial secara efektif tanpa organisasi dan kepemimpinan walaupun seseorang itu tidak senang duduk, berusaha keras dan membawa kebenaran yang besar. Protes atau pemberontakan dan seumpamanya boleh terjadi tetapi perubahan yang

⁵⁷ Lebih lanjut Bert Klandermans (1984), "Mobilization and Participation: Social-Psychological Explanation of Resource Mobilization Theory", dalam *American Sociological Review*, 49 (5), h.583-600.

⁵⁸ David A. Locher, *Op Cit.*, h. 258.

⁵⁹ Rajendra Singh (2010), *Op. Cit.*, h. 134-135.

⁶⁰ Anthony Oberschall (1973), *Social Conflict and Social Movement*, Englewood Cliffs: Prentice Hall, h. 102.

sebenarnya tidak akan dapat dihasilkan. Hal ini tidak berkaitan dengan kekerasan atau desakan yang dirasakan tetapi berkaitan dengan cara mereka mengatur atau memobilisasikan sumber daya yang mereka perlukan secara efektif untuk mendapatkan penerimaan sosial berdasarkan matlamat mereka.⁶¹

Melalui organisasi, matlamat secara kolektif dan pengaturan sumber daya yang dimiliki oleh organisasi tersebut dapat menjadi nafas kepada teori mobilisasi sumber daya. Selain itu, teori mobilisasi sumber daya ini ingin menjawab masalah penumpang bebas (*free-rider problem*) yang sudah lama menghantui para aktivis gerakan. Masalah ini perlu ditangani oleh para aktivis khususnya pemimpin gerakan. Sekiranya seseorang yang berpotensi untuk menjadi pemimpin gerakan sosial tunduk kepada individu-individu tersebut, iaitu individu-individu yang tahu menerima sahaja, sampai bilakah sesebuah gerakan akan membesar? Oleh sebab itulah mobilisasi sumber daya sangat penting untuk dilakukan oleh sesebuah gerakan sosial agar gerakan tersebut dapat berkembang dan mampu menggerakkan sesuatu perubahan.

Terdapat 5 (lima) perspektif tentang dasar dan peranan sumber daya dalam mobilisasi tindakan secara kolektif.⁶² Pertama, pengelompokan jenis sumber daya dan hubungkaitnya dengan gerakan sosial. Hal ini perlu dilakukan sehingga sumber daya yang ada boleh dimanfaatkan secara maksimum bagi kepentingan gerakan sosial tertentu. Kedua, perkaitan antara mobilisasi dan jenis sumber daya sebagai penyokong sesebuah gerakan sosial. Ketiga, pemahaman terhadap definisi sumber daya dan keistimewaannya, sehingga penyelidik mampu memahami sumber daya yang akan digunapakai untuk menyokong sebuah gerakan. Keempat, akses mekanisme yang digunapakai untuk menghimpun dan memobilisasi sumber daya.

⁶¹ David A. Locher (2002), *Op Cit*, h. 259.

⁶² Bob Edward and John D McCarthy (2004), *Op.Cit*, h.117-118.

Dalam gerakan sosial, terdapat 4 (empat) jenis sumber daya yang dapat dimobilisasi, iaitu: wang, buruh, struktur gerakan dan organisasi. Hal ini demikian kerana secara umumnya, persoalan yang sangat penting ialah bagaimana individu akan memberikan sumbangan wang, waktu dan tenaga untuk sebuah gerakan kolektif.

Untuk memanfaatkan sumber daya ini, beberapa kelompok sosial akan mendapatkan sumber daya tersebut dengan pelbagai cara. Tidak semua kelompok sosial mengawal jenis dan jumlah sumber daya yang sama dan tidak semua individu dalam satu kelompok sosial tertentu mempunyai akses yang sama terhadap sumber daya tertentu. Oleh sebab itulah teori mobilisasi sumber daya ini pada dasarnya bertujuan untuk menunjukkan pemahaman yang lebih baik tentang cara kelompok-kelompok ini mampu mengatasi pola ketidaksamarataan sumber daya dalam usaha untuk mengejar perubahan sosial.⁶³

Terdapat beberapa istilah yang perlu difahami dalam teori gerakan sosial, iaitu: pelaku, pengikut (*adherent*), konstituen (*constituents*), penumpang bebas (*free-riders*), dan lawan (*opponents*) iaitu orang luar yang cuba menghalang gerakan secara aktif dan mereka sering membentuk gerakan yang berlawanan dengan mereka.⁶⁴

Teori mobilisasi sumber daya sebagai sebuah pendekatan analisis dapat digunakan untuk melihat proses pengendalian sumber daya, dinamika organisasi dan perubahan politik. Hal ini dijalankan dengan cara mengumpulkan dan memaksimumkan potensi-potensi jaringan kuasa yang dimiliki untuk mencapai tujuannya. Pendekatan ini dapat digunakan untuk menganalisis cara para pelaku gerakan sosial mengembangkan strategi untuk menjayakan gerakan mereka.

⁶³ *Ibid*, h.118.

⁶⁴ David A. Locher, *Op Cit*, h.259.

Strategi ini sama ada dijalankan dengan cara membangunkan jaringan baharu ataupun memperkuat jaringan sedia ada.

Terdapat 2 (dua) model analisis dalam pendekatan teori mobilisasi sumber daya menurut Pichardo, (1988) dan Triwibow, (2006) seperti mana yang diambil oleh OmanSukmana⁶⁵, iaitu *the political-interactive models* yang merupakan model analisis yang menekankan kepentingan peluang untuk tindakan secara kolektif dan keberadaan jaringan (*networks*) serta wujudnya dorongan daripada kelompok lain yang dapat mendukung kejayaan sesebuah gerakan dan *the professional organize models*, iaitu model analisis yang melihat faktor penentu yang menentukan kejayaan gerakan sosial (profesionalisme organisasi, kepemimpinan dan perancangan pengendalian sumber daya). Mengikut andaian model ini maka terhasillah sebuah organisasi yang ditentukan oleh kemampuan pengurusnya untuk mengelola sumber-sumber yang sedia ada. Sumber-sumber yang dimaksudkan meliputi sumber material seperti pekerjaan (*jobs*), pendapatan (*incomes*) dan tabungan (*savings*) serta sumber bukan material seperti kuasa (*authority*), komitmen moral (*moral commitment*), kepercayaan (*trust*), persahabatan (*friendship*), kemampuan (*skills*) dan sebagainya.⁶⁶

Menurut Oberschall, kejayaan dan kegagalan sesebuah gerakan bergantung pada jumlah individu yang bergabung dalam organisasi tersebut, cara mengarahkan mereka, pengorbanan mereka dan cara mereka bertahan terhadap pihak lawan (*opponents*).⁶⁷ Ianya turut mengatakan bahawa keberadaan kelompok sosial berkemungkinan dapat memunculkan suatu gerakan sosial jika kelompok sosial tersebut berpecah belah.⁶⁸ Hal ini demikian kerana kelompok sosial yang berpecah belah akan menarik keahliannya daripada kelas khas dalam sesuatu kelompok

⁶⁵ Oman Sukmana (2013), "Konvergensi antara Resource Mobilization Theory dan Identity-Oriented Theory dalam Kajian Gerakan Sosial Baru", *Jurnal Sosiologi Reflektif*, Volume 8, No.1, h. 39-62.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Darmawan Triwibowo (2006), *Gerakan Sosial: Wahana Civil Society bagi Demokratisasi*, Jakarta: LP3ES, h. 22

⁶⁸ *Ibid.*

masyarakat. Semakin berpecah belah sesuatu kelompok dalam masyarakat, semakin besar kemungkinannya untuk digerakmajukan ke dalam organisasi gerakan sosial (*social movement organization*). Persamaan keahlian dalam sesuatu kelompok akan cenderung untuk memiliki persamaan dalam hal keinginan bersama juga.

Antara faktor penting kejayaan mobilisasi ialah terdapat jaringan komunikasi yang sudah mapan (*established*), anggota dan kemampuan pemimpin, penyertaan ahli, tempat pertemuan, rutin kegiatan, jaringan (*networking*) dan nilai-nilai yang diperjuangkan. Oleh sebab itu, seseorang pemimpin harus memusatkan perhatiannya kepada masalah mobilisasi agar sesebuah gerakan sosial berjaya.⁶⁹

Pemimpin (*leaders*) dalam sesebuah organisasi gerakan sosial memiliki risiko dan tanggungjawab yang lebih besar daripada ahli-ahlinya. Namun begitu, mereka juga akan menerima ganjaran yang lebih besar atas kejayaan sesebuah gerakan sosial. Lazimnya, pemimpin akan mendapatkan keuntungan dalam perkara-perkara yang melibatkan status dan kuasa serta kekayaan pada satu-satu masa berdasarkan kedudukannya dalam sesebuah organisasi gerakan sosial.

Dalam konteks gerakan sosial baharu, seseorang pemimpin memiliki peranan yang penting dan strategik dalam gerakan sosial selain menjadi pemberi ilham ketika menjalankan komitmen serta memiliki keupayaan daya tampung untuk menggerakkan sumber kekuatan yang dimilikinya. Disamping itu, seseorang pemimpin juga mestilah bijak dalam mencipta dan memahami peluang, menyusun strategi, merangka keperluan-keperluan dan mempengaruhi hasil-hasil. Dari perspektif ini, pemimpin gerakan (*leaders movement*) didefinisikan sebagai pembuat keputusan yang strategik (*strategic decision-makers*), iaitu memberikan ilham dan mengorganisasikan pengikut atau orang lain untuk menyertai gerakan sosial.⁷⁰

⁶⁹*Ibid.*

⁷⁰*Ibid.*

Namun demikian, oleh sebahagian orang teori mobilisasi ini ditentang, misalnya oleh Singh yang berpendapat teori yang berdasarkan rasionaliti ini masih sebuah teori yang tidak lengkap,²⁵ kerana iainya gagal menjelaskan beberapa ungkapan utama gerakan sosial baharu, seperti: *feminisme*, *environmentalisme*, perdamaian, pelucutan senjata dan gerakan perekonomian tempatan. Dalam hal ini, Cohen mengatakan bahawa para pelaku gerakan secara kolektif yang bersifat kontemporari sengaja berjuang untuk melawan kekuasaan bagi membangunkan identiti baharu secara sosial. Jadi, apa yang diupayakan oleh para pelaku gerakan ini iaitu menciptakan ruang demokrasi untuk tindakan sosial yang bebas dan berdikari. Dengan demikian, mereka dapat menemukan beberapa rangkaian keadaan, faktor dan kekuatan pendorong yang digunakan oleh para pelaku gerakan secara kolektif untuk menciptakan identiti, solidariti dan mempertahankannya. Selain itu, mereka berupaya untuk mengawal hubungan antara musuh dan isu-isu dalam konflik di samping mengenali latar sosial dan budaya tindakan kolektif.

1.8.2 Teori Mobilisasi Sumber Daya dalam Menilai Gerakan Sosial Keagamaan

Teori mobilisasi sumber daya sebagai satu pendekatan analisis dapat digunakan untuk melihat proses pengendalian sumber daya, dinamika organisasi dan perubahan politik. Analisis ini dijalankan dengan cara mengumpulkan dan memaksimumkan potensi-potensi struktural yang dimiliki dan digunakan untuk mencapai tujuannya. Teori tersebut dapat digunakan untuk menganalisis gerakan pembaharuan Islam di HMI berdasarkan alasan sebagai berikut, iaitu: HMI merupakan organisasi yang memiliki kepengurusan dan ahli yang pasti dari tingkat pusat sampai daerah; sistem perkaderan yang melahirkan modal insan menjamin keberlangsungan organisasi. Menurut Bob Edward dan John D. McCarthy bahawa kewujudan modal insan dapat dimobilisasi secara kolektif untuk kepentingan

tindakan.⁷¹ Dari perspektif inilah teori mobilisasi sumber daya menjadi satu teori yang menyelidik nilai dapat digunapakai untuk menganalisis gerakan pembaharuan Islam di HMI Cawangan Salatiga.

Gerakan sosial dinilai sebagai kekuatan yang tumbuh dan berkembang secara semula jadi (*environmental forces*) sama ada daripada aspek kepemimpinan dan ketersediaan sumber daya. Penubuhan gerakan sosial boleh juga dikeranakan oleh faktor wujudnya penindasan dalam sebuah masyarakat. Interaksi daripada pelbagai faktor tersebut disebut sebagai faktor penentu atas perkembangan dan perilaku sesebuah gerakan sosial.⁷²

Kekuatan utama dalam teori mobilisasi sumber daya wujud pada kewujudan organisasi, tujuan secara kolektif dan pengurusan sumber daya organisasi. Oleh sebab itulah, mobilisasi sumber kekuatan yang dimiliki oleh sebuah organisasi menjadi sangat penting untuk dijalankan agar gerakan tersebut dapat membesar dan mampu menggerakkan sesuatu perubahan.

Melihat kepada jenis-jenisnya, sumber daya dapat dikelompokkan kepada beberapa bentuk yang dapat menyokong sesebuah gerakan sosial.⁷³ Pertama ialah sumber daya moral yang berupa legitimasi (kesahihan), dukungan solidariti, dukungan simpatetik dan selebriti. Kedua ialah sumber daya kultural seperti potensi dan keluaran kultural seperti konsep dan pengetahuan khusus. Ketiga ialah sumber daya sosial-pertubuhan contohnya pengambilan ahli dan pengkaderan. Keempat ialah modal insan yang menjadi watak dan kekuatan utama dalam mobilisasi sumber daya. Yang terakhir ialah sumber daya kwangan berupa sumbangan yang diperoleh daripada kader atau orang lain.

Dalam gerakan sosial, akses terhadap sumber daya dapat dilakukan melalui beberapa mekanisme, iaitu: Pertama ialah *aggregation*, iaitu mengumpulkan semua

⁷¹Bob Edward and John D. McCarthy (2004), *Op.Cit*, h. 116.


⁷²*Ibid.*

⁷³*Ibid.*,h. 125.

sumber daya yang dapat dimanfaatkan untuk mendukung tujuan daripada sebuah gerakan; Kedua ialah *self-production*, iaitu mekanisme yang dijalankan dengan cara mencipta atau menambah nilai sumber daya yang telah dihimpunkan, dipilih kembali atau disediakan oleh para penaung. Ketiga, *cooptation*, mekanisme akses yang dijalankan dengan cara mengeksploitasi hubungan yang telah sedia ada. Keempat, *patronage* iaitu menempatkan sebuah ideologi atau seseorang individu yang mengilhami sesebuah gerakan. Dari segi kewangan, penaung luaran sentiasa memberikan bantuan kewangan untuk menjamin kelangsungan gerakan sosial. Rajah di bawah menerangkan secara ringkas perkaitan antara mekanisme dengan sumber daya seperti yang telah dijelaskan.

Rajah 1.1

Mekanisme Akses dan jenis Sumber Daya⁷⁴



Melalui keempat-empat mekanisme akses sumber daya tersebut, sesebuah gerakan sosial dapat memperoleh sumber daya untuk mencapai tujuan gerakan. Menurut Oberschall, seperti yang dipetik oleh David A. Locher, terdapat 3 (tiga) tugas utama yang harus dipersiapkan agar sesebuah gerakan dapat mencapai tujuannya. Tujuan-tujuan tersebut termasuklah mengubah status penumpang bebas (*free-rider*) kepada penyumbang gerakan dan mengatasi pihak lawan yang telah terorganisasi. Dalam hal ini, banyak organisasi gerakan sosial yang menghadapi

⁷⁴Dirujuk dan diubah sesuai daripada Bob Edward and John D.Mc Carthy, *Op.Cit.*,h. 132-133.

tentangan aktif oleh mereka yang melakukan penentangan terhadap gerakan. Organisasi yang melakukan penentangan ini ialah organisasi yang berusaha untuk menghalang gerakan bagi mendapatkan perubahan yang diharapkan.⁷⁵

Masalah utama yang berkaitan dengan mobilisasi sumber daya ini ialah persoalan tentang cara sesebuah gerakan sosial mendapatkan dukungan baik sama ada daripada sumber daya dalaman atau sumber daya luaran.⁷⁶ Hal ini penting kerana tujuan sesebuah gerakan berkaitan dengan usaha untuk memobilisasikan sumber daya.

Berdasarkan penjelasan di atas, perlu ditekankan bahawa gerakan pembaharuan Islam yang dilakukan oleh HMI harus dilihat dari pelbagai aspek. Gerakan Islam yang dibawa oleh HMI tersusun dengan kemas bermula daripada peringkat pusat yang diuruskan oleh Pengurus Besar (PB) HMI, peringkat provinsi di bawah koordinasi Badan Koordinator (BADKO) HMI, peringkat Bandar yang dikendalikan oleh HMI Cawangan sehinggalah peringkat yang paling bawah iaitu HMI Ranting.

Sebagai sebuah gerakan yang memiliki struktur organisasi yang lengkap dan peraturan yang menjadi asas organisasi, maka gerakan pembaharuan yang dilakukan oleh HMI dapat dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan teori mobilisasi sumber daya. Dalam hal ini, terdapat 2 (dua) sumber daya yang terlibat, iaitu sumber daya dalaman dan sumber daya luaran yang dapat dimanfaatkan sebagai pendukung gerakan pembaharuan Islam di HMI Cawangan Salatiga sekaligus memberikan gambaran yang jelas tentang cara gerakan pembaharuan Islam berlangsung.

⁷⁵ David A. Locher, *Op.Cit.* h. 262-263.

⁷⁶ Bob Edward and John D. McCarthy (2004), *Op.Cit.* h. 135.

1.9 Kajian Terdahulu

Penyelidikan tentang gerakan sosial yang berkaitan dengan pembaharuan Islam di Indonesia sudah banyak dilakukan, sesuai dengan wujudnya banyak organisasi sosial keagamaan yang memberi perhatian kepada usaha untuk perbaikan kehidupan umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Organisasi sosial keagamaan dimaksud antara lain adalah Muhammadiyah, NU, Persatuan Islam (Persis), dan HMI.

Berikut ini akan dibincangkan beberapa karya ilmiah dan karya akademik sama ada berupa buku mahupun hasil penyelidikan yang secara khusus mengkaji tentang HMI dan pemikiran-pemikirannya tentang pembaharuan Islam. Kajian ini bertujuan untuk menghindari daripada penulisan yang sama berlaku atau untuk melihat perbezaan objektif kajian, pendekatan dan metodologi yang digunakan dalam kajian terdahulu. Adapun karya ilmiah dan karya akademik yang membahas HMI, antara lain:

Buku yang bertajuk "*Himpunan Mahasiswa Islam: Sejarah dan kedudukannya di tengah gerakan-gerakan pembaharu di Indonesia*".⁷⁷ Buku ini mengkaji kedudukan ideologi HMI di tengah-tengah gerakan Muslim pembaharu di Indonesia, sikap HMI terhadap pembangunan nasional, hubungan antar agama dan perbincangan mengenai sekularisasi. Menurutnya, bahawa pemikiran-pemikiran yang dikemukakan HMI selaras dengan semangat kemodenan, dan ianya bukan semata-mata bersifat politikal dan ideologi semata-mata, akan tetapi ianya berasaskan daripada ajaran al-Quran. Penyelidik sependapat dengan Victor Tanja mengenai pemikiran moden HMI. Namun demikian, Victor Tanja tidak mengkaji bagaimana peralihan pembaharuan pemikiran HMI terus berlanjut yang dapat mengilhami kader HMI dari satu generasi ke generasi berikutnya, yang dalam teori Bahtiar Effendi disebut dengan "pemindahan tradisi ilmu".

⁷⁷ Victor Tanja (1982), *Himpunan Mahasiswa Islam: Sejarah dan Kedudukannya di Tengah Gerakan-Gerakan Pembaharu di Indonesia*, Jakarta: Sinar Harapan, merupakan tesis yang bertajuk "*Islamic Students Association, It's History And It's Place Among Muslim Reformist Movements In Indonesia*" memenuhi keperluan bagi ijazah doktor falsafah pada The Hartford Seminary Foundation, Hartford, Connecticut, USA, Tahun 1979.

Victor Tanja menyatakan bahwa sejarah HMI terjalin sangat sempurna dengan sejarah Indonesia moden, sehingga orang akan gagal menimbanginya secara adil jika HMI dilihat sebagai sebuah turunan belaka daripada gerakan pembaharu muslim di dunia Arab atau dari anak Benua India. HMI telah berusaha menemukan jawaban dengan caranya tersendiri, agar dengan demikian dapat membangun identitasnya dalam kehidupan bermasyarakat di Indonesia.

Buku karya Victor Tanja dapat membantu penyelidik dalam mengkaji pemikiran HMI mengenai modeniti, sekularisasi, dan hubungan antar agama yang merupakan salah satu sub bahasan penyelidikan ini. Adapun yang menjadi perbahasan utama penyelidikan ini adalah bagaimana keberlangsungan HMI dalam menjalankan gerakan pembaharuan Islam. Dengan demikian, buku karya Victor Tanja berbeza dengan penyelidikan ini dari aspek bahasan utama, metodologi dan pendekatan yang digunakan.

Buku karya Victor Tanja di atas kemudian dikaji ulang oleh Agussalim Sitompul dan diterbitkan dalam sebuah buku dengan tajuk "*HMI Dalam Pandangan Seorang Pendeta*"⁷⁸. Pada dasarnya, buku ini meluruskan beberapa kesalahan yang ditulis oleh Victor Tanja dari perspektif seorang sejarawan HMI yang sekali gus ianya sebagai ahli HMI pada masanya. Pengkaji memahami bahawa ada sedikit kesalahan Victor Tanja dalam mengungkapkan sejarah HMI yang berakibat daripada kesalahannya.

Buku dengan tajuk "*Sejarah Perjuangan HMI 1947-1975*."⁷⁹ Buku ini pada dasarnya membahas sejarah penubuhan HMI, perkembangan HMI dari masa ke masa, dan hal-hal yang berhubungkait dengan kewujudan organisasi. Dari aspek isi, buku ini banyak membantu dalam membahas sejarah penubuhan HMI serta faktor-faktor yang melatarbelakangi penubuhannya. Namun, buku ini tidak membahas tentang bagaimana pelaksanaan pengkaderan di HMI sebagai basis utama dalam pembangunan modal insan yang di kemudian hari lahir daripadanya tokoh-tokoh hebat pembaharu Nasional. Hal

⁷⁸ Agussalim Sitompul (1982), *HMI Dalam Pandangan Seorang Pendeta*, Jakarta: Gunung Agung.

⁷⁹ Agussalim Sitompul (1976), *Sejarah Perjuangan HMI 1947-1975*, Surabaya: Bina Ilmu.

yang membezakan karya Agussalim Sitompul dengan penyelidikan ini adalah aspek pendekatan dan pokok bahasannya masing-masing. Agussalim Sitompul menggunakan pendekatan sejarah, sedangkan pengkaji menggunakan pendekatan *resources mobilization theory*, Agussalim Sitompul pula mengkaji sejarah HMI, sedangkan penyelidik mengkaji peranan dan sumbangan HMI dalam pembaharuan Islam.

Tesis yang bertajuk “*Pengembangan Model Desain Berbasis Cooperative Learning Pada Organisasi Himpunan Mahasiswa Islam: Suatu Kajian Pada Himpunan Mahasiswa Islam Cawangan Medan Sumatera Utara, Tahun 2007*”⁸⁰ Tesis ini berusaha untuk mengembangkan model disain pelatihan yang berbasis pada *cooperative learning*. Pelatihan yang semula lebih banyak menggunakan metode debat dikembangkan dengan menggunakan *cooperative learning* dan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam perencanaan, pengelolaan dan kemampuan peserta pelatihan. Penyelidikan ini sangat berguna bagi pengkaji dalam menganalisis proses pengkaderan yang merupakan salah satu bahagian dalam kajian ini. Memperhatikan tajuk tesis Mardianto, jelas penyelidikannya berbeza dengan penyelidikan ini dari aspek objektif kajian dan metode yang digunakannya.

Agussalim Sitompul dalam bukunya “*Pemikiran Keislaman dan Keindonesiaan HMI: Menyatu Dengan Umat Menyatu Dengan Bangsa*”.⁸¹ Buku yang diangkat dari tesisnya tersebut telah mengungkapkan tentang penyatuan pemikiran keislaman dan keindonesiaan diatas titik pertemuandasar negara Pancasila dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara. Dengan demikian, tidak ada lagi kesenjangan antara Islam dan Pancasila, akan tetapi keduanya selaras dengan realiti sosial budaya bangsa Indonesia dengan ciri utama pertumbuhan, perkembangan dan kemajemukan.

⁸⁰ Tesis ini berjaya dipertahankan dalam Ujian bagi memperoleh gelar Doktor pada Program Pascasarjana Universiti Negeri Jakarta pada Tahun 2010

⁸¹ Agussalim Sitompul (2008), *Pemikiran Keislaman dan Keindonesiaan HMI: Menyatu dengan Umat Menyatu dengan Bangsa*, Misaka Galiza.

Buku ini dapat membantu pengkaji dalam menganalisis lebih mendalam tentang pemikiran dan sikap HMI dalam mengesan perbincangan isu-isu semasa.

Apa yang dibahas oleh Agussalim Sitompul hanya memperlihatkan aspek modeniti pemikiran HMI, akan tetapi tidak menggambarkan pola gerakan pembaharuan Islam yang dilakukannya. Dalam konteks inilah, penyelidik akan membahas gerakan pembaharuan pemikiran Islam HMI. Gerakan pembaharuan Islam yang berlangsung di HMI Cawangan Salatiga secara sosiologi sangat berkaitan dengan proses pembentukan paradigm pemikiran. Sisi lain yang menarik untuk dibahas adalah bagaimana pembaharuan itu berlangsung dari satu generasi ke generasi berikutnya.

Kerana penyelidik meneliti tentang gerakan pembaharuan Islam HMI, maka dalam penyelidikan ini pengkaji juga mengemukakan perbincangan yang berkaitan dengan pemikiran HMI tentang Islam dalam konteks Indonesia. Penyelidikan Agussalim Sitompul sangatlah tepat jika dijadikan sebagai pembanding dalam penyelidikan ini. Agussalim Sitompul mengkaji tentang pemikiran Islam HMI yang dianalisis secara kritik dari segi pemikiran dan sejarah gerakannya. Jadi penyelidikan ini berusaha menggambarkan pemikiran dan sejarah perkembangan HMI. Penyelidikan ini menghasilkan dapatan bahawa meskipun HMI sebagai organisasi yang ditunjangi mahasiswa Muslim yang membawa misi dakwah Islam, tetapi HMI juga bersikap akomodatif dan kritik terhadap pemikiran yang berkembang di Indonesia. Disamping itu, HMI juga mengikuti perkembangan pemikiran moden, bahkan sangat menyokong perbincangan dan diskusi mengenai tajuk-tajuk kemodenan seperti skularisme, demokrasi dan pluralisme.

Dapatan penyelidikan yang dijalankan oleh Agussalim Sitompul berbeza dengan penyelidikan ini, mengingat objektif kajiannya adalah perkembangan pemikiran HMI yang dianalisis dengan menggunakan pendekatan sejarah, sedangkan penyelidikan ini mengkaji gerakan pembaharuan Islam HMI Cawangang Salatiga yang dianalisis

menggunakan teori sosial. Dengan demikian, perbezaan antara penyelidikan Agussalim Sitompul dengan penyelidikan ini berbeza dalam objektif, metode dan teori kajiannya yang digunakan dalam menganalisis hasil dapat kajiannya.

Karya lain yang turut membahas mengenai HMI adalah Hariqo Wibawa Satria. Ia menulis sebuah buku dengan tajuk "*Lafran Pane: Jejak Hayat Dan Pemikirannya*".⁸² Penyelidikan ini mengkaji sumbangan Lafran Pane terhadap pembentukan intelektual Muslim Indonesia melalui penubuhan HMI. Buku ini membincangkan pandangan-pandangan Lafran Pane yang menghubungkan antara pemikiran Islam dan budaya Indonesia secara seimbang untuk dijadikan sebagai cara pandang dalam mempertahankan dan mengisi kemerdekaan di negara Indonesia, sehingga para ahli HMI boleh tampil sebagai kekuatan Muslim terpelajar dan berpendidikan yang dapat diambil kira perannya. Bab yang secara khusus mengkaji HMI adalah bab dengan tajuk "Pembentukan Intelektual Muslim Indonesia Melalui HMI". Bab ini terdiri daripada landasan pemikiran Lafran Pane tentang pembentukan intelektual Muslim, peranan HMI dalam pembentukan intelektual Muslim dan profile kader HMI.

Penyelidikan ini menghasilkan kesimpulan bahawa kehadiran HMI sebagai organisasi Islam di tengah-tengah universiti merupakan suatu fenomena baharu dalam gerakan Islam semasa di Indonesia. Dalam hal ini, HMI memiliki peranan yang sangat strategik, iaitu dalam membangun dan membina mahasiswa, yang mana mereka ini merupakan calon-calon pemikir dan pemimpin hebat di masa mendatang, dan mereka juga menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi sebagai penggerak kemodenan. Seperti halnya penyelidikan yang lain, kajian ini merupakan penyelidikan kepustakaan yang berbeza dengan penyelidikan sebelumnya. Sungguhpun demikian penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang besar bagi memaknai pemikir Muslim sebagai pembaharu Islam, serta memberi gambaran secara umum mengenai profil ahli

⁸² Hariqo Wibawa Satria, (2010), *Lafran Pane: Jejak Hayat dan Pemikirannya*, Jakarta: Lingkar.

HMI. Penyelidikan Hariqo Wibawa Satria jelas berbeza dengan kajian ini dilihat dari sisi jenis penyelidikan, metode dan pendekatan yang digunakan, sehingga kesimpulan yang dihasilkannya pun berbeza. Apalagi dapatan kajian Hariqo Wibawa Satria lebih menekankan kajiannya kepada sumbangan Lafran Pane dalam pembinaan pemikir Muslim Indonesia.

Karya lainnya mengenai perbahasan ini adalah “*50 Tahun HMI Mengabdikan Republik*”.⁸³ Buku ini merupakan kumpulan tulisan beberapa alumni dan pengamat HMI, yang secara khusus diminta untuk menulis dalam rangka sempena memperingati kelahiran HMI yang ke-50. Diantara penulis buku ini adalah: A.H. Nasution, Abdul Gofur, Abdullah Puteh, Ahmad Tirto Sudiro, Akbar Tanjung, B.J. Habibie, Mar’i Muhammad, Nurcholis Madjid, Ridwan Saidi, Rudini dan Sulastomo. Memperhatikan isi dan kandungan buku tersebut, para penulis buku ini terlihat secara pasti bahawa karya ini bukan merupakan hasil penyelidikan yang tidak memperlihatkan metode dan pendekatan seperti lazimnya sebuah penyelidikan, melainkan buku ini berisi pandangan kewujudan HMI selama ini dan cabaran di masa depan, serta apa yang perlu dipersiapkan oleh HMI untuk menjaga kewujudannya yang mampu berperan dan terbabit secara maksimum dalam pembangunan nasional. Buku ini, dalam hal tertentu dapat membantu penyelidik dalam menganalisis bagaimana seharusnya HMI memperbaiki diri, khasnya dalam proses perkaderan. Namun demikian, jelas bahawa buku ini berbeza dengan perbahasan yang dikaji dari aspek metode dan pendekatan, serta tajuk yang diteliti.

Seterusnya karya lain yang bertajuk “*Pemikiran HMI Relevansinya Dengan Sejarah Perjuangan Bangsa Indonesia*.”⁸⁴ Dalam buku ini dijelaskan tentang penubuhan HMI yang mempunyai erti dan tempat tersendiri dalam sejarah perjuangan nasional. HMI dengan idelisme pemikirannya telah ikut mewarnai sejarah, mewariskan

⁸³Ramli H. M. Yusuf (1997), *50 tahun HMI Mengabdikan Republik*, Yogyakarta: LASPI.

⁸⁴Agussalim Sitompul (2006), *Pemikiran HMI dan Relevansinya dengan Sejarah Perjuangan Bangsa Indonesia*, Integrita Dinamika Press.

suatu nilai perjuangan serta pemikiran, yakni mempertahankan negara Republik Indonesia dan mempertinggi derajat rakyat Indonesia serta menegakkan dan mengembangkan ajaran agama Islam.

Pembahasan lain mengenai HMI adalah buku yang bertajuk "*Citra HMI*."⁸⁵ Buku ini memuat tentang makna hari jadi dan gerakan pembaruan HMI. Dalam membahas gerakan pembaharuan, buku ini hanya membahas pemikiran-pemikiran para ahli HMI yang dianggap moden. Dengan demikian, buku ini berbeza dengan penyelidikan pengkaji kali ini yang menganalisis pemikiran moden HMI dan bagaimana proses pembangunan modal insan yang berwawasan moden melalui sistem perkaderan dalam organisasi.

Dalam pembahasan lainnya yang ditulis Agussalim Sitompul bertajuk "*Historiografi HMI Tahun 1947-1997*."⁸⁶ Dalam buku tersebut mengungkap bagaimana historiografi HMI dalam 5 (lima) period yang meliputi pemikiran HMI dalam mensikapi isu agama dan politik yang berkembang di Indonesia. Agussalim Sitompul mebahagi sejarah HMI ke dalam beberapa fasa, iaitu: fasa konsolidasi organisasi, fasa penulisan sejarah atau dokumentasi organisasi, fasa evaluasi dan penumbuh baikan dan fasa perkembangan. Sebagai sebuah buku historiografi, buku ini sangat baik untuk memahami sejarah HMI, akan tetapi akan lebih baik lagi jika buku ini juga dapat membahas sejarah perkembangan pemikiran HMI yang membezakan antara satu fasa dengan fasa yang lainnya.

Sementara buku yang bertajuk "*KAHMI Memadukan Langkah Menuju Persatuan Membangun Indonesia Baru*."⁸⁷ Buku ini merupakan historiografi KAHMI yang pertama, disusun untuk merekabentuk aktiviti yang dilakukan KAHMI selama 37 tahun lamanya berkhidmat dalam masyarakat. Buku ini juga memuat maklumat

⁸⁵ Agussalim Sitompul (1997). *Citra HMI*. Yogyakarta: Aditya Media.

⁸⁶ Agussalim Sitompul (1995). *Historiografi HMI Tahun 1947-1993*. Jakarta: Intermedia.

⁸⁷ Agussalim Sitompul (2003), *KAHMI Memadukan Langkah Menuju Persatuan Membangun Indonesia Baru*, Yogyakarta: Adi Citra Karya Nusantara.

pelaksanaan rekomendasi kepada Pengurus Majelis Nasional KAHMI. Buku ini sengaja disusun dengan menghimpun sangat banyak data daripada pelbagai sumber, sehingga merupakan tulisan yang dapat dipertanggungjawabkan keobjektifannya.

Seterusnya Agussalim Sitompul dalam bukunya yang bertajuk “*44 Indikator Kemunduran HMI: Sutu Kritik Dan Koreksi Total Untuk Kebangkitan Kembali HMI.*”⁸⁸

Buku tersebut berusaha mengungkap lebih jauh tentang mengapa HMI semakin mundur dan memudar? Padahal, diusianya yang telah memasuki 50 tahun kedua semestinya HMI sudah jauh lebih maju disegala bidang. Dengan demikian buku ini membahas mengenai indikator-indikator atau penyebab-penyebab kemunduran HMI yang sebahagian besarnya dikeranakan adanya faktor penyebab internal organisasi.

Buku yang bertajuk “*HMI Mengayuh Diantara Cita Dan Kritik*”,⁸⁹ isinya banyak mengungkap hubungan yang harmoni antara umat Islam dengan pihak kerajaan pada tahun 1990-an. Hal ini ditandai dengan lahirnya ICMI (Ikatan Cendikiawan Muslim Indonesia) pada bulan Disember 1990, sebagai organisasi yang dianggap mampu menjadi kendaraan umat Islam untuk dapat berperan secara lebih aktif dalam kehidupan kebangsaan, selain itu ICMI dianggap bolehjadi wajah umat Islam untuk mengartikulasi harapan dan aspirasi umat Islam yang kaitannya dengan kehidupan kebangsaan dan kenegaraan. ICMI bagi HMI dianggap sebagai partner yang seimbang untuk memanasikan tujuannya masing-masing, kerana ICMI pada hakikatnya merupakan organisasi yang punya *background* sama dengan HMI iaitu dari kelompok Islam moden, secara pemikiran pun HMI dan ICMI sama memiliki kesamaan matlamat terutama mengenai pemikiran keislaman dan keindonesiaan. Hal ini dikeranakan ramai dari kalangan alumni HMI menjadi ahli bahkan menjadi pengurus ICMI.

⁸⁸Agussalim Sitompul (2005), *44 Indikator Kemunduran HMI: Sutu Kritik Dan Koreksi Total Untuk Kebangkitan Kembali HMI*. Jakarta: Misaka Galiza.

⁸⁹Lafran Pane (1997), *HMI Mengayuh Di Antara Cita Dan Kritik*. Yogyakarta: Aditya Media.

Kemudian Azhari Akmal Tarigan dalam bukunya yang bertajuk “*Islam Universal: Kontekstualisasi NDP HMI Dalam Kehidupan Beragama Di Indonesia*”.⁹⁰ Buku ini membahas Nilai-Nilai Dasar Perjuangan yang sekaligus menjadi ideologi pergerakan. Fahaman keagamaan yang dirumuskan oleh Nurcholish Madjid dan kawan-kawannya merupakan hasil kajian mereka terhadap al-Quran dan Hadis yang kemudian dijadikan sebagai materi kajian wajib dalam Latihan Perkaderan di HMI. Buku ini secara umum merupakan penjabaran daripada NDP dalam perpektif keislaman dan keindonesiaan. Penyelidik berpendapat bahawa buku ini sangat berguna untuk memahami pemikiran-pemikiran keagamaan HMI yang dipindahalihkan kepada seluruh ahli HMI dari masa ke masa.

Karya ilmiah lain yang dihasilkan oleh M. Rusli Karim bertajuk “*HMI MPO Dalam Kemelut Modernisme Politik di Indonesia*”⁹¹ pula membahaskan konflik dalaman HMI ketika mencontohi kebijaksanaan kerajaan pimpinan Soeharto dengan menggunakan pendekatan moden dan politik secara spesifik. Pada dasarnya, buku ini lebih memfokuskan kajian pemikiran dan sikap HMI dalam arus modernisasi yang berlangsung di Indonesia dan kemudiannya menjadi faktor penyebab perpecahan dalaman HMI sehingga terbentuknya dua kelompok, iaitu HMI Majelis Penyelamat Organisasi (HMI-MPO) yang menentang kebijaksanaan kerajaan mengenai Pancasila sebagai satu-satunya asas organisasi dan HMI yang menerima asas Pancasila. Karya ini sudah tentu berbeza dengan penyelidikan ini yang mengkaji gerakan pembaharuan Islam secara spesifik.

Perbahasan lain dalam buku yang bertajuk “*HMI Candradimuka Mahasiswa*” yang oleh Solichin.⁹² Buku ini hanya menyampaikan fakta yang dirasakan oleh penulisnya. Penulis menginterpretasi terhadap fakta yang ada, sehingga memberikan

⁹⁰ Azhari Akmal Tarigan (2003), *Islam universal: Kontekstualisasi NDP HMI dalam kehidupan beragama di Indonesia*, Bandung: Citapustaka Media.

⁹¹ M. Rusli Karim. (1997), *HMI MPO Dalam Kemelut Modernisasi Politik di Indonesia*, Bandung: Mizan

⁹² Solichin (2010), *HMI Candradimuka Mahasiswa*, Jakarta: Sinergi Persadatama Foundation.

gambaran lengkap tentang HMI. Mengapa HMI dapat eksis ditengah pergolakan politik menjelang pemberontakan Partai Komunis Indonesia (PKI)? Solichin, setidaknya telah mencoba untuk menjawab pertanyaan yang selama ini menjadi teka-teki sejarah yang tidak diketahui khalayak ramai. Intipati buku tersebut menggambarkan bagaimana HMI bukan sahaja tempatnya bermanja-manja, tetapi juga menjadi “wadahnya” mahasiswa mempersiapkan masa depannya, masa penempahan diri atau juga masa penggemblengan diri sebagai kader umat dan bangsa. Hal tersebut menjadi prasyarat yang dimiliki oleh HMI, kerana HMI adalah organisasi mahasiswa yang mewadahi calon-calon intelektual dan insan akademik yang merupakan kelompok elit pemikir bagi bangsa. Kalau mereka itu benar-benar mengalami menjadi kawah “CandraDimuka”, maka penempahan atau penggemblengan diri seperti itu, insha Allah akan lahirlah kader-kader umat dan bangsa yang hebat dan berwibawa di masa akan datang sampai bila-bila masa.

Adapun tesis yang membahas HMI bertajuk “*Konsep Nasionalisme HMI Sebagaimana Tercermin Dalam Pidato Dies Dan Penerpannya Dalam Gerakan Angkatan 1966.*” Tesis ini ditulis oleh Saifullah SA seorang mahasiswa dalam program Pascasarjana IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta dengan pokok bahasan pemikiran HMI tentang konsep nasionalisme dan amalannya pada masa Soeharto. Pendekatan yang digunakan dalam penyelidikannya adalah pendekatan sejarah dan ideologi bagi menganalisis pemikiran HMI seperti yang termaktub dalam naskah pidato-pidato peringatan penumbuhan HMI. Penyelidikan yang mengkaji konsep nasionalisme dan amalannya merupakan kajian yang memiliki hubungkait dengan penyelidikan ini dari aspek kemodenan pemikiran HMI. Diantara kesimpulan dan dapatan kajian dari Saifullah SA adalah adanya huraian yang menyatakan bahawa HMI merupakan organisasi Islam yang memperhatikan pentingnya penumbuhan rasa persatuan dan kesatuan (*ukhuwah*) serta persamaan (*musawah*) antar sesama anak bangsa.

Namun, tesis Saifullah SA tersebut berbeza dengan penyelidikan ini dari aspek objektif kajian, pendekatan, dan juga metode yang dijalankan. Pengkaji dalam penyelidikan ini ingin fokus kepada gerakan sosial HMI dalam pembaharuan pemikiran Islam. Sementara tesis Saifullah SA merupakan kajian kepustakaan, sedang penyelidikan ini adalah kajian lapangan (*field research*) yang menyoal faktor-faktor penyebab keberlangsungannya HMI dalam melakukan gerakan-gerakan pembaharuan serta pemikiran keislaman HMI dari masa ke masa.

Dalam artikelnya yang bertajuk “The Ideological Fragmentation of Indonesian Muslim Students and Da’wa Movements In The Post-Reformed Era” Abdul Basit mengatakan bahawa organisasi-organisasi Islam, seperti: HMI, PMII, HMI, KAMMI, Jama’ah Tarbiyah, Hizbu Tahrir Indonesia (HTI) memiliki ideologi yang berbeza-beza. Menurutnya, pemikiran Keagamaan HMI yang moden dan substantif membantu mereka untuk menghadapi isu-isu semasa seperti persoalan sosial, politik, dan budaya. Dengan demikian, perselisihan dan konflik sosial yang tidak perlu dapat dielakkan.⁹³ Dapatan penyelidikan yang dijalankan oleh Abdul Basit ini dapat membantu penyelidik dalam menganalisis pemikiran keagamaan HMI dan arah gerakan keagamaan yang diperjuangkan. Penyelidikan ini berbeza dari aspek soalan kajian dan cakupan kajian yang mana Abdul Basit menyelidik berbagai organisasi yang ditunjangi oleh mahasiswa.

1.10 Metodologi Penyelidikan

Metode ialah suatu cara yang digunakan untuk mencapai tujuan yang dikehendaki. Oleh sebab itu, metodologi memainkan peranan yang penting dalam sesebuah penyelidikan kerana ianya akan menjadi petunjuk arah terhadap cara penyelidikan yang ingin dijalankan untuk memahami matlamat penyelidikan. Cara penyelidikan tersebut

⁹³ Abdul Basit (2-16) “The Ideological Fragmentation of Indonesian Muslim Students and Da’wa Movements In The Post-Reformed Era”, dalam *Indonesia Journal of Islam and Muslim Societies*, Volume 2, No. 2, h. 185-208.

meliputi; teknik pengumpulan data dan analisis data. Penggunaan jenis teknik pengumpulan data juga harus sesuai dengan tujuan penyelidikan dan jenis data yang dikumpulkan, demikian juga halnya dengan metode analisis yang akan digunakan dalam penyelidikan ini.

Penyelidikan ini merupakan gabungan antara kajian kepustakaan (*library research*) bagi mengetahui pemikiran keagamaan HMI dan kajian lapangan (*field research*) bagi menganalisis aktiviti HMI yang berhubungkait dengan pelaksanaan perkaderan sehingga para kader ini mampu menjadi pencetus gerakan pembaharuan Islam. Berasaskan pada 2 (dua) jenis penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan ini, maka penyelidik juga menggunakan 2 (dua) metod (*mix method*) sama ada dalam teknik pengumpulan data mahupun dalam analisis data.

1.10.1. Metod Pengumpulan Data

Penyelidikan ini dimulakan dengan persoalan pemikiran dan sejarah HMI yang merupakan bahagian daripada kajian kepustakaan, dan seterusnya aktiviti perkaderan dan informasi yang menjelaskan proses perkaderan yang diperolehi daripada sumber informasi yang sah. Dalam mengumpulkan data yang berhubungkait dengan dua persoalan ini, maka penyelidik melakukan perencanaan secara terpadu.

Pengumpulan data mengenai kewujudan dan sejarah HMI dijalankan melalui kajian perpustakaan, pemerhatian yang disertai dengan survey dan temu bual. Teknik pengumpulan data yang berhubungkait dengan sejarah HMI, kurikulum pelatihan, pedoman pelatihan, arsip, foto kegiatan, buku, hasil penyelidikan, tesis/disertasi dan artikel yang mengkaji HMI dan pemikiran-pemikirannya dijalankan dengan melakukan kajian kepustakaan. Ertinya, bahawa sumber-sumber data tersebut berupa tulisan atau gambar yang bisa menjelaskan HMI daripada aspek sejarah dan pemikirannya.

Kajian perpustakaan di mana teknik mendapatkan data dijalankan melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Ianya merangkumi aktiviti pengumpulan data yang berkaitan dengan subjek kajian dan dokumen sejarah. Sebelum pengumpulan data, penyelidik mempersiapkan rancangan soalan yang digunakan sebagai *guide line* dalam melakukan temu bual serta mempersiapkan sejumlah sumber informasi, seperti: pengurus HMI, alumni HMI, peserta pelatihan dan lain-lainnya. Selain itu, pengumpulan data dalam mengkaji aspek ini juga dilakukan dengan cara temu bual. Teknik ini dijalankan untuk menambah dan mengembangkan data informasi yang telah wujud.

Adapun teknik pengumpulan data dalam menganalisis pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan perkaderan di HMI, penyelidik melakukan perencanaan dengan mengelompokkan jenis data dan sumber informasi yang dengan mempersiapkan kerangka teori yang memandu penyelidikan. Data dikumpulkan dari beberapa sumber yang mewakili unsur pengurus, ahli, dan alumni HMI. Antaranya; Ahmad Sahal dan Anita Permata Sari (kedua-duanya adalah pengurus HMI Cawangan Salatiga), Sinta Dewi dan Yesika al-Fauzia (mewakili unsur ahli HMI), serta Imam Subqi dan Beny Ridwan (mewakili unsur alumni dan trainer).

Pengumpulan data di lapangan dijalankan dengan melakukan temubual secara langsung dengan para kader dan alumni HMI. Dalam hal ini, penyelidik berusaha untuk mendekati para mahasiswa yang bergabung dalam HMI dan alumni HMI yang bergabung dalam KAHMI dengan pelbagai profesion seperti pensyarah, kakitangan kerajaan dan ahli politik. Penyelidik juga berusaha untuk bergaul dengan mereka agar hubungan yang erat dapat dijalin sehingga informasi yang dicari dapat diperoleh dan sesuai dengan penyelidikan ini.

Selain itu, pemerhatian juga dilakukan terhadap pelbagai kegiatan HMI. Penyelidik turut terlibat secara langsung dengan kegiatan yang dilakukan oleh HMI

(pemerhatian penyertaan) dengan tujuan untuk memperoleh pemahaman yang komprehensif dan mendalam terhadap tujuan dan makna gerakan mereka. Dalam hal ini, penyelidik terlibat secara semula jadi sehingga mereka tidak berasa terganggu ketika melakukan sebarang kegiatan. Sebelum melakukan temu bual, penyelidik mempersiapkan pedoman temu bual yang berguna bagi melengkapi teknik pengumpulan data dan menguji hasil pengumpulan data lainnya.

Pemerhatian merupakan salah satu teknik pengumpulan data untuk mencatat fenomena-fenomena yang dilihat dan saling berhubungkait satu dengan yang lain.⁹⁴ Teknik ini membantu dalam memahami aspek motivasi, kepercayaan, perilaku tak sedar, kebiasaan dan sebagainya. Pemerhatian langsung terhadap aktiviti yang dijalankan oleh para ahli HMI dalam pelaksanaan perkaderan, kajian keagamaan dan kegiatan-kegiatan yang lain menambah dan memperkuat data yang telah ada.

1.10.2. Metod Analisis data

Metodologi juga berfungsi sebagai kaedah yang digunakan untuk memperoleh maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menghasilkan satu kertas kajian. Ketepatan dan kesahihan ketika memilih dan menerapkan sesuatu metodologi akan menghasilkan penyelidikan yang baik dan tepat.

Setelah kegiatan pengumpulan dan pengelompokkan data sesuai dengan maklumat yang diselidiki, maka langkah selanjutnya adalah kegiatan analisis. Kajian dalam penyelidikan ini merangkumidua hal sekaligus (kajian kepustakaan dan kajian lapangan), maka analisis yang digunapakai adalah content analisis bila mengkaji pemikiran keagamaan HMI. Content analisis dijalankan dengan demikian bidang sosial yang bertujuan untuk menggambarkan fenomena sosial secara kualitatif.

⁹⁴M. Farid Nasution (1993), *Penelitian Praktis*, Medan: Pustakan Widya sarana dan IAIN Press, h. 16.

Dalam hal ini, penyelidik menganalisis pelbagai perbincangan rasmi dan tidak rasmi dengan para responden yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan oleh HMI. Selain itu, penyelidik juga mempelajari pelbagai karya ilmiah, dokumen dan hasil penyelidikan yang relevan.

Data yang diperoleh dari pemerhatian, temu bual, dokumentasi, dokumen-dokumen organisasi dan sumber kajian lainnya dianalisis secara kualitatif deskriptif. Dalam analisis ini, penyelidik menggunakan metode induktif, deduktif dan komperatif.

- i. Metode induktif ialah kaedah analisis untuk mengkaji data-data yang terkumpul (wujud pernyataan, gambar, perilaku dan yang lainnya) bagi membangun sebuah penafsiran atau interpretasi baharu yang bersifat umum.⁹⁵ Misalnya, penyelidik menganalisis faham keagamaan HMI dalam pelbagai literatur dan kemudian membuat kesimpulan bahawa faham keagamaan yang dirumuskan oleh HMI cenderung menekankan pada makna dibanding zahir teks.
- ii. Teknik analisis lainnya ialah metode deduktif. Metode ini digunakan dengan cara mencari pembuktian di lapangan yang bermula dari dalil umum.⁹⁶ Teknik analisis ini banyak digunakan untuk membuktikan hasil temuan penyelidikan yang dijadikan sebagai rujukan dengan data yang diperoleh di lapangan.
- iii. Selain itu, penyelidik juga menggunakan teknik analisis komperatif, ialah membandingkan antara suatu teori dengan teori yang lain, atau antara dapatan penyelidikan dengan dapatan penyelidikan yang lain. Teknik ini digunakan untuk mendalami suatu penyelidikan.

Pemilihan kaedah kajian secara kualitatif dipilih kerana penyelidikan ini berusaha untuk memahami strategi dan pelaksanaan yang meliputi amalan-amalan serta pemikiran HMI yang memperlihatkan peranan dan sumbangan HMI dalam

⁹⁵Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, h. 82.

⁹⁶Sabarina Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Prentice Hall Pearson Malaysia, h. 19.

pembaharuan Islam. Oleh itu, fakta sosial tersebut tidak dapat difahami melalui kaedah penyelidikan secara kuantitatif.

Unit analisis data dalam penyelidikan ini ialah para pelatih dan alumni HMI yang banyak memberikan sokongan demi keberlangsungan kegiatan organisasi. Hal ini bertujuan untuk mengetahui pelbagai aktiviti organisasi dan para kader HMI serta sokongan para alumni HMI di Bandar Salatiga dan kawasan sekitarnya secara komprehensif. Analisis data dilakukan terhadap masa pengumpulan data, iaitu dengan cara membuat pengkategorian, klasifikasi, reduksi, analisis dan tafsiran dalam konteks seluruh permasalahan kajian.⁹⁷

Reduksi data merupakan proses melakukan kerja-kerja pemilihan, pemusatan, perhatian, penyederhanaan dan pengabstrakan serta perubahan data mentah yang berbentuk catatan-catatan di lapangan. Penyelidik mendokumentasikan data dalam bentuk paparan yang mengandungi sejumlah informasi.

Pendokumentasian data dilakukan setelah data tersebut melalui beberapa proses dan tapisan seperti, penyederhanaan, penelaahan, penyusunan dan pengelompokan maklumat yang tidak tersusun dan masih kompleks supaya menjadi satu naskhah yang mudah difahami dan bermakna. Akhir sekali, penyelidik membuat kesimpulan setelah memahami dan memberikan makna terhadap pelbagai data, fakta dan fenomena dengan mengambil kira teori yang sesuai untuk digunakan.

1.11 Penyusunan Kajian

Untuk memberikan gambaran secara keseluruhan tentang isi penyelidikan, pengkajimenghuraikan penyelidikan ini dalam penyusunan seperti yang berikut:

⁹⁷ Noeng Moehadjir (1989), *Metodologi Penyelidikan Kualitatif*, Yogyakarta: Rake Sarasin.

Bab satu tentang pengenalan kajian, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, landasan teori, kajian terdahulu, metodologi penyelidikan dan penyusunan penulisan.

Bab dua membahaskan sejarah penubuhan HMI, penyebaran organisasi HMI di Indonesia, Badan Koordinator HMI Jawa Tengah-Daerah Istimewa Yogyakarta, HMI Cawangan Salatiga, Salatiga sebagai Bandar Pendidikan, Universiti di Bandar Salatiga.

Bab tiga tentang faham keagamaan HMI yang berhubungkait dengan dasar-dasar kepercayaan, takdir dan ikhtiar, individu dan masyarakat, keadilan sosial dan ekonomi, ilmu pengetahuan serta hubungan Islam dan negara

Bab empat membahaskan gerakan pembaharuan Islam oleh HMI Cawangan Salatiga melalui sistem perkaderan sebagai media dalam peralihan pemikiran pembaharuan Islam dan melahirkan generasi moden. Kajian ini dijalankan dengan menerapkan *Resource Mobilization Theory* dalam menilai gerakan pembaharuan dengan cara mobilisasi sumber daya berupa moral, budaya, manusia dan bahan dengan mekanisme *aggregation*, *self-production*, *cooptation*, dan *patronage*.

Bab lima membahaskan peranan dan sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam. Sub perbahasan meliputi ciri pemikiran keislaman HMI, peranan HMI dalam aspek pendidikan dan aspek sosial, sumbangan HMI dalam persiapan untuk membentuk generasi cendekiawan Muslim yang mengambil berat dan memiliki dedikasi yang tinggi ketika berkhidmat.

Bab Enam ialah penutup yang merupakan kesimpulan, cadangan dan saranan.

BAB II: HIMPUNAN MAHASISWA ISLAM (HMI)

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini dibahas mengenai sejarah penubuhan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI), Penyebaran HMI di Indonesia, penyebaran HMI di Jawa-Tengah dan Daerah Istimewa Yogyakarta, serta bandar Salatiga dan HMI Cawangan Salatiga. Situasi dan kondisi pada masa itu juga akan dianalisis bagi melihat faktor-faktor yang melatarbelakangi penubuhan HMI.

Pembahasan ini dimaksud untuk menganalisis kewujudan organisasi yang meliputi latarbelakang penubuhan HMI, perjalanan HMI sampai ianya berjaya dan tersebar di seluruh wilayah Indonesia, termasuk sejarah penubuhan HMI di bandar Salatiga. Dengan demikian, melalui pembahasan ini akan terlihat hubungkait antara kondisi pada masa itu dengan pemikiran yang melatarbelakangi penubuhan HMI.

2.2 Sejarah Penubuhan HMI

Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) merupakan organisasi luaran universiti¹ yang ditunjangi mahasiswa Muslim yang pertama ditubuhkan di Indonesia. Penubuhan organisasi ini tidak lepas daripada kondisi sosial politik dan faham keagamaan pada masa itu. Pernyataan ini sekaligus menggambarkan mengapa organisasi ini ditubuhkan, siapa dan apa pandangan pengasas terhadap kondisi sosial politik dan faham keagamaan pada waktu itu.

Selain itu, juga membincangkan bagaimana sikap dan pandangan masyarakat dan mahasiswa terhadap gagasan penubuhan organisasi dimaksud. Kerana sebagai sebuah organisasi perlu menghimpun sejumlah mahasiswa yang siap diundang untuk

¹ Organisasi luaran univeristi adalah organisasi yang ditunjangi oleh mahasiswa yang tidak berada dibawah binaan universiti, sebaliknya organisasi intra universiti adalah organisasi yang disokong dan dibina oleh univerisiti.

bergabung kedalam organisasi, bahkan lebih daripada itu bahwa mereka juga diharapkan siap sebagai penggerak kegiatan organisasi.

HMI merupakan organisasi yang ditunjangi mahasiswa Muslim yang tertua di Indonesia. Kata “Islam” yang teletak setelah “Himpunan Mahasiswa” dimaksudkan selain organisasi ini merupakan perhimpunan mahasiswa-mahasiswa Muslim juga bererti bahwa organisasi ini ditubuhkan dalam rangka mendakwahkan Islam di kalangan mahasiswa Muslim.

Gagasan penubuhan organisasi ini datang dari seorang mahasiswa STI (Sekolah Tinggi Islam) yang sekarang berubah namanya menjadi UII (Universiti Islam Indonesia) di bandar Yogyakarta. Munculnya gagasan tersebut tentunya tidak lepas dari hasil perenungan dan pemikiran terhadap kondisi objektif bangsa Indonesia pada amnya, dan umat Islam khususnya seorang penggagasnya yang bernama Lafran Pane (1922-1991). Dari perspektif inilah, hubungan antara latar belakang penubuhan HMI dan pemikiran Lafran Pane dalam melihat persoalan bangsa Indonesia dan kondisi mahasiswa Muslim berhubungkait. Untuk itu, bagaimana kondisi objektif bangsa Indonesia dan umat Islam yang melatarbelakangi atau mempengaruhi pemikiran Lafran Pane dalam menubuhkan HMI perlu dibentangkan di sini.

HMI ditubuhkan pada masa revolusi, tepatnya tarikh 5 Februari 1947 di Bandar Yogyakarta. Ianya ditubuhkan atas prakarsa Lafran Pane, dan kemudian didukung dan diiktirafkan secara bersama-sama dengan mahasiswa Sekolah Tinggi Islam (STI) Yogyakarta. Penubuhannya merupakan respon dan reaksi terhadap keterbelakangan umat Islam, pada amnya, dan rendahnya pengetahuan mahasiswa Muslim terhadap Islam khususnya, serta situasi sosial politik Indonesia yang belum stabil. Situasi sosial politik yang tidak stabil dikeranakan perbezaan kepentingan kelompok dan ideologi, di samping kemungkinan datangnya serangan Belanda yang akan menguasai kembali Indonesia.

Oleh sebab itu, penubuhan HMI dapat dianalisis dari konteks sosial, politik dan keagamaan umat Islam pada awal kemerdekaan Republik Indonesia. Aspek lain yang boleh dijadikan sumber untuk mengetahui *background* penubuhan organisasi HMI iaitu pemikiran Lafran Pane mengenai Islam dan persoalan bangsa Indonesia.

Penjajahan Belanda atas Indonesia tidak hanya berdampak pada aspek politik sahaja tetapi juga aspek hukum, pendidikan dan budaya. Pada masa penjajahan Belanda bangsa Indonesia tidak boleh menuntut ilmu sama ada ilmu pengetahuan umum mahupun ilmu agama. Oleh itu, ketika bangsa Indonesia tidak diberikan kesempatan untuk menuntut ilmu, maka bangsa Indonesia mengalami kesulitan dalam pengurusan kerajaan pada satu sisi, dan di sisi yang lain rendahnya ilmu pengetahuan agama berdampak kepada rendahnya kesadaran untuk mengamalkan ajaran Islam paska kemerdekaan tahun 1945. Kondisi seperti inilah yang juga menjadi bahagian dari kondisi sosial yang melatarbelakangi penubuhan HMI. Disamping itu, secara politik Indonesia juga belum merdeka sepenuhnya kerana kemungkinan datangnya Belanda untuk menjajah kembali Indonesia masih ada. Dalam konteks inilah, seluruh warga negara diwajibkan untuk mempersiapkan diri dalam mempertahankan kemerdekaan Republik Indonesia. Perpecahan politik, berkembangnya ajaran komunis, keragaman bangsa dari aspek agama dan etnik merupakan persoalan dalaman bangsa Indonesia yang perlu juga diantisipasi secara baik dan tepat. Memperhatikan kondisi sosial politik bangsa Indonesia pada waktu itu, maka kewujudan organisasi mahasiswa menjadi sangat strategik bagi mempersiapkan calon-calon pemimpin bangsa yang berwawasan moden.²

Selari dengan kondisi sosial politik tersebut di atas, mengikut Rusli Karim bahawa penubuhan HMI dilatarbelakangi oleh hal-hal sebagai berikut: 1) situasi bangsa Indonesia yang sedang mengalami masa revolusi untuk mempertahankan kemerdekaan, 2) adanya pandangan dikotomi terhadap ilmu pengetahuan yang memisahkan secara

² Agussalim Sitompul (2002), *Menyatu dengan Umat, Menyatu dengan Bangsa: Pemikiran Keislaman-Keindonesiaan HMI 1947-1997*, Jakarta: Misaka Galiza, h. 37-89.

ekstrim antara ilmu pengetahuan umum dan ilmu agama, 3) situasi umat Islam yang terpecah belah dalam berbagai aliran keagamaan dan politik, serta kemiskinan dan kebodohan.³

Sumber lain menyebutkan bahwa bahwa kondisi sosial politik bangsa Indonesia sebelum penubuhan HMI dan dinilai sebagai faktor yang melatarbelakangi ditubuhkannya MI adalah karakter Islam yang toleran dan adaptif terhadap budaya tempatan, suasana kebangkitan dunia Islam yang dikumandangkan oleh para pembaharu Islam seperti Syed Jamalludin al-Afghani dan Muhammad Abduh yang juga dirasakan oleh umat Islam Indonesia, arus pergerakan dunia ketiga abad ke-20 yang ditandai dengan bebasnya dari kolonialisme Barat, arus pergerakan nasional yang menyadari akan persatuan dan kesatuan seluruh elemen bangsa Indonesia dalam rangka membangun negara dan bangsa yang berdaulat serta adanya tuntutan revolusi dari seluruh unsur masyarakat bagi mempertahankan kemerdekaan dari kolonialisme Belanda.⁴ Kondisi tersebut diatas selari dengan tujuan ditubuhkannya HMI yang berbunyi “mempertahankan dan mempertinggi derajat rakyat Indonesia”.

Baik Agussalim Sitompul, maupun Rusli Karim mempunyai kesamaan pendapat mengenai pemikiran yang melatarbelakangi penubuhan HMI, yang sama-sama menggambarkan tentang kondisi objektif umat Islam waktu itu. Kondisi objektif umat Muslim dan situasi politik yang belum sepenuhnya aman, mengilhami Lafran Pane untuk menubuhkan organisasi yang bertunjangkan mahasiswa Muslim yang selanjutnya dinamai HMI. Melalui oraganisasi HMI, yang ditubukannya, ianya berharap dapat berPartisipasi dalam menyelesaikan masalah keumatan dan kebangsaan secara bersamaan.

³ M. Rusli Karim (1997), *HMI MPO dalam Kemelut Modernisasi Politik di Indonesia*, Bandung: Mizan, h. 98.

⁴ Diambil dari buku “Sejarah Perjuangan HMI” yang ditulis oleh 5 aktivis HMI, iaitu: Nasruddin Razak, M. Durbani, Sanusi Komaruddin, Sugiat Ahmad Sumadi dan Tawangalun. Baca: Agussalim Sitompul (2008), *Historiografi Himpunan Mahasiswa Islam Tahun 1947-1993*, Jakarta: Misaka Galiza, h. 58-61.

Penyelidik berpendapat bahawa penubuhan organisasi HMI boleh dilihat dari dua aspek, iaitu: kondisi objektif umat Islam dan pemikiran Lafran Pane. Aspek pertama (kondisi objektif umat Islam) merupakan suatu realiti yang nyata terjadi dan tengah belangsung pada waktu itu, meliputi: pemahaman masyarakat Muslim terhadap Islam, dinamika politik yang diwarnai oleh perbezaan dalam memahami Islam, dan tidak adanya organisasi kemahasiswaan yang merepresentasikan umat Islam sebagai penduduk majoriti, dan kedua, bacaan lafran Pane terhadap masalah keumatan dan kebangsaan, serta pilihan metode yang dijalankan dalam menyelesaikan masalah.

Berikut ini beberapa aspek yang menggambarkan, antara lain konstruk budaya, pemahaman dan keberagaman umat Islam, dinamika Parti dan organisasi Islam, serta kewujudan organisasi kemahasiswaan, yang penyelidik anggap menggambarkan stausi awal penubuhan HMI.

2.2.1 Budaya

Indonesia secara budaya dibangun di atas berbagai budaya, lokal dan budaya luar. Indonesia yang terdiri dari ribuan pulau yang terbentang dari Barat sampai Timur, -dihuni oleh beragam etnis yang masing-masing memiliki budaya dan bahasa yang berbeza-beda- menunjukkan Indonesia sebagai negara multibudaya. Keberadaan agama-agama besar di Indonesia, seperti; Hindu, Budha, Islam, Kristian dan Konghuchu menambah keragaman dari sudut keyakinan yang masing-masing memberi sumbangan bagi kewujudan budaya Indonesia. Dilihat dari asal penubuhan agama, maka budaya Indonesia juga dipengaruhi dan dibentuk oleh budaya India (asal agama Hindu dan Budha), Arab (asal agama Islam), Eropah (asal agama Kristian) dan Cina (asal agama Konfiosius). Realiti keragaman bangsa Indonesia dari sudut pandang sosial dan budaya ditegaskan oleh Nurcholis Madjid.

“Islam sebagai agama dominan dan memiliki doktrin teologi yang tegas tidak serta merta berhasil merubah budaya Indonesia dengan wajah budaya Arab. Jauh

sebelumnya, budaya Indonesia telah diwarnai oleh keyakinan Hindu dan Budha yang selari dengan paham animisme dan dinamisme. Maka tidak asing, jika ritual dan perilaku keberagamaan umat Islam, pada umumnya, masih sangat kental dengan budaya lokal yang dipengaruhi oleh agama Hindu dan Budha yang sudah mengakar ratusan tahun sebelumnya.”⁵

Sementara itu, agama Kristian diperkenalkan oleh bangsa Kolonial dianut oleh sebahagian warga, khususnya di wilayah bahagian timur Indonesia. Namun demikian, konversi masyarakat Indonesia ke agama Kristian tidak sebanyak yang ke agama Islam, khususnya di wilayah Indonesia bahagian Barat dan Tengah. Agama Kristian, dalam penyebarannya juga bersikap adaptif dan akomodatif terhadap budaya lokal. Hal ini sebagaimana terlihat dari nama-nama Gereja, seperti: Gereja Kristian Jawa, Gereja Kristian Pasundan, dan Gereja Kristian Batak. Dengan kata lain, bahawa dalam penyebaran agama apapun sering kali terjadi proses penyesuaian dengan budaya yang telah berkembang sebelumnya.

Jika dalam agama Kristian terdapat penggunaan nama-nama daerah yang dicantumkan dibelakangnya, hal ini tidak ditemui dalam agama Islam. Dalam agama Islam akulturasi terlihat secara jelas dalam tradisi ritual dan upacara keagamaan yang dilakukan oleh umat Islam. Seperti, upacara pernikahan, penubuhan, kematian dan lain-lain.⁶ Dalam upacara-upacara tersebut terdapat unsur-unsur budaya lokal dan agama yang saling berkolaborasi. Akulturasi antara Islam dan budaya lokal tersebut boleh diamati dari upacara keagamaan komuniti Muslim NU. Wajah Islam yang sedemikian rupa disebut Islam budaya.⁷

Oleh sebab itu, masyarakat Islam Indonesia paska dan pra kemerdekaan boleh dikelompokkan ke dalam 3 (tiga) golongan. Pertama, kelompok yang mempelajari agama Islam. Kelompok ini diwakili oleh kelompok tradisional Muslim yang direpresentasikan oleh warga Nahdhiyin (Nahdhatul Ulama’) dan kelompok moden

⁵ Nurcholish Madjid (1992), *Islam Doktrin dan Peradaban-Sebuah Telaah Kritis Tentang Masalah Keimanan, Kemanusiaan, dan Kemodernan*, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina, h. xxv.

⁶ Nahdhatul Ulama’ (NU) adalah organisasi Islam terbesar di Indonesia yang mengakomodasi budaya lokal dalam dakwahnya, kerananya organisasi ini sering disebut “Islam Budaya”

⁷ Donald K. Emmerson memberi tumpuhan pada dimensi budaya dalam melihat diskursus Islam di Indonesia, dalam Bahtiar Effendi (1998), *Islam dan Negara, Transformasi Pemikiran dan Praktik Politik Islam di Indonesia*, Jakarta: Paramadina, h. 45.

Muslim yang diwakili oleh warga Muhammadiyah. Menurut Clivert Gert, kelompok ini disebut “Santri”. Kedua, masyarakat yang menyatakan diri sebagai pemeluk Islam tetapi mereka tidak mengetahui banyak tentang Islam serta tidak menjalankan ajaran Islam sepenuhnya sebagaimana yang dilakukan oleh golongan santri. Di samping itu, mereka lebih dekat dengan ritual “kejawen” yang merupakan percampuran antara agama Hindu dan Budha dengan agama lokal pada satu sisi, dan tidak memperlihatkan sebagai sosok Muslim yang taat. Gert menyebutnya dengan kelompok “Abangan”. Ketiga, kelompok “priyayi”. Kelompok ini, pada umumnya, berpikiran “sekuler” dan ada juga yang menganggap Islam sebagai agama yang kolot, kerananya mereka tidak bangga dengan agama yang dipeluknya, bahkan malu untuk menyatakan dirinya sebagai seorang Muslim.⁸

2.2.2 Parti dan Organisasi Islam

Realiti sosial politik di mana bangsa Indonesia yang penduduknya secara mayoriti beragama Islam berada dibawah kekuasaan kerajaan kolonial Belanda selama 350 tahun sampai akhirnya Indonesia memperoleh kemerdekaan pada 17 Ogos 1945. Pada masa penjajahan, bangsa Indonesia tidak memperoleh hak untuk menuntut ilmu kecuali sebahagian kelompok kecil dan bahkan mereka menjadi pekerja bagi bangsa kolonial di negerinya sendiri. Kondisi ini berpengaruh kepada psikologi bangsa yang inferior dihadapan bangsa kolonial atau bangsa-bangsa Eropah pada umumnya.

Sesuatu yang dimiliki oleh bangsa ini, khasnya umat Islam adalah nasionalisme yang disokong oleh doktrin “jihad” dalam ajaran Islam. Semangat inilah yang seterusnya memberi ruh bagi melakukan kebangkitan terhadap kolonialisme. Jihad dalam konteks ini disebut “*Jihad fi Sabilillah*”, dan orang yang meninggal disebut *syahid*, yang kelak akan mendapatkan imbalan berupa surga.

⁸ Clifford Geertz (1981), *Abangan, Santri, Priyai dalam Masyarakat Jawa*, terj., Bandung: Dunia Pustaka, h. 54.

Pada sisi yang lain, Kolonial Belanda menerapkan berbagai strategi politik untuk menghentikan perlawanan umat Islam. Misalnya, politik “*divide et impera*” dalam rangka memecah belah persatuan bangsa Indonesia. Menurut Aqib Sumito terdapat 3 (tiga) cara yang dijalankan oleh Kolonial Belanda untuk menghadapi kekuatan Islam, yaitu: 1) politik netral agama, yaitu pihak Belanda tidak mencampuri urusan agama umat Islam Indonesia dan hanya menjadi persolan yang bersifat peribadinya. Namun, sikap politik ini tidak sepenuhnya dijalankan oleh kerajaan Belanda; 2) politik asosiasi kebudayaan. Inti dari politik ini adalah pihak kerajaan Belanda melakukan pendekatan budaya dengan budaya tempatan dengan harapan bahawa akan terjadi hubungan yang mesra antara kerajaan Belanda dengan masyarakat tempatan, 3) membatasi perkembangan Islam tarekat dan paham pan-Islamisme yang dibimbangi akan mempengaruhi semangat perjuangan umat Islam untuk melakukan kebangkitan terhadap Belanda. Bagi kerajaan Belanda kedua-dua paham ini akan membahayakan kepentingan politik kolonial Belanda di Indonesia.⁹ Dalam analisis Aqib Suminto, “politik netral agama” yang diterapkan kerajaan Belanda bersyarat tidak mengganggu ketertiban umum dan kepentingan pihak kerajaan Belanda.¹⁰

Agaknya, apa yang telah dilakukan Belanda untuk menghentikan semangat juang bangsa Indonesia, khasnya para pejuang Islam tidak membuahkan hasil. Hal ini terlihat dari ramainya kebangkitan yang hampir terjadi di sebahagian besar wilayah Indonesia yang pada umumnya dipimpin oleh seorang ulama Islam. Dalam membangkitkan semangat juang, agama dijadikan sebagai jargon dan pijakan.¹¹ Hal ini cukup efektif dalam upaya menanamkan kebencian terhadap bangsa kolonial dan menyemangati perjuangan melawan penjajah sebagai bahagian jihad.

⁹ Aqib Suminto (1986), *Politik Islam Hindia Belanda*, Jakarta: LP3ES, h. 34.

¹⁰ *Ibid.*, h. 29.

¹¹ Dalam upaya menanamkan kebencian dan membangkitkan semangat patriotisme dalam melakukan kebangkitan terhadap bangsa kolonial, para ulama menfatwakan haram memakai pantolan, dasi, topi dan sepatu. Adapun kaidah fiqh yang mereka pakai yaitu “barang siapa yang menyerupai mereka, maka ia termasuk golongannya”, yaitu golongan orang-orang kafir. Andree Fillard (1999), *NU Vis a Vis Negara: Pencarian Isi, Bentuk dan Makna*, Yogyakarta: Lkis, h. 16.

Menjelang kemerdekaan Republik Indonesia tahun 1945, para elit pemimpin Islam berpandangan bahawa Islam layak untuk dijadikan sebagai asas Negara. Menurut Djayadi Hanan, umat Islam merasa memiliki asas historik untuk menjadikan Islam sebagai asas negara, disebabkan antara lain: 1) umat Islam merupakan penduduk majoriti, 2) pelaksanaan syariat Islam hanya boleh memperoleh jaminan jika Indonesia berasaskan Islam, 3) sebagai imbalan bagi umat Islam dari perjuangannya dalam melakukan kebangkitan terhadap penjajah.¹² Pemikiran-pemikiran inilah yang kemudian hari dijadikan landasan historik bagi kelompok Muslim untuk memperjuangkan asas Islam bagi negara Indonesia.

Pemikiran sebahagian umat Islam yang bermaksud untuk memperjuangkan asas Islam dalam struktur undang-undang negara berlawanan dengan pemikiran kelompok yang tidak bersetuju baik mereka dari kelompok Islam, dan apalagi kelompok non Muslim. Kedua pemikiran ini sama-sama memiliki argumen politik yang sebelumnya tidak pernah mengemuka terutama pada period pra-kemerdekaan. Di mana semua lapisan masyarakat Indonesia dari berbagai segmen bersatu padu untuk satu tujuan menuju Indonesia merdeka.

Dua arus pemikiran, antara Islam ideologi dan netral agama dapat ditelusuri akar pemikiran dan basis gerakannya sebelum kemerdekaan. Pendukung Islam ideologi antara lain; organisasi kemasyarakatan yang bertunjangkan masyarakat muslim seperti; Syarekat Islam (SI),¹³ Muhammadiyah,¹⁴ Nahdhatul Ulama' (NU),¹⁵ Perikatan Umat

¹² Djayadi Hanan (2006), *Gerakan Pelajar Islam Indonesia di Bawah Bayang-Bayang Negara*, Yogyakarta: PB PII & UI Press, h. 48.

¹³ Ditubuhkan pada tarikh 11 November 1912 di Solo. Syarekat Islam, semula bernama "Sarekat Dagang Islam" yang ditubuhkan pada tarikh 16 Oktober 1905 oleh Tamar Djaya. Sarekat Islam, merupakan embrio gerakan politik umat Islam Indonesia. Kemudian, ia berubah menjadi Parti Syarekat Islam pada tahun 1927. Lihat Dalier Noer (1996), *Gerakan Modern Islam di Indonesia 1900-1942*, h. 114-115.

¹⁴ Ia ditubuhkan pada tarikh 18 November 1912 oleh K.H. Ahmad Dahlan di bandar Yogyakarta. Nama Muhammadiyah, dinisbatkan pada Nabi Muhammad saw yang bererti pengikut jejak dan sunnat nabi Muhammad. Tujuan Penubuhan Muhammadiyah, iaitu; 1) Menyebarkan pengajaran Kanjeng Nabi Muhammad saw kepada penduduk bumi-putera di dalam residensi Yogyakarta, 2) Memajukan hal agama Islam kepada anggota-anggotanya. Lihat Syarifuddin Jurdi (2010), *Muhammadiyah dalam Dinamika Politik Indonesia 1966-2006*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 81; Lihat juga: Pengurus Pusat Muhammadiyah. (1985), *Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga*, Yogyakarta: Majelis Pustaka, h. 12.

¹⁵ Organisasi ini mewakili kaum tradisional Muslim Indonesia yang ditubuhkan oleh K.H. Wahid Hasyim pada tarikh 31 Januari 1926 Lihat: Andree Feillard (1999), *Op.Cit.*, h. 12

Islam (PUI), Persatuan Umat Islam, dan Majelis Islam A'laa Indonesia (MIAI),¹⁶ dan Majelis Syuro Muslimin Indonesia (Masyumi) sebagai ganti dari MIAI yang bubar pada tahun 1943 disebabkan konflik dalaman. Selain itu masih terdapat organisasi- organisasi lainnya, misalnya: Persis, Al-Irsyad, dan Persatuan Muslimin Indonesia (PERMI).

Sementara beberapa organisasi politik Islam yang ditubuhkan pada fasa sebelum kemerdekaan antara lain, iaitu; 1) Parti Syarekat Islam (PSI)¹⁷ yang ditubuhkan pada tahun 1923, yang semula bernama Syarekat Islam. Pada tahun 1927 berganti menjadi Parti Syarekat Islam Hindia Timur (PSIHT), dan akhirnya berganti nama menjadi Parti Syarekat Islam Indonesia (PSII) pada tahun 1932, 2) Parti Persatuan Tarbiyah Islamiyah ditubuhkan pada tahun 1930, 3) Parti Islam Indonesia (PII) ditubuhkan pada tahun 1938, 4) Parti Muslimin Indonesia (PMI)¹⁸ yang kemudian disebut Permi ditubuhkan pada tahun 1930, 5) Parti Islam Indonesia yang ditubuhkan pada tahun 1938,¹⁹ dan 6) Parti Masyumi ditubuhkan pada tahun 1945.²⁰

Pada ujung spektrum yang lain, terdapat organisasi kemasyarakatan dan politik yang netral agama. Pada saat perumusan asas negara, organisasi-organisasi tersebut - melalui tokoh-tokohnya- mendukung Pancasila untuk dijadikan sebagai asas negara. Organisasi "Budi Utomo" yang ditubuhkan pada tarikh 20 Mei 1908, Parti Nasional Indonesia (PNI) ditubuhkan pada tarikh 4 Julai 1927, Parti Indonesia (Partindo) ditubuhkan pada bulan April 1931, Parti Indonesia Raya pada tarikh 26 Disember 1935, Gerakan Rakyat Indonesia (Gerindo) ditubuhkan pada tarikh 24 Mei 1937. Kehadiran Parti-Parti nasional yang dipelopori oleh PNI didalam gerakan kemerdekaan

¹⁶ Pertemuan antar organisasi Islam yang diselenggarakan pada tarikh 18-21 September 1937 KH Hasyim Asy'ari melontarkan gagasan Majelis Islam A'la Indonesia (MIAI) yang merupakan badan federasi bagi ormas Islam. Di antara tugasnya adalah menyatukan umat Islam dalam menghadapi politik Belanda seperti menolak undang-undang perkawinan dan wajib militer bagi umat Islam. Pada masa pendudukan Jepun MIAI dibubarkan, kemudian ditubuhkan Masyumi yang juga merupakan federasi bagi organisasi Islam.

¹⁷ Perubahan menjadi Parti Sarekat Islam diputuskan dalam Kongres Nasional ke -7 Sarekat Islam di Madiun yang diselenggarakan pada tarikh 20 Februari 1923.

¹⁸ Parti ini memiliki dua asas, iatu: Islam dan Kebangsaan. Dalier Noer (1996), *Gerakan Modern*, Jakarta: LP3ES, h. 172.

¹⁹ Hala tuju Parti ini iaitu iaitu tercapainya Indonesia merdeka berdasar Islam. *Ibid.*, h. 175

²⁰ Parti Majelis Syuro Muslimin Indonesia (Masyumi) ditubuhkan pada tarikh 7 November 1945 di Yogyakarta dari hasil Kongres Umat Islam pada tarikh 7-8 November 1945. Parti ini dimaksudkan sebagai penyatu umat Islam dalam bidang politik dan diharapkan menjadi satu-satunya Parti politik yang dimiliki oleh umat Islam. Pada tahun 1960 Parti Masyumi dibubarkan oleh Presiden Soekarno dikeranakan tokoh-tokohnya dicurigai terlibat dalam gerakan pemberontakan dari dalam Kerajaan Revolusioner Republik Indonesia (PRRI).

menyebabkan ditubuhkannya dua sayap gerakan, gerakan nasional Islam di satu pihak, dan gerakan nasional yang netral agama di pihak lain. Lebih lanjut Dalier Noer mengatakan bahawa polarisasi ideologi berlangsung sampai masa pendudukan Jepun tahun 1942-1945, bahkan sampai masa sekarang ini.²¹

Secara umum, umat Islam pada waktu itu dapat digambarkan sebagai berikut; 1) umat Islam terpecah belah ke dalam berbagai organisasi dan golongan berdasarkan katagori mazhab atau aliran tertentu; 2) bangsa Indonesia tetap siap siaga untuk menghadapi kehadiran kembali imperialisme, meskipun sudah merdeka; 3) tingkat pendidikan masyarakat Muslim yang rendah merupakan persoalan dalaman umat Islam dalam ikut serta mengurus negara di bidang politik, sosial dan administrasi.

2.2.3 Universiti dan Organisasi Kemahasiswaan

Universiti merupakan tempat bagi para mahasiswa untuk mengembangkan potensi diri yang dimilikinya bagi persiapan mereka agar memiliki pengetahuan dan wawasan yang luas. Di sebahagian besar universiti di Indonesia sentiasa terdapat organisasi tempat dimana para mahasiswa mengkaji pelbagai isu yang banyak dibincangkan oleh khalayak ramai, serta mengembangkan kemahiran berorganisasi. Kedua institusi ini –universiti dan organisasi mahasiswa-, sentiasa hadir untuk saling melengkapi dalam pembangunan modal insan. Oleh itu, tidak menghairankan bila banyak tokoh pembaharu dan pejabat kerajaan yang sewaktu mereka belajar di universiti juga aktif di organisasi mahasiswa.²²

Diantara universiti besar yang tumbuh di Indonesia antara lain Institut Teknologi Bandung (ITB) yang ditubuhkan pada tahun 1946, Universiti Gajah Mada pada tahun

²¹ *Ibid.*, h. 154.

²² Mereka itu antara lain: Nurcholish Madjid seorang tokoh pembaharu Islam Indonesia, Akbar Tanjung mantan Menteri pada era kerajaan Soeharto dan Ketua Umum Partai Golkar, Wihaji adalah Bupati period 2017-2022. Ketiga tokoh ini aktif di organisasi HMI semasa mereka belajar di universiti. Hanif Dzakiri dan Imam Nachrowi adalah menteri period 2014-2019. Kedua tokoh ini juga aktif di organisasi PMII semasa belajar di universiti.

1949. Adapun, Universitas Indonesia (UI) ditubuhkan pada tahun 1950 di Jakarta.²³ Universitas Airlangga di Surabaya ditubuhkan pada tahun 1954, Institut Pertanian Bogor ditubuhkan pada tahun 1963. Universitas Islam Negeri Kalijaga ditubuhkan pada tahun 1951, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah ditubuhkan pada tahun 1957, dan Universitas Islam Negeri Walisongo ditubuhkan pada tahun 1970 di Semarang. Di semua universiti tersebut terdapat organisasi yang bertunjangkan mahasiswa muslim, seperti: HMI, PMII, IMM dan KAMMI.

Mahasiswa yang sedang belajar di universiti berpikir untuk menubuhkan dan terlibat dalam organisasi sebagai aktualisasi dan pengembangan diri. Kemudian, mereka menubuhkan sejumlah organisasi mahasiswa luaran universiti di bandar-bandar yang ada universitinya seperti: Yogyakarta, Jakarta dan Bandung. Disamping itu, ditubuhkan juga organisasi luaran universiti yang bertunjangkan asal daerah mahasiswa, seperti: Persatuan Mahasiswa Indonesia Djakarta (PMID), Himpunan Mahasiswa Djakarta (HMD), Masyarakat Mahasiswa Bogor (MMB), Perhimpunan Mahasiswa Bandung (PMB), Gerakan Mahasiswa Surabaya (GMS), Gerakan Mahasiswa Makasar (GMK), dan Persatuan Mahasiswa Djakarta (PMD).

Organisasi mahasiswa luaran universiti yang ditubuhkan di bandar Yogyakarta antara lain, iaitu Perserikatan Mahasiswa Yogyakarta (PMY) dan Serikat Mahasiswa Indonesia (SMI). Dalam dua organisasi ini (PMY dan SMI), mahasiswa BPT Gajahmada, STT, dan STI, mengaktualisasikan diri, dan merespon pelbagai hal seperti: sosial, politik, ekonomi dan lain-lainnya.

Di samping itu, organisasi-organisasi yang ditubuhkan pada waktu itu mencerminkan nama daerah, di mana mahasiswa belajar atau nama asal daerah mereka. Hanya ada satu organisasi yang mengidentikkan diri sebagai organisasi yang tidak menggunakan nama daerah, dan ini menggambarkan bahawa ianya organisasi nasional,

²³ Tahun 1870, kerajaan Belanda memberlakukan apa yang disebut *Etische Politiek* di Hindia Belanda, yaitu suatu perubahan sikap Belanda terhadap koloninya kerana merasa berhutang budi kepada bumi putera yang telah menyebabkan Niderland dapat membangun dan menjadi makmur. Hal ini didorong oleh paham liberal yang melanda Eropah dengan motonya *liberty, equality* dan *fraternity* yang berdasar pada humanism.

ialah Serikat Mahasiswa Indonesia (SMI). Namun, anehnya tidak ada satu organisasi mahasiswa sebagaimana yang disebutkan di atas dijiwai oleh semangat Islam serta mempunyai tujuan untuk melakukan proses pengkaderan calon pemimpin bangsa yang memiliki wawasan Islam. Sebaliknya, terdapat organisasi mahasiswa yang berideologi komunisme, yaitu Serikat Mahasiswa Indonesia (SMI) dan Perserikatan Mahasiswa Yogyakarta (PMY) yang kedua-duanya berdiri pada tahun 1946.

Kewujudan sejumlah organisasi tersebut di atas dapat dikategorikan ke dalam 3 (tiga) kelompok, yaitu; 1) organisasi yang ditubuhkan berdasarkan asal daerah mahasiswa, 2) organisasi yang ditubuhkan berdasarkan daerah di mana organisasi tersebut ditubuhkan, 3) organisasi yang ditubuhkan guna mengembangkan ideologi tertentu. Berdasarkan kondisi ini, Lafran Pane menubuhkan organisasi HMI, untuk mengisi kekosongan organisasi mahasiswa yang mengembangkan dakwah Islam pada satu sisi, dan juga sebagai penyeimbang SMI yang berhaluan komunisme.

Aspek lain yang melatarbelakangi ditubuhkan HMI adalah minimnya pengetahuan agama di kalangan mahasiswa Muslim. Sementara itu, di perguruan tinggi hanya diajarkan ilmu pengetahuan umum, dan tidak diajarkan ilmu pengetahuan agama, kerana pengetahuan agama pada saat itu belum menjadi bahagian dari kurikulum perguruan tinggi, sehingga mereka sama sekali tidak memperoleh pengetahuan agama (Islam) selama studi mereka di universiti.

Melihat usaha Lafran Pane dalam menubuhkan HMI, umat Islam merespon secara positif, dan menilai bahawa posisi HMI cukup strategik sebagai wadah alternatif bagi mahasiswa Muslim untuk mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan umum dan pengetahuan Islam dalam waktu yang bersamaan. Ia merupakan “pesantren mahasiswa” yang boleh dijadikan sebagai tempat untuk belajar agama, serta mendakwahkan Islam.²⁴ Dengan demikian, ketika mahasiswa belajar ilmu pengetahuan

²⁴ Qomaruddin Ch. Haesy, ‘Tugas HMI dalam Mengamankan Pancasila’, dalam Agus Salim Sitompul ed. (1997), *50 Tahun HMI*, Jakarta: Misaka Galiza. h. 310.

umum di universiti, dan belajar pengetahuan agama di HMI, maka mahasiswa akan melihat adanya keterpaduan antara pengetahuan umum dan Islam, yang sebelumnya telah mengalami period dikotomi sebagai akibat dari sekularisasi. Dalam konteks ini Madjid mengatakan:

“HMI ditubuhkan pada saat terjadi jurang pemisah antara mahasiswa “Agama” dan mahasiswa “Umum”. Lebih lanjut ia menjelaskan, pada umumnya, mahasiswa Perguruan Tinggi Islam berasal dari madrasah atau pesantren kerananya mereka mengetahui banyak agama, dan tidak banyak menguasai pengetahuan umum. Sebaliknya, mahasiswa perguruan tinggi umum berasal dari sekolah-sekolah umum, oleh sebab itu, mereka menguasai pengetahuan umum, dan sedikit pengetahuan agamanya. Dalam konteks ini lah, HMI ditubuhkan sebagai upaya menjembatani kesenjangan pengetahuan umum dan Islam di kalangan mahasiswa muslim. Sehingga akan ditubuhkan generasi ulama-intelekt dan intelek-ulama sekaligus yang boleh beramal ilmiah dan berilmu amaliah.²⁵

Menurut Lafran Pane, kemerdekaan Indonesia yang telah diperoleh tidak berarti bangsa Indonesia telah merdeka secara mental dan budaya. Masa kolonilisme Belanda yang telah bercokol selama 350 tahun di bumi Indonesia telah meninggalkan dampak negatif bagi bangsa, dan sayangnya hal itu tidak dirasakan dan dimengerti. Sikap inferior di hadapan bangsa kolonial dengan menganggap bangsa-bangsa Eropah dan Amerika sebagai bangsa superior. Mentaliti sebagai bangsa yang terjajah tampak dari gaya hidup dan sikap inferior, khasnya bagi para terpelajar yang mendapat pendidikan dari sekolah Belanda.²⁶

Dari paparan tersebut di atas, maka dapat disimpulkan bahawa bangsa Indonesia, khasnya umat Muslim Indonesia termasuk di dalamnya mahasiswa Muslim, sebagai berikut; 1) pemahaman umat Muslim terhadap agamanya yang rendah, pengetahuan dan pengamalan mereka terhadap ajaran Islam juga diwarnai oleh hasil campuran antara Islam mistisisme dan agama Hindu, Budha dan kepercayaan lokal, 2) pemahaman umat Muslim yang rendah terhadap Islam memungkinkan bagi mereka untuk menerima ajaran komunis, 3) bangsa Indonesia berada dalam suasana revolusi bagi mempertahankan kemerdekaan republik Indonesia dari agresi Belanda, 4) adanya

²⁵ Nurcholis Madjid (1997), “Catatan Kecil tentang HMI Sekitar 1966”, dalam dalam Agussalim Sitompul, *Op.Cit*, h. 40.

²⁶ *Ibid.*, h. 3.

perbedaan pandangan antar elit politik bangsa Indonesia mengenai konstitusi Negara, 5) tidak adanya organisasi kemahasiswaan yang memperjuangkan Islam pada waktu itu, 6) sikap inferior umat Muslim terhadap bangsa Barat sebagai akibat dari penjajahan yang berlangsung selama 3 1/5 abad.

Dalam tulisan Lafran Pane disebutkan, bahwa pada waktu HMI ditubuhkan umat Muslim Indonesia terbahagi ke dalam 4 (empat) golongan: Pertama, golongan awam, yaitu mereka yang mengamalkan ajaran Islam dalam bentuk upacara ritual adat seperti upacara kawin, mati dan selamatan; Kedua, golongan alim ulama dan pengikut-pengikutnya yang mengamalkan dan menghendaki agama Islam diamalkan sesuai dengan ajaran ajaran Islam; Ketiga, golongan alim ulama dan pengikutnya yang terpengaruh oleh ajaran mistik, dan lebih mementingkan kehidupan ukhrawi; Keempat, golongan yang mencoba menyesuaikan ajaran Islam dengan perkembangan zaman di sini dan kini (*place and time*).²⁷

Untuk itulah, Lafran Pane berpandangan tentang perlunya pembentukan organisasi mahasiswa Islam yang boleh dijadikan wadah untuk menjembatani pemisahan antara kelompok-kelompok dalam masyarakat Islam pada satu sisi, serta pandangan yang mendikotomikan antara pengetahuan umum dan pengetahuan Islam di sisi lain. Hal ini seperti dikatakan oleh Sudjoko Prasodjo sepertimana dirujuk oleh Agussalim Sitompul yang mengatakan: “sesungguhnya, tahun-tahun permulaan riwayat HMI adalah hampir identik dengan sebahagian kehidupan Lafran Pane sendiri”,²⁸ kerana dialah pemrakarsa atau salah satu pendiri yang memiliki andil paling besar dalam sejarah penubuhan HMI.

Berdasarkan hasil penelitian sejarah HMI, Kongres XI HMI di Bogor 1974 menetapkan Lafran Pane adalah *inisiator* penubuhan HMI, dan juga pengasas HMI.²⁹ Kemudian, hasil keputusan ini disampaikan kepada isterinya, Martha Dewi, dan ianya

²⁷ Agussalim Sitompul (1982), *HMI dalam Pandangan Seorang Pendeta*, Jakarta: Gunung Agung, h. 35-36.

²⁸ Agussalim Sitompul (1957), “Sejarah Perjuangan Himpunan Mahasiswa Islam”, *Majalah Media*, Jakarta: PB HMI, h. 157-116.

²⁹ Keputusan tersebut tertuang dalam Keteapan Kongres XI HMI No. XIII/XI/1974, yang disahkan pada tarikh 29 Mei 1974.

mengatakan “sangat egois jika bapak menerima surat keputusan tersebut, dan perjuangan tidak akan ada artinya. Namun Lafran Pane, setelah menerima penjelasan tentang latar belakang ketetapan kongres, yang bertujuan untuk menjamin kepastian sejarah, ianya boleh memahaminya, dan tidak menolak keputusan tersebut secara resmi sampai ia meninggal.³⁰

2.3 Penyebaran Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) di Indonesia

Menjelang usianya yang hampir 70 tahun, HMI masih wujud sebagai organisasi luaran universiti yang membawa misi meningkatkan martabat bangsa, dan mendakwahkan Islam. Sejak mula penubuhannya hingga sekarang, HMI telah menunjukkan peranannya sebagai organisasi kader dan organisasi perjuangan. Sebagai organisasi kader dan perjuangan, organisasi HMI telah mengalami pasang surut selari dengan dinamika dan perkembangan zaman. Namun demikian, HMI telah memberikan perananan dan andil tersendiri dalam perjuangan mempertahankan dan mengisi kemerdekaan.


HMI merupakan organisasi yang memiliki akses yang baik dalam struktur kerajaan dan kekuatan yang besar sebagai penggerak dan aktor pembangunan. Ada dua alasan yang memperkuat asumsi ini, iaitu: keberadaan alumni HMI yang tersebar di seluruh wilayah nusantara dan keberadaan HMI yang hadir di sebahagian besar provinsi di Indonesia. Berdasarkan data yang diperoleh dari hasil kongres di Riau tahun 2015, provinsi di Indonesia yang berjumlah 35, hanya ada 1 (satu) provinsi yang tidak ada organisasi HMI, iaitu provinsi Teluk Cenderawasih.

Pada tahun 2015 HMI terdiri dari 14 Badan Koordinator yang berada di wilayah provinsi, dan 158 HMI Cawangan yang berada di daerah tingkat Bandar. Ini artinya

³⁰ Hariqo Wibawa Satria (2010), *Lafran Pane*, Jakarta: PB HMI, h. 50.

tidak semua daerah tingkat bandar terdapat HMI Cawangan, kerana seperti dijelaskan sebelumnya bahawa kewujudan HMI selari dengan Penubuhan HMI.

Tabel 2.1.
Struktur Organisasi HMI³¹



2.4 Badan Koordinator HMI Jawa Tengah-Daerah Istimewa Yogyakarta

Badan Koordinator (BADKO) HMI Jawa Tengah dan Daerah Istimewa Yogyakarta merupakan badan yang mengkoordinator HMI tingkat cawangan di 2 (dua) provinsi ini. Provinsi Jawa Tengah yang terdiri dari 29 kerajaan daerah tingkat II, sementara HMI tingkat cawangan di provinsi ini hanya ada 12 HMI Cawangan, sedangkan di provinsi Daerah Istimewa Yogyakarta yang terdiri dari 4 kerajaan daerah tingkat II ada dua HMI tingkat cawangan.

³¹ PB HMI (2013), "HMI Untuk Indonesia Satu Tak Terbagi", *Hasil-Hasil Kongres HMI ke XXVIII*, Jakarta: PB HMI, h. 246.

HMI Cawangan merupakan organisasi tingkat bandar yang membawahi HMI tingkat Ranting, dan ia (HMI Ranting) adalah struktur organisasi di HMI yang paling bawah, di mana mahasiswa pertama kali masuk sebagai kader. HMI Ranting pada umumnya tumbuh di tingkat fakulti, sedangkan HMI Cawangan di tingkat Bandar.

Gambar 2.2.
Peta Provinsi Jawa Tengah³²



2.5 Bandar Salatiga dan HMI Cawangan Salatiga

2.5.1 Salatiga sebagai Bandar Pendidikan

Salatiga adalah bandar kecil di propinsi Jawa Tengah, secara geografi bandar Salatiga letaknya dikelilingi oleh wilayah Negeri Semarang, dan terletak pada jalur regional Jawa Tengah yang menghubungkan bandar Semarang dan Surakarta. Sejak perluasan wilayah tahun 1992, secara administratif Bandar Salatiga terbagi menjadi 4 (empat) kecamatan dan 22 kelurahan. Luas Wilayah Salatiga sebesar 56.781 km². Terdiri dari 802,297 hektar (14,13%) lahan sawah dan 4.675,813 hektar (85,87%) bukan lahan sawah. Sedangkan jumlah penduduk Salatiga berjumlah 176.795 jiwa (Laki-laki 49% dan Perempuan 51%). Salatiga berada di

³² Seta William J. (2007), *Atlas Lengkap Pelajar Indonesia dan Dunia*, Jakarta: Wahyu Media, h. 25.

ketinggian 450-800 meter dari permukaan laut dan berhawa sejuk serta dikelilingi oleh gunung-gunung, iaitu Merbabu, Telomoyo, dan Gajah Mungkur. Bandar Salatiga dikenal sebagai bandar pendidikan, olah raga, perdagangan, dan transit pariwisata.

Gambar 2.3
Peta Bandar Salatiga³³



Salatiga sebagai Bandar Pendidikan di Jawa Tengah terasa makin melekat di hati masyarakat Indonesia. Universiti Kristian Satya Wacana (UKSW) dan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) menjadi simbol utama pendidikan di bandar kecil berhawa sejuk itu. Selain itu, Salatiga juga menjadi tujuan para pelajar dari daerah lain yang ingin menuntut ilmu di peringkat sekolah menengah.

Berdasarkan data dari Jawatan Pendidikan Salatiga bahawa perkembangan pendidikan di Salatiga mulai dari peringkat sekolah rendah sampai peringkat sekolah menengah mengalami peningkatan sama ada secara kuantiti mahupun

³³ BPS. Kantor Statistik Kodya Salatiga (2004), "Salatiga dalam Angka Indonesia" Kantor Statistik Salatiga, Salatiga. h. 111.

kualiti. Kian hari jumlah pelajar yang menuntut ilmu di bandar Salatiga semakin banyak sama ada mereka berasal dari dalaman negeri mahupun dari luar bandar.

Jadual 2.1.

Lembaga Pendidikan di Salatiga³⁴

No	Peringkat Sekolah	Status Institusi		Jumlah
		Kebangsaan	Swasta	
1.	Peringkat Sekolah Tadika	4	148	152
2.	Peringkat Sekolah Rendah	85	29	114
3.	Sekolah Peringkat Menengah	18	45	63
4.	Universiti / Institusi	1	8	9
	Jumlah	108	230	338

Di samping lembaga pendidikan peringkat Tadika sampai dengan peringkat menengah sebagaimana telah diuraikan di atas, Salatiga memiliki beberapa universiti dan institusi yang berkembang iaitu: Akademi Kebidanan (AKBID) Ar-rum Salatiga, Akademi Kebidanan (AKBID) Bhakti Nusantara Salatiga, Institut Agama Islam Negeri Salatiga (IAIN) Salatiga, Sekolah Tinggi Bahasa Asing (STIBA) Satya Wacana Salatiga, Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) AMA Salatiga, Sekolah Tinggi Teologia (STT) Sangkakala, Sekolah Tinggi Theologi (STT) Nusantara, Sekolah Tinggi Theologi (STT) Berera Salatiga, dan Universiti Kristian Satya Wacana (UKSW). Keberadaan universiti universiti tersebut menggambarkan keberadaan Salatiga sebagai bandar pendidikan.

2.5.2 Organisasi luaran Universiti di Salatiga

Organisasi luaran universiti adalah organisasi mahasiswa yang aktifitinya di luar lingkup universiti, dengan kata lain organisasi mahasiswa yang berada diluar

³⁴ Dokumen pada jawatan pendidikan bandar Salatiga

pembinaan universiti. Organisasi ini biasanya berperanan sebagai organisasi kader, dan memiliki struktur organisasi sampai tingkat nasional. Hal ini tentu berbeza dengan organisasi intra kampus yang aktifitas keorganisasiannya berada dibawah pembinaan pejabat universiti.

Organisasi luaran universiti memiliki kelebihan dibandingkan dengan organisasi intra kampus. Salah satu kelebihannya adalah kekuatan jaringan. Wilayah cakupannya yang luas (nasional), membuat organisasi mahasiswa luaran universiti memiliki ruang yang luas sehingga mampu memperluas sayap dan gerakannya sesuai dengan misi yang mereka impikan. Setiap kader dari sesebuah organisasi mempunyai misi yang sama, maka atas dasar ini pulalah kader-kadernya merasa memiliki peranan yang sama sehingga mampu membuat mereka saling terikat satu sama lain. Keterikatan itulah yang kemudian membuat hubungan antara kader dari daerah tertentu dengan kader di daerah lainnya menjadi satu ikatan emosional yang kuat dan mereka merasa saling menjaga satu sama lainnya. Sejalan dengan hal tersebut, Organisasi luaran universiti sebagai salah satu media bagi mahasiswa untuk mengembangkan potensi dirinya semasa belajar di universiti.

Organisasi luaran universiti yang berkembang di Salatiga adalah sebagai berikut: 1) Himpunan Mahasiswa Islam (HMI); 2) Pergerakan Mahasiswa Islam Indonesia (PMII); 3) Kesatuan Aksi Mahasiswa Muslim Indonesia (KAMMI); 4) Ikatan Mahasiswa Muhammadiyah (IMM); 5) Gerakan Mahasiswa Nasional Indonesia (GMNI); 6) Gerakan Mahasiswa Kristian Indonesia (GMKI); 7) Pergerakan Mahasiswa Katolik Republik Indonesia (PMKRI); dan 8) Fron Pemuda Pelajar Indonesia (FPPI).

2.5.3 Organisasi luaran Universiti

Kewujudan universiti tidak dapat dilepaskan dari kewujudan dan peranan mahasiswa. Kerana mahasiswa merupakan instrumen penting dari dinamika kehidupan universiti, sehingga keduanya bagai dua sisi mata uang yang tidak boleh dipisahkan. Kewujudan mahasiswa dengan ragam gagasan pemikiran dan variasi pergerakannya, dipungkiri atau tidak, pasti mempersyaratkan kebebasan. Dengan kebebasan, mahasiswa dapat mengeksplorasi dan mengekspresikan potensi yang dimiliki.

Gambaran di atas memperjelas bahawa mahasiswa memiliki peranan yang sangat *urgent* bagi perkembangan universiti mahupun kehidupan bermasyarakat. Hal ini disebabkan; 1) mahasiswa sebagai kelompok masyarakat yang memperoleh pendidikan peringkat tinggi dan memiliki pandangan yang cukup luas untuk dapat bergerak di semua lapisan masyarakat, 2) mahasiswa sebagai golongan yang cukup lama dalam dunia akademik dan telah mengalami proses sosialisasi politik terpanjang di antara generasi muda, 3) universiti sebagai tempat terjadinya akulturasi sosial budaya yang beragam sehingga mereka saling mengenal dan melebur dalam sesebuah budaya yang berbagai, 4) mahasiswa sebagai golongan yang akan memasuki lapisan atas dari susunan kekuasaan, struktur ekonomi, dan memiliki keistimewaan tertentu dalam masyarakat sebagai kelompok elit di kalangan kaum muda, 5) mahasiswa aktif terlibat dalam pemikiran dan perbincangan sehingga memungkinkan mereka tampil dalam berbagai kesempatan.³⁵

Disamping itu, wujud pada peribadi mahasiswa 3 (tiga) aspek yang melekat padanya, dan sekaligus sebagai identitinya, iaitu sebagai insan akademik, insan yang memiliki pengalaman dan ilmu berorganisasi serta memiliki jaringan

³⁵Rasimin (2015) "Peranan Mahasiswa dalam Pembangunan Nasional" kertas Kerja yang dibentangkan pada tarikh 14 Ogos 2015

sosial.³⁶ Ketiga aspek inilah yang menjadikan ruh gerakan organisasi luaran universiti.

Tumbuh dan berkembangnya universiti sentiasa selari dengan tumbuh dan berkembangnya organisasi luaran universiti. Adapun organisasi luaran universiti yang berkembang di Salatiga adalah sebagai berikut: 1) Himpunan Mahasiswa Islam (HMI), 2) Pergerakan Mahasiswa Islam Indonesia (PMII), 3) Kesatuan Aksi Mahasiswa Muslim Indonesia (KAMMI), 4) Ikatan Mahasiswa Muhammadiyah (IMM), 5) Gerakan Mahasiswa Nasional Indonesia (GMNI), 6) Gerakan Mahasiswa Kristian Indonesia (GMKI), 7) Pergerakan Mahasiswa Katolik Republik Indonesia (PMKRI), 8) Fron Pemuda Pelajar Indonesia (FPPI).

Sebagai organisasi kader, masing-masing organisasi luaran universiti berusaha untuk merekrut anggota sebanyak-banyaknya untuk dijadikan sebagai kader organisasi. Dinamika organisasi ektra universiti dapat dilihat dari persaingan rekrutmen anggota, perubutan kekuasaan di organisasi intra universiti, serta perdebatan isu-isu keagamaan semasa seperti pluralisme, toleransi, *khilafah* dan perbezaan ideologi organisasi sosial keagamaan serta *background* atau afiliasi politik. Meskipun demikian, dalam waktu yang bersamaan mereka memiliki kesamaan tujuan dan orientasi perjuangan dalam mengambil peranan penting sehingga gerakan mahasiswa dapat menjadi agen perubahan baik bagi perkembangan dinamika kemahasiswaan mahupun perkembangan kehidupan berbangsa dan bermasyarakat.

2.5.4 HMI Cawangan Salatiga

Sejarah ditubuhkannya HMI Cawangan Salatiga tidak terlepas dari kewujudan IAIN di Salatiga. Sejak ditubuhkannya sampai saat ini, IAIN telah melewati sejarah yang cukup panjang, dan mengalami beberapa kali perubahan

³⁶ Temubual dengan Beni Ridwan pada tarikh 20 Ogos 2015

kelembagaan. Penubuhan lembaga ini, bermula dari cita-cita masyarakat Islam Salatiga untuk memiliki universiti Islam. Oleh kerana itu Fakulti Ilmu Pendidikan (FIP) Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan (IKIP) "Nahdlatul Ulama" ditubuhkan di Salatiga. Lembaga ini menempati gedung milik Yayasan "Pesantren Luhur", yang berlokasi di Jalan Diponegoro Nomor 64 Salatiga. Lembaga ini ditubuhkan berkat dukungan dari berbagai pihak, khususnya para ulama dan pengurus Nahdlatul Ulama Jawa Tengah. Lembaga ini dinegerikan bersamaan dengan persiapan ditubuhkannya IAIN Walisongo Jawa Tengah di Semarang.

Gambar 2.4.
Kantor HMI Cawangan Salatiga



Penubuhan HMI Cawangan Salatiga tidak terlepas daripada peranan para tokoh muslim di wilayah Jawa Tengah dan Salatiga. Salatiga sebagai bandar kecil di wilayah Jawa Tengah dikelilingi oleh wilayah Kabupaten Semarang, dan berada pada jalur serantau Jawa Tengah yang menghubungkan bandar Semarang dan Surakarta. Salatiga dikenali sebagai bandar pendidikan, olah raga, perdagangan, dan transit pelancongan. Sisi lain, Salatiga juga dikenali dengan bandar yang sangat toleran terhadap kerukunan keagamaan. Ada dua hal yang melatarbelakangi

ditubuhkannya HMI Cawangan Salatiga iaitu keadaan umat Islam dan keadaan perguruan tinggi dan dunia kemahasiswaan.

Keadaan ummat Islam sebelum ditubuhkannya HMI di bandar Salatiga dapat dikategorikan menjadi 4 (empat) golongan, yaitu: 1) Umat Islam yang menjalankan ajaran Islam pada kegiatan-kegiatan yang bersifat sosial seperti dalam adat upacara perkahwinan, kematian dan penubuhan, golongan ini adalah termasuk jumlah yang paling tinggi; 2) Golongan alim ulama dan pengikut-pengikutnya yang mengenal dan menjalankan ajaran Islam yang diwajibkan secara syari'ah serta kegiatan-kegiatan yang bersifat sosial sepertimana yang dijalankan oleh golongan pertama, dan golongan ini jumlahnya lebih sedikit dari golongan yang pertama. 3) Umat Islam yang lebih banyak memberi perhatian kepada kegiatan keberagamaan pada satu sisi, dan pada sisi yang lain kurang memberi perhatian kepada kegiatan yang bersifat duniawi. Golongan ini diikuti oleh kelompok ahli tarikat. Dan golongan ini lebih sedikit lagi berbanding dengan kumpulan yang kedua. 4) Umat Islam terpelajar adalah golongan yang tekun dan rajin menjalankan ajaran Islam pada satu sisi, dan pada sisi yang lain memberikan perhatian pada peningkatan kualiti umat dalam kehidupan beragama dan kehidupan duniawi.³⁷

Golongan ini berupaya menyesuaikan diri dengan kemajuan zaman yang tidak bertentangan dengan hakikat agama Islam. Mereka berusaha supaya agama Islam itu benar-benar dapat dipraktikkan dalam masyarakat. Golongan ke empat inilah yang banyak melakukan perubahan dalam meningkatkan kualiti kehidupan umat sama ada dalam dunia pendidikan, ekonomi mahupun dalam memahami ajaran Islam yang selaras dengan perubahan zaman akibat kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.³⁸

³⁷ Temubual dengan Rahmat Hariyadi pada tarikh 10 Ogos 2015.

³⁸ Temuabual dengan Zaenal Arifin tarikh 30 Januari 2015

Berasaskan pada keadaan kualiti pendidikan dan faham keagamaan tersebut diatas, sejumlah alim ulama dan tokoh masyarakat menyelenggarakan pengajian agama di masjid-masjid. Kewujudan mahasiswa dan pensyarah IAIN Salatiga menjadi penggerak utama dalam melakukan pembinaan umat pada masa itu hingga sekarang. Aktiviti-aktiviti seperti inilah yang kemudian dapat memperbaiki faham keagamaan dan memperkukuhkan akidah umat Islam.³⁹

Selari dengan cabaran yang sentiasa berubah, umat Islam perlu melakukan pembinaan generasi muda khususnya, dan umat Islam pada umumnya melalui pembinaan kehidupan keluarga yang berkualiti iman dan pendidikannya. Oleh kerana itu, perlu diadakan gerakan sosial keagamaan seperti pengajian agama secara menyeluruh.

Dalam memperkuat gerakan dan peningkatan faham keagamaan di bandar Salatiga dengan mempersiapkan para kader yang berasal dari mahasiswa, maka dinilai perlu untuk menubuhkan organisasi luaran universiti bagi membina kader umat. Penubuhan organisasi ini menjadi penting, kerana pada waktu itu belum ada sesebuah organisasi yang bertunjangkan mahasiswa Muslim di bandar Salatiga. Dalam kondisi seperti ini, gagasan penubuhan HMI di bandar Salatiga mendapat sokongan daripada berbagai unsur masyarakat.

Dalam sejarah perkembangan HMI Cawangan Salatiga boleh dibahagikan kepada 3 (tiga) fasa penting iaitu: 1) fasa persiapan, 2) fasa penubuhan HMI ranting, 3) fasa penubuhan HMI Cawangan. Masing-masing fasa tersebut mempunyai erti proses pertumbuhan organisasi di HMI Salatiga. Adapun fasa-fasa tersebut adalah sebagai berikut:

³⁹ *Ibid*,

2.5.5.1 Fasa Persiapan

Fasa ini merupakan persiapan terbentuknya HMI Ranting di Salatiga yang kemudian hari meningkat statusnya menjadi Cawangan. Dalam rangka persiapan penubuhan HMI Ranting ini, maka mahasiswa IAIN Salatiga dijemput untuk mengikuti *Basic Training* (LK 1) yang diselenggarakan oleh HMI Cawangan Semarang.⁴⁰ Dan mereka inilah yang menjadi anggota HMI pada fasa pertama.

Generasi pertama HMI di bandar Salatiga ada 9 (sembilan) orang yang dengan sungguh-sungguh sentiasa melakukan koordinasi bagi persiapan penubuhan HMI Ranting di bandar Salatiga. Para pengasas tersebut adalah Syarifudin, Rosad Abidin, Pahlawan Mukim, Habib Syaroni Ampri, Muslih, Zaenal Arifin, Nur Badriyah, Margono Abdul Aziz, Muniroh. Semua nama yang tersebut ini adalah mahasiswa IAIN Salatiga.⁴¹

Maklumat penubuhan HMI di bandar Salatiga dibawah binaan Memed (pengurus HMI Cawangan Semarang dan tercatat sebagai mahasiswa Universiti Diponegoro) dan Atwal Arifin (HMI Cawangan Surakarta dan mahasiswa UNS).⁴² Dari kedua orang ini, syarat dan tahapan penubuhan HMI diperoleh dan kemudian berjaya penubuhannya di bandar Salatiga.

Pada fasa penubuhan HMI di bandar Salatiga, banyak tokoh dari kalangan masyarakat Islam menyokong keberjayaan ditubuhkannya HMI, iaitu: Sofan Ahmadi (Cikgu Pendidikan Guru Agama Negeri di Salatiga), Ahmadi (Dekan Fakulti Tarbiyah IAIN Salatiga), Mahrus dan Satibi kedua ini adalah pegawai kerajaan di kementerian agama, sedangkan secara kelembagaan penubuhan HMI disokong oleh Muhammadiyah dan MUI Salatiga.⁴³

⁴⁰ Temubual dengan Nur Badriyah pada tarikh 1 Februari 2016.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*

Pada fasa ini, HMI secara nasional telah mencapai masa kecemerlangannya sebagai sesebuah organisasi yang memiliki sistem pengkaderan yang baik dan terus memperbincangkan mengenai gerakan pembaharuan Islam. Diantara tokoh yang menyuarakan pembaharuan, iaitu Ahmad Wahib, Nurcholis Madjid dan Kuntowijoyo. Semasa dengan perlunya gerakan pembaharuan Islam di Indonesia, HMI Salatiga telah memasuki fasa persiapan dan penubuhan. Kondisi ini ikut menyokong para tokoh Islam dan pengasas HMI di Bandar Salatiga dalam mempersiapkan dan memperkuat organisasi.

2.5.5.2 Fasa Penubuhan HMI Ranting.

Dalam perlembagaan HMI dijelaskan bahawa HMI Ranting merupakan kesatuan organisasi pada suatu perguruan tinggi atau fakulti atau jurusan yang dibina oleh Pengurus Cawangan. HMI Ranting Salatiga ditubuhkan pada tarikh 28 Disember 1981, dan menjabat sebagai Ketua Umum Habib Sya'roni (mahasiswa IAIN Salatiga). Fasa ini disebut sebagai fasa penubuhan HMI Ranting secara rasmi, dan dengan demikian organisasi ini mempunyai kuasa untuk menyelenggarakan *Basic Training* (LK I) secara mandiri.⁴⁴

Masa period pertama HMI Ranting Salatiga tahun 1981-1984. Dalam penyelenggaraan training-training HMI Ranting Salatiga selalu disertai dengan kegiatan-kegiatan sosial seperti bakti sosial. *Basic training* pertama kali diadakan oleh HMI Ranting Salatiga di desa Pucung Dadap Ayam Kecamatan Pabelan Kabupaten Semarang dengan peserta sebanyak 18 delapan belas orang yang terdiri daripada mahasiswa IAIN Salatiga, Universiti Sultan Agung Semarang dan IAIN Walisongo Semarang. Beberapa nama *trainer* dalam pelatihan ini, iaitu: Atwal

⁴⁴ Temubual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 15 Mei 2015.

Arifin (Pensyarah UMS), Ahmadi (Dekan Fakulti Tarbiyah IAIN Salatiga) dan Memed (pensyarah pada Universiti Diponegoro).⁴⁵

Dalam kegiatan diskusi yang diselenggarakan oleh HMI Ranting Salatiga mengundang Pengurus Besar HMI dari Jakarta antara lain R. Sukarman Rono Djoyo (Mahasiswa UII) dan Marwah Daud Ibrahim. Kehadiran dua tokoh dari Jakarta ini memberi erti yang penting bagi pembinaan ahli HMI Ranting di bandar Salatiga.⁴⁶

2.5.5.3 Penubuhan HMI Cawangan Salatiga

Cawangan merupakan kesatuan organisasi yang dibentuk oleh Pengurus Besar di di suatu daerah. Cawangan boleh ditubuhkan dengan sekurang-kurangnya mempunyai pengurus yang terdiri daripada Ketua Umum, Sekretaris Umum dan Bendahara Umum. Pada fasa ini, kewujudan HMI Cawangan Salatiga bermula daripada cawangan persiapan, dan kemudian berubah status menjadi cawangan penuh setelah berjalan selama 4 (empat) tahun dibawah bimbingan Pengurus Badan Koordinator HMI Jawa Tengah dan Daerah Istimewa Yogyakarta.

Pada tahun 1985 HMI Ranting Salatiga memasuki fasa perkembangan dengan berubahnya status menjadi HMI Cawangan. Period pertama HMI Cawangan Salatiga dijabat oleh Dedi Hartono sebagai Ketua Umum, namun pada period tersebut kegiatan-kegiatan organisasi tidak berjalan sebagaimana lazimnya, dikeranakan Dedi Hartono telah bekerja di BRI Salatiga.⁴⁷

Menyikapi persoalan tersebut, pengurus HMI melakukan mesyuarat dan memutuskan dan menetapkan Zaenal Arifin untuk menjabat sebagai Ketua Umum yang baharu. Dalam period 1986 HMI mengalami perkembangan yang cukup baik, selain bertambahnya kuantiti ahli juga kegiatan-kegiatan yang

⁴⁵ Temubual dengan Syarifudin pada tarikh 15 Mei 2015

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid*

dilakukan banyak memberi kesan positif, antaranya ketika melaksanakan *Basic Training* sentiasa ada kegiatan khidmat sosial di desa-desa binaan HMI Cawangan Salatiga.⁴⁸

Pada tahun 1990 HMI Cawangan Salatiga mengalami perkembangan yang menggembirakan dengan masuknya para mahasiswa Universiti Kristian Satya Wacana (UKSW). Penglibatan mahasiswa UKSW dalam organisasi HMI membawa suasana yang berbeza dengan sebelumnya dari aspek misi dakwah dan dinamika kajian yang sentiasa dijalankannya.⁴⁹

Pada kepengurusan HMI Cawangan Salatiga period 1991-1992 dan period 1992-1993, posisi Sekertaris Umum dijabat oleh HMI yang menuntut ilmu di UKSW. Mereka itu adalah Nur Budiarto mahasiswa pada Fakulti Ilmu Keguruan dan pendidikan dan Trimulyantoro mahasiswa pada Fakulti Hukum. Keberadaan dua orang tersebut yang menjabat sebagai Sekertaris Umum HMI Cawangan Salatiga menghairankan ramai orang peserta Kongres HMI⁵⁰ di Pakanbaru tahun 1992.⁵¹

Pada tahun 2000-2015 adalah period yang mana HMI tengah melakukan pembenahan dalaman organisasi baik pada aspek administrasi dan peningkatan kualiti proses perkaderan. Hal ini dijalankan dengan melakukan konsolidasi antar pengurus sehingga mereka mampu mengurus organisasi dan mengembangkannya. Pembahagian waktu antara untuk menuntut ilmu dan mengurus organisasi sentiasa menjadi persoalan dalam setiap period kepengurusan HMI. Sehubungan dengan itu, Mereka menjadwalkan kegiatan rutin yang dijalankan setiap minggu untuk melakukan konsolidasi dan mesyuarat di kantor HMI. Agenda ini berpengaruh positif dalam

⁴⁸ Temubual dengan Nur Badriyah pada tarikh 1 Februari 2016

⁴⁹ Temubual dengan Rofiq Santoso pada tarikh 20 Ogos 2015

⁵⁰ Kongres HMI adalah forum tertinggi di HMI dalam mengambil keputusan strategik, memutuskan kepengurusan berikutnya dan meminta pertanggungjawapan kepengurusan yang lalu.

⁵¹ Pada waktu Ketua Umum HMI Cawangan Salatiga menyampaikan pandangan dalam Kongres HMI di Pakanbaru, ia menyampaikan bahawa HMI Cawangan Salatiga telah berjaya menubuhkan HMI Ranting di Universiti Kristian Satya Wacana, dan bahkan Sekertaris Umum pada period ini adalah mahasiswa UKSW yang hadir di tengah-tengah kegiatan Kongres. Mendengar informasi ini, ramai peserta Kongres mengapresiasi. Temubual dengan dengan Ali Sadzali pada tarikh 8 Ogos 2015.

pelaksanaan kegiatan-kegiatan yang diamanatkan kepada pengurus, kata Budi Wahyu Utomo.⁵²

Pada masa ini, jumlah ahli dan lembaga di HMI Cawangan Salatiga tidak mengalami perkembangan yang cukup signifikan. Sesuai dengan dokument yang ada di kepengurusan HMI Cawangan Salatiga, antara tahun 2000-2014, ahli HMI berjumlah 255 orang yang tersebar di 3 (tiga) HMI Ranting yaitu: Walisongo, Ganesha, dan Diponegoro.⁵³

Pada akhir tahun 2015 Perkembangan HMI Cawangan Salatiga mengalami perkembangan kelembagaan yang cukup baik. Hal ini dapat dilihat daripada ditubuhkannya 2 (dua) HMI Ranting baru, yaitu Ranting Karnoto Zarkasi dan Lafran Pane. Adapun kader-kader HMI Cawangan Salatiga berasal dari beberapa universiti di Salatiga, yaitu: Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Universiti Kristian Satya Wacana (UKSW), dan Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) "AMA". Perkembangan HMI yang ditandai dengan bertambahnya jumlah HMI Ranting disebabkan bertambahnya jumlah fakulti yang ada di IAIN Salatiga. HMI Ranting Walisongo menghimpun mahasiswa yang menuntut ilmu di Fakulti Tarbiyah dan Ilmu Keguruan, HMI Ranting Ganesha menghimpun mahasiswa yang menuntut ilmu di Fakulti Usuludin, Adab dan Humaniora, HMI Ranting Karnoto Zarkasi menghimpun mahasiswa yang menuntut ilmu di Fakulti Syariah; HMI Ranting Lafran Pane menghimpun mahasiswa yang menuntut ilmu di Fakulti Dakwah; HMI Ranting Diponegoro menghimpun mahasiswa yang menuntut ilmu di UKSW dan STIE "AMA".⁵⁴

⁵² Temubual dengan Wahyu Budi Utomo pada tarikh 5 Februari 2015

⁵³ Ahmad Fauzi (2016), *Perkembangan HMI Cabang Salatiga*, Salatiga: LAPMI Press, p. 23-33.

⁵⁴ Temubual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 15 Mei 2015

Jadual 2.2.

Nama HMI Ranting di HMI Cawangan Salatiga⁵⁵

No	Nama Ranting	Alamat Sekretariat	Jumlah Anggota
1	HMI Ranting Walisongo	Jl. Jangkungan RT 04 RW 04 Salatiga	243
2	HMI Ranting Ganesa	Jl. Nakula Sadewa Sidorejo Salatiga	135
3	HMI Ranting Karnoto Zarkasi	Jl. Lingkar Saltiga, Salatiga	150
4	HMI Ranting Lafran Pane	Jl. Merdeka Selatang 3 Soka salatiga	70
5	HMI Ranting Diponegoro	Jl. Diponegoro Kecamatan Sidorejo Bandar Salatiga	25
Jumlah			598

Adapun nama-nama ketua umum HMI Cawangan Salatiga adalah sebagai berikut:

1. Aris Suparlan (period 1987-1988)
2. Rahmat Hariyadi dan Nadhir (period 1988-1989)
3. Jamzuri (period 1990-1991)
4. Rofik Santosa dan Nur Budiarmo (period 1991-1992)
5. Ali Sadzali dan Trimulyantoro (period 1992-1993)
6. Mufiq dan Anung Rawan Ekoyanto (period 1993-1994)
7. Sunarmin dan Abdullah Tuang (period 1994-1995)
8. Abdullah Tuang dan Jamhari (period 1996-1997)
9. Sulaiman G. Songge dan M. Rifai (period 1997-1998)
10. Syaemuri dan Aris Nurhamidi (period 1998-1999)
11. Wihaji dan M. Khafi Sabad (period 1999-2000)
12. M. Khafi Sabad dan Choirul Anwar (period 2000-2001)


⁵⁵ *Ibid.*,

13. Choirul Anwar dan M. Yusuf (period 2001-2002)
14. Ahmad Fauzi dan Fita Izzul Fitria (period 2003-2004)
15. Lukman Fahmi dan Irfan Charis (period 2004-2005)
16. Nur Hakim dan Bebeng Ahyani (period 2005-2006)
17. Bebeng Ahyani, Muhtar Lutfi (period 2007-2008)
18. Ilman Nafia dan Misranto (period 2009-2010)
19. Toriq Huda Kurniawan dan Wahyu Budi Utomo (period 2010-2011)
20. Wahyu Budi Utomo dan Nur Wachid Effendi (period 2011-2013)
21. Nur Wachid Effendi dan Miftachul Syaefudin (period 2013-2014)
22. Indi Yusuf dan Miftachul Syaefudin (period 2014-2015)
23. Muhammad Prasetyo dan Jarwati (2015-2016)
24. Sahal Munir dan Didik Nugroho (2015-2016).⁵⁶

⁵⁶ Ahmad Fauzi (2016), *Op.Cit.*, h. 17-18


Rajah 2.5.

Struktur Organisasi HMI Cawang Salatiga⁵⁷



⁵⁷ PB HMI. (2013). *Op.Cit.* h. 260.

Rajah 2.6.
Struktur Organisasi HMI Ranting⁵⁸



2.6 Kesimpulan

Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) ialah organisasi luaran universiti yang ditunjangi oleh mahasiswa muslim yang pertama ditubuhkan di Indonesia, tepatnya pada tarikh 5 Februari 1947 di Bandar Yogyakarta Indonesia. Pengasas organisasi ini adalah lafran Pane mahasiswa pada Sekolah Tinggi Islam yang sekarang berubah nama menjadi Universiti Islam Indonesia (UII). Tujuan semula penubuhan HMI adalah membangunkan modal insan yang memiliki pengetahuan agama dan wawasan kebangsaan, serta mempertahankan kemerdekaan Indonesia. Usia HMI yang hampir mencecah 70 tahun telah pun tersebar di 34 provinsi daripada 35 provinsi yang wujud di Indonesia. Struktur organisasi HMI terdiri dari Pengurus Besar (PB) yang berpusat di Jakarta, Badan Koordinator (BADKO) HMI di tingkat provinsi, HMI Cawangan dan Ranting di daerah.

Perkembangan HMI Cawangan Salatiga terbahagi ke dalam 3 fasa, iaitu: Persiapan Penubuhan Ranting, Penubuhan HMI Ranting, Penubuhan HMI Cawangan Salatiga. Penubuhan dan perananan HMI Cawangan Salatiga yang berada di bawah binaan Badan Koordinator (BADKO) HMI Jawa Tengah dan Daerah Istimewa Yogyakarta oleh kerana adanya sokongan dari beberapa tokoh agama di Bandar Salatiga. Sokongan ini diberikan bagi menyiarkan dakwah Islam, dan membangun modal insan yang siap untuk melakukan dakwah.

HMI Ranting di Bandar Salatiga ditubuhkan pada tahun 198i, dan pada tahun 1985 berubah status menjadi HMI Cawangan. Kewujudan HMI ini ditunjangi oleh mahasiswa yang menuntut ilmu di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Salatiga, dan 3 (tahun) berikutnya wujud sebahagian mahasiswa Universiti Kristian Satya Wacana (UKSW) yang menjadi ahli HMI. Dan bermula dari itu, ditubuhkan HMI Ranting Diponegoro yang ditunjangi oleh mahasiswa Muslim yang menuntut ilmu di UKSW.

Pada tahun 2015, selari dengan perkembangan fakulti di IAIN Salatiga, maka ditubuhkanlah beberapa Ranting yang ditunjangi oleh fakulti-fakulti baharu. Diantara ranting yang baru tersebut ialah Karnoto Zarkasi dan Lafran Pane. Adapun HMI Ranting yang telah ditubuhkan sebelumnya, iaitu: Walisongo, Ganesa, dan Diponegoro.

University of Malaya

BAB III: PEMIKIRAN PEMBAHARUAN ISLAM HMI

3.1. Pengenalan

Bab ini akan membuat huraian mengenai beberapa pemikiran keagamaan HMI mengenai Islam, terutama yang berkenaan dengan dasar-dasar kepercayaan terhadap Islam yang sepatutnya dipegang kuat dalam berakidah oleh setiap ahli HMI. Selain itu, dibahas pula mengenai fahaman tentang takdir dan ikhtiar, keadilan sosial dan ekonomi, kepentingan ilmu pengetahuan, serta hubungan agama dengan negara.

Kemodenan adalah sebuah sikap yang kritikal dan rasional dalam memahami problem kehidupan manusia, dan ianya tidak terhad oleh idea-idea masa lampau yang tidak relevan lagi di masa kini.¹ Dalam bidang pemikiran, Islam moden lahir selepas umat Islam sedar akan kemajuan dunia Barat moden dan sebaliknya dunia Islam dalam keadaan terbelakang dari aspek sosial dan ekonomi. Dengan demikian, persoalan yang dihadapi adalah bagaimana memahami agama yang selaras dengan semangat moden atas dasar pandangan bahawa Islam merupakan ajaran yang universal yang di dalamnya mengandungi norma pelbagai aspek kehidupan, sama ada yang berkaitan dengan persoalan ritual mahupun sosial.

Ciri pemikiran dan gerakan pembaharuan dalam Islam antara lain adalah rasional,² iaitu menghargai dan menempatkan akal dalam posisi yang tepat dalam mengkaji kefahaman terhadap agama.³ Oleh kerana penggunaan akal inilah maka lahir faham keagamaan yang substantif yang sekaligus menjadi ciri kedua dari pemikiran ini. Dari aspek masa, berpikir rasional dan substantif yang demikian sentiasa selaras dengan masa dan tempat di mana Islam wujud sebagai sebuah kefahaman dan sikap pandangan

¹ Dalier Noer (1996), *Gerakan moden Islam di Indonesia 1900-1942*, Jakarta: LP3S, h. 12.

² Kacung Marijan (1992), *Quo Vadis NU Setelah kembali ke khittah 1926*, Jakarta: Erlangga, h. 38.

³ Ahmad Jaenuri (2004), *Orientasi Gerakan Islam moden*, Surabaya: LPAM, h. 94.

hidup ini tidak dapat dilepaskan daripada pengaruh modenisme di Barat.⁴ Maka kedua ciri inilah yang dijadikan sebagai asas penting dalam menganalisis pemikiran HMI yang dianggap sebagai pemikiran moden.

3.2. Dasar-dasar Kepercayaan Islam dalam Pemahaman HMI

Bagi HMI, Islam merupakan asas organisasi yang melandasi halatuju dan gerakan organisasi. Di sisi lain, Indonesia merupakan tempat di mana HMI membuat perancangan program aksi sempena ikut serta mempertingkatkan derajat bangsa Indonesia, khasnya umat Islam. Dengan kata lain, HMI berada di 2 (dua) wilayah perjuangan iaitu: Mendakwahkan Islam kepada masyarakat Muslim dengan melakukan pembinaan modal insan melalui para ahli HMI, dan kerana HMI tumbuh dan berkembang di Indonesia, maka arah perjuangan HMI sentiasa selari dengan halatuju pembangunan kebangsaan dan kenegaraan di Indonesia.

Pada masa penubuhan HMI, umat Islam dihadapkan pada persoalan fahaman keagamaan yang beragam pada satu sisi, dan pada sisi yang lain umat Islam yang berada pada kondisi miskin dan tidak terdidik oleh kerana mereka hidup dibawah kolonialisme Belanda selama 3,5 abad tanpa diberi kesempatan untuk memperoleh hak menuntut ilmu di pelbagai peringkat sekolah. Akibatnya, umat Islam Indonesia disibukkan dalam perdebatan persoalan faham keagamaan yang bersifat *furuiyyah* sampai dengan masalah asas negara. Pada aspek yang lain, rendahnya pendidikan umat Islam Indonesia berakibat kepada ketidakbolehan dalam mengurus pelbagai aspek kehidupan yang wujud pada masa itu.

Berdasarkan gambaran kondisi faham keagamaan tersebut diatas, HMI merumuskan dasar-dasar kepercayaan dalam Islam yang membahas ajaran dasar Islam. Fahaman keagamaan yang dirumuskan oleh HMI ini merupakan hasil daripada pembacaan terhadap umat dalam memahami Islam yang cenderung “*jabariyah*” serta

⁴ Akbar S. Ahmad (1992), *Post modernism and Islam*, London: Routledge, h. 31.

bersikap taklid. Faham keagamaan yang juga berhubungkait dengan dasar-dasar kepercayaan dalam Islam yang juga dirumuskan oleh HMI adalah pemahaman mengenai taqdir dan ikhtiyar serta isu-isu semasa. Rumusan faham keagamaan ini sebagai upaya bagi penambahbaikan pemahaman para ahli HMI terhadap Islam.

Dalam bab dasar-dasar kepercayaan⁵ disebutkan bahawa manusia perlu kepada sistem kepercayaan yang mana di dalamnya terdapat tata nilai yang boleh dijadikan sebagai pegangan hidup manusia. Lebih lanjut ditegaskan bahawa sistem kepercayaan yang boleh menjamin kehidupan manusia hanyalah sistem kepercayaan yang benar, sebab jika ia silaf, justeru akan membahayakan bagi kehidupan manusia. Wujudnya sistem kepercayaan yang tidak benar pada gilirannya akan melahirkan sistem nilai yang tidak benar pula. Faham keagamaan, utamanya mengenai sistem kepercayaan ini menjadi asas bagi para ahli HMI dalam memahami Islam yang banyak mengandungi nilai-nilai.

Seterusnya, nilai-nilai tersebut dianuti dan dijadikan pegangan dalam menjalani kehidupan beragama dan bermasyarakat. Islam sebagai agama samawi yang diperuntukkan bagi umat manusia, jika difahami secara benar dan dihayati serta diamalkan dengan sungguh-sungguh maka ianya akan membolehkan jalan untuk menghantar kepada kebahagiaan hidup di dunia (*al-dunya*) dan akhirat (*al-akhirat*).⁶

Dengan demikian, syarat sistem kepercayaan yang diyakini oleh manusia haruslah benar sehingga boleh memandu dalam menjalani kehidupannya dengan benar dan baik pula. Permasalahan yang dihadapi oleh manusia, dan ia nyata terjadi, adalah banyaknya sistem kepercayaan di tengah-tengah kehidupan masyarakat sebagai sistem nilai yang dianuti. Dalam pandangan HMI, ragam kepercayaan berbeza satu dengan lainnya melahirkan tiga kemungkinan; 1) Semua kepercayaan tersebut terpesong, 2) Salah satu di antara kepercayaan tersebut adalah benar; dan 3) Ada kemungkinan

⁵ PB HMI (2013), Hasil-hasil Kongres HMI ke XXVIII: HMI untuk Indonesia Satu Tak Terbagi, Jakarta: PB HMI, h.164

⁶ Temuabual dengan Imam Subqi pada tarikh 18 Ogos 2015

masing-masing kepercayaan mengandung unsur-unsur kebenaran dan kepalsuan yang saling bercampur gaul. Kesalahan sistem kepercayaan boleh jadi berlaku semasa proses pemesongan (*distorsi*) kefahaman sebagai akibat adanya kehadiran faham-faham yang masuk ke dalam sistem kepercayaan itu, atau kerana pegangan kepercayaan yang tersilaf sejak semula. Dalam konteks Indonesia, hal ini boleh terjadi mengingat bangsa Indonesia pada awalnya bahkan sebelum kehadiran Islam lagi telah memeluk agama Budha dan Hindu. Dalam kes tertentu, terjadinya percampuran antara ajaran agama Islam dan agama yang dianut mereka sebelumnya seperti terlihat pada saat upacara kematian, menyambut kelahiran anak, perkahwinan dan sebagainya.⁷

Atas dasar keadaan sistem kepercayaan yang salah dan bercampur baur, Allah SWT mengutus para rasul-Nya dengan membawa risalah *ilahiyyah* berupa ajaran *monotheism* (kepercayaan hanya kepada satu Tuhan) sempena memperbaiki sistem kepercayaan yang dianuti pada ketika itu. Ajaran *monotheism* yang dibawa oleh Muhammad SAW merupakan kelangsungan daripada risalah-risalah kenabian sebelumnya. Hal ini seperti ditulis oleh Martin Lings (1983)⁸ bahawa kehadiran Muhammad SAW membawa misi untuk membebaskan umat manusia daripada sistem kepercayaan yang terpesong dan membuat pelurusan dengan ajaran tauhid. Sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran dalam surat an-Nahl: 89:

وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِّنْ أَنْفُسِهِمْ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَىٰ هَٰؤُلَاءِ
وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبْيِينًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

Ertinya: dan (ingatkanlah tentang) hari Kami bangkitkan Dalam kalangan tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri; dan Kami datangkanmu (Wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu); dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu

⁷ Salah satu bentuk tradisi upacara perkahwinan dalam masyarakat Muslim yang kemasukan unsur budaya agama Hindu dan Budha adalah membuang hewan peliharaan di setiap melewati jambatan pada saat menghantar pengantin laki-laki menuju ke rumah pengantin putri.

⁸ Martin Lings (1991), *Muhammad; His Life Based on the Earliest Sources*, Islamic Texts Society, Lihat juga: Karen Armstrong (2009), *Muhammad; Prophet for Our Time*, Harper Collins Publishers, h. 12

dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita Yang menggembarakan, bagi orang-orang Islam.

Berdasarkan keadaan kehidupan beragama dan kefahaman umat Muslim Indonesia terhadap ajaran Islam yang telah diuraikan sebelumnya, maka HMI merumuskan perlunya kajian mengenai dasar-dasar kepercayaan Islam yang dibangun berdasarkan hujjah. Kefahaman yang dirumuskan oleh HMI merupakan dasar-dasar kepercayaan Islam dengan meliputi seperti; Pengertian Tuhan dan sifat-sifat-Nya, wahyu Allah, rasul Allah, qadar sebagai ketentuan hukum-hakam Allah (*sunnatullah*), dan hari kiamat. Fahaman lain yang juga diasaskannya adalah pengertian ikhtiar dan taqdir. Oleh sebab itu HMI dengan kedua konsep ini diterjemahkan dengan “kemerdekaan dan keharusan universal”.

3.2.1. Tentang Tuhan

Dalam Islam, ilmu yang membahas tentang Tuhan adalah ilmu tauhid. Kata “*tauhid*” berasal daripada kata “*wahid*” yang ertinya “satu” atau “esa”. Oleh sebab itu, pemberian makna secara *harfiyah* ke atas erti *tauhid* iaitu “menyatukan” atau “mengesakan”. Selari dengan pengertian secara bahasa, tauhid adalah ajaran yang mengajarkan tentang keesaan Allah S.W.T. sebagai satu-satunya tempat bergantung dan sumber kebenaran.⁹ Pengertian tauhid yang demikian mengandungi makna bahawa orang yang beriman dengan tauhid yang benar, maka iainya hanya berserah diri (*islam*) kepada Allah Yang Maha Esa.

Sedangkan istilah lain daripada ilmu tauhid adalah *ilmu al-kalam*, *ilmu al-Aqaid*, teologi Islam dan lain-lainnya. Pemberian nama ilmu tauhid merujuk kepada subjek kebahasaan yang membincangkan keesaan Allah SWT, ilmu kalam merujuk kepada

⁹ Nurcholish Madjid (1992), *Islam Doktrin Dan Peradaban: Sebuah Telaah Kritis Tentang Masalah Keimanan, Kemanusiaan Dan Kemoderenan*, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina, h. 72.

kalamullah sebagai objek kajian, dan demikian juga halnya dengan penamaan *ilmu al-Aqid* yang merujuk kepada keyakinan sebagai objek kajiannya. Pada masa kini, bidang kajian ini lebih dikenal dengan teologi yang diambil daripada bahasa Greece. Ibn Kaldun mendefinisikan ilmu kalam adalah ilmu yang menggunakan hujjah logik dalam mempertahankan kepercayaan dan menolak pemikiran yang menyimpang ajaran yang dianuti oleh kaum Muslimin.¹⁰ Sementara itu, William Resse mentakrifkan teologi dengan menyatakan bahawa teologi merupakan disiplin ilmu yang meletakkan kebenaran wahyu dengan menggunakan falsafah dan ilmu pengetahuan secara independen (bebas).¹¹

Dengan demikian, tauhid adalah ilmu yang mengkaji sistem keyakinan dan susunan akidah kaum Muslim dengan menggunakan akal dan wahyu. Akal digunakan untuk memperkuat sistem kepercayaan umat Islam serta meneguhkan keimanannya sehingga tidak muncul lagi keraguan dalam hati mereka. Penyelidik menilai bahawa kajian mengenai tauhid yang difahami oleh HMI merupakan hasil daripada kajian para ahli HMI dengan merujuk kepada makna substantif yang dijelaskan dalam sejumlah ayat al-Quran. Selain itu, penekanan terhadap pentingnya kajian ini juga berasaskan atas rendahnya kefahaman ahli HMI terhadap Islam khususnya, dan kefahaman umat Islam terhadap ajaran asas Islam yang mengarah kepada fahaman fatalisme dan kejumudan dalam cara berfikir. Oleh kerana demikian, alasan HMI cenderung menggunakan sub tema dasar-dasar kepercayaan yang merupakan bahagian lengkap daripada nilai-nilai dasar perjuangan.

Tajuk ini juga memberi kesan bahawa apa yang hendak disampaikan dengan dasar-dasar kepercayaan yang diasaskan oleh HMI adalah kefahaman tentang nilai-nilai ketuhanan yang boleh dijadikan sebagai landasan perjuangannya. Nurcholish Madjid, salah satu perumus Nilai-Nilai Dasar Perjuangan megukuhkan dengan

¹⁰ Ibn Khaldun (t.t.), *Muqaddimah*, (terj.) Ahmadi Thoha, Jakarta:Pustaka Firdaus, h. 589.

¹¹ William L Resse (1980), *Dictionary of philosophy and Religion*, USA: Humanites Press Ltd, h. 28-29.

menjabarkan makna kalimat “syahadat” awal yang berbunyi “*la ilaha illa Allah*” (Tidak ada Tuhan selain Allah) merupakan ruh yang paling mendasar dalam ajaran dasar Islam. Dalam kalimat ini terdapat kata “peniadaan atau penafian” yang diambil daripada kata “*la ilaha*”, sedangkan kata “pengecualian” ada pada kata “*illa Allah*”. “Tidak ada Tuhan” yang mengandung pengertian meniadakan atau menafikan segala bentuk kepercayaan, sedangkan perkataan “selain Allah” memperkecuali satu kepercayaan hanya kepada kebenaran.¹²

Kata “peniadaan” atau “*nafi*” dimaksudkan agar manusia membebaskan dirinya daripada belenggu seluruh kepercayaan yang ada, dan kata “pengecualian” dimaksudkan agar manusia hanya tunduk kepada kebenaran dalam menetapkan dan memilih nilai-nilai. Nilai yang ditetapkan dan dipilih adalah kebenaran mutlak, yaitu Allah, Tuhan Yang Maha Esa.¹³ Penjelasan mengenai “syahadah” yang merupakan rukun Islam pertama ini telah memperlihatkan tentang kefahaman tauhid yang sangat mendalam, di mana seorang Muslim hanya boleh tunduk kepada Allah SWT. Nurcholis Madjid menjelaskan pengertian *la ilaha illa Allah* sebagai berikut:

“Kalimat syahadat atau kesaksian yang pertama itu mengandung apa yang secara masyhur dikenal sebagai rumusan al-nafy wa al-ithbat (peniadaan dan peneguhan, negasi dan konfirmasi). Dengan nafi itu kita membebaskan diri dari setiap keyakinan mitologik yang palsu dan membelenggu serta merenggut martabat kemanusiaan kita sebagai makhluk Allah yang paling tinggi. Dan dengan konfirmasi itu kita tetap menyatakan kepada wujud Maha Tinggi yang sebenarnya.”¹⁴

Seseorang tidak akan disebut beriman hanya kerana dia “percaya” akan adanya Allah SWT, Sang Pencipta langit dan bumi, akan tetapi pada masa yang bersamaan ianya mempercayai sesuatu selain Allah. Hal ini seperti terjadi pada masyarakat Mekah Quraisy yang mempercayai adanya Allah, namun dalam masa yang bersamaan mereka

¹² Nurcholis Madjid (1992), *Islam Doktrin dan Peradaban: Sebuah Telaah Kritis tentang Masalah Keimanan, Kemanusiaan dan Kemoderenan*, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina h. 55.

¹³ PB HMI (2013), *Op. Cit.*, h. 164

¹⁴ Nurcholis Madjid (1992), *Op Cit.*, h. 80.

mensyirikkan Tuhan dengan lainnya (*al-Musyrikun*), iaitu orang yang mempercayai akan adanya sekutu Allah), yakni dengan cara membuat berhala-berhala dan kemudian meminta kepadanya perlindungan, pertolongan, keselamatan dan seterusnya.

Iman juga mengandungi erti dinamik, bergerak dan berubah dikanakannya ianya merupakan sikap batin atau hati seseorang. Perubahan derajat iman boleh terjadi kerana keadaan kejiwaan seseorang, lingkungan di mana ia tinggal atau faktor lainnya yang memungkinkan mempengaruhi iman seseorang. Batin atau hati dalam bahasa Arab disebut *qalbu* yang ertinya “sesuatu yang berganti-ganti atau berubah-ubah ataupun berbolak-balik.”¹⁵ Jika demikian, maka iman seseorang perlu dijaga dan tingkatkan kualitasnya menuju ke arah yang lebih baik dan sempurna. Sementara iman yang sudah baik kualitasnya harus tetap dipelihara agar ia tetap murni, bersih dan suci. Untuk itu, iman memerlukan usaha (*jihad*), cara dan jalan menuju ke arah kesempurnaan. Penjelasan iman yang merupakan ungkapan batin atau jiwa yang disebut *qalb* dalam pengertian bahasa Arabnya ialah berubah-ubah yang juga memperkuat hujah mengapa kualiti iman seseorang terkadang naik dan suatu ketika ianya turun.

Dalam khazanah Islam terdapat beberapa istilah yang menggambarkan erti kiasan “jalan”, iaitu: “*syari‘ah*”, “*tariqah*” “*sabil*”, *shirat*” dan “*minhaj*”. Idea dasar daripada erti kiasan ini adalah usaha yang harus dijalankan manusia guna meningkatkan kualiti hidup sampai pada tahap kesempurnaan iaitu melalui jalan benar dan lurus. Iaitu, “jalan” yang arahnya lurus dan konsisten (pendirian tetap) menuju kepada kebenaran mutlak, Allah SWT. Di sisi lain, Allah dijelaskan sebagai “Dia Yang Pertama dan Dia Yang Penghabisan”. Seluruh yang wujud di dunia ini, selain Allah itu sendiri, berasal daripada Allah yang akan berakhir pada-Nya. Bagi HMI, jalan yang ditempuh untuk membangun pola berfikir yang berketuhanan merupakan dasar utama dalam membangunkan masyarakat berperadaban atau “masyarakat madani” menurut istilah

¹⁵ Lisanul Arab

Nurcholis Madjid. Pola berfikir yang sedemikian rupa boleh dikembangkan melalui penanaman fahaman tauhid yang dihuraikan daripada kalimat “*la ilaha Illa Allah*”. Dalam Islam, kalimat “*la ilaha Illa Allah*” merupakan dasar ajaran tauhid yang paling utama dan sangat mendasar.

Kata “iman” yang terambil daripada kata “*amana*” juga membawa maksud aman yang sama ertinya dengan sentosa dan sejahtera, kemudian dari kata “*amana*” muncul pula kata “*amanat*” yang ertinya suatu keadaan dapat dipercayai atau diandalkan (*trust worthiness*). Menurut Nurcholis Madjid, terjemahan daripada kata “iman” tidak sekedar “percaya” seperti percayanya syaitan kepada Tuhan, kerana pengertian iman sebagai “percaya” tanpa akibat logik yang nyata yang tidak membawa makna. Lebih lanjut, iainya mengatakan bahawa mempercayai atau menaruh kepercayaan lebih tepat untuk menterjemahkan kata “iman”, dimana terkandung di dalamnya pengertian sikap atau pandangan hidup yang boleh membawa kesedaran diri kepada Tuhan (*tawakkal*).¹⁶

Mengikut panduan HMI, Islam merupakan sistem nilai yang berasal daripada Yang Maha Benar, menuju serta berakhir kepada Yang Maha Benar pula. Dalam konteks inilah, manusia menempuh jalan kebenaran dengan halatuju tertentu kepada sistem nilai yang bersumber daripada Allah SWT, dan sekaligus menuju kepada kebenaran dan mengarah kepada “persetujuan” atau “*redha*” Allah. Pengertian serupa sepertimana yang tercermin dalam kalimat “*inna lillaah wa inna ilaih al-raji’un*”.¹⁷

Seterusnya, seseorang yang imannya benar, maka cara pandang terhadap alam (*world view*) dan perilakunya menggambarkan kebaikan Tuhan. Dalam konteks ini, keimanan yang benar dan *fitrah* manusia secara bersama-sama memiliki kecenderungan menuju kepada kebenaran (*hanif*). Ke dua-dua karakter inilah yang mendorong manusia untuk selalu melakukan kebaikan (*amal shaleh*) sebagai wujud daripada berserah diri (Islam) kepada Yang Maha Kuasa, Sementara itu, hati nurani (*dhamir*) yang ada pada

¹⁶ Nurcholis Madjid (1995), *Pintu-Pintu Tuhan*, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina, h. 7- 94.

¹⁷ PB HMI (2013), *Ibid*, h. 164.

diri seseorang sebagai pemancar keinginan dan pendorong seseorang untuk melakukan kebaikan, kesucian dan kebenaran.

Dari sisi lain, pernyataan bahawa “manusia berasal dari dan akan kembali kepada Allah” memberi makna bahawa seluruh aktiviti ritual (*ibadah*) dan karya manusia selama di dunia harus ditujukan untuk mencari keredhaan Allah SWT. Dalam membahas tentang unsur manusia yang terdiri daripada sifat *fitrah* dan *dhamir* serta hubungannya dengan iman kepada Allah, menegaskan bahawa manusia merupakan makhluk yang suci dan akan kembali kepada Zat Yang Suci iaitu Allah SWT.

Penjelasan tentang Tuhan, HMI tidak membahas-Nya sepertimana para pakar teologi pada umumnya melainkan ia lebih banyak membahas berkenaan dengan sifat-sifat Tuhan dan hubungannya dalam pengertian iman dan Islam. Iman menuntut adanya konsistensi seorang mukmin untuk berfikiran positif (*khusnu al-zon*), yakni sikap optimistik kepada Tuhan pada satu sisi, serta kemantapan kepada-Nya sebagai Yang Mahakasih dan Maha Sayang (*al-rahman dan al-rahim*) di sisi lain.

Maka salah satu fungsi dari pengetahuan tentang Tuhan untuk menjelaskan bagaimana manusia meletakkan kepercayaan kepada Tuhan, dalam pandangan *grafiknya*, seharusnya seorang manusia melihat ke atas hanya kepada Tuhan, dan melihat ke bawah kepada alam, sedangkan kepada sesama manusia harus melihat secara horizontal (*merentas*).¹⁸ Dari grafik inilah terlihat segitiga hubungan cara pandang seorang mukmin, iaitu: Vertikal sebagai bentuk penghambaan manusia kepada Allah SWT, dan cara pandang “ke bawah” terhadap alam sebagai bentuk rasa syukur yang diwujudkan dalam pengurusan dan pemanfaatannya secara baik. Sementara cara pandang yang merentas merupakan perjuangan bagi tujuan memperoleh dan mempertahankan harkat dan martabat kemanusiaan. Sepertinya, kajian HMI dalam membahas aspek ketauhidan secara mendalam dan substantif ini boleh menjawab soalan

¹⁸ Temuabual dengan Beni Ridwan pada tarikh 8 Januari 2016.

yang dibincangkan oleh Fazlur Rahman mengenai pentingnya menuju ke arah “Rekonstruksi Teologi Islam”.¹⁹

Dalam memperjelas sifat Tuhan Yang Maha Esa, HMI merujuk pada penjelasan Al-Quran, antara lain:

a. Surat al-Ikhlâs:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ (١) اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ (٢) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ (٣) وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝ (٤)

Ertinya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; (2) "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; (3) "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan; (4) "Dan tidak ada sesiapaupun Yang serupa denganNya".

b. Surat Al Hadid: 3

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ ۗ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ۝ (٣)

Ertinya: Dia lah Yang awal dan Yang Akhir; dan Yang zahir serta Yang Batin; dan Dia lah Yang Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

c. Surat al-Baqarah: 115

وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ ۚ فَأَيْنَمَا تُولُوا فَتَمَّ وَجْهُ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ وَسِعَ عِلْمُهُ ۝ (١١٥)

¹⁹ Fazlur Rahman (2000), *Islam Dan Modernitas Tentang Transformasi Intelektual*, Bandung: Pustaka, h.82.

Ertinya: dan Allah jualah Yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah Yang direndhai Allah; Sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi sentiasa mengetahui.

Merujuk pada ayat-ayat di atas, konsep tauhid yang ditawarkan merupakan penegasan akan kemahaesaan Tuhan, dan Allah adalah satu-satunya tempat menaruh segala harapan. Dalam Islam, pemahaman ini disebut dengan paham *tauhid*, yaitu mengesakan Tuhan. Lawannya adalah syirik atau politeisme, iaitu percaya akan adanya Tuhan, tetapi dalam waktu yang bersamaan juga mempercayai kepada wujud-wujud lain yang dianggap bersifat ketuhanan.²⁰ Pemikiran dan perilaku yang sedemikian rupa menggambarkan bahwa ia tidak lagi bertauhid, melainkan ia menyekutukan Tuhan. Totaliti seseorang dalam berislam yang didasarkan pada ajaran tauhid sama dengan pengertian kata “muslim”, iaitu orang yang hanya berserah diri kepada Allah.

3.2.2. Tentang Wahyu (al-Quran)

Al-Quran sebagaimana diyakini oleh umat Islam bahawa ianya merupakan wahyu Allah yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril sebagai kitab suci terakhir. Kata “*wahyu*” berasal daripada bahasa Arab *ahwa* dan *wahy*. Manna al-Qatthan mengertikan wahyu ialah petunjuk Allah yang diberikan kepada seseorang yang dimuliakan secara cepat dan tersembunyi.²¹ Orang yang dimuliakan tersebut adalah Nabi Muhammad SAW yang bertugas untuk menyampaikan kepada umatnya sebagai petunjuk, sama ada dalam mengenali Allah mahupun bagaimana menjalankan ibadah.

Jalan ke arah pengetahuan akan wujudnya Tuhan dapat diketahui oleh manusia dengan pelbagai jalan, sama ada yang bersifat intuitif, ilmiah, historik mahupun

²⁰ Sudirman Tebba (2004), *Orientasi Sufistik Cak Nur: Komitmen Moral Seorang Guru Bangsa*, Jakarta: KPH. h. 21.

²¹ Manna al-Qatthan (1993), *Mabahis fi Ulumul Quran*, Riyad: Mansyurat al- asry al-Hadis, h. 33

pengalaman dan lain-lain. Tetapi kerana kemutlakan Tuhan dan kenisbian manusia, maka manusia tidak dapat menjangkau sendiri kepada pengertian apa dan siapa Tuhan serta bagaimana menyikapi-Nya.²² Sementara itu, pengetahuan yang diperolehi mengenai Tuhan melalui aktiviti berfikir hanyalah sebuah persepsi atau konsep manusia. Ketidakkampuan akal manusia untuk mengetahui Tuhan kerana sifat akal manusia yang terhad, dan sesuatu yang terhad biasanya tidak dapat menjangkau kerana iainya memiliki keterbatasan.

Pengetahuan manusia tentang Tuhan berjalan secara semulajadi sesuai dengan kodrat manusia yang sentiasa mencari kebenaran. Jalan yang ditempuh manusia untuk mencapai kebenaran itu pula adalah beragam, dan berbeza-beza antara satu dengan lainnya. Keragaman dan perbezaan jalan dikeranakan adanya perbezaan kualiti berfikir, pengalaman spiritual dan faktor-faktor di luar diri manusia yang berbeza-beza. Usaha tersebut dapat disebut sebagai perjalanan spiritual (*ruhani*) sebagaimana ditempuh oleh para ahli tasawuf dan tarikat, dan pencapaian intelektual (*keilmuan*) sebagaimana dihasilkan oleh para filosof dan pemikir.

Dengan demikian, manusia telah memiliki pengetahuan tentang Tuhan sesuai dengan konsepsinya masing-masing bagaimana ia memandang dan mengetahui kewujudan Tuhannya. Pengalaman perjalanan Nabi Ibarahim dalam proses pencarian Tuhan seperti dikisahkan Allah dalam al-Quran telah memperlihatkan bagaimana proses manusia dalam mencari Tuhannya secara berbeza-beza dari satu tahap ke tahap berikutnya. Hal ini sepertimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran melalui Surat al-An'am, ayat 77-79:

²² PB HMI (2013), *Op Cit.*, h. 164

فَلَمَّا رَأَى الْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَذَا رَبِّي ۖ فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَئِن لَّمْ يَهْدِنِي رَبِّي

لَأَكُونَنَّ مِنَ الْقَوْمِ الضَّالِّينَ ﴿٧٧﴾ فَلَمَّا رَأَى الشَّمْسَ بَازِغَةً قَالَ هَذَا رَبِّي

هَذَا أَكْبَرُ ۖ فَلَمَّا أَفَلَتْ قَالَ يَنْقُومِ إِنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٧٨﴾ إِنِّي وَجَّهْتُ

وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا ۖ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ



Ertinya: Kemudian apabila dilihatnya bulan terbit (menyinarkan cahayanya), Dia berkata: "Inikah Tuhanku?" maka setelah bulan itu terbenam, berkatalah dia: "Demi sesungguhnya, jika Aku tidak diberikan petunjuk oleh Tuhanku, nescaya menjadilah Aku dari kaum Yang sesat"(77). Kemudian apabila Dia melihat matahari sedang terbit (menyinarkan cahayanya), berkatalah dia: "Inikah Tuhanku? ini lebih besar". setelah matahari terbenam, Dia berkata pula: ` Wahai kaumku, Sesungguhnya Aku berlepas diri (bersih) dari apa Yang kamu sekutukan (Allah dengannya) (78). "Sesungguhnya Aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah Yang menciptakan langit dan bumi, sedang Aku tetap di atas dasar Tauhid dan bukanlah Aku dari orang-orang Yang menyekutukan Allah (dengan sesuatu Yang lain)"(79)

Di sisi lain pengalaman tersebut juga memperlihatkan keterbatasan manusia dalam memahami Tuhan, yang mana sememangnya Tuhan tidak akan boleh dijangkau oleh akal manusia, meskipun manusia boleh memahami bahawa Tuhan itu sedia ada. Untuk melengkapi pengetahuan dan memperkukuh kepercayaan kepada Tuhan, maka manusia memerlukan maklumat sewajarnya tentang Tuhan dan tata nilai yang bersumber daripada-Nya. Untuk itu manusia sangat memerlukan sesuatu yang lain dengan lebih tinggi, namun tidak bersalahan dengan naluri dan nazar kehendak manusia. Pertanyaannya kemudian adalah apa yang diperlukan oleh manusia? Dalam

hal ini, wahyu yang berisi tentang ajaran atau pemberitahuan tentang Tuhan, dan ia datang daripada Tuhan perlu untuk disampaikan kepada manusia.²³

Di samping berfungsi sebagai penjelas, wahyu juga berfungsi sebagai petunjuk bagi manusia mengenai tatacara beribadah di satu sisi, dan mengembalikan sifat hina manusia oleh kerana perilaku manusia itu sendiri di sisi yang lain. Berkenaan dengan turunnya wahyu. Ahmad Amir Aziz mengatakan bahawa:²⁴

“Meningat manusia sebagai makhluk yang paling bertanggungjawab, mungkin benar, mungkin silaf dalam tindakan dan pilihan-pilihannya, maka Tuhan mengutus rasul-rasul, menurunkan wahyu melalui kitab-kitab dan menunjukkan jalan kepada manusia. Sungguhpun petunjuk (hidayah) ini sejak sediakala sudah ditanamkan ke dalam diri manusia kerana pengetahuannya mengetahui perkara baik dan buruk telah ditanamkan ke dalam hatinya”²⁵

Oleh kerana manusia telah mengucapkan ikrar syahadat untuk mengakui Allah sebagai Tuhannya,²⁶ wahyu, dengan demikian, berfungsi sebagai penjelas hal-hal yang tidak mungkin difahami oleh manusia oleh kerana keterbatasan akal manusia. Ketika manusia boleh mengetaui kewujudan Tuhan, akan tetapi manusia tidak memiliki kebolehan untuk mengetahui hakikat Tuhan dan bagaimana tatacara menjalankan amal ibadah yang sudah ditentukan.

3.2.3. Tentang Rasul

Seperti yang telah dikemukakan di atas bahawa manusia memerlukan wahyu bagi tujuan memberi pengkhabaran kepadanya terutama penjelasan mengenai Tuhan. Perbincangan kemudian adalah; apakah setiap manusia memiliki kapasiti semasa menerima wahyu, atau apakah wahyu mesti disampaikan langsung kepada setiap manusia, atau disampaikan hanya kepada manusia pilihan yang kemudian mereka berkewajiban

²³ *Ibid.*,

²⁴ Ahmad Amir Aziz (2009), *Pembaharuan Teologi: Perspektif Modernisme Muhammad Abduh Dan Neo-Modernisme Fazlur Rahman*, Yogyakarta: Teras, h. 98-99.

²⁵ QS. 91: 8.

²⁶ QS. 7: 172.

menyampaikan kepada yang lainnya? Dari sekian jawaban pilihan yang mungkin ada, maka wahyu diturunkan kepada manusia tertentu yang bertugas utusan-Nya (rasul), dan kemudian ianya bertugas menyampaikan (*tabligh*) kepada umat manusia.²⁷

Adapun orang-orang yang menerima wahyu disebut Rasul yang penetapannya merupakan hak mutlak Allah SWT untuk memilihnya. Diantara para rasul Allah adalah Muhammad SAW sebagai rasul penghabisan, dan tiada Rasul lagi sesudahnya. Hal ini seperti telah termaktub dalam al-Quran surat al-Ahzab ayat 40 yang bunyinya seperti berikut:

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ

شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

Ertinya: bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa Yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan Segala Nabi-nabi. dan (ingatlah) Allah adalah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Dengan demikian manusia harus mempercayai kerasulan Muhammmad SAW sebagai penerima wahyu dan penyampai wahyu, dan kemudian baru mempercayai al-Quran. Esensi kepercayaan kepada Nabi Muhammad sebagai Rasulullah adalah bahawa apa yang disampaikan berasal daripada Allah SWT. Dalam Islam, syahadat kedua yang berbunyi bahawa “Muhamamd adalah utusan Allah” merupakan akibat logik dari syahadat pertama yang berbunyi “Tidak Ada Tuhan Selain Allah”.²⁸ Syahadat kedua menegaskan bahawa seseorang yang beriman tidak cukup hanya percaya pada wujudnya Tuhan Yang Esa akan tetapi juga dalam masa bersamaan percaya bahawa Muhammad SAW sebagai utusan-Nya. Dengan adanya kalimat syahadat tersebut, maka

²⁷ PB HMI (2013), *Op.Cit.*, h. 65

²⁸ *Ibid*, h. 69.

segala sesuatu yang termaktub dalam al-Quran dan apa yang disampaikan Nabi Muhammad SAW termasuk bahagian dari apa yang harus dipercayai.

Mengenai kerasulan Muhammad saw ditegaskan dalam al-Qur'an surat al-A'raf (7): 158

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ

وَكَالِمَاتِهِ وَأَتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Ertinya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) Yang Menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia; Yang menghidupkan dan mematikan. oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi Yang Ummi Yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya); dan ikutilah Dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk".

3.2.4. Tentang Qadar

Alam semulajadi adalah merupakan ciptaan Allah SWT yang ianya berjalan dan beredar mengikut tatanan dengan keteraturannya yang pasti tanpa ada cela sedikitpun. Ianya bergerak, tumbuh dan berkembang sesuai dengan hukum dan kodratnya yang pasti. Dalam Islam, keteraturan dan kepastian gerak alam sesuai dengan tempat dan masa yang telah pasti disebut *sunnatullah*. Kata *sunnatullah* mengandungi erti: kepastian atau hukum yang telah ditentukan Allah.²⁹ Manusia dengan kapasiti berfikirnya dituntut, dan dicabar untuk melakukan penyelidikan terhadap alam raya dan seisinya bagi tujuan mengambil manfaat bagi kehidupannya, dan dalam penyelidikan itu manusia menemukan keteraturan alam bersifat pasti sebagai *sunnatullah* yang disebut “ketentuan Allah”, yang adakalanya menggunakan kata “*qadar*”.

²⁹ *Ibid.*, h. 67

Dijelaskan dalam dasar-dasar kepercayaan, bahawa alam adalah makhluk yang mempunyai kewujudan yang nyata benar dan objektif, serta mengikuti hukum-hukum yang tetap. Dan keteraturan alam semesta dan seluruh kosmos (*alam*) mempertegas keesaan Tuhan sebagai Pengatur tunggal alam raya. Keteraturan alam seperti terlihat pada matahari, bulan dan bumi yang beredar sesuai dengan peralihan masa dan garis edarnya masing-masing secara pasti dan harmoni tanpa ada gesekan sedikitpun, malam dan siang silih berganti tepat pada masanya, matahari terbit dari arah Timur dan terbenam di arah Barat sesuai peredarannya, bulan mengelilingi bumi, bumi dan bulan mengelilingi matahari, dan demikian seterusnya tanpa henti sesuai dengan aturannya masing-masing. Menurut Fazlur Rahman, hubungan antara Keesaan Tuhan dan keteraturan alam, mempertegas kewujudan Tuhan Yang Maha Esa.³⁰

Manusia adalah pemain dan pemeran utama, sebagai makhluk Tuhan yang diberi anugerah lebih berbanding dengan makhluk-makhluk lainnya, oleh kerana antara lain: 1) Manusia ditunjuk sebagai "*khalifah*" atau khalifah Allah di bumi, di mana posisi dan peran ini tidak diamanatkan oleh Allah SWT kepada makhluk-Nya selain manusia. Manusia dengan akal dan sifat kemanusiaannya adalah satu-satunya makhluk yang memungkinkan boleh mengurus dan memakmurkan bumi, sehingga cukup beralasan jika ia menggalas amanat sebagai *khalifah* Allah; 2) Alam raya dan seisinya diserahkan kepada manusia untuk diambil manfaatnya. Hal ini bermakna, manusia memiliki kebebasan dan kemerdekaan penuh sama ada untuk memanfaatkan, menjaga, bahkan sekalipun merosak tatanan yang ada. Jadi, selain Allah memberi amanat sebagai wakil Allah di muka bumi ini, akan tetapi pada masa yang bersamaan ia diberi pula pilihan kebebasan yang bertanggung jawab dalam menjaganya.

Di sisi lain, kerana amanat dan kebebasan telah diberikan kepada manusia oleh Allah, maka tanggung jawab sepenuhnya dipegang oleh manusia. Segala bentuk perbuatan baik dan buruk di dunia merupakan resiko atau akibat, dan manusia akan

³⁰ Fazlur Rahman (1980), *Major themes of the Qur'an*, Chicago: Bibliotheca Islamica, h. 4.

diminta pertanggung jawaban di hadapan Allah kelak. Menurut pandangan Doddy Usman Tomagola, sepertimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran bahawa seseorang akan memperoleh hasil suatu pekerjaan sesuai dengan amalannya, maka jika manusia berbuat baik ia akan memperolehi pahala, sebaliknya jika ia melakukan perbuatan yang melanggar norma agama maka ia akan memperolehi seksaan daripada Allah SWT. Dalam konteks inilah, manusia diberikan kebebasan dan pertanggungjaban sekaligus dalam mengurus alam.³¹

Jika manusia berfikir dan melakukan amal kebaikan, ia akan memperoleh kebaikan itu sendiri. Sebaliknya, jika manusia merusak tatanan masyarakat dan melakukan perosakan semasa ia tinggal di dunia, maka ia pun akan menerima akibat logik yang akan menimpa mereka sendiri. Dengan demikian manusia sebagai pelaku utama sejarah, di mana manusia berperanan penting sebagai penentu dari sejarah manusia itu sendiri sama ada ia baik mahupun buruk. Dengan demikian ada 2 (dua) macam *sunnatullah*, iaitu *sunnatullah* yang berlaku pada alam raya dan *sunnatullah* yang berlaku dalam kehidupan sosial. *Sunnatullah* yang menguasai alam bersifat pasti, dan ianya merupakan ketentuhan Tuhan. *Sunnatullah* dalam kategori ke dua, iaitu hukum sosial yang bergantung kepada pilihan dan perbuatan manusia itu sendiri, dalam dasar-dasar kepercayaan yang dijelaskan bahawa:

“...terdapat hukum-hakam Tuhan yang pasti (*sunnatullah*) yang menguasai sejarah, sebagaimana hukum yang menguasai alam tetapi berbeza dengan alam yang telah sedia ada secara automatik tunduk kepada *sunnatullah* itu, manusia kerana kesedaran dan kemampuannya untuk mengadakan pilihan tidak terlalu tunduk kepada hukum-hakam kehidupannya sendiri. Ketidak patuhan itu disebabkan sikap menentang kerana kebodohan.”³²

Oleh kerana itu, ada dua hal yang perlu diperhatikan manusia dalam menjalankan amanat *kekhalifahan* di muka bumi, yakni: 1) Manusia harus berbuat sejalan dengan tuntunan kebenaran yang landasannya adalah iman; 2) Manusia harus

³¹ Temubual dengan Doddy Usman Tomagala pada tarikh 9 Oktober 2015.

³² PB HMI, *Op.Cit.*, h. 69-70

mengetahui jalan menuju kebenaran itu, iaitu dengan menguasai ilmu pengetahuan. Manusia dapat memilah mana satu yang baik dan mana satu pula yang buruk, serta benar dan salah oleh kerana pengetahuan yang dimilikinya.

Sedangkan ilmu pengetahuan adalah instrumen penting bagi manusia untuk mencari dan menemukan kebenaran dengan cara mempelajari fenomena (*penampakan isyarat*) alam dan potensi-potensi alam yang dapat menyumbang bagi tujuan meningkatkan kemakmuran manusia sejagat.

Namun demikian, ilmu pengetahuan tidaklah mencukupi untuk membimbing manusia dalam memainkan peranan *kekhilafahan*, kerana manusia boleh kehilangan orientasi (*halatuju*) kepada kebenaran, di sisi lain, ilmu pengetahuan dapat berdampak buruk bagi kehidupan manusia dan berakibat kerosakan terhadap alam semulajadi. Dalam konteks ini, ilmu pengetahuan dan iman kerana sifat asasnya (iman) berorientasi kepada kebenaran yang merupakan instrumen penting yang boleh menyertai cara pandang terhadap alam (*world view*) manusia dalam melakukan tugas kekhilafahan di muka bumi ini.

Dalam doktrin berkaitan dengan integrasi antara ilmu dan iman dapatlah difahami dari pernyataan berikut ini:

“...kehidupan yang baik adalah yang didorong oleh semangat iman dan ilmu. Bidang iman dan cawangannya menjadi tugas wahyu, sedangkan bidang ilmu pengetahuan menjadi tugas manusia untuk mengusahakan dan mengumpulkannya dalam kehidupan dunia ini. Ilmu ini meliputi tentang alam dan ilmu tentang manusia (sejarah). Untuk memperoleh ilmu pengetahuan tentang nilai kebenaran sejauh mungkin, manusia harus melihat alam dan kehidupan ini sebagaimana ianya ada tanpa meletakkan kepadanya kualiti-kualiti yang bersifat ketuhanan”.³³

Iman dan ilmu adalah tonggak perkembangan dan kemajuan tamadun manusia. Iman sebagai penuntun manusia dalam mencari dan menghalakan kehidupan mereka untuk kebenaran itu sendiri, dalam erti mencari *redha* (perkenan) Allah, sedang ilmu

³³ *Ibid.*, h. 68

sebagai sarana untuk membangunkan tamadun manusia ke arah yang lebih baik, di mana manusia menggalas amanat tersebut sebagai *khalifah* Tuhan di dunia. Alam raya diciptakan oleh Allah SWT bagi kehidupan manusia dan pengembangan tamadun untuk kehidupannya. Untuk itu, alam raya mesti bersifat pasti, teratur dan harmoni, yang dengannya manusia dapat menjadikan kehidupannya sebagai objek penyelidikan dan mengambil manfaat yang terkandung di dalamnya.

Bagi HMI, alam adalah suatu yang nyata dan konkrit serta dapat dimengerti oleh manusia. Di samping itu, ianya berjalan secara teratur, harmoni dan pasti sesuai dengan *sunnatullah* agar dapat dimengerti dan diambil manfaatnya bagi kehidupan manusia. Ciri lain dari pandangan tentang alam menurut HMI adalah bahawa ia diciptakan (*dijadikan makhluk*), ertinya ianya tidak wujud dengan sendirinya seperti halnya pemikiran falsafah materialisme.³⁴

Keteraturan alam yang bergerak dan beredar secara harmoni menggambarkan akan kebaikan Penciptanya, Allah,³⁵ hal ini sepertimana dijelaskan dalam al-Quran bahawa Allah menciptakan alam raya dengan sebenarnya dan mengaturnya dengan pasti. Dalam Surat al-An'am (6): 73 dikatakan:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَيَوْمَ يَقُولُ كُنْ فَيَكُونُ
قَوْلُهُ الْحَقُّ وَلَهُ الْمُلْكُ يَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ عَلِيمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ وَهُوَ
الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ

Ertinya: dan Dia lah Yang menciptakan langit dan bumi Dengan (tujuan) Yang benar, dan (Dia lah juga) pada masa (hendak menjadikan sesuatu) berfirman: "Jadilah", lalu terjadilah ia. FirmanNya itu adalah benar. dan bagiNya lah Kuasa pemerintahan pada hari ditiupkan sangkakala. ia Yang mengetahui Segala Yang ghaib dan Yang nyata, dan Dia lah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha mendalam pengetahuannya.

³⁴ *Ibid.*
³⁵ *Ibid.*

Beberapa ayat yang menjadi rujukan HMI dalam membahas ilmu pengetahuan, iaitu:

- a. Alam diciptakan bagi manusia dan perkembangan peradaban sepertimana dijelaskan dalam Surat Luqman (31): 20.

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ
ظَهْرَةً وَبَاطِنَةً وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ

مُنِيرٌ

Ertinya: tidakkah kamu memperhatikan Bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa Yang ada di langit dan Yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada Kami nikmat-nimatNya Yang zahir dan Yang batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia orang Yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah Dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah Yang menerangi kebenaran.

- b. Keteraturan alam hendaknya dijadikan sebagai objek penyelidikan manusia, antara lain, iaitu:

Surat Yunus (10): 101.

قُلْ أَنْظُرُوا مَاذَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُغْنِي الْآيَاتُ وَالنُّذُرُ عَنْ قَوْمٍ لَا

يُؤْمِنُونَ

Ertinya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Perhatikan dan fikirkanlah apa Yang ada di langit dan di bumi dari Segala kejadian Yang menakjubkan, Yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya). Dalam pada itu, Segala tanda

dan Bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan Segala Rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang Yang tidak menaruh kepercayaan kepadaNya.

Surat Shod (38):27.

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَطْلًا ۚ ذَٰلِكَ ظَنُّ الَّذِينَ كَفَرُوا ۖ فَوَيْلٌ

لِّلَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ النَّارِ

Ertinya: dan tiadalah Kami menciptakan langit dan bumi serta Segala Yang ada di antara keduanya sebagai ciptaan Yang tidak mengandungi Hikmah dan keadilan; Yang demikian adalah sangkaan orang-orang Yang kafir! maka kecelakaanlah bagi orang-orang Yang kafir itu dari azab neraka.

3.2.5. Tentang Hari Kiamat

Iman kepada hari kiamat adalah salah satu bahagian dari landasan kepercayaan dalam Islam, yang di dalamnya terdapat syurga dan neraka. Al-Quran menyebutkan syurga dan neraka dengan pelbagai nama, dan adakalanya digambarkan dalam bentuk zahir, dan dalam ayat yang lain digambarkan dalam bentuk kiasan berkaitan dengan kehidupan rohani. Hari kiamat (*yaum al-Qiyamat*) diertikan sebagai hari kebangkitan. Sebelum datangnya hari kiamat, kehidupan duniawi akan berakhir, alam raya akan hancur, dan kemudian manusia dibangkitkan semula dari alam kubur. Dari perspektif masa inilah, kemudian kebangkitan semasa disandarkan pada *yaum* (hari) disebut hari kebangkitan atau *yaum al-qiyamat*.³⁶

Jadi, sejarah kehidupan manusia dan alam raya berakhir, dan diganti dengan masa baharu yang disebut dengan hari kiamat. Hari kiamat merupakan permulaan bentuk kehidupan yang tidak lagi bersifat sejarah atau duniawi, di mana tidak lagi terdapat kehidupan historikal, seperti kebebasan, usaha dan tata masyarakat. Pada

³⁶ *Ibid.*, h. 73

period kiamat masa sesudah kehidupan di dunia, segala perbuatan manusia di dunia akan diminta pertanggungjawabannya di hadapan Allah SWT. Bagi Islam, keadilan yang sebenarnya dan nyatanya hanya akan diperolehi oleh manusia pada hari kiamat kerana manusia tidak boleh lagi dapat mengelakkan diri lagi daripada sidang pengadilan sebenarnya Tuhan di akhirat kelak.³⁷

Dengan demikian, kedatangan hari kiamat kelak merupakan kelanjutan daripada hari dunia sekarang ini, seperti halnya kehidupan ukhrawi merupakan kelanjutan daripada kehidupan duniawi yang juga merupakan masa di mana manusia akan mempertanggungjawabkan segala perbuatannya. Jika kehidupan duniawi kini bersifat sementara, maka ada kehidupan yang bersifat abadi/kekal, di sanalah nanti kehidupan ukhrawi akan abadi. Di dunia berlaku kehidupan yang *historikal*, bebas yang bertanggungjawab, disertai dengan usaha (*ikhtiyar*), dan penuh berisi dengan peraturan. Sebaliknya, di akhirat kelak, kehidupan manusia bersifat *historikal*, dan tidak bebas di mana setiap individu mempertanggungjawabkan atas perbuatannya di dunia secara individual. Untuk itu, hari kiamat juga disebut *yaum al-hisab*, iaitu hari perhitungan.

Berdasarkan pada huraian di atas, kehidupan di dunia merupakan persiapan menuju kehidupan di akhirat. Hal ini sesuai dengan makna *etimologi* (asal perkataan) kata “*dunya*”, bentuk *muannas* dari kata “*adna*” yang ertinya lebih dekat. Sedangkan kata “*akhirat*”, bentuk *muannas* dari “*akhir*”, ertinya “yang kemudian”, yakni sesuatu yang akan terjadi di belakang hari. Dalam konteks ini, Nurcholis Madjid mengatakan seperti berikut:

“...kesedaran ukhrawi atau keakhiratan adalah tidak lain kesedaran tentang akibat atau akibat logik dalam jangka panjang dari perbuatan seseorang. Iaitu kesedaran moral dan etika, yang diwujudkan dalam tingkah laku dan sikap penuh tanggung jawab kepada nilai intrinsik suatu tindakan, nilai yang terkait dengan suatu usaha melindungi dan mengangkat harkat dan martabat kemanusiaan sebagai tujuan hidup bersama”.³⁸

³⁷ *Ibid.*, h. 72

³⁸ Nurcholis Madid (2000), *Masyarakat Religius: Membumikan Nilai-nilai Islam dalam Kehidupan Masyarakat*, Jakarta: Paramadina. h. 150.

Al-Quran menggambarkan hari kiamat secara fizikal dalam kaitannya dengan pertanggungjawaban secara peribadi yang tak boleh dielakkan. Hikmah yang boleh diambil darinya adalah adanya dorongan dan peringatan bagi tiap-tiap individu untuk menjalani kehidupannya dengan penuh kesungguhan dan tanggung jawab. Melakukan amal soleh secara aktif dan ikhlas untuk menuju redha Allah SWT. Oleh sebab itu, Islam dalam mengajarkan tentang nilai-nilai agama dengan melakukan amal kebaikan dalam kehidupan bermasyarakat sebagai jalan untuk mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Tuhan.

Pada hari kiamat tidak lagi terdapat kebebasan, usaha dan tatanan kehidupan masyarakat. Tetapi yang ada hanyalah pertanggungjawaban individu seorang makhluk yang bersifat mutlak di hadapan *illahi* atas segala perbuatannya selama di dunia. Tanggungjawab individual setiap manusia ditegaskan dalam surat al-Baqarah (2) :48

وَاتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ

وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾

Ertinya: dan peliharalah diri kamu dari (azab sengsara) hari (akhirat), Yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari balasan azab), dan tidak diterima syafaat daripadanya, dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan; dan mereka (yang bersalah itu) tidak akan diberi sebarang pertolongan.

Penjelasan tentang dasar-dasar kepercayaan sepertimana termaktub di atas yang telah dijelaskan secara berdasarkan *hujjah* yang berurutan. Ertinya antara satu sub bahasan ke bahasan berikutnya, atau satu dasar kepercayaan ke dasar kepercayaan selanjutnya mengikuti alur kerja berfikir yang logik dan berurutan. Dasar-dasar kepercayaan dihuraikan dengan urutan sebagai berikut: Dasar kepercayaan kepada

Tuhan, dasar kepercayaan kepada wahyu, dasar kepercayaan terhadap Muhammad SAW sebagai utusan Allah, dasar kepercayaan kepada qadar sebagai sunnatullah, dan dasar kepercayaan terhadap hari kiamat. Penjelasan pada setiap sub bahasan juga merujuk kepada ayat-ayat al-Quran (berdasarkan pada *nash*) dan disertai dengan hujah-hujah yang logik dan muktamat.

Penjelasan yang logik ini diharapkan dapat memperbaiki kualiti keimanan umat Muslim, khasnya para ahli HMI, yang mana pada masa itu masih di bawah pengaruh fahaman yang diwariskan agama Hindu dan Budha yang datang ke Indonesia lebih awal lagi berbanding kedatangan Islam. Ajaran “*tauhid*” yang penjelasannya dihuraikan (*tambah baikan*) dari kalimat kesaksian (syahadat) yang berbunyi “*laillaha illa Allah Makna*” menjadi tajuk utama dalam memaknai iman. Pada sisi yang lain, iman dan ilmu menjadi kata kunci bagi umat Muslim dalam memainkan peranan *kekhalifahan* di muka bumi, iaitu membangunkan tamadun manusia yang berhalatuju kepada nilai-nilai kebenaran melalui penguasaan ilmu pengetahuan.

Mengenai kajian tauhid di antara lain membahas Tuhan yang dimaksudkan bukan untuk mengetahui hakikat Tuhan, melainkan bagaimana pengetahuan tentang Tuhan yang diperolehi melalui wahyu (al-Quran) dapat membantu manusia untuk sentiasa berkarya sama ada dengan cara kreatif mahupun inovasi bagi mewujudkan tamadun manusia yang bermartabat. Dalam konteks inilah, meskipun tauhid yang ditawarkan HMI terkesan konseptual (*pemikiran*), akan tetapi tidak lagi *teosentrik* semata-mata melainkan ia lebih rasional dan tertumpu kepada manusia (*antropologi*). Ciri lain dari konsep tauhid ini adalah antara satu unsur dengan unsur lainnya wujud sistem kepercayaan dalam Islam yang memiliki keterkaitan dan masing-masing mudah difahami.

Rumusan ajaran kepercayaan HMI agaknya lebih bercorak *substantif*, *inklusif*, dan *rasional* di mana ia tidak berseberangan dengan aliran-aliran yang sedia ada. Hal ini

membuat corak ideologi gerakan HMI lebih mementingkan makna (nilai) daripada erti zahir teks di samping ia menunjukkan bagaimana prinsip-prinsip kebenaran universal dapat dijadikan sebagai poros sistem keyakinan bagi seorang kader. Bagi HMI, Islam juga merupakan ideologi organisasi HMI yang mengilhami kebanyakan pergerakan kader HMI untuk selalu berkarya sebagai perwujudan dalam mewujudkan nilai-nilai ajaran Islam dalam kehidupan bermasyarakat dan berbangsa. Dalam kapasitasnya sebagai ideologi, Islam dalam pandangan HMI disesuaikan dengan ideologi dan budaya masyarakat Indonesia agar ia berfungsi sebagai asas pemikiran, kerangka berfikir dan bahkan dapat menjadi pandangan kehidupan sosial.

Berikut ini diantara ayat-ayat al-Quran yang menjadi rujukan HMI dalam memahami makna hari kiamat, iaitu:

Berikut ini beberapa ayat al-Qur'an yang menjelaskan hari kiamat.

1. Al-Fatihah (1):4

مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾

Ertinya: Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat).

2. Dalam surat lain dikatakan sebagai berikut (al Ghafir(40) :16

يَوْمَ هُمْ بَارِزُونَ لَا يَخْفَىٰ عَلَى اللَّهِ مِنْهُمْ شَيْءٌ ﴿١٦﴾ لِمَنِ الْمُلْكُ الْيَوْمَ لِلَّهِ الْوَاحِدِ الْقَهَّارِ ﴿١٧﴾

Ertinya: Iaitu hari mereka keluar (dari kubur masing-masing) Dengan jelas nyata; tidak akan tersembunyi kepada Allah sesuatupun dari hal keadaan mereka. (pada saat itu Allah berfirman): "Siapakah Yang Menguasai kerajaan pada hari ini? (Allah sendiri menjawab): "Dikuasai oleh Allah Yang Maha Esa, lagi Yang mengatasi kekuasaannya segala-galanya!

Selanjutnya kiamat merupakan "hari agama", maka tidak ada yang mungkin kita ketahui selain daripada yang diterangkan dalam wahyu. Tentang hari kiamat dan kelanjutan kehidupan akhirat yang non-historis manusia hanya diharuskan percaya tanpa kemungkinan mengetahui kejadian-kejadiannya. Dalam hal ini Al-Qur'an surat al-A'raf :187 mengatakan sebagai berikut:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَلُهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي لَا تَجْلِبِهَا لَوْقَتَهَا إِلَّا هُوَ

ثَقُلَتْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمُ إِلَّا بَغْتَةً يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِيٌّ عَنْهَا قُلْ إِنَّمَا

عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٧٧﴾

Ertinya: Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) tentang hari kiamat: "Bilakah masa datangnya?" katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku, tidak ada sesiapa pun Yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan dia. (huru-hara) hari kiamat itu amatlah berat (menggerunkan makhluk-makhluk Yang ada) di langit dan di bumi; ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut". mereka bertanya kepadamu seolah-olah Engkau sedia mengetahuinya. katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenai hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak Mengetahui".

3.3. Taqdir dan Ikhtiar dalam Pemahaman HMI

Kemerdekaan manusia dalam mewujudkan keinginan dan perbuatannya merupakan persoalan yang sampai hari ini masih diperselisihkan, khasnya ketika dikaitkan dengan kuasa Tuhan. Dalam sejarah perkembangan ilmu kalam, perdebatan ini telah

menempatkan 2 (dua) faham, ilmu kalam pada 2 (dua) kutub ekstrim, *Jabariyah* dan *Qadariyah*. Kedua-dua fahaman ini, pada masa-masa sesudahnya semakin mengeras dan berbeza pandangan sehingga lahir aliran *As`ariyah* yang mewakili fahaman *jabariyah*, dan aliran *mu`tazilah* pula telah mewakili fahaman *qadariyah*.

Mencermati fahaman Islam yang dianuti oleh sebahagian besar umat Islam Indonesia, tampaklah bahawa pemikiran kalam yang berkembang di kalangan umat Islam Indonesia adalah fahaman Asy `Ariyah. Berbagai organisasi keagamaan di Indonesia pada amnya menyebut dirinya penganut faham *ahlus Sunah wal Jama`ah*.³⁹ Dan dari sudut pandang fahaman ilmu kalam mereka boleh dikelompokkan ke dalam 3 (tiga) kelompok, iaitu: 1) Kelompok yang menyakini bahawa rezeki, mati, nasib dan jodoh merupakan ketentuan Allah SWT dan manusia hanya menerima dan menjalaninya. Kelompok ini biasanya tinggal di daerah pedesaan, berusia lanjut, bekerja di ladang pertanian, bukan kelompok masyarakat terpelajar; 2) Kelompok yang menyakini sepertimana kelompok pertama, tetapi mereka tetap bekerja dan berusaha untuk memperbaiki derajat kehidupan mereka kerana hal-hal yang diyakininya tersebut tidak diketahui oleh manusia; 3) Kelompok yang menyakini bahawa nasib seseorang itu ditentukan oleh kesungguhan dan kualiti kerja manusia.⁴⁰ Dalam hal ini, penyelidik sependapat dengan pengelompokan yang menggambarkan fahaman umat Islam di Indonesia.

Kondisi fahaman yang demikian inilah yang dinilai sebagai faktor rendahnya kualiti dan etos kerja umat Islam Indonesia. Oleh itu, HMI merumuskan pemahaman mengenai “kemerdekaan manusia” dan “keharusan universal” yang dihuraikan dari konsep “*ikhtiar*” dan “*taqdir*”. Bagi HMI, kemerdekaan manusia berkaitan dengan ikhlas dalam melakukan amal kebaikan. Ikhlas tidak akan ada jika kemerdekaan tidak

³⁹ Di antara organisasi keagamaan tersebut iaitu NU, Muhammadiyah, dan Persis

⁴⁰ Temubual dengan Mukti Ali pada tarikh 15 Mei 2015

dimiliki oleh manusia sebagai pelaku perbuatan.⁴¹ Dengan kata lain, bagaimana mungkin seseorang keadaannya tidak merdeka (terpaksa) dapat melakukan perbuatan secara ikhlas. Sementara itu, keikhlasan atau ketulusan seseorang dalam melakukan pekerjaan dikeranakan adanya kemahuan yang murni, bebas memilih, dan ia sejalan dengan hati nurani. Di samping itu, kemerdekaan terkaitan juga dengan pilihan setiap individu untuk melakukan perbuatan baik atau buruknya di dunia ini yang kemudian akan dimintai pertanggungjawabannya secara individual di hari kiamat kelak.

Berikut ini pemikiran HMI mengenai hubungan antara keikhlasan dan kebebasan yang dikaitkan dengan antara tanggung jawab individu dengan kehidupan setelah hari kiamat. Bagi HMI, keikhlasan adalah pernyataan kreatif dari kemahuan baik yang lepas dari kekangan, sebaliknya bukan berada di bawah tekanan sehingga nampak sebagai gambaran terpenting dari kehidupan manusia sejati.⁴² Sebagai sebuah ilustrasi dapat digambarkan bahawa keikhlasan dan kemerdekaan bagaikan dua sisi “mata wang” yang tidak boleh terpisahkan antara satu dengan lainnya, dan kerana itu keikhlasan hanya akan ada jika ada kemerdekaan, hal ini seperti dikatakan oleh Iqbal “bahawa kemerdekaan merupakan prasyarat untuk menghasilkan kebaikan,⁴³ dan kebaikan itu wujud oleh kerana wujudnya suatu keikhlasan.

Di sisi lain, kemerdekaan untuk melakukan perbuatan (*baik* atau *buruk*) merupakan akibat logik dari adanya tanggung jawab individual, sepertimana adanya kehidupan dunia dan akhirat sebagai dua perkara (*entity*) kehidupan yang berkelanjutan yang tidak terpisahkan. Kehidupan manusia mengenal 2 (dua) aspek yakni kehidupan temporeri yang berupa kehidupan sekarang (dunia), dan kehidupan “abadi” berupa kehidupan sesudah mati (*akhirat*). Di dunia, kehidupan pertama (*al-dunyawiyah*), manusia bertanggungjawab dan menanggung akibat yang ditimbulkan oleh perbuatannya sama ada secara individu mahupun berkumpulan, sedangkan kehidupan

⁴¹ PB HMI (2013), *Op.Cit.*, h. 75

⁴² *Ibid.*

⁴³ Muhammad Iqbal (2002), *Rekonstruksi pemikiran agama Islam*, (terj.), Yogyakarta: Lazuardi, h.122-124.

kedua (*al-ukhrawiyat*), manusia tidak lagi melakukan amal perbuatan, melainkan tinggal menerima dan menikmati akibat perbuatan baik atau buruknya dari hasil amalnya selama hidupnya di dunia.

Manusia dilahirkan sebagai individu, hidup secara bersama-sama di tengah-tengah alam dan masyarakat, kemudian akan kembali menjadi individu di *akhirat*. Ada 3 (tiga) period kehidupan yang akan dialami oleh manusia, iaitu; Kehidupan individu ketika ia lahir, kehidupan sosial ia akan lalunya selama masih hidup di tengah-tengah masyarakat, dan kehidupan individu di akhirat kelak. Jadi, kewujudan individu merupakan fakta asas pertama dan terakhir dari kehidupan manusia, serta posisi sebenarnya dari nilai kemanusiaan itu sendiri, kerana individu adalah penanggungjawab akhir dan mutlak dari amal perbuatannya, maka kemerdekaan peribadi adalah haknya yang pertama, dan sangat asas serta sangat mendasar.

Mengikut pandangan Djohan Effendi, "*takdir ilahi* pada hakikatnya adalah hukum *ilahi* yang berlaku di seluruh alam semesta". Takdir bukanlah belenggu yang menentukan untung atau ruginya seseorang, yang membahagi manusia di luar kehendak dirinya -sebagai orang baik ataupun orang jahat dalam pengertian moral dan agama-, melainkan lebih merupakan hukum atau tata aturan *ilahi* yang mengikat dan mengatur kehidupan manusia, jasmani dan ruhani, sama ada sebagai makhluk individu atau sosial.⁴⁴ Misalnya, tidak ada manusia di muka bumi ini yang telah ditetapkan Tuhan menjadi jahat atau baik, sehingga ia tinggal menjalaninya sahaja tak ubahnya seperti robot. Kalaupun pada akhirnya ia menjadi jahat atau baik, itu merupakan keputusan yang diambilnya sendiri, dan penyebabnya adalah hal-hal yang terdapat di dalam dirinya bukan daripada luar dirinya.

Kemerdekaan berkehendak dan berbuat adalah esensi daripada kemanusiaan, akan tetapi bukan bererti manusia merdeka berkehendak dan berbuat di mana dan

⁴⁴ Djohan Efendi (1984), "Keterbatasan, Kebebasan dan Tanggungjawab Manusia, Sebuah Tinjauan Tentang Masalah Takdir Dari Perspektif Tauhid Islam", *Prisma* No. Ekstra, h. 89-94.

kapanpun. Hukum-hakam kejadian alam (*sunnatullah*) lah yang membatasi kemerdekaan manusia, kerana ia bersifat universal, dan menguasai benda-benda. Kerana sifat kesejagatannya lalu ia disebut “keharusan sejagat”, dan yang dalam bahasa al-Quran adalah “taqdir”. Ketika manusia berhadapan dengan keharusan universal, maka ia tidak punya kuasa untuk melawan ketentuan Allah. Di sisi lain, keharusan sejagat mengandungi ayat-ayat (*tanda-tanda*) yang bermanfaat bagi kehidupan manusia dengan cara melakukan penyelidikan dan pengamatan terhadap ketentuan Allah yang telah terjadi pada alam raya.

Secara kebahasaan kata “takdir” mengandungi erti, antara lain ketentuan, ketetapan, batasan atau ukuran. Dalam bahasa lainnya, taqdir adalah *sunnatullah*, ketentuan Allah, hukum Allah atau keharusan sejagat. Iman kepada keharusan sejagat bukan bererti penyerahan, sebaliknya ia bersifat aktif dan kreatif yang diwujudkan dalam bentuk *ikhtiar* untuk menemukan hukum-hakam di dalamnya. Penyelidikan terhadap ketentuan-ketentuan Allah akan memberi manfaat yang berlimpah bagi kehidupan manusia. Dalam konteks ini, iman adalah pengakuan akan adanya batas-batas kemerdekaan manusia oleh kerana adanya hukum-hakam yang berlaku pasti ada pada alam ini. Sebaliknya, keharusan sejagat yang berlaku pasti memberi makna positif bagi penyelidikan dan pengembangan ilmu pengetahuan. Kemungkinan-kemungkinan kreatif yang dikembangkan secara ilmiah merupakan peluang di mana manusia bebas (*merdeka*) untuk mewujudkan keinginannya, yang dalam bahasa ilmu kalam juga sering disebut sebagai “*ikhtiar*”, ertinya kemerdekaan untuk berbuat.

Pengertian *ikhtiar* seperti yang dirumuskan oleh HMI dapat difahami dari pernyataan seperti berikut: “*ikhtiar* adalah kegiatan kemerdekaan individu, juga bererti kegiatan daripada seorang manusia yang merdeka. *Ikhtiar* merupakan usaha yang ditentukan sendiri di mana manusia berbuat sebagai peribadi, dan di mana manusia tidak dijadikan sebagai hamba oleh suatu yang lain kecuali oleh keinginannya sendiri

dan kecintaannya kepada kebaikan. Tanpa adanya kesempatan untuk berbuat atau berikhtiar, maka manusia menjadi tidak merdeka dan menjadi tidak boleh dimengerti untuk memberikan pertanggungjawaban secara peribadi daripada amal perbuatannya.⁴⁵

Dari huraian di atas dapat ditarik beberapa pengertian, bahawa; 1) Ikhtiar adalah usaha yang dilakukan manusia kerana ia dalam kedudukan merdeka (*tidak terpaksa*); 2) Kemerdekaan yang dimiliki oleh setiap individu memungkinkan baginya mewujudkan keinginan dan kecintaannya kepada kebaikan; dan 3) Kemerdekaan dan ikhtiar yang sifatnya individual sejalan dengan adanya pertanggungjawaban atas kemerdekaan di hari kiamat secara individual. Oleh sebab itu, pembahasan mengenai kemerdekaan manusia dan keharusan secepat mendapat tempat tersendiri dalam kajian manhaj HMI, meskipun ia telah dibahas dalam dasar-dasar kepercayaan dengan tema taqdir. Tema ini memiliki kesesuaian dengan pemikiran Harun Nasution yang mengatakan bahawa untuk meningkatkan keluaran hasil, maka pemikiran rasional, falsafah, dan ilmiahnya perlu dikembangkan di kalangan umat Islam Indonesia, sebagai pengganti dari tauhid kehendak mutlak Tuhan. Pemikiran ini tidak lepas dari pemikiran umat Islam Indonesia sebagai penganut faham *ahl al-sunnah wa al-jama'ah* yang sememangnya mengikuti pemikiran Asy'ariyah yang cenderung *jabariah*.⁴⁶

Setidaknya ada 2 (dua) hal yang menjadi inti pati dari fahaman *jabariyah*, iaitu menganggap bahawa manusia tidak mempunyai kekuatan untuk melakukan perbuatan sedangkan perbuatan yang dilakukannya hanyalah pemberian Tuhan. Dalam Islam, ciri fahaman *Jabariyah* berkembang dan memperoleh bentuk teologinya dalam aliran *Asy'ariyah*. Bagi *Asy'ariyah*, kehendak dan perbuatan manusia tidak dapat terjadi tanpa wujudnya kekuatan daripada Tuhan, dan daya tersebut merupakan perantara yang diciptakan, dengan demikian menjadi perolehan bagi pelaku yang dengan daya itu, perbuatan boleh terwujud. Dengan kata lain, bahawa semua perbuatan manusia di dunia

⁴⁵ PB HMI (2013), *Op.Cit.*, h. 89

⁴⁶ Harun Nasution (1995), *Islam Rasional: Gagasan dan Pemikiran*, Bandung: Mizan, h. 121.

ini merupakan ketetapan Tuhan sebagai tersimpul dalam konsep takdir. Takdir difahami sebagai ketentuan Tuhan yang harus difahami diterima, dan manusia hanya menjalani sahaja.

Pemahaman HMI tentang “kemerdekaan dan keharusan universal” selaras dengan fahaman aliran Mu'tazilah daripada Asy'ariyah dalam kaitannya dengan “*free will and free act*” pada satu sisi dan bermakna lain “kuasa Tuhan”. Susunan berfikir logik dalam menjelaskan konsep ini menjadi alasan tersendiri apa dan bagaimana seharusnya tema keadilan Tuhan difahami secara psikologi dan antropologi. Oleh itu, secara tidak langsung apa yang diasaskan oleh HMI mengenai pemikiran teologi yang berkaitan dengan kemerdekaan manusia dan kuasa Tuhan menjadi *antitesa* fahaman Asy'ariyah yang memiliki ajaran *fatalisme*.

Karya kreatif pada satu sisi, dan kemerdekaan manusia untuk berkarya di pihak lain yang tetap mendasarkan pada nilai-nilai ketuhanan dan kemanusiaan adalah jalan yang luas bagi manusia menuju ke puncak tamadun. Karya kreatif oleh Nurcholis Madjid disebut dengan *mode of existence*⁴⁷ di mana nilai manusia ditentukan oleh amal atau kerja yang dilakukannya. Dengan demikian, kerja dan hasil kerja yang diterimanya bukanlah sesuatu yang telah ditentukan oleh Tuhan sehingga manusia hanya menjalani dan menerimanya, tetapi ia merupakan keinginan dan karya manusia itu sendiri. Dalam Islam, pemikiran yang menyebutkan bahawa manusia bebas dan berdiri sendiri dalam berkehendak dan berbuat (*free will and free act*) merupakan faham Qodariyah sebagai lawan fahaman daripada *jabariyah*.

Adapun kitab suci al-Quran menegaskan bahawa manusia tidak akan mendapatkan apa-apa kecuali apa yang ia usahakan sendiri seperti yang telah ditegaskan dalam al-Quran, surah al-Najm : 39 yang menyatakan:

⁴⁷ Nurcholish Madjid (1999), “Tafsir Islam Perihal Etos Kerja” dalam, *Nilai dan Makna Kerja dalam Islam*, Jakarta: Nuansa Madani, h. 68.

Ertinya: dan Bahawa Sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa Yang diusahakannya;

Berdasarkan pada surat dalam ayat di atas, HMI telah menjabarkan tentang “kemerdekaan manusia” yang dalam teologi Islam biasa disebut *free will and free act*. Sementara itu, “keharusan universal” merupakan ketetapan Tuhan yang bersifat pasti sesuai dengan hukum alam dan kehendak sosial, yang dalam istilah lainnya sering disebut sebagai *sunnatullah*. Dengan kata lain, kemerdekaan berkehendak adalah merealisasikan kehendaknya dalam perilaku sebagai fitrah manusia. Manusia dengan fitrah yang dimilikinya mempunyai kuasa melakukan kehendak dengan tindakan dan bebas untuk berbuat apapun selama ia masih mempunyai kemampuan. Misalnya, kehendak dan kemampuan manusia untuk menjelajahi planet bulan adalah hak kebebasan dan kemandiriannya manusia jika ia mampu untuk melakukannya. Kemampuan diperoleh dengan cara melakukan pengkajian dan penyelidikan terhadap *sunnatullah* yang sudah pasti. Jadi, meskipun pada dasarnya manusia tidak diberi kemampuan dan kekuatan untuk terbang tetapi kerana ia dapat memecahkan misteri Allah (*sunnatullah*) maka kemudian ia dapat melakukannya. Bagi HMI, *sunnatullah* merupakan keharusan sejagat atau hukum alam yang perlu diselidiki untuk diambil manfaatnya seluas-luasnya bagi kehidupan manusia.

Istilah “Kemerdekaan” mengandungi makna keleluasaan berfikir secara dinamik dalam menyelidiki misteri alam (*sunnatullah*) sehingga terbuka, dan boleh memberi nilai manfaat bagi kehidupan manusia, sedangkan “keharusan universal” agaknya dimaksudkan sebagai upaya untuk memperbaharui faham takdir yang membelenggu umat Islam, dan dinilai menyalahi inti daripada tauhid itu sendiri. Di sisi lain, pemikiran ini tidak sekedar mengandungi makna dinamik, tetapi lebih daripada itu

ia mengandungi makna *transformatif* yang menjadi landasan nilai-nilai perjuangan HMI. Apa yang diasas oleh HMI bukan sekedar fahaman keagamaan yang berisi tuntunan tatacara pelaksanaan ibadah, melainkan mengandungi nilai-nilai yang didasarkan pada ajaran ketauhidan, yang kemudian diharapkan dapat menjiwai gerakan organisasi HMI, dan itulah sebabnya materi ini disebut sebagai “Nilai-nilai dasar perjuangan”.

Nilai-nilai Dasar Perjuangan yang membahas salah satunya dasar-dasar kepercayaan dalam Islam sentiasa menjadi rujukan materi kajian di setiap pelatihan. Hal ini menunjukkan pentingnya materi kajian ini bagi memperbaiki fahaman keagamaan. Perbincangan tentang tauhid di atas biasanya bercirikan seperti berikut: 1) *Substantif* iaitu pemahaman tauhid yang mengandungi nilai-nilai ilahiah dan unsur-unsur kemanusiaan; 2) *Rasional* iaitu konsep tauhid yang dihuraikan biasanya secara logik sehingga tidak berselisihan dengan prinsip nadzar (*teori ilmu*) manusia; dan 3) *Transformatif* iaitu ajaran tauhid yang memiliki daya pembolehubah dan penggerak bagi orang yang mengikutinya.

3.4. Pemikiran HMI Tentang Isu-isu Semasa

3.4.1. Individu dan Masyarakat

Individu dan masyarakat juga menjadi sub bahasan kajian dalam pelbagai *training* di HMI. Materi kajian ini dinilai penting bagi memahami kehidupan dan struktur sosial masyarakat. Selaras dengan fahaman HMI mengenai kemerdekaan dan keharusan universal, mengikut HMI, manusia adalah individu yang merdeka, tidak terbelenggu, dan terpaksa, melainkan ia bebas berkehendak dan mewujudkannya dalam semua bentuk amal yang lebih nyata. Menurut Imaduddin kemerdekaan adalah hak manusia yang paling asas, di mana nilai kemanusiaan sangat bergantung pada harkat

kemerdekaan yang dihayati.⁴⁸ Manusia selain sebagai makhluk individu, ia juga sebagai makhluk sosial yang memiliki kecenderungan untuk berkumpul dan bersosial. Dengan demikian, manusia terdiri dari dua bentuk yang menjadi kodratnya, yaitu bentuk individu dan sosial.

Di antara hak individu adalah terpenuhi keperluannya sebagai individu yang merdeka, namun di samping itu ada juga hak orang lain dan orang ramai yang juga punya kedudukan sama dengan dirinya. Dalam konteks ini keperluan individu sebenarnya dibatasi oleh keperluan orang lain (banyak), seperti halnya kemerdekaan individu yang dibatasi oleh kemerdekaan orang lain. Hak orang lain adalah bahagian dari kehidupan sosial yang kedudukannya lebih tinggi daripada hak individu.⁴⁹ Untuk kepentingan sosial dan orang banyak, ada pembahagian tugas yang tidak menuntut keterkaitan semua individu, melainkan cukup sebahagian sahaja daripada mereka berdasarkan pertimbangan tertentu yang bersifat sekunder (*pelengkap*).

Menurut Murthada Mutahari, Allah telah menciptakan manusia dengan pelbagai ragam jiwa, fisik, intelektual, dan kecenderungan serta minat. Dia telah menganugerahkan sebahagian orang kemampuan-kemampuan khas, dan telah menganugerahi sebahagian yang lain pula berupa keunggulan dan kemampuan tertentu atas sebahagian yang lain. Melalui cara ini, Allah SWT membuat manusia saling memerlukan dan cenderung berhubungan dengan sesamanya.⁵⁰ Dapatlah dikatakan inilah yang menjadi dasar bagi manusia untuk dapat hidup bermasyarakat, yang tidak sekedar didasarkan atas keterpaksaan melainkan ia tumbuh secara alamiah.

Dalam tatanan sosial, setiap individu memiliki hak dan kesempatan yang sama untuk mengembangkan kecekapannya sesuai dengan kecenderungan dan bakatnya serta minatnya masing-masing. Di pihak lain, kerja sosial merupakan panggilan individu manusia untuk kepentingan yang lebih besar, sekaligus terpenuhi pula kepentingan

⁴⁸ Imaduddin, Abdulrahim (1993), "Islam dan Masa Depan: Permasalahan Ilmu Pengetahuan" dalam, *Islam dan Kebudayaan Indonesia: Dulu, Kini, dan Esok*, Jakarta: Yayasan Festival Istiqlal, h. 551.

⁴⁹ PB HMI (2013), *Op.Cit.*, h. 88

⁵⁰ Murthada Muthahari (1985), *Masyarakat dan Sejarah : Kritik Islam atas Marxisme dan Teori Lainnya*, Bandung: Mizan, h. 19-20.

individunya. Dengan kata lain hak dan kemerdekaan individu sejalan dengan fitrah manusia sebagai makhluk sosial. Dalam posisinya sebagai bahagian daripada masyarakat, kemerdekaan individu dapat diperoleh dan dirasakan ketika ia hidup bersama dengan sekumpulan orang. Dalam konteks ini, bukan bererti kemerdekaan individu akan bertembung dengan kemerdekaan individu lainnya, kerana kemerdekaan individu dibatasi oleh kemerdekaan yang lainnya, dan ia tidak boleh melampui kemerdekaan orang banyak, kerana kemerdekaan atau kepentingan orang banyak biasanya di atas kemerdekaan atau kepentingan peribadi. Persoalan adanya percanggahan kemerdekaan boleh difahami dari pernyataan berikut ini:

“Namun inilah percanggahan yang wujud pada manusia, dia adalah makhluk yang sempurna dengan kebijaksanaan dan kemerdekaannya dapat berbuat baik kepada sesamanya, tetapi pada masa yang sama ia merasakan adanya pertentangan yang bercanggah dengan keinginannya yang terbatas di bawah sedar yang jika dilakukan pasti merugikan orang lain. Dan keinginan tak terbatas sebagai hawa nafsu. Hawa nafsu cenderung ke arah merugikan orang lain (kejahatan) dan kejahatan dilakukan orang kerana mengikuti hawa nafsu tersebut”.⁵¹

Unsur penting yang lain dalam kehidupan bermasyarakat adalah keadilan sosial disamping prinsip kemerdekaan. Nilai-nilai yang terkandung dalam unsur keadilan sosial dan kemerdekaan individu perlu ditanamkan dalam peribadi setiap manusia sehingga ia menjadi sosok manusia yang utuh dan seimbang dengan kepribadiannya yang semulajadi. Berdasarkan kepada nilai-nilai tersebut, manusia boleh saling bekerja sama dalam menjalani kehidupan ini untuk kepentingan dan kebahagiaan bersama. Keterlibatan dalam kehidupan (sosial) bermasyarakat yang didasarkan kepada nilai-nilai seperti kesetiakawanan, kerakanan, kejiranan, kecintaan sesama manusia, persamaan hak, dan kehormatan bagi setiap orang, merupakan konsep yang tidak boleh dinafikan dalam rangka pemenuhan kehidupan bersama. Hubungan individu dengan masyarakat merupakan hubungan sejati, dan ia ada oleh kerana kecenderungan alami (*fitrah*) manusia tersebut, yakni kecenderungan setiap individu untuk hidup secara

⁵¹ PB HMI (2013), *Op.Cit.* h. 92

bersama-sama. Dalam konteks inilah kewujudan masyarakat tidak boleh dinafikan kerana ia lahir bagi pemenuhan setiap individu yang sangat mendasar, bukan hanya sekedar aspek material sepertimana dalam teori *marxisme*, tetapi ia merupakan aspek yang sangat asasi bagi seorang manusia. Menurut Fazlur Rahman, bahkan konsep-konsep agama yang berkaiatan dengan amal perbuatan seperti *'adalah, amanah, dan ikhsan* tidak akan bermakna jika terlepas daripada kehidupan sosial masyarakat.⁵²

Hubungan individu dan masyarakat termaktub dalam konstitusi HMI yang berbunyi “Terbinanya insan akademik, pencipta dan pengabdian yang bernafaskan Islam dan bertanggungjawab untuk mewujudkan masyarakat adil dan makmur yang diredhai Allah SWT”, dari ikon ini dijabarkan sebagai sosok “insan cita” yang kemudian diharapkan akan lahir masyarakat yang disebut dengan istilah “masyarakat cita”. Kata “akademik, pencipta” menggambarkan karakter (*sifat*) individu yang berwawasan luas oleh kerana latar belakang pendidikannya yang baik sehingga ia mempunyai kemampuan berfikir rasional dan kritis. Kata “pencipta” menggambarkan sosok individu yang kreatif dalam melakukan perbaikan ataupun pembaharuan dalam bidang apapun. Namun demikian, kualiti-kualiti yang telah dimilikinya itu akan memiliki erti lebih mendasar jika berada dalam konteks sosial (*masyarakat*), dengan melakukan kerja-kerja amal yang sentiasa menjaga kebajikan masyarakat sebagai bentuk pengabdian sesama manusia yang bersosial.

Masyarakat adil dan makmur merupakan hala tuju dari misi HMI yang prosesnya dijalankan dengan cara membina individu-individu yang memiliki 3 (tiga) karakter iaitu bidang akademik, pencipta dan pengabdian. Azhari Akmal Tarigan mengatakan bahawa “Misi HMI hanya boleh diwujudkan dengan memunculkan individu-individu “insan cita” yang berkualiti untuk berperanan serta di tamadun global, dan akhirnya kumpulan individu-individu ini akan melahirkan “masyarakat cita”

⁵² Fazlur Rahman (1980), *Tema-tema Pokok al-Qur'an*, terj. Anas Mahyudin, Bandung: Pustaka, h. 54.

sepertimana yang telah digagas oleh HMI”.⁵³ Apa yang dimaksudkan dengan “masyarakat cita” adalah masyarakat madani sepertimana diasaskan oleh Nurcholis Madjid, atau juga disebut dengan istilah *civil society* yang menjadi cita-cita bangsa Indonesia sebagai bangsa dari sekumpulan individu yang paling besar di mana unsur-unsurnya terdiri daripada individu dan kelompok dengan latar belakang etnik, agama dan keyakinan yang pelbagai bergabung menjadi satu kesatuan.

Sungguhpun mereka hidup bermasyarakat (berbangsa) akan tetapi hak dan kemerdekaan individu tetap diakui sebagai esensi utama kemanusiaan. Konsep “individu dan masyarakat” sepertimana digagas oleh HMI, merupakan proses penyedaran kepada semua aktivis HMI sebagai bahagian daripada masyarakat, dan yang terpenting daripada itu semua adalah wujudnya kesedaran intelektual (*tradisi keilmuan*) bagaimana seorang penggiat Muslim (HMI) tidak kehilangan halatujunya dalam menjalankan agenda perjuangan.

3.4.2. Keadilan Sosial dan Ekonomi

Tajuk demokrasi dan keadilan merupakan tajuk kemanusiaan yang sentiasa menarik untuk dibincangkan sepanjang masa. Indonesia telah memiliki kesepakatan bersama berupa Pancasila yang dijadikan sebagai idiologi berbangsa dan bernegara. Pancasila mengandungi 5 (lima) prinsip, iaitu: ketuhanan, kemanusiaan, persatuan, permusyawaratan dan keadilan sosial. Ke lima prinsip inilah yang menjadi asas bagi kehidupan berbangsa dan penyelenggaraan pemerintahan.

Keadilan sosial dan ekonomi termaktub dalam sila kelima (terakhir) yang mencerminkan sikap dan suasana kebersamaan bagi menjaga keseimbangan antara hak dan kewajiban. Adapun sila pertamanya adalah ketuhanan yang menjadi pembuka dan arah bagi menuju tercapainya masyarakat yang adil dan makmur. Sementara itu, sila

⁵³ Azhari Akmal Tarigan (2003), *Islam Universal: Kontekstualisasi NDP HMI dalam Kehidupan Beragama di Indonesia*, Bandung: Cita Pustaka Media, h. 176.

kemanusiaan, persatuan dan permusyawaratan bagaikan jembatan yang menghubungkan sila pertama dan kelima.

Dalam rangka mewujudkan masyarakat yang adil dan makmur, maka kehadiran penyelenggara negara menjadi sesuatu yang tidak dapat dihindari bagi mengurus tertinggi di antara kelompok masyarakat yang mempunyai cita-cita untuk bersatu, hidup dalam satu kawasan, dan mempunyai pemerintahan yang berdaulat.⁵⁴ Selanjutnya, sepertimana telah dibincangkan di atas, bahawa Pancasila dijadikan sebagai asas dalam penyelenggaraan negara selaras, dan iainya tidak bertentangan dengan ajaran Islam bahkan sebaliknya selaras dengannya. Indonesia adalah negara yang secara konstitusional bukan negara Islam atau negara agama, tetapi ia juga bukan negara sekuler.

Adanya kedaulatan rakyat dan kesempatan melakukan partisipasi politik dalam kehidupan bernegara merupakan wujud sebenarnya dari sebuah kebebasan dan kemerdekaan sebagaimana cita-cita kemasyarakatan dan kenegaraan dalam mukaddimah UUD 1945.⁵⁵ Sehubungan dengan itu, maka kemerdekaan, termasuk di dalamnya kemerdekaan dalam berpolitik, setiap warga Indonesia memperoleh hak yang sama. Dalam bahasa sekarang, kemerdekaan juga sering berhubungkait dengan kebebasan mahupun demokrasi,

Manusia memiliki kemerdekaan yang penuh sebagai individu, namun ketika ia bersama dengan masyarakat, kemerdekaan yang dimiliki akan melebur bertukar menjadi kemerdekaan bersama. Menurut HMI, kemerdekaan individu adalah kemerdekaan bersyarat, bukannya kemerdekaan tidak terhad. Ciri-ciri kemerdekaan yang dimaksudkan antara lain: 1) Kemerdekaan untuk mewujudkan suatu keinginan yang didasarkan pada fitrah (*sifat semula jadi*) manusia yang cenderung baik dan benar; 2) Kemerdekaan melakukan tindakan yang disetujui oleh kata hati nurani (*dalamir*); 3)

⁵⁴ A. Ubaedillah (2007), *Pendidikan Kewargaan: Demokrasi, Hak Asasi Manusia, dan Masyarakat Madani*. Jakarta: ICCE UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, h. 55

⁵⁵ Anas Urbaningrum (2004), *Islam-Demokrasi: Pemikiran Nurcholish Madjid*, Jakarta: Penerbit Republika, h. 115

Kemerdekaan yang tidak didasarkan kepada hawa nafsu; dan 4) Kemerdekaan yang tidak merampas kemerdekaan orang lain.

Kemerdekaan individu di satu sisi, dan kehidupan masyarakat di sisi lain hanya boleh terlaksana jika ada peraturan bersama yang menjamin kepentingan-kepentingan tersebut, tanpa ada yang harus dikorbankan. Prinsip daripada aturan tersebut adalah adanya jaminan perolehan hak-hak asas manusia, dan dalam masa yang sama menghormati kemerdekaan orang lain dan martabat kemanusiaan sebagai manifestasi kesedaran terhadap tanggung jawab sosial. Tanggungjawab sosial lahir sebagai sebuah kesedaran manusia mengenai pentingnya kehidupan bersama, saling berbahagi dan tolong-menolong antar sesama.

3.4.3. Kepentingan Ilmu Pengetahuan

Dalam sejarah umat manusia, kemajuan suatu tamadun sentiasa dilatarbelakangi oleh pemikiran dan sikap *inklusif* untuk mahu berinteraksi dengan tamadun yang lainnya. Demikian halnya dengan kemajuan tamadun Islam pada masa lalu, juga diyakini merupakan buah daripada keterbukaan Islam untuk menerima pelbagai tamadun lainnya yang ada di luar Islam seperti tamadun Greece dan Parsi, dan kemudian menyesuaikan diri dengan ajaran Islam. Dalam proses interaksi itu berlangsung proses pemindahan atau peralihan tersebut diiringi kehendak kepelbagaian ilmu pengetahuan, ataupun mengambil dan menyesuaikan diri dengan tamadun manusia yang ada.

Bangunan tamadun Islam seperti dikatakan di atas tidak lepas daripada adanya watak Islam yang terbuka, dan juga merupakan pancaran dan pengamalan nilai-nilai Islam. Dalam Islam, ada tiga komponen penting yang mendorong manusia untuk selalu secara aktif dan kreatif membangun tamadun yang unggul dan maju, yakni iman, ilmu dan amal.

Pertanyaannya adalah seperti apa hubungan antara iman, ilmu dan amal dalam konteks membangunkan tamadun? Iman adalah kepercayaan akan adanya kebenaran mutlak iaitu Tuhan Yang Maha Esa, oleh kerananya Tuhan sebagai satu-satunya tujuan hidup dan tempat pengabdian diri yang terakhir. Iman yang sedemikian rupa akan memunculkan kecintaan tidak terhad kepada kebenaran, kesucian dan kebaikan yang menyatakan dirinya pada sikap perikemanusiaan. Perikemanusiaan merupakan proses penghayatan diri seorang manusia yang akan menghasilkan amal soleh, ertinya bahawa amal yang bersesuaian dengan nilai-nilai kemanusiaan dan amal yang meningkatkan martabat kemanusiaan.

Kerja kemanusiaan (*amal soleh*) sebagai buah daripada keimanan dan untuk kemanusiaan dapat diwujudkan oleh manusia jika ia menguasai ilmu pengetahuan,⁵⁶ dan dengan demikian ilmu pengetahuan itu sendiri adalah alat manusia untuk mencari dan menemukan kebenaran-kebenaran dalam hidupnya sekalipun kebenaran itu mungkin abstrak. Namun mahu tidak mahu ini harus dilalui oleh seorang manusia dengan sungguh-sungguh sebagai syarat mutlak untuk menuju kebenaran hakiki di satu sisi, dan melakukan kerja-kerja dan khidmat kemanusiaan di sisi lainnya.

Di samping mencari, menemukan dan memanfaatkan ilmu pengetahuan sebagai sebuah usaha untuk memahami ayat-ayat (*sign*) Allah SWT, dalam kerangka memelihara dan meningkatkan keimanan kepada-Nya, tuntunan untuk mencari ilmu pengetahuan adalah komitmen penting dari peran *kekhalfaan* seorang manusia. Manusia tidak akan mampu mengambil peranan dan fungsi *kekhalfahan* tanpa penguasaan ilmu pengetahuan, atau dengan kata lain, sebuah kerja tidak dapat dijalankan dengan baik tanpa ilmu, dan demikian juga keluaran hasil tidak akan baik tanpa disertai dengan ilmu. Penguasaan dan pengelolaan sumber alam semula jadi yang begitu melimpah ruah juga tidak akan berjaya tanpa dikelola oleh orang-orang

⁵⁶ Al-Quran Surat At Tin (9): 5-6 dikatakan yang ertinya “*Niscaya Kami akan merendahkan mereka, kecuali mereka yang beriman dan beramal shaleh*”.

profesional sesuai dengan disiplin ilmu dan kepakarannya. Dalam konteks inilah, seseorang selain harus memiliki iman yang tangguh dan kemudian perlu juga melakukan kerja-kerja kemanusiaan, ia juga harus membekali dirinya dengan ilmu pengetahuan agar ia dapat mengambil peranan bagi dirinya sebagai seorang *khalifah*.

Paling tidak ada tiga sifat utama *sunatullah* yang perlu ada, iaitu: 1) *Exact* (pasti) iaitu kepastian alam yang menggambarkan kesempurnaan Sang Pencipta di satu pihak, dan membolehkan bagi manusia dalam merencanakan sesuatu dan memanfaatkan alam raya di pihak lain; 2) *Tetap (immutable)* tidak pernah berubah. Sifat *sunatullah* ini sama pentingnya dengan yang pertama sehingga manusia dapat menjangkakan sesuatu yang akan terjadi pada masa datang terutama sangat berkaitan dengan gejala-gejala alam. Setiap ilmuwan akan dapat memahami bahawa antara satu fenomena alam dengan lainnya terdapat hubungkait yang *konsisten* (tetap kukuh); 3) *Objektif*, iaitu kerana sifat alam yang pasti, maka manusia ketika melakukan penyelidikan terhadap alam semula jadi, ia dapat mengetahui atau setidaknya dapat menjangkakan apa yang akan terjadi. Adalah sangat tidak boleh diterima secara logik, jika sebuah usaha tanpa disertai dengan ramalan seperti apa yang akan terjadi, dan inilah makna objektif yang merupakan satu sifat *sunnatullah* tersebut.⁵⁷

Ada dua *sunnatullah* yakni: 1) *Sunnatullah* dalam wujud hukum alam yang bersifat pasti dan terukur; dan 2) *Sunnatullah* dalam bentuk kesejarahan, iaitu peraturan-peraturan yang berlaku melalui sejarah. Sejarah adalah peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa lampau, ia mengandungi maklumat-maklumat penting lagi berharga bagi generasi manusia selepasnya. Misalnya mengenai masa kejayaan dan kehancuran sebuah bangsa, puncak ketamadunan yang telah dicapai, perkembangan tamadun manusia dari masa ke masa, dan seterusnya. Selanjutnya, dari pengetahuan sejarah tersebut dapat diambil pelajaran dan iktibar dalam membangun ketamadunan yang lebih baik lagi di masa hadapan.

⁵⁷ Imaduddin Abdurrahim (1999), *Islam, Sistem Nilai Terpadu*, Jakarta: Yayasan Sari Insani, h.25-27.

Kajian sejarah membuka wawasan dan memberi kesedaran terhadap nilai-nilai yang terkandung di dalamnya seperti kenyataan bahawa manusia akan menemui kejayaan jika setia kepada fitrahnya sebagai manusia dan akan menemui kehancuran jika menyimpang daripadanya dengan menuruti hawa nafsu. Konsepsi hukum sejarah di sini didasarkan kepada nilai-nilai (*values*) kemanusiaan. Berdasarkan kepada landasan etika kesejarahan manusia, masa lalu (sejarah) adalah pengalaman berharga untuk mengerti masa sekarang dan perlu memperhitungkan keberlangsungannya di masa akan datang.

Rahasia alam yang selama ini dianggap misteri perlu didedahkan oleh ilmu pengetahuan, dan apa sahaja yang masih dianggap misteri dari pelbagai kejadian alam perlu dipecahkan oleh manusia dengan melakukan pengamatan dan kajian secara ilmiah, sehingga ditemukan sebab-sebab alamiahnya, yang sebenarnya telah memiliki hukum dan aturan tersendiri. Hal inilah apa yang disebut dengan *sunatullah*, yakni *sunnatullah* yang berlaku kepada peristiwa alam yang bersifat pasti dan objektif sebagai ketentuan Tuhan yang menunjukkan kesempurnaan-Nya. Sementara penguasaan atas “*sunnatullah*” dalam sejarah perlu juga dikaji sehingga dapat memberi petunjuk arah bagaimana sepatutnya halatuju kehidupan manusia diarahkan dalam membangun ketamadunan manusia, termasuk membangun ketamadunan yang berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan dan ketuhanan berupa iman, ilmu dan amal soleh.

Penjelasan di atas menunjukkan akan pentingnya penguasaan ilmu dengan objek kajian *sunnatullah*. Namun sayangnya, seperti yang difahami oleh sebahagian umat Islam sekarang, bahawa ilmu mengkaji *sunnatullah* dianggap sebagai rumpun ilmu bukan-agama, sedangkan ilmu yang membahas hal-hal yang berkaitan dengan iman dan ibadah barulah dianggap rumpun ilmu agama. Pengelasan ilmu ke dalam rumpun ilmu agama dan ilmu bukan-agama, menyebabkan terjadinya apa yang disebut pengasingan “*dikotomi*” ilmu, dan kerana kelompok agamawan (*ulama*) lebih mengutamakan ilmu

agama daripada ilmu bukan-agama, akibatnya umat Islam hanya mempelajari ilmu agama, dan sebaliknya ilmu bukan-agama tidak dipelajarinya.

Seiring dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi di dunia Barat, muncul andaian bahawa ilmu bukan-agama antara lain seperti fizik, matematik, dan ilmu sosial adalah ilmu yang datang daripada dunia Barat, oleh kerananya tidak wajib untuk dipelajarinya, sedangkan yang wajib dipelajari adalah rumpun ilmu agama seperti ilmu tauhid, ilmu al-Quran dan hadis, ilmu kenabian dan shahabat dan sebagainya. Andaian ini sedikit banyak telah memberi dampak kepada pudarnya tradisi intelektual (*budaya ilmu*) dan penyelidikan di dunia Islam. Hal ini juga diakibatkan oleh kesalah fahaman umat Islam dalam memahami pembahagian ilmu oleh al-Ghazali, iaitu antara ilmu *al-'aqli* dan ilmu *al-naqli*. Menurut Azhari Akmal Tarigan (2003: 266-267), pengasingan ilmu oleh al-Ghazali adalah sesuatu yang boleh, namun demikian pembahagian ini tidak bererti ia lebih mementingkan ilmu agama daripada ilmu bukan-agama, oleh sebab itu al-Ghazali tidak boleh didakwa sebagai “penyebab” kemerosoton ilmu pengetahuan dalam Islam kerana anggapan itu merupakan kesalahan fakta, di sisi lain pemikiran al-Ghazali yang berimplikasi terhadap cara pandang umat Islam yang salah adalah sebuah fakta lain yang juga tidak boleh dinafikan.⁵⁸

Dengan demikian, jelaslah bahawa pengasingan antara ilmu agama dan ilmu bukan-agama merupakan proses kesejarahan ilmu yang bersifat subjektif, bukannya berdasarkan daripada aspek *ontologi* ilmu. Islam tidak mengenal adanya pengasingan, bahkan ilmu yang belakangan ini disebut dengan ilmu bukan-agama boleh berfungsi sebagai penjelas ilmu agama itu sendiri, sebaliknya rumusan ilmu agama yang sekiranya bercanggah dengan ilmu bukan-agama perlu dicari kesefahaman atau perlu diuji ulang kerana masing-masing “ilmu” adalah hasil proses pemahaman manusia. Mengikut Murtadha Mutahhari, agama harus difahami dengan ilmu pengetahuan agar menjadi terang perbezaannya antara agama dengan mitos. Sebaliknya, ilmu pengetahuan tanpa

⁵⁸ Azhari Akmal Tarigan (2003), *Op. Cit.*, h.266-267

agama bagaikan sebilah pedang yang akan merbahaya bagi penggunanya jika tidak memiliki nilai-nilai dan kemampuan dalam mengawalinya.⁵⁹

3.4.4. Hubungan Islam dengan Negara

Perkembangan pemikiran tentang hubungan antara agama dan negara, khususnya mengenai agama Islam banyak dijumpai beragam pendapat. Hal ini memperlihatkan perbezaan pendapat mengenai ada atau tidaknya negara Islam, dan secara amnya pendapat ini boleh dibahagi ke dalam 2 (dua) kelompok pendapat, iaitu: 1) Bahawa Islam memiliki konsep negara, dan kerananya setiap Muslim wajib mengambil peranan penting dalam mewujudkan negara Islam; 2) Kelompok kedua yang berpendapat bahawa Islam tidak memiliki konsep tentang negara Islam.⁶⁰ Di Indonesia, pandangan kedua ini merupakan pendapat ramai orang, meskipun kini ada beberapa organisasi keagamaan Islam yang dengan sungguh-sungguh memperjuangkan penegakkan *khilafah* sebagai sistem negara. Salah satu organisasi Islam yang secara massif dan terorganisir mengarah kepada penegakkan sistem *khilafah* adalah Hizbu Tahrir Indonesia (HTI).

Negara dalam bahasa Arab disebut dengan “*dawlah*” yang bermakna *bergilir*, *beredar* dan *berputar*.⁶¹ Menurut Olaf Schumann, istilah “*dawlah*” sama dengan “dinasti” yang bererti sistem kekuasaan yang berpuncak pada seorang peribadi dan didukung oleh keluarganya. Jadi, dalam konteks sekarang istilah tersebut boleh diertikan negara. Konsep *dawlah* dalam Islam ini boleh muncul dalam tiga sumber: 1) Teori khilafah yang merujuk kepada masa *khulafau al-rasyidin*; 2) Bersumber kepada teori *imamah* dalam faham Syiah; dan 3) Bersumber kepada teori *imarah* atau pemerintahan.⁶² Selain itu, konsep negara Islam juga merujuk pada kerajaan di Madinah di bawah kepemimpinan Nabi Muhammad SAW yang dianggap sebagai sebuah bentuk

⁵⁹ Murthadha Muttahhari (2002), *Manusia dan Alam Semesta: Konsepsi Islam tentang Jagad Raya*, Jakarta: Lentara, h. 17.

⁶⁰ M. Rusli Karim (1997), *HMI MPO dalam Kemelut Modernisasi Politik di Indonesia*, Bandung: Mizan, h. 64.

⁶¹ Olaf Schumann (1999), “Dilema Islam Kontemporer antara Masyarakat Modern dan Negara Islam,” *Jurnal Pemikiran Islam Paramadina Jakarta*, No. 2, Volume, I, h. 57.

⁶² M. Dawam Raharjo, “Ensiklopedi Al-Quran: Ulil Amri”, *Ulumul Qur'an*, No. 2/1993, h. 26-34.

negara. Piagam Madinah yang merupakan kesepakatan bersama penduduk Madinah dianggap sebagai sebuah konstitusi negara. Meskipun di dalam Piagam Madinah tidak menyebutkan Islam sebagai agama negara dan kerananya ada banyak penafsiran terhadap Negara Madinah dibawah kepemimpinan Nabi Muhammad SAW.

Perbezaan pandangan terjadi di Indonesia mengenai keharusan umat Islam untuk menegakkan syariat dalam kehidupan bernegara⁶³ yang bermula sejak awal kemerdekaan sehingga ke hari ini sepertimana yang diperjuangkan oleh organisasi keagamaan Hizbu Tahrir Indonesia (HTI) dan Jama'ah Tarbiyah.⁶⁴ Menurut Sukarno, bahawa agama harus dipisahkan daripada negara bagi menghindari pemaksaan negara untuk menerapkan hukum Islam bagi warga negara yang tidak sependapat. Dan pemisahan ini akan menghindarkan konflik yang terus menerus.⁶⁵ Penyelidik berpendapat bahawa pemikiran Soekarno yang berpandangan perlunya pemisahan negara daripada agama selari dengan hakikat Islam yang lebih berat mengutamakan mesyuarat.

Islam adalah seperangkat nilai yang diturunkan oleh SWT Allah melalui rasul-Nya Nabi Muhammad SAW untuk dijadikan sebagai pedoman hidup manusia. Oleh kerana itulah, yang terpenting untuk dilakukan umat Islam adalah bagaimana kita boleh mengamalkan nilai-nilai ajaran Islam dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Dalam hal ini, Pancasila sebagai asas negara Indonesia menjadi pemersatu warga negaranya yang menganut agama berbeza-beza, dan selain itu pula Pancasila sepertimana dinilai oleh ramai orang ianya tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Sebagai organisasi kader, HMI menekankan kepada pembinaan yang dilakukan dengan memperhatikan aspek pendidikan dan pengajian yang mengutamakan pada makna *substantif* Islam serta menghindari daripada hal-hal yang masih *ikhhtilaf*. Dengan

⁶³ Parti Islam yang memperjuangkan syariat Islam agar dimasukkan dalam konstitusi negara adalah Parti Persatuan dan Pembangunan dan Parti bulan Bintang. Lihat: Nadirsyah Hosen, "Religion and the Indonesian Constitution: A Recent Debate", *Journal of Southeast Asian Studies*, Volume 36, no. 3, h. 419-440

⁶⁴ Jama'ah Tarbiyah adalah salah satu organisasi yang berbasiskan mahasiswa yang memperjuangkan berlakunya syariah Islam dan iainya sebafai basis Parti Keadilan Sosial, Lihat:Yon Machmudi (2008),"The Rise of Jemaah Tarbiyah and Prosperous of Justice Party (PKS), dalam: *Islamising Indonesia*, ANU Press, h.51-80

⁶⁵ M. Ridwan Lubis (1992), *Pemikiran Sukarno tentang Islam*, Jakarta: CV Masagung, h. 190-192

demikian, HMI boleh tampil sebagai pemersatu umat dan bangsa meskipun berbeza faham keagamaan dan keyakinan. Hal ini selari dengan matlamat penubuhan HMI yang ingin mengambil peran dalam pembinaan umat, khususnya para mahasiswa Muslim.

Menurut pendapat Beni Ridwan, HMI semestinya mengambil peran yang strategis dalam kehidupan berbangsa dan bernegara, dan menghindari perbincangan yang justeru memecah belah umat dan bangsa. Lebih lanjut, ianya mengatakan bahawa Nilai-nilai Dasar Perjuangan (NDP) yang menawarkan pemikiran tentang konsep tauhid, manusia, dan pemikiran sosial boleh dijadikan sebagai ideologi pemikiran dan gerakan sosial. Hal ini selaras dengan adanya pandangan Mukti Ali yang mengatakan bahawa pemikiran mengenai Islam dan Indonesia yang dibincangkan oleh HMI dalam perkembangan sejarah HMI memperlihatkan bahawa Pancasila selari dengan Islam.⁶⁶

Penekanan kepada aspek pemahaman tentang tauhid yang menjadi ruh dalam memahami Islam serta cara kader HMI dalam mengkaji masalah sosial, termasuk didalamnya hubungan antara Islam dan negara. Melalui pengajian yang ada dalam sistem perkaderan lahir lah generasi yang memiliki pengetahuan Islam yang luas dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam meningkatkan derajat umat Islam dan membangun bangsa ini pada amnya. Kerana itu, HMI sentiasa berperanan secara aktif bagi mewujudkan cita-cita dan membela agamanya sesuai dengan profesinya masing-masing. Dengan demikian, HMI tidak lagi terlibat dalam perbincangan mengenai keharusan menjadikan Islam sebagai asas negara, atau pun menggugat pancasila sebagai asas negara. Hal ini dikeranakan, para ahli HMI sibuk dengan aktiviti untuk melakukan perbaikan yang selaras dengan profesinya sebagai kader organisasi, di samping bahawa pemahaman HMI mengenai Islam yang *substantif* dan moden menafikan keharusan Islam menjadi asas negara. Dalam hal ini, Bahtiar Effendy

⁶⁶ Temubual dengan Beni Ridwan pada tarikh 8 Januari 2016

menyebut pandangannya mengenai Islam yang *substantif* adalah pandangan yang lebih mengutamakan aspek keadilan, kesamaan, partisipasi dan mesyuarat.⁶⁷

Pandangan HMI mengenai hubungan politik antara Islam dan negara di atas, merupakan penggolongan dilakukan oleh Zuly Qodir yang merupakan kelanjutan daripada pemikiran yang bermula daripada tahun 1970, dan terus berkembang sampai ke hari ini.⁶⁸ Di antara generasi pembaharu Islam pada masa itu adalah Nurcholish Madjid dan Ahmad Wahid yang keduanya merupakan alumni HMI dan sekaligus sebagai peletak dasar pemikiran moden yang ada di dalam tubuh HMI.

Dengan demikian, pada dasarnya gerakan pembaharuan pemikiran Islam di HMI adalah upaya untuk membina lebih hebat lagi agar para ahli HMI memiliki pemahaman tentang Islam yang moden melalui kajian-kajian yang diselenggarakannya. Gerakan pembaharuan Islam yang dijalankan oleh HMI selaras dengan semangat kemodenan dan halatuju pembangunan nasional. Dalam konteks perbincangan mengenai hubungan politik antara Islam dan Negara, atau lebih khusus lagi mengenai Pancasila sebagai asas negara Indonesia tidak lagi diperselisihkan.

Islam sebagai agama yang dianut oleh penganutnya boleh diletakkan dalam dua kategori iaitu: 1) Islam sebagai pandangan hidup, dalam erti sebagai keyakinan yang akan mempengaruhi seluruh ucapan, tindakan dan perilaku seseorang sebagai seorang yang beragama dan juga berpengaruh terhadap kehidupan sehari-hari, 2) Islam secara sosial boleh dilihat sebagai fenomena sosial yang diwujudkan oleh kelompok dalam masyarakat sehingga memunculkan pelbagai perbezaan.⁶⁹

Perilaku budaya politik demokrasi yang perlu dikembangkan dalam kehidupan sehari-hari antara lain menjunjung tinggi persamaan, menjaga keseimbangan antara hak dan kewajiban, membudayakan sikap bijaksana dan keadilan, membiasakan mesyuarat

⁶⁷ Bahtiar Effendy (1998), *Islam dan negara: Transformasi Pemikiran dan Praktik Politik Islam di Indonesia*, Jakarta: Paramadina, h.16.

⁶⁸ Zuly Qodir (2006), *Pembaharuan Pemikiran Islam: Wacana Intelektual Indonesia*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h.199.

⁶⁹ *Ibid.*, h. 246

dan mufakat dalam mengambil keputusan serta mengutamakan persatuan dan kesatuan nasional.⁷⁰

Dalam rangka mengoptimalkan perilaku budaya demokrasi tersebut, HMI perlu mengambil peranan dengan menanamkan nilai-nilai demokrasi kepada para ahlinya. Diantara nilai-nilai demokrasi yang ditanamkan adalah seperti berikut: 1) Membiasakan untuk berbuat sesuai dengan aturan main atau hukum yang berlaku. 2) Membiasakan tradisi mesyuarat dalam mengambil keputusan. 3) Menghargai pendapat orang lain, dan tidak memaksakan kehendak dan pendapatnya kepada orang lain. 4) Memilih pemimpin melalui cara-cara yang demokratik. 5) Menggunakan akal sehat dan hati nurani dalam mesyuarat, 6) Menggunakan kebebasan dengan penuh tanggungjawab.⁷¹

Kehadiran sebuah negara di tengah-tengah masyarakat pada masa moden sekarang ini menjadi sesuatu yang tidak dapat dihindari. Negara diertikan sebagai organisasi tertinggi di antara kelompok masyarakat yang mempunyai cita-cita untuk bersatu, hidup dalam satu kawasan, dan mempunyai pemerintahan yang berdaulat.⁷² Dalam konsepsi Islam, menurut kebanyakan ahli politik Islam moden, tidak ditemukan rumusan yang pasti tentang konsep negara. Selaras dengan pandangan ini, Muhammad Imara mengatakan bahawa Islam sebagai agama yang tidak menentukan suatu sistem pemerintahan tertentu bagi umat Islam.⁷³ Dua sumber Islam, al-Quran dan al-hadith, tidak secara tersurat menyebutkan model negara dalam Islam. Meskipun demikian, Islam mengajarkan banyak nilai dan etika bagaimana seharusnya negara itu dibina, dikembangkan dan dibesarkan.

Indonesia adalah negara yang secara konstitusional bukan negara Islam dan negara agama, tetapi tidak dapat disangkal bahawa sejak berdirinya hingga saat ini, agama khususnya Islam memiliki andil dan berperanan penting dalam membentuk

⁷⁰ Temubual dengan Wihaji tarikh 20 September 2015

⁷¹ Temuabual dengan Beni Ridwan 8 Januari 2016

⁷² A.Ubaedillah (2007), *Pendidikan Kewargaan: Demokrasi, Hak Asasi Manusia, dan Masyarakat Madani*, Jakarta: ICCE UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, h. 55

⁷³ Muhammad Imara (1979), *Al-Islam wa al-sulthoh al-diniyah*, Kairo: Dar al-Saqofah al-ladidah, h. 76

karakter Indonesia sebagai negara yang berbangsa dan bernegara. Konsep demokrasi yang diterapkan oleh Indonesia sebagai bentuk apresiasi negara terhadap kemajemukan bangsa menjadi persoalan mendasar atas sebuah tinjauan kritis terhadap persoalan pemisahan atau penyatuan antara agama dan negara.

Adanya kedaulatan rakyat dan kesempatan melakukan partisipasi secara efektif dalam kehidupan bernegara merupakan wujud sebenarnya daripada sebuah kebebasan dan kemerdekaan sebagaimana cita-cita kemasyarakatan dan kenegaraan dalam mukaddimah UUD 1945. Sedangkan dalam menyikapi demokrasi, Nurcholish Madjid mengatakan bahawa demokrasi sebagai “cara”, dan bukan sebagai “tujuan”. Selanjutnya ianya menilai bahawa pilihan terhadap demokrasi adalah pilihan ideologi politik, namun memilih demokrasi sebagai ideologi tidak semata-mata didasarkan kepada pertimbangan prinsipil, bahawa nilai-nilai demokrasi dianggap paling dapat dipertanggungjawabkan, tetapi juga kerana fungsinya sebagai aturan main yang sudah ditetapkan.⁷⁴

Dalam perkembangannya, proses pemulihan demokrasi tersebut telah berlanjut dengan dilakukannya pelbagai perubahan yang berarti dalam bidang politik, dan beberapa di antaranya yang tidak terbayangkan sebelumnya. Bukan sahaja kita menyaksikan munculnya empat Presiden selama period reformasi, tetapi juga pengaruh akhba yang bebas; pemilihan Presiden dan Wakil Presiden serta Kepala Daerah secara langsung; tumbuh dan berkembangnya masyarakat sipil; penguatan kemandirian daerah, dan keamanan nasional yang cenderung stabil.⁷⁵

Dalam penjelasan UUD 1945 disebutkan bahawa “Indonesia adalah negara yang berdasar atas hukum (*rechtstaat*) dan bukan berdasarkan atas kekuasaan belaka (*machtstaat*)⁷⁶ mengandungi pengertian bahawa negara memberikan perlindungan

⁷⁴ Anas Urbaningrum (2004), *Op. Cit.*, Jakarta: Penerbit Republika, h. 115.

⁷⁵ M. Maghfuri ar-Rumi (2008), *Di Atas Daun Talas: Refleksi Dasawarsa Reformasi dan Transisi Demokrasi*, Makalah Latihan Kader II (LK-II) HMI Cabang Ciputat, h. 5-6.

⁷⁶ A.Ubaedillah (2007), *Op.Cit.*,
.h. 145.

hukum bagi setiap warga negara melalui lembaga peradilan yang bebas serta jaminan hak asasi manusia yang tidak memihak, termasuk didalamnya hak menjalankan ibadah sesuai dengan agamanya masing-masing.

Demokrasi difahami oleh HMI sebagai sistem moden yang selaras dengan kehendak mesyuarat. Demokrasi bukan kebebasan untuk melakukan segala sesuatu sehingga melanggar hukum, sebaliknya ia tunduk kepada hukum itu sendiri. Hukum yang dibuat, dipersetujui, dan ditaati oleh semua bangsa sebagai kontrol atas kebebasan tersebut. Dalam Nilai-nilai Dasar Perjuangan yang juga menjadi ideologi organisasi, demokrasi selaras dengan kemerdekaan universal yang bertanggungjawab.

Dari penjelasan di atas, sebagai bahagian daripada gerakan pembaharuan Islam yang pada dasarnya bertujuan dilaksanakannya perkaderan adalah ingin mengembangkan pemikiran Islam yang *substantif* sehingga boleh berlaku bila dan dimana pun berada. Ditambah dengan pengetahuan dan wawasan yang dimilikinya memudahkan bagi para ahli HMI untuk berkkiprah di tengah-tengah masyarakat dalam rangka mendakwahkan Islam yang *rahmatan li 'al alamin*. Dengan demikian penegakan hukum Islam ke dalam kehidupan masyarakat tanpa harus melakukan perubahan sistem yang berlaku di Indonesia sehingga lebih bersifat *reformatif*. Dengan kata lain, tidak diperlukan penggantian Pancasila sebagai asas negara sebagai syarat penegakan hukum dalam Islam.

3.5. Kesimpulan

Kajian Islam yang dijalankan oleh HMI merujuk kepada sebilangan ayat al-Quran dan Hadith yang merupakan rujukan utama bagi para penggiat kader HMI dalam memahami ajaran Islam. Ada dua pendekatan yang digunapakai dalam menghuraikan Islam, iaitu pendekatan *aqli* (rasional) dan *maknawi*. Kedua-dua pendekatan ini yang kemudian menzahirkan pemahaman Islam yang bercirikan rasional dari aspek pendekatan dalam

memahami ajaran Islam. Sementara faham keagamaan seperti yang diuraikan di atas lebih menzahirkan aspek maknawinya daripada zahirnya. Dengan kata lain, faham keagamaan HMI bercirikan *substantif*.

Manusia adalah makhluk spiritual dan makhluk sosial. Sebagai makhluk spiritual ianya tunduk kepada ajaran *ilahi*, sedangkan sebagai makhluk sosial, dia menggalas amanat sebagai *khalifah* di muka bumi (*khalifah fil ardh*). Dalam konteks ini, manusia akan dimintai pertanggungjawaban secara persendirian daripada seluruh amal perbuatannya yang telah dilakukan semasa hidupnya di dunia. Sementara itu, manusia sebagai wakil Allah di dunia ini (*khalifatullah fil ardh*) juga menggalas amanat untuk membangunkan kehidupan manusia dengan menjunjung tinggi keadilan sosial dan ekonomi berdasarkan kepada nilai-nilai *ilahiyyah*. Fahaman tauhid yang dibahas oleh HMI merupakan asas penting memahami dan mensikapi aspek-aspek kehidupan lainnya.

Oleh kerana itu, pendekatan yang digunakan HMI dalam memahami ajaran Islam adalah pendekatan rasional bagi memahami makna yang terkandung dalam ajaran Islam, maka pandangan HMI mengenai hubungan agama dan negara terkesan lebih moden. Ciri kemodenan pandangan HMI, dalam hal ini, boleh dilihat dari pandangannya yang menerima sistem demokrasi sebagai satu sistem kerajaan moden.

BAB IV: GERAKAN PEMBAHARUAN ISLAM MELALUI PENGKADERAN PADA HMI CAWANGAN SALATIGA

4.1 Pengenalan

Gerakan pembaharuan Islam merupakan bahagian daripada upaya menuju kebangkitan umat Islam. Kebangkitan ini, mensyaratkan perlunya bagi umat Islam untuk mengkaji ajaran Islam secara rasional melalui pesan-pesan al-Quran dan mengamalkannya dalam pelbagai aspek kehidupan.¹ Sehubungan dengan itu, HMI merumuskan fahaman keagamaan sebagai bahan kajian dalam setiap pelatihan pengkaderan.

Rumusan fahaman keagamaan tersebut kemudian dialihkan bagi tujuan melakukan perubahan kefahaman agama bagi kader HMI. Kefahaman yang meningkat terhadap Islam terus berlangsung sehingga sekarang. Hal ini mengisyaratkan bahawa rumusan fahaman keagamaan tersebut masih sesuai sehingga ke hari ini. Transfer fahaman keagamaan di kalangan kader HMI dilakukan dengan cara membekalkan kefahaman tentang dasar-dasar ajaran Islam melalui proses pengkaderan, iaitu proses pembentukan kader yang memiliki watak sifat, nilai dan kapasiti bagi melakukan perubahan sifat watak dan keperibadian seorang muslim yang berilmu, berkarya dan berkhidmat.

Pengkaderan merupakan kegiatan rasmi HMI yang dibuat secara berperingkat-peringkat selari dengan tujuan dan sasaran pada masing-masing kehendak pelatihan. Setiap peringkat pelatihan mengambil berat pada pembentukan watak karakter kader HMI melalui pengalihan nilai, wawasan, dan kemahiran bagi merangsang dan mendorongnya supaya menjadi amalan berterusan dengan mengikut kemampuan.

Bab ini membahas gerakan pembaharuan Islam di HMI dengan sub bahasan sebagai berikut: Pengkaderan di HMI sebagai alat perantara pembentukan karakter

¹ Syafi'ah (2014), "Aspek Pemikiran Keagamaan Nurcholis Madjid", *Jurnal Pemikiran Islam*, Volume, 39, No. 2, h. 165-172.

kader, sistem pengkaderan di HMI, strategi dan pelaksanaan pengkaderan di HMI Cawangan Salatiga, gerakan pembaharuan Islam di HMI Cawangan Salatiga, *Resource Mobilization Theory* (RMT) dalam tajuk menilai gerakan pembaharuan Islam di HMI Cawangan Salatiga melalui kaedah kemasukan: *aggregation*, *self production*, *cooptation*, dan *patronage*.

4.2 Pengkaderan di HMI Sebagai Media Pembentukan Karakter Kader

Dalam Anggaran Dasar dan Rumah Tangga Organisasi HMI dijelaskan bahawa HMI merupakan organisasi perjuangan² yang memiliki tugas bagi tujuan mengangkat martabat bangsa Indonesia selari dengan nilai-nilai agama. Perjuangan itu dilakukan dengan melakukan bimbingan terhadap mahasiswa supaya mereka memiliki kebolehan untuk melakukan perubahan di dalam masyarakat bagi tujuan mengangkat kehidupan bertamadun dan berperikemanusiaan.

Berasaskan pada tujuan penubuhannya, HMI menempatkan diri sebagai pertubuhan kader bagi mempersiapkan dan mencetak keluaran generasinya agar berilmu, soleh dan profesional. Hal ini selari dengan pasal 4 bab III dalam Anggaran Dasar dan Rumah Tangga Organisasi mengenai tujuan pengkaderan di HMI, iaitu “Terbinanya insan akademik, pencipta dan pengabdian yang bernafaskan Islam dan bertanggung jawab atas terwujudnya masyarakat adil makmur yang direndahkan Allah SWT”.³ Tujuan pengkaderan tersebut menggambarkan insan yang hendak dibina, iaitu insan yang memiliki pengetahuan luas sebagai asas dalam menjalankan segala aktiviti sama ada secara individu mahupun secara berkumpulan, serta insan yang sentiasa berkhidmat bagi tujuan membangunkan kewujudan masyarakat yang sejahtera.

Rumusan di atas menegaskan bahawa HMI merupakan pertubuhan yang sentiasa melakukan khidmat dan penanaman pemikiran, bakat dan potensi melalui program

² PB HMI (2013), *Hasil-Hasil Kongres HMI ke XXVIII; HMI untuk Indonesia Satu Tak Terbagi*, Jakarta: PB HMI, h.78.

³ *Ibid.*

pendidikan, pelatihan dan kepimpinan yang diselenggarakan dengan kaedah yang benar dan berkesan.

Berkenaan dengan itu, maka dirumuskanlah sistem pengkaderan di HMI yang meliputi tujuan pengkaderan, tahap dan jenis-jenis pengkaderan, serta pengurusan pengkaderan. Pengkaderan adalah usaha yang dijalankan oleh organisasi secara sedar dan sistematik selari dengan pedoman pengkaderan, sehingga membolehkan seorang kader HMI melakukan amalan selaras dengan potensi dirinya masing-masing sebagai seorang yang memiliki kualiti insan cita,⁴ iaitu seorang yang beriman, berilmu pengetahuan dan berkebolehan serta mampu untuk melakukan tugas kemanusiaan sepanjang masa.

Dalam proses pembentukan kader, terdapat 3 (tiga) tahap pengkaderan, masing-masing tahap ini dimulai dengan suatu pelatihan secara rasmi. Pelatihan secara rasmi ini dibuat secara bertahap, tahap pertama merupakan prasyarat untuk mengikuti ke tahapan berikutnya, sehingga ke tahapan terakhir. Tahapan pelatihan secara rasmi dalam proses pembentukan kader iaitu *Basic Training*, *Intermediate Training*, dan *Advance Training*. Masing-masing tahapan memiliki tujuan tersendiri yang merupakan langkah pasti dalam pembentukan kader umat dan kader bangsa.

Jadual 4.1.

Tujuan Pelapisan Pada Masing-Masing Peringkat.⁵

Peringkat Training	Tujuan Training
<i>Basic</i> (Asas)	Membangunkan keperibadian muslim yang berkualiti dan berpelajaran, sedar akan fungsi dan peranannya dalam melakukan kerja di dalam organisasi serta memelihara hak dan kewajibannya sebagai kader umat dan bangsa.
<i>Intermediate</i> (Menengah)	Membangunkan kader HMI yang mempunyai kebolehan dan mampu dalam penguasaan ilmu dan kemampuan (<i>capability</i>) melakukan kerja pengurusan di dalam organisasi serta berjuang untuk menyambung dan mengemban misi HMI
<i>Advance</i> (Tahap Tinggi)	Membangunkan kader pemimpin yang mampu (<i>capable</i>) menterjemahkan dan melakukan perubahan pemikiran secara teoritikal dan profesional bagi tujuan mengurus langkah matlamat organisasi.

⁴ *Ibid.*, h. 360

⁵ *Ibid.*, h. 365-377

Selain pelatihan rasmi, wujud pula kegiatan pembentukan kader yang bersifat pengiktirafan seperti *Up Grading* dan kegiatan yang bersifat pengurusan pertubuhan, kelompok dan persendirian. Kegiatan ini bagi tujuan untuk membangunkan kebolehan kader dalam bidang tertentu secara profesional. Istilah lain kegiatan kader yang bersifat pengembangan adalah kegiatan non formal (*bukan rasmi*), kebalikannya daripada kegiatan formal.

Pelatihan pengembangan atau kegiatan non formal diselenggarakan dengan keperluan kader dan keperluan semasa. Jadi, pelatihan rasmi merupakan upaya untuk memberikan kemampuan mengikut pawai sedia ada kepada ahli HMI secara teoritikal, sedangkan pelatihan pengembangan memberikan kemampuan khas kepada kader. Oleh kerana itu pada aspek pelatihan rasmi ada papan ukur yang baku dan bersifat tetap seperti kurikulum, sedangkan kreativiti hanya boleh dibuat pada aspek metode.

4.2.1 Sistem Pengkaderan di HMI

Tujuan pengkaderan di HMI adalah untuk membangunkan kewujudan kader muslim-berilmu-profesional yang berakhlak karimah serta mempunyai kemampuan menggalas amanah Allah SWT sebagai *khalifah fil Ardh*. Berkenaan dengan itu, pelaksanaan pengkaderan sebagai proses penubuhan nilai-nilai keislaman bagi pembentukan sifat watak kader HMI yang memiliki kualiti harus mengikut perancangan yang terukur.

Berkenaan dengan proses pemindahan (transfer) pemikiran pembaharuan Islam di kalangan kader HMI, terdapat bahan dan modul kajian keagamaan yang disampaikan pada masa pelatihan di samping bahan kajian lainnya yang saling berkaitan antara satu dengan lainnya. Bahan tersebut termaktub (*tertulis*) dalam Nilai-Nilai Dasar Perjuangan sepertimana yang sudah dijelaskan dalam bab ketiga.

Kajian keagamaan yang disampaikan semasa pengkaderan mempunyai keutamaan yang berbeza di antara beberapa tahapan seperti sedia ada. Pada tahapan *Basic Training* (Pelatihan Asas) bahan kajian keagamaan meliputi: Hakikat Kehidupan, Analisis Keperluan Manusia, Mencari kebenaran sebagai keperluan Asas Manusia, Islam Sebagai Sumber Kebenaran, Hakikat Kebenaran, Konsep Tauhid *La Ilaha Illallah*, Kewujudan dan sifat-sifat Allah, Rukun Iman sebagai upaya mencari kebenaran, Hakikat Penciptaan Alam Semesta, Kewujudan Alam, Fungsi dan Tujuan Penciptaan Alam, Hakikat penciptaan Manusia, Kewujudan Manusia dan Kedudukannya di antara makhluk lainnya, Kesetaraan dan kedudukan manusia sebagai khalifah di muka bumi, Manusia sebagai Hamba Allah, Fitrah, Kebebasan dan Tanggungjawab, Manusia, Hakikat Masyarakat, Perlunya menegakkan Keadilan dalam Masyarakat, Hubungan Keadilan dan Kemerdekaan, Hubungan Keadilan dan Kemakmuran, Kepemimpinan untuk Menegakkan Keadilan, Hakikat Ilmu, Ilmu sebagai Jalan Mencari Kebenaran, Jenis-jenis Ilmu, dan Hubungan antara Iman, Ilmu dan Amal.⁶ Bahan kajian yang disampaikan dalam sistem pengkaderan boleh dikelompokkan kedalam 3 (tiga) bahasan, iaitu: kajian mengenai asas-asas keyakinan dalam Islam, hakikat manusia dan tujuan penciptaan manusia serta pentingnya ilmu pengetahuan. Memperhatikan tajuk-tajuk kajian di atas memberi kesan bahawa para ahli HMI diundang untuk mengkaji asas-asas keyakinan agama dan isu-isu yang berhubungkait dengan masalah sosial.

Sedangkan pada peringkat *Intermediate Training*, bahan kajian keislaman yang dikaji berhubungkait dengan isu-isu semasa (*kontekstual*). Secara amnya bahan ini dibahagi ke dalam 3 (tiga) sub pembahasan sebagai berikut:⁷ 1) Esensi ajaran Islam tentang *Khalifah Fil-Ardh* yang pembahasannya meliputi hakikat fungsi dan peranan manusia di dunia serta hak dan tanggung jawab manusia di dunia, 2) Esensi ajaran Islam

⁶*Ibid.*, h.375-376.

⁷*Ibid.*, h.382-383.

tentang kemasyarakatan yang membahas tentang Islam sebagai ajaran *rahmatan lil 'alamin* dan dasar-dasar Islam tentang kemasyarakatan, 3) Eesensi ajaran Islam tentang keadilan sosial dan keadilan ekonomi yang membahas tentang hakikat keadilan dalam Islam, dan konsep keadilan ekonomi. Berbeza dengan peringkat sebelumnya, bahan kajian pada peringkat ini terkesan lebih cenderung membahas esensi ajaran dibanding erti zahir.

Sementara pada peringkat yang lebih tinggi lagi iaitu *Advance Training*, kajian cenderung lebih mendalam dan kontekstual (*wacana semasa*) bagi menanggapi persoalan-persoalan nyata yang sering dihadapi oleh umat Islam. Dalam hal ini, ada 3 (tiga) sub pembahasan yang menjadi tema kajian keislaman, iaitu:⁸ 1) Pandangan Islam tentang kehidupan kebangsaan dan kenegaraan yang membahas makna piagam Jakarta, perkembangan pemikiran Islam tentang konsep kenegaraan dan perkembangan pemikiran Islam tentang konsep umat, 2) Islam dan perubahan sosial yang pembahasannya meliputi perkembangan pemikiran, fungsi agama, dan perkembangan pemikiran tentang hubungan agama dan perubahan masyarakat. Pada tahap ini, para peserta training dihadapkan kepada persoalan-persoalan semasa dan kes-kes yang dihadapi masyarakat.

Bahan kajian keislaman pada semua tahap, pada asasnya, bersumber dari bahan yang sama iaitu Nilai-Nilai Dasar Perjuangan (NDP). Perbezaan pembahasan kajian menyesuaikan tahap kompetensi peserta serta sasaran pelatihan yang diharapkan. Selari dengan tahapan pelatihan pengkaderan berikut ini penyelidik tujukkan perbezaan antara sasaran pelatihan di masing-masing peringkat, iaitu: 1) *Basic Training*, Pelatihan Asas: memahami kedudukan NDP dalam organisasi dan bahan kajian keagamaan yang termaktub di dalamnya yang meliputi hakikat sebuah kehidupan, hakikat kebenaran, hakikat penciptaan alam semesta, hakikat penciptaan manusia, hakikat masyarakat hubungan antara iman, ilmu dan amal. 2) *Intermediate Training*, Pelatihan Menengah:

⁸ *Ibid.*, h.387

Secara amnya peserta pelatihan boleh memahami dan menerapkan nilai-nilai keislaman yang termaktub dalam NDP berkaitan dengan kemasyarakatan, tugas *khalifah*, serta keadilan sosial dan ekonomi. 3) *Advance training*, Pelatihan Tahap Tinggi: peserta pelatihan diharapkan memiliki wawasan dan berkemampuan mewujudkan nilai-nilai keislaman dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Untuk itu, ahli HMI perlu merumuskan gagasan yang boleh ditawarkan (*alternatif*) bagi tujuan menanggapi dan menjawab permasalahan yang berhubungkait dengan ajaran Islam dan perubahan sosial.

Inti dari bahan kajian keagamaan dalam training tersebut sebenarnya dapat difahami bahawa HMI ingin menyampaikan faham keagamaan yang substantif, dan menekankan makna dibanding bentuk.⁹ Kerana jika para ahli HMI telah memahami substansi ajaran Islam, bererti ia telah mengenalinya secara pasti bahawa kehidupan di dunia ini tidak dapat dipisahkan daripada Islam. Dengan demikian, para ahli HMI perlu memahami Islam pada tataran spiritualiti dan moraliti yang universal dan terbuka. Adapun perbezaan bahan kajian pada masing-masing peringkat adalah sebagai berikut::

Jadual 4.2.

Perbezaan Bahan Kajian pada Masing-masing Peringkat Pengkaderan¹⁰

Basic Training	Intermedite Training	Advance Training
1. Hakikat Kehidupan 2. Islam: Sumber Kebenaran 3. Konsep Tauhid <i>La Ilaha Illallah</i> . 4. Alam Semesta: Fungsi dan Tujuan Penciptaan Alam. 5. Manusia: Kewujudan dan Kedudukannya 6. Manusia: <i>iman, fitrah, hanif</i> dan <i>dhamir</i> 7. Kebebasan dan Tanggungjawab Manusia. 8. Individu dan Masyarakat 9. Keadilan sosial dan ekonomi 10. Kemerdekaan dan takdir 11. Ilmu pengetahuan	1. Esensi ajaran Islam tentang <i>Khalifah Fil-Ardh</i> 2. Esensi ajaran Islam tentang kemasyarakatan: Islam sebagai ajaran <i>rahmatan lil 'alamin</i> 3. Esensi ajaran Islam tentang keadilan sosial dan keadilan ekonomi	1. Pandangan Islam tentang kehidupan berbangsa dan bernegara: piagam Jakarta, konsep negara dan umat 2. Islam dan perubahan sosial: fungsi agama, hubungan agama dan perubahan masyarakat. 3. Isu-isu semasa.

⁹ Temubual dengan dengan Anita Permata Sari pada tarikh 13 Mei 2015

¹⁰ Dirujuk dari bahan kajian pengkaderan di HMI, PB HMI (2013), *ibid*.

4.2.2 Strategi dan Pelaksanaan Pengkaderan di HMI Cawangan Salatiga

Sesuai dengan pedoman pengkaderan, HMI Cawangan Salatiga memiliki kewajiban untuk menyelenggarakan pengkaderan dan melaksanakan pelbagai kegiatan yang menyokong halatuju pengkaderan di HMI. Pelaksanaan pengkaderan di HMI dimulai dengan agenda pengambilan daftar masuk ahli melalui kegiatan halatuju HMI yang biasa dikenal dengan Masa Perkenalan Calon Ahli (MAPERCA), dan latihan kader yang meliputi *Basic Training*, *Intermediate Training*, dan *Advance Training*.

Kegiatan halatuju HMI dilaksanakan melalui dua pendekatan:

1) Pendekatan personal yang dijalankan oleh setiap kader HMI. 2) Pendekatan rasmi dalam bentuk kegiatan MAPERCA. Mengikut Ketua Umum HMI Ranting Walisongo Nur Shokhif, pengenalan HMI kepada mahasiswa baru sentiasa dijalankan dengan pendekatan personal iaitu dengan memaklumkan tentang kewujudan HMI dan adakalanya mereka diajak melakukan silaturrahim ke pejabat HMI. Selepas itu, mereka dijemput untuk mengikuti kegiatan MAPERCA.¹¹ Pendekatan yang serupa dalam pengambilan kemasukan ahli juga disampaikan oleh Ketua HMI Ranting Ganesha dan Karnoto Zarkasi.¹² Pendekatan yang lain dalam pengambilan kemasukan ahli baru dijelaskan oleh Ketua Korp HMI-wati¹³ sebagai berikut:

”Sebelum masa kemasukan mahasiswa baharu kami sentiasa mengadakan mesyuarat untuk menyusun perancangan pengambilan kemasukan ahli baharu. Dalam mesyuarat itu dibahas mengenai kegiatan-kegiatan apa sahaja yang akan dilaksanakan, siapa pelaksananya dan bila masanya. Pada pengambilan kemasukan ahli baharu tahun 2015 ini, kami membuka gerai meja (*stand*) pendaftaran MAPERCA, menyampaikan maklumat dan menyediakan penginapan percuma bagi mahasiswa baharu, dan memberi pendedahan berkenaan kegiatan di pelbagai tempat”.¹⁴

¹¹ Temubual dengan Nur Sokhif pada tarikh 8 Oktober 2015.

¹² Temubual pada dengan Imam Budiono pada tarikh 14 Oktober 2015.

¹³ Korp HMI-Wati (KOHATI) adalah organisasi kelembagaan yang menghimpun para mahasiswa wanita yang menjadi ahli HMI. Iainya ditubuhkan pada tarikh 17 September 1966.

¹⁴ Temubual dengan Usna Unisa pada tarikh 20 Disember 2015.

Seperti pemerhatian yang penyelidik lakukan pada masa kemasukan mahasiswa baru, bahawa strategi pengambilan kemasukan ahli baru seperti dikemukakan di atas dijalankan oleh semua organisasi seperti PMII, IMM, dan KAMMI. Masing-masing organisasi berkompetisi untuk memperoleh tindak balas positif dari mahasiswa sehingga mereka mahu bergabung di organisasinya. Sempena meraih simpati mahasiswa, maka setiap pengurus organisasi berusaha agar boleh membantu pengambilan kemasukan ahli baru mereka masing-masing.¹⁵

Dalam MAPERCA sebagai kegiatan memperkenalkan halatuju pertubuhan sesuatu organisasi, disampaikan beberapa bahan sebagai berikut: Kewujudan organisasi luaran universiti, bahan keislaman, wawasan organisasi dan wawasan universiti. Dilihat dari aspek bahan kajian, tidak banyak bahan kajian yang membahas HMI, agaknya orientasi ini sebagai perkenalan awal sebelum mereka aktif di HMI. Pendekatan yang sedemikian rupa diharapkan akan boleh menarik simpati mereka untuk mengembangkan potensi dirinya pada proses pengkaderan sama ada yang rasmi mahupun non-formal di HMI.

Selanjutnya mahasiswa peserta MAPERCA tersebut mengikuti *Basic Training* (pelatihan asas) sebagai syarat menjadi ahli HMI. Tahap kegiatan pelatihan ini (*Basic Training*)¹⁶ diikuti oleh 90 orang, dan sebahagian besar pesertanya adalah peserta MAPERCA, bakinya adalah mahasiswa yang belum lagi mengikuti orientasi organisasi HMI. Ada dua peserta training yang sempat penyelidik temui, mengatakan bahawa mereka mengetahui kegiatan *Basic Training* dari kader HMI dan alumni HMI, disamping itu mereka mengetahui kewujudan HMI dari pemberitaan di media.¹⁷

Dalam penyelenggaraan *Basic Training*, selain pengurus HMI Cawangan dan Ranting, unsur lain yang terlibat dalam pelaksanaan training adalah: 1) *Organizing*

¹⁵ Pemerhatian dilakukan antara bulan Jun-Julai 2015 di kampus Institut Agama Islam Negeri Salatiga, jalan Tentara Pelajar 02 Salatiga.

¹⁶ *Basic Training* diselenggarakan di Suruh Semarang Jawa Tengah pada tarikh 25-27 September 2015, dan di Pabelan Semarang Jawa Tengah pada tarikh 15-18 Oktober 2015. Temubual dengan Anita Permatasari pada tarikh 15 Disember 2015.

¹⁷ Temubual dengan Nike Prasetyo dan Yessika al Fauzia pada tarikh 26 September 2015

Committee bertugas dan bertanggung jawab terhadap segala sesuatu yang berhubungan dengan teknik penyelenggaraan kegiatan. 2) *Steering Committee* bertugas sebagai pengarah pelaksanaan latihan. 3) Pemandu/*Master of Training*; bertugas dan bertanggungjawab untuk memimpin, mengawasi, dan memberikan arahan semasa sesi latihan berlangsung. 4) Trainer atau fasilitator; bertugas untuk menyampaikan bahan latihan. Mengikut Ketua Badan Pengelola Latihan (BPL), bahawa pengurusan pembahagian tugas, selain sememangnya sudah diatur dalam pedoman pengkaderan juga sudah menjadi amalan setiap penyelenggaraan pelatihan pengkaderan.¹⁸

Memperhatikan pengurusan penyelenggaraan yang mengambil acuan kepada pedoman pelatihan, memperlihatkan bahawa kekuatan HMI terletak pada sistem pengkaderan. Dan berlangsungnya pengkaderan ini juga tidak terlepas daripada peranan dan dedikasi para kader HMI. Dalam suatu pelatihan dimana penyelidik melakukan pemerhatian, bahawa para pendukung dan unsur-unsur yang terlibat dalam pelatihan mampu bekerja sampai tengah malam, berkerja sesuai dengan tugas dan fungsinya masing-masing, diskusi dan berkoordinasi untuk mempersiapkan dan memeriksa segala kegiatan. Bahkan lebih daripada itu, ketika mereka kekurangan biaya untuk menyokong kegiatan tersebut, ada di antara mereka sanggup meminjamkan wang ke orang tuanya.¹⁹

Aspek lain yang menjadi kekuatan HMI adalah bahan kajian keislaman yang tidak pernah kehilangan sifat kesesuaiannya. Dalam konteks ini, bahan kajian keislaman HMI selari dengan misi, tujuan dan fungsi HMI sebagai organisasi kader yang berkewajiban untuk menciptakan generasi yang mampu melakukan rekayasa perubahan sosial (*social engineering*). Asumsi ini berasaskan pada pemikiran HMI sepertimana termaktub dalam NDP yang substantif, moden, dan transformatif.

Sementara itu aspek kelemahan (*weakness*) dalam sistem pengkaderan terletak pada aspek amalan daripada nilai-nilai keberagamaan. Ada kesan, para kader HMI

¹⁸ Temubual dengan Anita Permata Sari pada tarikh 13 Mei 2015

¹⁹ Pemerhatian dijalankan pada tarikh 16-17 Oktober 2015 di Pabelan, Semarang, Jawa Tengah.

kurang mengambil berat dimensi spiritual yang terlihat daripada minimumnya amalan keagamaan mereka seperti membaca al-Qur'an setiap selepas solat maghrib, solat subuh, serta berzikir dan berdoa selepas solat fardhu.²⁰ Hal ini bererti bahawa keberagamaan yang bercirikan seperti tersebut di atas belum lagi wujud dalam amalan ibadah keseharian kader HMI. Agussalim Sitompul, menilai bahawa para kader HMI kurang mampu menghayati nilai-nilai keberagamaan yang sekali gus berfungsi sebagai ideologinya.²¹

Aspek lain yang juga penyelidik lihat sebagai kelemahan HMI adalah *improvisation* dalam penyelenggaraan latihan pengkaderan, manajemen organisasi, dan menanggapi pelbagai persoalan yang berbangkit. Pengembangan modal insan boleh dilakukan melalui 3 (tiga) hal, iaitu: pendidikan (*education*), pelatihan (*training*) dan pengembangan (*development*). Ketiga-tiga kegiatan tersebut tentu memiliki karakteristik (*sifat watak*) yang berbeza, namun kesemuanya bertujuan untuk membangunkan modal insan pada karakter, pengelolaan proses, pengembangan strategi kegiatan, dan tujuan yang ditetapkan. Penyelidik memandang letak kelemahan pengkaderan HMI pada aspek pengelolaan dan pengembangan strategi kegiatan yang membolehkan mereka untuk melakukan perubahan atau *improvisation*.

Namun demikian, HMI tetap masih melaksanakan peranan dan fungsinya sebagai organisasi kader, dan iainya masih memiliki peluang (*opportunity*) cukup luas untuk memainkan peranan dalam kehidupan kebangsaan dan kenegaraan. Selain itu, ada beberapa peluang lain di antaranya: Pemikiran dan posisi HMI yang moderat (*pertengahan*) boleh menjadi pengikat bagi kelompok yang berbeza ideologi dan pemikirannya. Di sisi lain, kewujudan alumni HMI yang ramai dan terdiri dari pelbagai profesi yang ditekuni seperti eksekutif, legislatif, ahli politik, dan pengusaha boleh digerakkan menjadi kekuatan pengikat umat dan bangsa.

²⁰ Perhatian yang dijalankan pada masa *Basic Training* tarikh 16-17 Oktober 2015

²¹ Agussalim Sitompul (2010), *44 Indikator Kemuduran HMI: Suatu Kritik dan Koreksi Kebangkitan Kembali HMI*, Jakarta: Misaka Gazila, h. 119.

Sebagai *social of agent*, HMI boleh melakukan perubahan dengan menggunakan *soft power*. Iaitu upaya melakukan perubahan dengan strategi bekerjasama dengan pelbagai pihak. Hal ini boleh dijalankan oleh kerana organisasi ini memiliki modal yang boleh dihimpun dan dimanfaatkan untuk kepentingan sebuah gerakan. Modal kekuatan dimaksud antara lain; kewujudan para alumni HMI, moral perjuangan dan ikatan emosional organisasi, dan sokongan kewangan bagi keberlangsungan sebuah gerakan. Dalam tori mobilisasi sumber daya, modal kekuatan tersebut disebut sebagai sumber daya (*resource*) yang boleh dimanfaatkan bagi melakukan perubahan di pelbagai aspek kehidupan dalam bermasyarakat dan bernegara. Sisi lebih dari modal insan yang dimiliki organisasi ini adalah kewujudan alumni yang berbeza profesi, dan mempunyai jawatan di departemen yang berlainan.

Perkembangan fahaman keagamaan secara tekstual (*zahiri*) yang menyeluruh di Indonesia juga menjadi cabaran sekaligus peluang bagi HMI. Pemikiran HMI yang substantif pada dasarnya selaras dengan halatuju pembangunan bangsa Indonesia yang menggunakan instrumen kemodenan, serta warga Indonesia dengan kepelbagaian (*pluralism*) dari aspek agama dan keragaman (*diversity*) budaya dan suku bangsa.

4.3 HMI Cawangan Salatiga dalam Gerakan Sosial Keagamaan


Kewujudan HMI yang tersebar di 186 bandar dan sebahagian besar wilayah provinsi di Indonesia menjadi modal sosial (*social capital*) untuk melakukan gerakan secara menyeluruh. Oleh kerana itu, sangat tepat jika penyelidikan ini berusaha untuk menggambarkan gerakan pembaharuan Islam dengan menggunakan teori mobilisasi sumber daya.

Teori ini dijadikan sebagai alat untuk menganalisis bagi tujuan mengkaji strategi dan pelaksanaan transfer pemikiran pembaharuan Islam di HMI Cawangan Salatiga. Unit analisis yang dikaji adalah pelbagai kegiatan yang dilaksanakan, kemudian

dikelaskan mana yang berhubungkait dan mana yang tidak ada hubungkaitnya. Berikut ini penyelidik memaparkan sekilas mengenai *resource mobilization theory* yang menggambarkan aktiviti organisasi HMI yang telah berjalan selama ini.

Rajah 4.1.

RMT bagi Menilai Gerakan Pembaharuan Islam



4.4 *Resource Mobilization Theory* (RMT) bagi Menilai Gerakan Sosial HMI

Teori ini menegaskan pentingnya kewujudan organisasi dan kepimpinan yang boleh menjayakan perubahan sosial secara berkesan, serta bagaimana seorang pelapis dan organisasi boleh mengatur atau memobilisasi sumber daya (*resource*) secara berkesan agar kehadirannya dapat diterima untuk kepentingan sesebuah organisasi.²² Mengikut teori ini, terdapat beberapa jenis modal gerakan sosial yang boleh menyokong sebuah gerakan sosial, iaitu:²³ 1) Moral adalah kekuatan yang dapat membangkitkan suatu gerakan seperti nilai-nilai yang bersumber daripada ajaran agama, ideologi, panutan para tokoh atau kelompok penyokong; 2) Budaya adalah aktiviti organisasi yang telah menjadi kegiatan berterusan sama ada ianya berasal dari dalaman organisasi (*self*

²² David A. Locher (2001), *Collective Behaviour*, Pennsylvania: Prentice Hall. h. 259

²³ Bob Edward and John D. McCarthy (2004), "Resource and Social Movement Mobilization" dalam David S. Snow, (ed.), *The Blackwell Companion to Social Movement*, UK: Blackwell Publishing, h.125.

production) mahupun aktiviti pihak luaran yang mampu digerakkan untuk kepentingan dalaman organisasi; 3) Modal insan merupakan modal utama yang terpenting kerana selain berperanan sebagai pelaku dan penggerak organisasi dan dalam masa yang bersamaan mereka sebagai objek gerakan; 4) Kewangan dan wujud lainnya yang memiliki nilai ekonomi, seperti: gedung, alat pengangkutan dan kebijakan.

Keempat-empat sumber daya (*resource*) yang wujud dalam organisasi HMI ini merupakan kekuatan yang boleh dijadikan sebagai penyokong gerakan sosial keagamaan. Dalam hal ini, penyelidik menjadikannya sebagai alat untuk menilai apakah gerakan pembaharuan di HMI Cawangan Salatiga memanfaatkan sumber daya (*resource*) secara maksimum bagi menjaga keberlangsungan pengkaderan di HMI.

Sementara dalam gerakan sosial, laluan masuk (mekanisme akses) modal boleh dilakukan dengan cara sebagai berikut, iaitu:²⁴ 1) *Aggregation* iaitu mekanisme menghimpunkan seluruh kekuatan yang dinilai dapat mendukung aktiviti dan halatuju sebuah gerakan. Jadi, pada tahapan ini, penyelidik menganalisis aktiviti para pelapis HMI yang berhubungkait dengan penghimpunan dan pemanfaatan sumber kekuatan yang sedia ada sehingga pada tahapan sangat maksimum; 2) *Self-production* iaitu mekanisme akses sumber daya dalaman. Mekanisme ini dilakukan dengan cara memanfaatkan kekuatan dalaman yang telah wujud semula ada, dan atau menciptakan sumber kekuatan baru. Jadi, pada tahapan ini, penyelidik menghimpun dan mengelompokkan sumber kekuatan sama ada yang telah wujud sebelumnya mahupun yang baru. Dalam hal ini, penyelidik menganalisis aktiviti-aktiviti para ahli HMI yang berhubungkait dengan penciptaan dan pemanfaatan sumber kekuatan (*resource*) bagi menyokong kegiatan pengkaderan di HMI; 3) *Cooptation* iaitu memanfaatkan modal luaran untuk kepentingan dalaman sesuatu pergerakan. Pada mekanisme akses ini, kekuatan yang dimanfaatkan bukan merupakan *selt production*, akan tetapi ianya

²⁴ *Ibid.*, h. 131-135.

berasal daripada luaran organisasi yang dimanfaatkan dengan cara bersinergi atau bekerjasama dalam melakukan tindakan. Pada tahapan ini, penyelidik menganalisis aktiviti HMI yang berhubungkait dengan pemanfaatan sumber kekuatan yang berasal dari luaran, sama ada ia memanfaatkannya secara berdikari mahupun secara bersama-sama; 4) *Patronage* iaitu memanfaatkan *patronage (naungan)* gerakan sama ada ia merupakan *patronage* gerakan yang telah wujud sejak semula mahupun ia tidak berhubungkait dengan gerakannya, akan tetapi memiliki kesamaan visi atau misi. *Patronage* mengacu kepada kelebihan kekuatan yang dimiliki oleh sebuah gerakan sosial, misalnya tokoh, platform dan ideologi. Dalam *patronage* hal-hal yang bersifat bahan, *patronage* eksternal (*penaung luaran*) sentiasa memberi dukungan kewangan bagi keberlangsungan gerakan sosial sebagai bahagian daripada kepedulian sosial.

Hal tersebut agar dapat lebih difahami bagaimana tautan antara alat laluan masuk dan jenis modal, berikut ini carta yang dapat menggambarkan secara ringkas tentang hal tersebut.

Jadual 4.3.

Mekanisme Akses dan Jenis Sumber daya ²⁵

Mekanisme Akses	JENIS SUMBER DAYA			
	Moral	Budaya	Manusia	Bahan
<i>Aggregation</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai keislaman • Nilai-nilai perjuangan organisasi • Emosional organisasi • Nilai-nilai kemanusiaan dan kebenaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan • Pelatihan • Perkongsian maklumat • Tindakan bersama 	<ul style="list-style-type: none"> • Calon mahasiswa • Kader & Alumni HMI • Tokoh dan simpatisan HMI 	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran kader • Sumbangan alumni • Sumbangan simpatisan • Sumbangan kerajaan
<i>Selt-production</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai-nilai kemanusiaan dan kebenaran • Nilai-nilai budaya tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Tradisi ilmiah • Tindakan sosial • Bekerjasama dalam melaksanakan kegiatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kader & Alumni HMI 	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran kader • Sumbangan alumni

²⁵ Merujuk dengan beberapa penyesuaian daripada Bob Edward and John D. McCarthy (2004), *Ibid*, h. 132-133.

<i>Cooptation</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pemikiran keislaman & keindonesiaan HMI • Nilai-nilai perjuangan organisasi • Tokoh pembaharu Islam dan ahli politik HMI 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Networking/</i> jaringan • Saling bekersama 	<ul style="list-style-type: none"> • Tokoh yang memiliki kesamaan visi dan perjuangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan yang bersumber dari pihak luar untuk kepentingan dalaman organisasi.
<i>Patronage</i>	<ul style="list-style-type: none"> • 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemindahan idea & pemikiran kepada ahli HMI • Sosialisasi idea dan pemikiran kepada pihak luar 	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli Akademik, peniaga dan ahli politik 	<ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan dalam bentuk bahan, pemikiran dan yang lainnya.

Seterusnya, sumber kekuatan yang boleh dimobilisasi untuk kepentingan menyokong sesebuah gerakan meliputi sumber-sumber kewangan, seperti: pekerjaan (*jobs*), penghasilan (*income*), dan tabungan (*savings*). Selain itu adalah sumber non kewangan seperti: wewenang (*authority*), tanggungjawab moral (*moral commitment*), kepercayaan (*trust*), persahabatan (*friendship*), dan kemahiran (*skill*).²⁶ Bagi sebuah organisasi yang telah lama masa penubuhannya dan memiliki sistem pengkaderan yang baik, sumber kekuatan-kekuatan dimaksud dimilikinya. Dan kewujudan HMI sepertimana telah dibincangkan sebelumnya dinilai memiliki sumber kekuatan yang memastikan ianya dapat wujud hingga hari ini.

Sumber daya yang boleh dimanfaatkan bagi menyokong pelaksanaan pengkaderan di HMI, antaranya: simbol budaya (*cultural*), seperti: nama organisasi, narasi yang tertulis dalam NDP, simbol organisasi (bendera), aktiviti pengkaderan, pakaian, dan sebagainya. Dalam menganalisis gerakan pembaharuan ini, penyelidik menempatkan aktiviti dan pemikiran keagamaannya HMI dalam kerangka teori tertentu. Kerangka teori ini digunakan untuk menganalisis faktor-faktor penting yang menyokong keberlangsungan pengkaderan di HMI sehingga para kadernya mampu menjadi pencetus gerakan pembaharuan Islam.

²⁶ Oman Sukmana (2013), "Konvergensi Antara Resource Mobilization Theory dan Identity Oriented", Dalam *Jurnal Sosiologi Reflektif*, 8, 1, h. 39-62

Dalam melakukan analisis terhadap sumber daya, menggunakan 4 (empat) mekanisme yang digunakan untuk memobilisasi sama ada ia berasal dari dalaman mahupun dari luaran HMI. Berikut ini mekanisme dimaksud yang menjadi saluran akses dalam menghimpun dan memanfaatkan (mobilisasi) sumber daya, iaitu: *agregation*, *self production*, *cooptation*, dan *patronage*.

4.4.1 *Aggregation*

Dalam melakukan mobilisasi modal, HMI memanfaatkan 4 (empat) saluran akses untuk mengeksploitasi kepada jenis modal yang ada demi kejayaan sesebuah gerakan. Ke empat-empat saluran laluan masuk (*akses*) ini kemudian diaplikasikan ke dalam pelbagai modal yang relevan untuk dapat digali dan dimanfaatkan kewujudannya.

4.4.1.1. *Aggregation*: Mengumpulkan Sumber Daya

Dalam teori mobilisasi sumber daya terdapat 4 (empat) faktor penentu yang mempengaruhi kejayaan gerakan kolektif, iaitu: 1) Organisasi gerakan sosial, 2) Pemimpin dan kepemimpinan, 3) Modal dan mobilisasi modal, 4) Jaringan dan pertisipasi atau keikutsertaan, dan 5) Peluang dan kapasiti masyarakat. Dalam konteks gerakan pembaharuan di HMI, dari kelima faktor tersebut ada faktor yang paling dominan (*berpengaruh*) iaitu pemimpin dan kepemimpinan. Hal ini dikeranakan faktor lainnya bergantung kepada kapasiti seorang pemimpin dalam mobilisasi modal.

4.4.1.2. *Aggregation* Moral

Dalam hal ini, penyelidik mendata dan mengumpulkan kekuatan moral yang dinilai menjadi penyokong keberlangsungan gerakan pembaharuan yang dikaji dari sumber pemikiran, struktur organisasi dan aktiviti para ahli, dan khususnya para pengurus HMI Cawangan Salatiga. Ada beberapa yang masuk dalam katagori kekuatan moral yang

dimobilisasi, anantara lain, iaitu: Nilai-Nilai Dasar Perjuangan (NDP) yang membahas ajaran Islam secara substantif yang sekaligus menjadi ideologi pergerakan HMI, emosional organisasi, dan semangat kebangsaan dan keislaman.

Pengkaderan dan aktiviti lainnya sepertimana dimaklumi merupakan media pembangunan modal insan para kader HMI. Dalam konteks pembaharuan Islam, fahaman keagamaan HMI mampu memberikan pemahaman ajaran Islam yang substantif, dan kerananya dalam pelbagai kajian yang diselenggarakan dalam pengkaderan mampu mempersatukan latarbelakang fahaman para ahli HMI.²⁷ Kajian keagamaan dalam perspektif inilah yang oleh sebahagian ahli HMI dinilai baharu dan menarik. Pandangan ini seperti disampaikan oleh Ahmad Sahal, Anita Permata Sari, Yesika Al Fauzia, dan Doddy Usman.²⁸ Dalam konteks gerakan pembaharuan, fahaman keagamaan yang ditransfer oleh HMI dari satu ke generasi ke generasi berikutnya menjadi kekuatan moral yang positif bagi penyebaran ajaran Islam yang menekankan pada aspek moraliti.

Projek pembaharuan Islam yang dijalankan oleh HMI melalui proses pengkaderan tidak lepas daripada kekuatan bahan kajian keagamaan yang telah termaktub dalam Nilai-Nilai Dasar Perjuangan. Pengkaderan sebagai media (pemindahan) transfer fahaman keagamaan yang moden dapat berlangsung oleh adanya moraliti yang telah tertanam pada pengurus HMI untuk menjalankan amanat organisasi. Dalam menjalankan amanat tersebut, sesuai dengan kewajiban dan oteriti masing-masing, para pengurus berbagi tugas untuk menjayakan kegiatan pelatihan pengkaderan. Hal ini sebagaimana disampaikan oleh Ketua Umum HMI Cawangan Salatiga sebagai berikut:²⁹ “Dalam mempersiapkan pelatihan, kami melakukan rapat bersama bagi membagi tugas. Diantara mereka ada yang bertugas untuk menjemput trainer,

²⁷ Para ahli HMI berasal dari latar belakang fahaman yang berbeza-beza, ada diantara mereka berasal daripada keluar NU dan Muhammadiyah, dan ada pula yang berlatarbelakang salafiyah. Sementara itu, dalam pelbagai kajian di HMI tidak pernah dibahas bahani-bahani *khilafiyah*, sebaliknya yang dikaji adalah moralitas (pesan moral) daripada ajaran Islam.

²⁸ Temubual dengan Ahmad Sahal, Anita Permata Sari, Yesika Al Fauzia, dan Doddy Usman pada tarikh 12 Ogos 2015

²⁹ Temua bual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 12 Ogos 2015

pembentang dan ada pula yang mencari kewangan kepada para alumni HMI". Gerakan pembaharuan Islam di HMI disongkong sumber-sumber kekuatan yang dimilikinya, iaitu berupa kesungguhan dan rasa bertanggungjawab untuk menjalankan amanat, rasa bangga sebagai kader HMI, dan sokongan moril dari para alumni HMI.

Fahaman keagamaan yang ditransfer oleh HMI juga menjadi kekuatan bagi membangun pemikiran keagamaan yang rasional dan mampu menjawab persoalan, dan bukan sebaliknya ianya turut memperbesar perselisihan dan konflik sosial. Memperhatikan kepada aspek bahan kajian di HMI, tidak ada satu pun yang membahas secara spesifik mengenai tatacara melaksanakan ibadah. Hal ini seperti tergambar dalam pernyataan Ketua Umum HMI Cawangan Salatiga bahawa HMI tidak mengajarkan bagaimana teknik beribadah, teologi dan mazhab tertentu kerana ia menjadi pilihan masing-masing pelapis.³⁰ HMI mengajarkan nilai-nilai kepercayaan yang bersifat substantif sehingga dapat memandu kehidupan seorang pelapis di mana dan kapan sahaja

Seperti telah ditegaskan dalam misi HMI, bahawa tugas dan tanggungjawab yang digalas oleh seorang kader HMI iaitu mempertinggi derajat bangsa Indonesia, dan mengembangkan ajaran Islam. Kedua misi tersebut sebagai komitmen asasi yang menyatu menjadi sebuah wawasan *integralistik*, iaitu cara pandang yang melihat Islam dan Indonesia sebagai satu kesatuan utuh yang saling mengisi dan saling melengkapi antara satu dengan lainnya. Penerjemahan komitmen HMI ini pula disesuaikan dengan konteks zaman, sehingga HMI sentiasa aktual dan mampu tampil di garisan terdepan dalam setiap kegiatan.

Islam sebagai agama yang dianut oleh sebahagian besar umat Islam Indonesia dan juga menjadi misi penting gerakan HMI mampu memberi kekuatan moral (*force moral*) tersendiri bagi HMI. Misi Islam sebagai agama *rahmatan lil alamin* diterjemahkan dalam ideologi dan projek tindakan HMI. Dalam konteks ini lah, para

³⁰ Temubual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 23 September 2015

pelapis HMI merancang dan melaksanakan pelbagai kegiatan bagi transformasi sosial. Segala macam potensi yang bersifat moral dimanfaatkan untuk perbaikan kehidupan sosial. Hal ini juga dijalankan melalui pelbagai kegiatan seperti pelatihan, diskusi, kegiatan rutin organisasi serta tindakan-tindakan kolektif bagi merespon persoalan-persoalan aktual yang muncul semasa, khususnya di Bandar Salatiga. Dari kegiatan inilah ada perubahan sikap dan pandangan yang diwarisi dalam diri kader-kader HMI. Iaitu dari sikap yang eksklusif berubah ke arah yang inklusif, konservatif menjadi moden, formal ke substantif, dan pasif ke progresif.

Mengikut Ketua Am HMI Cawangan Salatiga, nilai-nilai perjuangan yang menjadi mesej HMI pada dasarnya adalah penegakan nilai-nilai ketuhanan dan kemanusiaan yang tidak keluar dari wilayah Indonesia, tempat HMI tumbuh dan berkembang sampai hari ini.³¹ Dalam konteks ini, upaya HMI untuk menghidupkan kembali nilai-nilai perjuangan organisasi melalui proses pengkaderan dinilai sebagai langkah yang tepat. Pengkaderan di sini dimaknai sebagai proses pembentukan kader yang memiliki karakter, nilai dan kapasiti bagi melakukan pembangunan karakter dan keperibadian seorang muslim yang intelek, pencipta dan pengabd.

Selepas para peserta memperoleh bahan kajian tentang misi HMI dan NDP ramai dari mereka membincangkan lebih lanjut, dan di sini berlangsung perubahan dalam memahami ajaran Islam di kebanyakan kalangan pelapis. Perubahan ini selaras dengan tujuan pembinaan pelapis HMI iaitu membangunkan keperibadian Muslim yang memiliki kualiti akademik (*berpelajaran dan kritikal*), sedar akan fungsi dan peranannya dalam berorganisasi, serta sedar akan hak dan kewajipannya sebagai kader umat dan bangsa”.

Dalam pelbagai kesempatan, pengkaji mendapati bahawa pembahasan di kalangan pelapis HMI yang sentiasa memperkatakan sejumlah tokoh nasional dan tempatan. Tokoh nasional dari kalangan cendekiawan Islam dan ahli politik seperti

³¹ Temubual pada tarikh dengan Ahmad Sahal 23 September 2015

Nurcholis Madjid, Azyumardi Azra, Akbar Tanjung, dan Ferry Mursidan Baldan. Dari aspek moral, kewujudan tokoh-tokoh tersebut dapat membangkitkan kekuatan moral atau menyuarakan pembenaran terhadap gerakan pembaharuan yang dijalankan oleh kader HMI Cawangan Salatiga. Demikian juga kehadiran tokoh tempatan yang berprofesi sebagai pensyarah, ahli politik dan ahli perniagaan di bandar Salatiga yang sangat bererti bagi mereka menuju keberlangsungan pengkaderan.³² Penyelidik menilai bahawa kehadiran para ahli politik dan pensyarah memberi erti bagi menyokong dan memberi motivasi kepada para ahli secara moral.

4.4.1.3. *Aggregation* Terhadap Budaya

Budaya secara umum mengandungi erti keseluruhan fikiran dan karya manusia termasuk di dalamnya pengetahuan, adat istiadat, kebiasaan dan budaya dalam bentuk fizikal. Ada beberapa kegiatan HMI yang sifatnya wajib untuk dijalankan seperti training, mesyuarat, konferensi atau kongres. Selain itu, ada yang sifatnya tidak wajib untuk dilaksanakan dalam suatu period kepengurusan, seperti pengabdian masyarakat, tindakan demonstrasi, dan kajian-kajian yang bersifat rutin.

Ahli sebuah organisasi apapun dikalangan ramai mahasiswa sentiasa disebut sebagai “penggiat”. Kata ini mengandungi pengertian yang positif kerana menunjukkan bahawa mereka (penggiat) adalah kelompok yang tidak hanya mempelajari ilmu-ilmu yang diajarkan di universiti tempat mereka belajar, tetapi mereka juga belajar berorganisasi.³³ Sehingga seorang penggiat, pada umumnya, memiliki kualiti yang lebih dibanding bukan penggiat dari aspek skil komunikasi, manajemen dan organisasi.

³² Antara lain 1) Bambang Sutopo seorang pengusaha yang tinggal di Salatiga, dan Pewakif tanah yang sekarang dibangun di atasnya gedung sekretarian HMI, 2) Muh Haris Wakil Walikota Salatiga, ianya alumni HMI Cawangan Yogyakarta, 3). Dr. Rahmat Hariyadi, M.Pd., Rektor IAIN Salatiga, Dr. Mukti Ali, dan Dekan Fakulti Dakwah IAIN Salatiga.

³³ Temuabual dengan Beny Ridwan pada tarikh 17 Ogos 2015

Beberapa kegiatan yang sentiasa dijalankan oleh HMI adalah kegiatan pelatihan, kajian keagamaan dan isu-isu semasa, mesyuarat dan demonstrasi. Kegiatan-kegiatan serupa seperti ini telah menjadi budaya atau kegiatan rutin yang tidak terpisahkan daripada perilaku para kader HMI.

Di antara kegiatan yang dilaksanakan pada tahun 2015 -2016 adalah: 1) Tindakan peduli masyarakat yang dilanda bencana tanah runtuh di Banjarnegara Jawa Tengah yang dilaksanakan bersama IAIN Salatiga. 2) Demonstrasi dengan tajuk “*Harmony in Diversity*” yang diikuti HMI, PMII, IMM, KAMMI, GMKI, pihak kerajaan, Polis, Tentera, dan Forum Kerukunan Umat Beragama. 3) Demonstrasi yang menyokong percepatan penegakan hukum dan pencegahan amalan salah guna kuasa (*corruption*).³⁴

Jadual 4.4.

Kegiatan Bidang Sosial HMI Cawangan Salatiga³⁵

No	Jenis Kegiatan	Bentuk Kegiatan	Keterangan
1.	Pertisipasi/ Tindakan	1. Demonstrasi	Tema: penegakan hukum tentang rasuah. Hal ini dilakukan sebagai wujud HMI menjalankan fungsi pengawalan pembangunan sebagai bentuk kepedulian sepertimana nilai-nilai keadilan sosial dan ekonomi.
		2. Demonstrasi Aman	Dukungan terhadap gerakan Salatiga bebas dadah (Narkoba), di balai Polisi Resort Bandar Salatiga; Deklarasi “ <i>Harmony in Diversity</i> ” bersama organisasi di bandar Salatiga serta pemerintah bandar Salatiga, Polis Resort, Tentera, serta Tokoh Masyarakat di bandar Salatiga
		3. Mediasi	1. Mediasi FUIS (Forum Umat Islam Salatiga) dan LPM Lentera UKSW tentang klem/tuntutan pihak pertubuhan Lentera atas Salatiga sebagai kota komunism (Parti Komunis Indonesia). FUIS menolak klem kerana isi majalah tidak sesuai. FUIS memasang spanduk bunyinya yang cenderung akan menyumbang kepada konflik sosial bermotifkan perkauman dan agama. Ahli Lentera datang ke HMI untuk meminta dimediasi dengan FUIS, dan natijahnya adalah Lentera minta maaf di halaman majalah Lentera. 2. Pemasangan spanduk mengenai bantahan

³⁴ Temubual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 10 Disember 2015

³⁵ Temubual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 12 Ogos 2015

			terhadap kegiatan penyelidikan korban pembunuhan 1965, yang dilakukan oleh YPKP (Yayasan Penyelidikan Korban Pembunuhan). HMI menyebut YPKP sebagai PKI gaya baru. Polis, tentera, dan kerajaan tingkat bandar mengapresiasi atas sikap rasmi HMI sebagai pengawal NKRI (Negara Kesatuan Republik Indonesia).
--	--	--	---

Pelbagai lagi kegiatan tindakan bersama tersebut merupakan cerminan nilai-nilai perjuangan HMI. Dalam hal ini, HMI tidak melihat latar belakang organisasi, fahaman kegamaan dan perbezaan keyakinan. Hal ini didukung dengan demonstrasi “Harmony in diversity” ketika terjadi konflik Tolikara Papua³⁶ yang bermotifkan sentiment (*kebencian*) agama. Demonstrasi ini dilaksanakan bagi mengantisipasi pengaruh konflik tersebut ke Salatiga. Atas dasar pemikiran ini, HMI tampil sebagai inisiator demonstrasi yang diikuti oleh pelbagai kalangan dari umat berbilang kaum dan agama serta organisasi kemahasiswaan.

Berkenaan dengan ini, secara amnya HMI telah menjalin secara serius sumber utama kekuatan penyokong gerakannya, iaitu LDMI (Lembaga Dakwah Mahasiswa Islam) dan LPMI (Lembaga Pers Mahasiswa Islam) yang merupakan lembaga bebas mandiri HMI. HMI Ranting merupakan pintu bagi menjayakan dalam menggerakkan modal insan melalui mekanisme *aggregation*.

Selanjutnya fakta-fakta di lapangan tersebut di atas telah menggambarkan bahawa mobilisasi kekuatan budaya dijalankan oleh HMI Cawangan Salatiga secara semulajadi. Ertinya bahawa mekanisme *aggregation* budaya telah menjadi amalan (budaya), dan wujud kesan ianya menjadi jenama (*trade mark*) gerakan HMI sampai bila-bila masa.

³⁶ Konflik ini terjadi pada saat umat Islam hendak menjalankan solat Aidil Fitri, *Kompas*, (2015, 20 Julai).

4.4.1.4. *Aggregation* Modal Insan

Pengambilan kemasukan bagi ahli merupakan aspek penting dan langkah pertama dalam membina sesebuah organisasi. Dalam hal ini, HMI Cawangan Salatiga mulai memperkenalkan organisasinya kepada bakal dan mahasiswa baru pada setiap sesi awal tahun akademik. Namun demikian, ada juga mahasiswa yang sudah mengenal HMI sebelumnya antara lain kerana faktor alumni yang mendorong agar mereka aktif di HMI, ataupun orang tua mahasiswa yang menggalakkan anaknya agar aktif di HMI. Hal ini sepertimana disampaikan oleh Yessika Al Fauzia bahawa “Semasa ia minta wang untuk mengikuti pelatihan di salah satu organisasi luaran universiti, kemudian dia minta kebenaran kepada ayahnya. Dan ayahnya membenarkannya agar ia aktif di HMI dan tidak membenarkan untuk aktif di organisasi yang lain”.³⁷

Sedangkan dalam pengambilan kemasukan ahli, HMI mendedahkan halatuju HMI, yang dinamai dengan Masa Perkenalan Calon Anggota (MAPERCA). Pada tahapan ini, mengikut Ketua BPL HMI, Anita Permatasari, ada 4 (empat) bahan kajian utama yang disampaikan kepada calon ahli HMI, iaitu: Selayang pandang (*introduction*) organisasi HMI, Pengantar wawasan keislaman, wawasan organisasi, wawasan perguruan tinggi, dan dilanjutkan dengan tahapan berikutnya iaitu pengkaderan.³⁸

Pada masa pelatihan, peserta akan memperoleh bahan perbincangan berkenaan keorganisasian dan bahan kajian keislaman. Pada tahapan ini, bahan kajian keislaman menjadi bahan kajian utama dan yang paling menarik³⁹ oleh kerana: 1) Bagi kader yang belum lagi memahami agama secara mendalam, mereka akan memperoleh kefahaman keagamaan yang logik dan secara semasa, sementara 2) Kader yang telah memahami agama sebelumnya, mereka akan memperoleh kefahaman keagamaan secara mendalam dan yang bercorak substantif.

³⁷ Temubual dengan Yessika Al Fauzia pada tarikh 5 Januari 2016.

³⁸ Temubual dengan Anita Permatasari pada tarikh 15 Disember 2015.

³⁹ Temubual dengan Usna Unisa pada tarikh 20 Disember 2015.

Dalam training pengkaderan, setiap kader diajak dan dilatih untuk berfikir secara logik mengapa beriman itu harus benar, demikian juga hal yang berkaitan dengan iman terhadap Muhammad SAW dan kitab yang disampaikan. Dalam pembahasan ini, juga dibahas natijah daripada iman yang benar seperti: kecenderungan manusia untuk berbuat baik, dorongan suara hati (dhamir) serta sifat-sifat yang telah melekat pada diri manusia. Dalam hal ini, ketua Badan Pengelola Latihan mengatakan:

“Latihan pengkaderan dilakukan sempena membangunkan para kader HMI agar memiliki kefahaman Islam yang benar, bagi membolehkan memberi pengaruh terhadap pola fikir dan sikap. Berkenaan dengan itu, kami menentukan pemandu dan penceramah bahan perbincangan keislaman (NDP) secara pilihan, iaitu para alumni HMI yang perhatian dan punya pengalaman membahaskan bahan perbincangan kajian keislaman.”⁴⁰

Di antara pembentang bahan kajian keislaman yang sering diminta oleh BPL HMI Cawangan Salatiga dalam lima tahun terakhir ini adalah: Dr. Mukti Ali (Dekan Fakulti Dakwah), Drs. Rofik Santoso (ahli politik di Parti Golkar), Dr. Beny Ridwan, M. Hum (Dekan Fakulti Ushuludin dan Humaniora), dan Wahyu Budi Utomo, S. PdI (Mantan Ketua HMI Cawangan Salatiga). Dalam hal ini, BPL meminta kepada para pembentang atau penceramah agar dapat meningkatkan kefahaman keagamaan mereka dan memiliki semangat perjuangan bagi keberlangsungan Islam dan organisasi HMI.⁴¹

4.4.1.5. *Aggregation* Sumber Daya Material

Dalam menjayakan kegiatan organisasi, HMI sentiasa mengumpul bahan dari pelbagai aspek sebagai penyumbang seperti kader HMI, ahli KAHMI, simpatisan dan pihak kerajaan. Namun sumber pembiayaan kegiatan terbesar adalah sumbangan dari para alumni HMI yang tergabung dalam Keluarga Alumni Himpunan Mahasiswa Islam

⁴⁰ Temubual dengan Anita Permatasari pada trikh 15 Disember 2015.

⁴¹ *Ibid*

(KAHMI), Yayasan Insan Cita⁴² dan yuran ahli. Hal ini seperti dikatakan oleh Usna

Unisa sebagai berikut:

“Setiap HMI akan menyelenggarakan kegiatan, kami sentiasa membuat kertas kerja sebagai bukti formal untuk meminta bantuan ke pelbagai pihak. Dan sumbangan terbesar adalah berasal daripada alumni HMI. Adapun cara kami menyampaikan permohonan bantuan tersebut adalah dengan cara mendatangi para alumni sama ada di rumah mahupun di pejabatnya. Melalui silaturahmi ini kami memaklumkan keadaan organisasi dan pelbagai kegiatan yang sudah dan akan dilaksanakan”,⁴³

Hal senada juga disampaikan oleh Ketua Umum HMI Cawangan Salatiga bahawa kebanyakan peruntukan kegiatan adalah berasal daripada alumni. Lebih lanjut, Ia menegaskan bahawa kewujudan alumni HMI atau KAHMI sebagai penyokong utama proses pengkaderan dan terselenggaranya pelbagai kegiatan organisasi.⁴⁴

Dalam rangka mendukung kegiatan sepertimana tersebut di atas, para kader HMI sering juga mengumpulkan dana dari para kader HMI, alumni HMI, simpatisan, pihak kerajaan dan sumber lainnya. Dalam satu tahun (2015) HMI pernah berjaya mengumpulkan wang sekitar RM. 43.000 yang diperuntukkan untuk penyelenggaraan pelbagai kegiatan dan perbaikan gedung sekretariat HMI.⁴⁵

4.4.2 *Self-Production*

Dalam proses *self production* ini, HMI berusaha untuk memanfaatkan secara maksimum sumber daya dalaman agar bisa menggerakkan dan membesarkan organisasi. Kejayaan organisasi boleh dicapai bila organisasi mampu menjalankan pengkaderan dengan baik sepertimana wujud dalam panduan organisasi bagi mewujudkan visi dan misi organisasi. Oleh itu, HMI Cawangan Salatiga berusaha untuk memobilisasi secara maksimum kekuatan dalaman agar dapat mengembangkan dan

⁴² Yayasan ini dibentuk oleh anggota KAHMI untuk kepentingan KAHMI dan HMI

⁴³ Temubual dengan Usna Unisa pada tarikh 20 Disember 2015

⁴⁴ Temubual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 12 Ogos 2015

⁴⁵ Jumlah tersebut diambil dari laporan Konferensi dan wawancara dengan Ahmad Fauzi pada tarikh 10 Januari 2016.

memperkuat HMI sebagai organisasi sosial yang salah satu misinya adalah melakukan gerakan pembaharuan dalam Islam.

4.4.2.1 *Self-Production* Moral

Ideologi HMI merujuk kepada sumber ajaran Islam yang kemudian dirumuskan menjadi nilai-nilai dasar perjuang organisasi. Ideologi ini menjadi kekuatan yang besar dalam membangun modal insan para ahli HMI. Di sisi lain, kesadaran terhadap aspek tempatan dari perjuangan HMI iaitu Indonesia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan tempat penubuhan organisasi. Kata “Indonesiaan” dipahami tidak hanya sekedar sebagai sebuah negara, akan tetapi termasuk didalamnya nilai-nilai budaya dan kearifan tempatan yang mengilhami moral gerakan organisasi.⁴⁶ Oleh itu, beberapa buku dan kertas kerja menggunakan istilah “Keislaman dan Keindonesia” sebagai tajuknya, antara lain: “Mencari Akar-Akar Islam Pluralisme Modern: Pengalaman Indonesia”, dan “Islam: Kemodernan dan Keindonesiaan”, kedua-duanya buku ini ditulis oleh Nurcholis Madjid.

Nilai-nilai perjuangan organisasi merupakan kekuatan moral (*struggle force*) yang penting bagi organisasi. Sehubungan dengan itu, pengajian terhadap nilai-nilai perjuangan dijalankan oleh HMI minimum satu kali dalam satu tahun. Dan pada dasarnya, semua kegiatan yang ada di HMI tidak terlepas dari tujuan organisasi itu sendiri, dan bila mana kegiatan tersebut keluar atau menyimpang dari konstitusi organisasi, maka para pengurus organisasi akan dimintai pertanggungjawaban atas amalan yang mereka lakukan.⁴⁷

Dengan demikian konsep moral sepertimana yang telah diajarkan dalam Islam, semisal; Islam sebagai agama yang *rahmatan lil alamin*, nilai-nilai kemanusiaan, dan toleransi dikembangkan dalam rangka memperkuat visi dan misi gerakan HMI. Tujuan

⁴⁶ Temubual dengan Beny Ridwan pada tarikh 17 ogos 2015

⁴⁷ Temubual dengan Imam Subqi pada tarikh 18 Ogos 2015.

pengkaderan di HMI merupakan arah kegiatan yang dirancang dan dilaksanakan oleh dan untuk HMI.

4.4.2.2 *Self-Production* kekuatan Budaya

Memobilisasi kekuatan budaya merupakan hal yang sangat *vital*, dan hal ini sangat terkait dengan pemikiran dan *platform* gerakan yang boleh dimobilisasi sedemikian rupa. Mengenai hal ini, kita dapat merujuk pada *platform* HMI “Muslim, intelektual, professional” yang merupakan tujuan pembentukan kader HMI, serta Islam keindonesiaan sebagai ruh perjuangan HMI yang tertuang dalam Nilai Dasar Perjuangan (NDP).

Dalam hal ini, posisi seorang ketua dan pengurus organisasi mempunyai peranan yang sangat strategik bagi para ahli HMI. Oleh sebab itu, pengetua dan pengurus sememangnya menerapkan konsep moral yang baik sesuai dengan ajaran Islam dan menjadi teladan bagi para ahli. Oleh itu, *Uswah khasanah* boleh dizahirkan dalam komunikasi, kedisiplinan, kepemimpinan dan kemampuan akademik. Mengingat, para Ahli HMI sangat mengagumi Nurcholis Madjid sebagai ahli akademik dan tokoh pembaharu Islam di Indonesia.

Para ahli HMI sangat mengagumi dan meneladani Nurcholis Madjid sebagai tokoh HMI, dan beliau bisa dijadikan propaganda perjuangan gerakan pembaharuan. Oleh sebab itu, kapasiti akademik seorang pengetua di organisasi yang ditunjangi oleh mahasiswa menjadi sangat penting, disamping kemampuan *leadership*.

Dalam konteks ini, wawasan kebangsaan dan keagamaan sememangnya dimiliki oleh para pengurus HMI, khasnya Ketua Umum HMI oleh kerana mereka akan menjadi rujukan dan panutan dalam mengembangkan kapasiti akademik dan gerakan pembaharuan Islam. Sehubungan dengan itu, banyak buku-buku yang ditulis oleh Nurcholis Madjid menjadi bacaan dan bahan diskusi para ahli HMI.

Selain itu, HMI Cawangan Salatiga dalam gerakannya menjunjung tinggi pluralisme, kerukunan dan sistem demokrasi dalam bernegara. HMI sebagai *agent of change* sentiasa peduli terhadap persoalan rusuah yang terjadi di Indonesia, khasnya bandar Salatiga. Aktiviti, sikap, pandangan dan kepedulian para ahli HMI kepada persoalan-persoalan bangsa dan umat ialah merupakan hasil pembinaan modal insan selama mereka menjadi ahli HMI. Kemudian, bila pengurus HMI memobilisasinya kedalam bentuk tindakan mahupun berupa kajian, maka ianya merupakan bahagian daripada *self-production* di aspek budaya.

Fakta di lapangan, penyelidik menemukan dua kali kegiatan training pengkaderan peringkat pertama; dan satu kali pelatihan *senior course* tingkat nasional yang dilaksanakan oleh HMI Cawangan Salatiga; Tujuh kali pengiriman delegasi kader untuk mengikuti training pengkaderan tingkat kedua di luar Salatiga; Lima kali mengirimkan peserta latihan kader khusus dan senior course, tindakan peduli terhadap musibah tanah runtuh; demonstrasi terhadap penguatan pencegahan rusuah dan pelbagai kegiatan berseri organisasi yang lainnya.⁴⁸ Kesemua kegiatan ini bahagian daripada proses pengkaderan di HMI dalam pembangunan modal insan sehingga mereka dapat menjadi pencetus gerakan pembaharuan.

HMI melakukan gerakan moral dalam bentuk tindakan demonstrasi di depan Kejaksaan Negeri Salatiga pada bulan Januari 2015. Mengikut Ketua Umum HMI Cawangan Salatiga, Ahmad Sahal bahawa tindakan ini sebagai dukungan moral kepada penegak hukum agar penegakan hukum dijalankan secara adil dan terbuka. Pada tarikh 19 Ogos 2015 HMI mempelopori terlaksananya demonstrasi yang bertajuk “Harmony in Diversity” yang diikuti oleh pelbagai organisasi luaran universiti dan pihak kerajaan. Dalam hal ini, Ahmad Sahal mengatakan demonstrasi ini dimaksudkan agar kerusuhan di Tolikara antara umat beragama tidak merebak ke daerah lainnya”. Tindakan ini diikuti oleh HMI, PMII, IMM, KAMMI, dan disokong oleh Polis, dan laskar.

⁴⁸ Laporan Pertanggungjawapan Ketua Am HMI Cawangan Salatiga periode 2015-2016.

Sedangkan tindakan peduli sosial, HMI lakukan dengan mengumpulkan dana bagi korban tanah runtuh di bandar daerah Banjarnegara.⁴⁹

Kegiatan tersebut menggambarkan nilai-nilai universal yang telah ditanamkan kepada para kader HMI sehingga mereka secara semulajadi dan organisatorik dapat merespon pelbagai persoalan yang wujud dalam masyarakat. Dalam konteks transformasi sosial, HMI dengan sendirinya sentiasa hadir dengan cepat dan sigap dalam merespon persoalan aktual yang muncul dan sekaligus sebagai refleksi daripada nilai-nilai keberagaman dan kemanusiaan yang ditanamkan oleh HMI.

4.4.2.3 *Self-Production* Modal Insan

Kualiti modal insan sebuah organisasi tergantung kepada pengurusan pengkaderan organisasi. Sistem pengkaderan ini lah yang kemudian akan mampu melahirkan kader-kader organisasi yang berwibawa dan berpengetahuan luas serta memiliki komitmen untuk mewujudkan misi organisasi dengan baik dan berkesan.

Di HMI Cawangan Salatiga, mobilisasi modal insan melalui akses *self production* dilakukan dalam upaya memperkuat basis gerakan melalui training pengkaderan, kegiatan rutin organisasi, kajian dan sebagainya. Dalam training pengkaderan, HMI lebih banyak memanfaatkan sumber manusia dari dalaman organisasi dan alumni HMI sebagai pembentang atau fakar. Nama-nama alumni yang sering dijemput dalam kegiatan HMI sebagai pembentang antara lain adalah Rahmat Hariyadi⁵⁰, Mukti Ali⁵¹, Beny Ridwan⁵², Rofik Santoso⁵³, Muh. Haris⁵⁴ dan Wahyu⁵⁵.

⁴⁹ Temubual dengan Ahmad sahal pada tarikh 20 Disember 2015.

⁵⁰ Rahmat Hariyadi adalah mantan Ketua Am HMI Cawangan Salatiga periode 1988-1999, dan sekarang menjawat sebagai Rektor IAIN Salatiga.

⁵¹ Mukti Ali adalah mantan kader HMI Cawangan Ciputat Jakarta semasa ia sebagai mahasiswa IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, dan sekarang menjawat sebagai Dekan Fakulti Dakwah di IAIN Salatiga.

⁵² Beny Ridwan adalah mantan Ketua Am HMI Cawangan Salatiga periode 1988-1999, dan sekarang menjawat sebagai Dekan Fakulti Ushuludin dan Humaniora IAIN Salatiga.

⁵³ Rofik Santoso adalah mantan Ketua Am HMI Cawangan Salatiga periode 1990-1991, dan sekarang sebagai ahli politik parti Golkar.

⁵⁴ Muh. Haris adalah kader HMI Cawangan Yogyakarta, dan sekarang menjawat sebagai Naib Walikota Salatiga, Jawa Tengah.

⁵⁵ Wahyu adalah mantan Ketua Am HMI Cawangan Salatiga periode 1998-1999, dan sekarang menjadi guru di Sekolah Alam di Salatiga.

Alasan pemanfaatan modal insan dari dalaman kerana mereka lah yang memiliki pengalaman luas sebagai pelaku gerakan, sekali gus memahami platform dan nilai-nilai dasar perjuangan organisasi.⁵⁶ Atas dasar penilaian ini, mereka dapat melakukan transfer kefahaman keagamaan yang selaras dengan perkembangan zaman dan ideologi perjuangan organisasi.

4.4.2.4 *Self-Production* Sumber Daya Material

Kewujudan sebuah organisasi sosial dan keberlangsungannya bergantung daripada seberapa kuat kewangan operasional yang dimilikinya. Sokongan kewangan bagi sebuah organisasi juga bergantung kepada banyaknya penyumbang dan besarnya. Oleh kerana itu, pengurus sebuah organisasi diharapkan memiliki kemampuan menghimpun dan menciptakan sumber pendanaan baru, atau setidaknya ia mampu menggali sumber kewangan yang telah ada.

HMI Cawangan Salatiga yang ditubuhkan pada tahun 1985 telah memiliki alumni yang banyak dan tersebar di berbagai bandar, dan masuk dalam sebuah organisasi alumni yang dinamai “Korp Alumni Himpunan Mahasiswa Islam” (KAHMI) Daerah Salatiga. Sejumlah alumni ada yang telah berjaya selari dengan profesi yang ditekuninya, seperti: Ketua Daerah, Pengusaha, Ahli politik, Pensyarah dan lain sebagainya.⁵⁷ Berbeza dengan tahun 1990 an yang mana HMI Cawangan Salatiga belum banyak memiliki alumni yang boleh dimintai sokongan kewangan.⁵⁸

Sumber kewangan kegiatan kebanyakan berasal dari para kader dan alumni HMI yang memiliki hubungan emosional dengan para kader HMI yang masih aktif. Mengikut Ketua Umum HMI Cawangan Salatiga, bahawa cara yang paling efektif

⁵⁶ Temubual dengan Anita Permata Sari pada tarikh 15 Disember 2015

⁵⁷ Temubual dengan Beny Ridwan pada tarikh 17 Ogos 2015

⁵⁸ *Ibid*

dalam mencari pendanaan adalah dengan cara bersilaturahmi ke sejumlah alumni HMI, dan kemudian menyampaikan kertas kerja kegiatan.⁵⁹

4.5.3 *Cooptation*

Cooptation adalah mekanisme akses mobilisasi dengan cara memanfaatkan sumber kekuatan luaran yang tidak ada kaitannya dengan tujuan gerakan demi kepentingan dalaman gerakan. Mekanisme akses ini dimanfaatkan untuk memobilisasi kekuatan moral, budaya, modal insan, dan kewangan.

4.5.3.1 *Cooptation Moral*

Dalam hal ini, HMI menjalin hubungan dengan pelbagai organisasi yang wujud di Salatiga sama ada organisasi kemahasiswaan mahupun organisasi sosial lainnya. Jalinan silaturahmi dengan organisasi yang lain dijalankan agar dapat bekerjasama dalam menjalankan suatu kegiatan yang mempunyai kesamaan visi dan misi. *Cooptation* akan memiliki nilai dan kesan yang baik manakala organisasi yang dijemput untuk bekerjasama memiliki reputasi yang baik.

Kekuatan moral yang biasa dimanfaatkan menggunakan mekanisme akses ini adalah berupa nilai-nilai yang bersumber daripada agama dan sumber yang lain, seperti: nilai-nilai kemanusiaan dan kebangsaan. Sehubungan dengan itu, HMI mengangkat nilai-nilai tersebut sebagai penggerak bagi kepentingan sesebuah gerakan bilamana terdapat isu-isu menarik dan terkini yang perlu direspon sama ada ianya isu nasional mahupun isu tempatan.

Dalam konteks ini, ada beberapa isu semasa yang memiliki relevansi dengan nilai-nilai perjuangan HMI antara lain penegakan hukum, kerukunan umat beragama, dan peduli terhadap bencana alam dan sosial. Sehubungan dengan itu, HMI sentiasa

⁵⁹ Temubual Ahmad Sahal pada tarikh 12 Ogos 2015.

merencanakan kegiatan secara bersama. Antara lain, demonstrasi, penyelenggaraan pesantren pada bulan ramadhan, dan khidmat masyarakat. Kegiatan yang bersifat tindakan sosial sepertimana dijalankan oleh HMI juga sering dilakukan oleh organisasi-organisasi yang ditunjangi mahasiswa Muslim yang berada di luar binaan universiti.

Gambar 4.2.

Demonstrasi Menyokong Penegakkan Hukum di Salatiga.



4.5.3.2 *Cooptation* Budaya

Modal budaya yang dapat dikooptasi meliputi jaringan gerakan dan pertemanan. Hal ini penting agar kegiatan HMI dapat berjalan secara efektif dan efisien sesuai dengan visi dan misi organisasi. Di universiti, HMI juga menjalin hubungan dengan biro Tazkia IAIN Salatiga dalam melaksanakan kegiatan sosial.⁶⁰

Dalam konteks gerakan sosial, tindakan kolektif yang melibatkan organisasi luaran memiliki pengisian yang lebih dibanding tindakan tersebut hanya dilaksanakan oleh HMI. Dari aspek publikasi, tindakan sosial yang melibatkan banyak unsur masyarakat juga direspon secara baik oleh masyarakat serta dipublikasikan oleh pelbagai media yang ada. Media sosial yang meliput tindakan bersama (HMI, PMII,

⁶⁰ Pengurus HMI Cawangan Salatiga (2016), *Laporan Pertanggungjawapan Pengurus Periode 2015-2016*, Salatiga: HMI Press.

KAMMI, IMM dan unsur masyarakat lainnya antara lain: Jawa Pos, Suara Merdeka, dan Wawasan.⁶¹

Dalam hal ini, ada 3 (tiga) faktor penting yang membangun pemikiran gerakan mahasiswa, iaitu: 1) mahasiswa merupakan kelompok muda yang terdidik dan memiliki semangat tinggi dalam merespon persoalan keumatan dan kebangsaan; 2) adanya keperihatinan anak muda terhadap nasib bangsa; 3) perintah ajaran agama yang untuk menegakkan keadilan sosial dan ekonomi.⁶² Tiga faktor inilah yang mampu menggerakkan perkembangan gerakan mahasiswa yang sekali gus menjadi cabaran bagi perjuangan organisasi.

4.5.3.3 *Cooptation* Modal Insan

Sangat penting bagi sebuah gerakan untuk dapat membina dan mengembangkan kader melalui sebuah sistem perkaderan, sehingga mereka boleh menjadi penggerak organisasi. Dalam hal ini, HMI memanfaatkan pelbagai modal insan dari universiti. Modal jenis ini adalah manusia yang memiliki kemampuan akademik yang walaupun bukan daripada kader atau alumni HMI.

Beberapa kegiatan HMI yang melibatkan orang luar iaitu diskusi, demonstrasi dan khidmat masyarakat. Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, bahawa penglibatan pihak luar ke dalam kegiatan yang diselenggarakan oleh HMI bertujuan untuk memperluas wawasan para kader HMI dan menambah nilai kualiti kegiatan organisasi. Mobilisasi ini tidak terbatas hanya kepada mahasiswa, tetapi juga kepada para pensyarah dan tokoh masyarakat bagi menyokong kecemerlangan sebuah kegiatan.

⁶¹ Temubual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 20 Disember 2015

⁶² Temubual dengan Beny Ridwan pada tarikh 17 Ogos 2015

4.5.3.4 *Cooptation* Terhadap Sumber Daya Material

Sebagai organisasi pertama yang ditunjangi mahasiswa Muslim, HMI memiliki jaringan dan pengaruh yang luas, khasnya para alumni yang tersebar di Indonesia yang menekuni pelbagai bidang atau profesi. Pada masa awalnya, kekuatan HMI Cawangan Salatiga dari aspek kewangan bersumber daripada alumni HMI yang berprofesi sebagai dokter, pengusaha dan politesien.⁶³

Sehubungan dengan itu, mobilisasi terhadap kewangan dari luar sangat minimum. Sumber kewangan yang lain berasal daripada institusi kerajaan, terutamanya kerajaan Bandar Salatiga. Pada tahun 2015-2016, HMI dapat menghimpun kewangan yang banyak antara lain untuk disumbangkan kepada masyarakat yang terkena musibah tanah runtuh.

4.5.4 *Patronage*

Patronage adalah salah satu mekanisme yang boleh diakses dengan memanfaatkan *patronage* yang dapat dimobilisasi sebagai pendukung gerakan. Sepertimana mekanisme yang lain *patronage* sebagai akses mobilisasi juga ditujukan kepada keempat jenis modal iaitu: Moral, budaya, modal insan dan bahan. Bagi HMI, *patronage* merupakan akses yang sangat penting dalam pembangunan modal insan para ahli HMI sehingga mereka mampu menjadi pencetus gerakan pembaharuan.

4.5.4.1 *Patronage* Terhadap Moral

Modal moral yang dimobilisasi melalui mekanisme *patronage* meliputi pemikiran keislaman & kebangsaan HMI, nilai-nilai perjuangan organisasi dan pemikiran para tokoh pembaharu HMI.

⁶³ Temubual dengan Wahyu Budi Utomo pada tarikh 7 Disember 2015.

Salah satu faktor penting terhadap kewujudan HMI sampai hari ini terletak pada pemikirannya tentang keislaman dan keindonesiaan. Ertinya, bahawa gerakan HMI berada pada dua wilayah yang menuju kepada satu tujuan yang sama, iaitu menyebarkan nilai-nilai keislaman sebagai misi dakwahnya, dan di sisi yang lain membangun bangsa Indonesia yang merdeka dan berkeadilan sebagai tempat perjuangan di mana HMI ditubuhkan dan berkembang.

Dari perspektif ini, pemikiran keislaman dan keindonesiaan HMI tidak kehilangan relevansinya dengan persoalan yang dihadapi bangsa sampai hari ini. Kata “keindonesiaan” mencakup seluruh persoalan yang wujud sepanjang masa di mana negara tersebut masih berdiri. Sementara kata “keislaman” merupakan nilai-nilai yang boleh dipedomani sepanjang masa. Dalam konteks inilah, pemikiran HMI hidup dan menjiwai setiap warga yang tinggal di negara Indonesia.

Sementara itu nilai-nilai perjuangan terus memandu ke arah dan gerak organisasi, bersamaan dengan itu para pemikir HMI terus mengemukakan idea-idea yang selaras dengan persoalan keumatan dan kebangsaan. Dalam konteks ini lah, sebenarnya berlangsung sebuah proses pengiktirafan. Ertinya, aktiviti organisasi termasuk di dalamnya gerakan pembaharuan memperoleh sokongan moral.

4.5.4.2 *Patronage* Terhadap Budaya

Modal budaya yang menjadi patronage gerakan HMI meliputi gagasan dan pemikiran sepertimana termaktub dalam NDP yang kemudian dikaji dan dikembangkan oleh para kader HMI. Selain itu, pemikiran Nurcholis Madjid juga dijadikan sebagai bahan rujukan dan identiti gerakan pembaharuan Islam disebabkan ia menjadi contoh dan figur gerakan pembaharuan.

Pemikiran Nurcholis Madjid merupakan pengembangan daripada Nilai-Nilai Dasar Perjuangan, penilaian ini berasaskan kepada penyusun utama NDP adalah

Nurcholis Madjid semasa ia menjabat sebagai Ketua Umum Pengurus Besar HMI, dan ramai tajuk dan buku yang ditulis oleh Nurcholis Madjid memiliki kesamaan, seperti: Islam: Kemodernan dan Keindonesiaan; Islam Doktrin dan Peradaban: Sebuah Telaah Kritis tentang Masalah Keimanan, Kemanusiaan dan Kemodernan; Islam Kerakyatan dan Keindonesiaan, dan Islam Agama Peradaban.

Buku yang menjadi rujukan para ahli HMI tersebut menggambarkan bahawa Nurcholis Madjid menjadi *patronage* bagi mereka dan gerakan pembaharuan Islam yang dijalankan oleh HMI Cawangan Salatiga. Oleh itu, penilaian NDP dan pemikiran Nurcholis Madjid sebagai *patronage* gerakan keagamaan dan gerakan pembaharuan Islam boleh dipahami.

Secara institusi, KAHMI merupakan *patronage* HMI yang sentiasa hadir untuk memberikan sokongan kepada para kader HMI pada satu sisi, dan pada sisi yang lain iainya dimobilisasi sedemikian rupa oleh para kader HMI bagi kepentingan gerakan. Silaturahmi dan temu alumni HMI yang dilaksanakan pada tahun 2016 adalah wujud nyata proses mobilisasi budaya yang boleh menyokong gerakan HMI.⁶⁴

4.5.4.3 *Patronage* Terhadap Modal Insan

Patronage terhadap modal insan bererti berbicara tentang keterkaitan antara ahli HMI dengan alumninya yang tergabung dalam persatuan KAHMI. Dalam konteks ini, KAHMI sebagai organisasi *patronage* gerakan HMI disebabkan kewujudannya sebagai persekutuan alumni HMI. KAHMI juga disebutnya sebagai wadah perjuangan selepas mereka sebagai kader HMI. Organisasi ini juga memiliki struktur organisasi dari tingkat pusat sampai dengan tingkat daerah.

Kewujudan alumni HMI secara perseorangan dan KAHMI secara kelembagaan memiliki peranan yang strategik dalam menyokong keberlangsungan pengkaderan di HMI. Hubungan emosional yang dibangun dan ditunjangi oleh perjuangan organisasi

⁶⁴ Pertemuan alumni HMI Cawangan Salatiga diselenggarakan pada tanggal 3 April 2016

semasa menjadi kader terus tumbuh dan berkembang selepas daripada HMI. Penyelidik menyebutnya sebagai hubungan ideologi. Ada beberapa faktor yang mengekalkan hubungan ini, antaranya: fahaman keagamaan yang dibina semasa aktif sebagai kader HMI; rasa memiliki (*a sense of belonging*) terhadap organisasi yang telah berperanan dalam membinanya.

Dalam konteks inilah, alumni HMI, khasnya para alumni HMI yang berjaya di bidang akademik, politik dan perniagaan sentiasa menjadi *patronage* kader HMI. Antaranya; Nurcholis Madjid (tokoh pembaharu Islam Indonesia), Akbar Tanjung (ahli politik di Parti Golkar), dan Bambang Sutopo (ahli perniagaan). Untuk *patronage* tempatan para ahli HMI Cawangan Salatiga sentiasa memuliakan Rahmat Hariyadi (ahli akademik), Wihaji (ahli politik), dan Tri Mulyantoro (ahli perniagaan dan politik). Dan para kader HMI sangat mengagumi dan meneladani orang-orang tersebut di bidangnya masing-masing.

Sementara itu, KAHMI sebagai lembaga yang menghimpun para alumni HMI merupakakan “ayah kandung” HMI. Dalam posisinya sebagai “ayah kandung”, maka ia sentiasa hadir dalam kegiatan-kegiatan HMI untuk memberikan sokongan moril dan kewangan. Pejabat yang ditempati oleh HMI Cawangan Salatiga juga merupakan sokongan daripada KAHMI di Salatiga dan sumbangan daripada alumni HMI di Jakarta.

Bagi kader HMI Cawangan Salatiga, pemikiran dan pandangan Nurcholis Madjid menjadi *patronage* gerakan pembaharuan pemikiran Islam. Bahkan buku-buku karya Nurcholis Madjid dan juga pemikir yang selari dengannya dijadikan sebagai rujukan utama dalam setiap training dan kajian keagamaan. Selari dengan pembaharuan Islam di HMI, pada masa yang bersamaan telah terjadi proses transfer pemikiran pembaharuan Islam pada satu sisi, dan menempatkan Nurcholis Madjid sebagai *patronage* gerakan pembaharuan Islam di HMI.

Gerakan pembaharuan Islam di HMI secara budaya dijalankan dalam bentuk diskusi, seminar dan kajian keagamaan yang dihubungkan dengan persoalan kehidupan beragama dan bernegara. Sebagai sebuah gerakan sosial, gerakan pembaharuan di HMI menggambarkan dinamika dan semangat anak muda yang responsif terhadap isu-isu semasa yang dihadapinya.

Dengan demikian, gerakan pembaharuan Islam di HMI tidak lepas dari idea atau paradigma berfikir yang dalam teori mobilisasi menjadi salah satu hal yang penting. Dengan demikian, modal insan yang utama dalam mobilisasi sumber daya melalui mekanisme *patronage* adalah para alumni HMI secara perseorangan dan KAHMI secara kelembagaan.

4.5.4.4 *Patronage* Terhadap kewangan (material)

Sumber kewangan yang paling utama yang dimiliki oleh HMI adalah berasal daripada alumni HMI yang bergabung di KAHMI dan Yayasan Insan Cita yang ditubuhkan oleh para alumni HMI Cawangan Salatiga. Sumber kewangan yang lain berasal daripada sumbangan pihak kerajaan bandar Salatiga.

Pembangunan modal insan seperti halnya lembaga pendidikan memerlukan kewangan yang tidak sedikit. Pembangunan modal insan para kader HMI yang dijalankan melalui proses pengkaderan dan pelbagai jenis kegiatan yang lain ramai disokong oleh para alumni HMI. Dengan demikian, alumni HMI adalah penyokong kewangan yang utama bagi keberlangsungan proses pengkaderan di HMI.

Berbeza dengan mekanisme akses *cooptation*, pada mekanisme ini (*patronage*) para ahli HMI sentiasa berziarah ke rumah-rumah alumni untuk menjalin dan meningkatkan hubungan silaturrahi antar kader dan alumni HMI. Selepas ramah tamah, para alumni memberikan sumbangan kewangan untuk membantu kegiatan-kegiatan organisasi.

Selain itu, kewujudan Yayasan Insan Cita yang ditubuhkan oleh ahli KAHMI pada tahun 1999 juga menjadi salah satu sumber kewangan bagi HMI dalam mendukung kegiatan, khasnya kepengurusan. Sumbangan terpenting daripada Yayasan Insan Cita adalah bangunan gedung yang ditempati sebagai tempat kegiatan dan pejabat HMI. Dari tempat ini, HMI merancang dan mengatur strategi gerakan. Di tempat ini pula para kader berbincang dan menjadikannya sebagai *home based* para pengurus dan kader-kader HMI. Dalam hal ini, Muhammad Kholil Ridwan mengatakan sebagai berikut:

“Bagi saya HMI adalah tempat belajar seperti halnya pondok pesantren pada umumnya, guru saya yang mengajari bagaimana berorganisasi, merancang kegiatan dan sekali gus sebagai pelaksana kegiatan. HMI juga merupakan “second campus” tempat saya mengembangkan potensi diri yang saya miliki. Di tempat ini, saya mulai belajar di universiti dan selanjutnya saya mengakhiri studi saya.”⁶⁵

Pernyataan Muhammad Kholil Ridwan tersebut menggambarkan karakter kader yang telah menjadikan HMI sebagai “rumah” keduanya. Penyelidik juga melihat secara langsung mengenai aktiviti kesehariannya yang sentiasa berada di pejabat HMI. Beliau gunakan waktunya untuk mengerjakan tugas-tugas organisasi dan pembelajarannya.

4.5 Gerakan Pembaharuan Islam dalam Pengkaderan di HMI Cawangan Salatiga

Sejak Tahun 1980 pihak kerajaan telah memberi ruang yang cukup luas bagi gerakan sosial keagamaan yang selari dengan halatuju pembangunan nasional. Peluang umat Islam untuk mengambil peranan mulai terbuka lebar, dan posisi umat Islam yang mulai masuk di bidang politik ini sering disebut “politik akomodasi Islam”. Ada empat pola akomodasi kerajaan terhadap umat Islam, iaitu: 1) Akomodasi struktural, iaitu dengan pengarahnya para ahli dan penggiat Islam untuk menduduki posisi-posisi penting dalam birokrasi kerajaan mahupun badan legislatif; 2) Akomodasi infrastruktur dengan menyediakan bantuan infrastruktur bagi kepentingan umat Islam; 3) Akomodasi budaya

⁶⁵ Temubual dengan Anita Permata Sari pada tarikh 15 Disember 2015.

dengan diperbolehkannya bagi umat Islam untuk menggunakan tudung, baju raihan, sehingga ucapan *assalamualaikum* di tempat-tempat awam; 4) Akomodasi legislatif, iaitu dengan memasukkan beberapa aspek hukum Islam ke dalam hukum negara, meskipun hanya berlaku bagi umat Islam sahaja.⁶⁶

Politik akomodasi ini dinilai sebagai hadiah yang diberikan kepada umat Islam kerana mereka telah bersikap baik dan selaras dengan kebijakan pembangunan nasional. Peluang politik yang sangat terbuka ini dimanfaatkan oleh umat Islam untuk memberdayakan potensi yang dimilikinya dan melakukan dakwah dengan lebih massif dan intens, terutama pada tahun 1990-an. Dan sejak ini, gerakan Islam memperlihatkan kewujudannya, sama ada dari segi gerakan dakwah mahupun dalam gerakan sosial dan politiknya. Salah satu dari gerakan Islam ini adalah gerakan sosial HMI Cawangan Salatiga yang merupakan bahagian daripada gerakan sosial Islam pada amnya.

Dengan dukungan para alumni HMI yang telah berjaya di pelbagai departemen dan institusi, universiti dan politik, para ahli HMI sentiasa membangun modal insan melalui sistem pengkaderan. Sistem pengkaderan inilah yang kemudian menjadi media bagi proses pemindahan kefahaman, dan seterusnya para kadernya mampu menjadi pencetus gerakan pembaharuan.

Dalam melakukan gerakan, HMI memakai pola seperti yang dinyatakan oleh Jeffrey K. Hadden, sebagaimana yang dikutip Edgar F. Borgotta,⁶⁷ iaitu: 1) Gerakan agama *endogenous* yang berusaha mengubah fahaman agama; 2) Gerakan agama *exogenous* yang berusaha mempengaruhi lingkungan di mana fahaman agama yang wujud pada masa itu; dan 3) Gerakan agama *generatif* yang berusaha memperkenalkan fahaman baharu. Melalui kefahaman terhadap Islam yang sedemikian rupa, HMI berusaha melakukan penyebaran faham keagamaan yang baharu yang lebih

⁶⁶ M. Imdadun Rahmat (2007), *Arus Baru Islam Radikal-Trasmisi Revivalisme Islam Timur Tengah Ke Indonesia*, Jakarta: Erlangga, h. 134.

⁶⁷ Edgar F. Borgotta (1992), *Encyclopedia of Sociology*, New York: Mac Millan Publishing Company, h. 1642.

menekankan kepada makna sehingga selaras dengan perkembangan moden serta memberikan kekuatan untuk melakukan perubahan sosial yang lebih baik.

Pengkaderan dan pelbagai aktiviti HMI yang lain merupakan bahagian daripada proses pembangunan modal insan. Di sisi yang lain, tindakan kolektif yang melibatkan ramai ahli seperti demonstrasi dan kegiatan yang lain. Pada dasarnya, perilaku kader HMI yang wujud dalam bentuk kegiatan organisasi merupakan perwujudan daripada nilai-nilai perjuangan yang telah dibina dalam proses pengkaderan.⁶⁸

Collective behaviour yang dijalankan ini dalam teori gerakan sosial masuk ke dalam bentuk gerakan sosial baharu. Dalam teori gerakan sosial, gerakan sosial lama hanya menempatkan kelas sebagai faktor utama munculnya gerakan sosial dan mengesampingkan faktor agama, sedangkan gerakan sosial baharu agama sebagai *trigger* bagi sebuah gerakan sosial. Sebab, menurut Sanderson, agama dapat berfungsi penting dalam usaha untuk melakukan perubahan di bidang sosial, politik dan ekonomi.⁶⁹ Pandangan Sanderson ini dapat difahami kerana mengingat HMI menjalankan pengkaderan secara terukur dan terarah bagi mempersiapkan generasi yang berwawasan luas dan tetap bersikap responsif terhadap kondisi sosial politik yang ada.

Aktiviti sosial seperti demonstrasi, peduli musibah tanah runtuh, deklarasi damai merupakan bahagian daripada aktiviti pengkaderan bagi mempersiapkan generasi yang memiliki dedikasi untuk berkhidmah kepada ummat. Dalam hal ini, HMI mengambil strategi berkongsi dengan pihak kerajaan di satu sisi, dan bersikap kritikal dalam melakukan pengawasan terhadap kerajaan di pihak yang lain. Hal ini boleh difahami kerana banyak di antara alumni HMI bekerja di institusi Kerajaan yang dalam waktu yang bersamaan mereka juga sebagai penyokong dana tetap bagi organisasi.

Selain itu, HMI juga merupakan gerakan sosial yang telah memiliki struktur dan jaringan organisasi yang luas. Struktur dan jaringan ini merupakan kekuatan yang

⁶⁸ Doug McAdam dan David Snow ed. (1997), *Social Movement: Readings on Their Emergence, Mobilisation and Dynamics*, Los Angeles: Roxbury Publishing Company), h. xxiv.

⁶⁹ Stephen K. Sanderson (1991), *Sosiologi Makro: Sebuah Pendekatan terhadap Realitas Sosial*, Jakarta: Rajawali Pers, h. 531-532.

penting dalam memobilisasi agar organisasi dapat kekal dan terus bergerak menuju cita-citanya. Kerana itulah, HMI sentiasa *becoming* dan tidak akan berakhir selama masih mampu melakukan mobilisasi terhadap modal dalaman dan luaran. Kedua kekuatan ini merupakan suatu hal yang sangat dan sama-sama saling mempengaruhi bagi keberlangsungan gerakan pembaharuan.

HMI Cawangan Salatiga telah ditubuhkan pada tahun 1985, kewujudannya sepertimana organisasi yang lain (PMII, IMM dan KAMMI) memiliki peranan yang besar dan strategik dalam pmbangunan modal insan, khasnya di Bandar Salatiga. Kelebihan HMI Cawangan Salatiga dibandingkan dengan organisasi yang lainnya adalah ianya memiliki jaringan alumni yang banyak dan wujud di berbagai tempat dan jabatan, mahupun kilang.

Kebanyakan alumni HMI yang tergabung di KAHMI Daerah Salatiga berprofesi sebagai dokter, pensyarah, pegawai dan kaki tangan di pejabat kerajaan daerah, pengusaha dan ahli politik. Dalam rangka penguatan organisasi, HMI Cawangan Salatiga sentiasa menjalin hubungan dengan para alumni yang ada di Jakarta dengan cara menghadirkan mereka sama ada sebagai pembentang mahupun trainer.

Dengan demikian, keberlangsungan gerakan pembaharuan HMI terletak kepada kemampuan untuk memobilisasi dan memanfaatkan pelbagai kekuatan serta potensi diri yang mereka miliki untuk kepentingan gerakan. Dalam teori mobilisasi, ada 4 (empat) kekuatan yang boleh dimanfaatkan, iaitu: Moral, Budaya, Manusia, dan Bahan. Adapun mekanisme akses yang boleh digunakan dalam mobilisasi adalah *Agregation*, *self-production*, *cooptation* dan *patronage*. *Mobilization* ini terlihat dalam menjalankan organisasi sepertimana telah dijelaskan pada bab empat.

Selain itu, HMI juga mengadakan pengajian secara berterusan mengenai tajuk-tajuk yang menarik dan aktual serta terkini, yang tujuannya adalah untuk memperluas kefahaman para ahli mereka dari masa ke masa. Dalam pengajian ini, HMI

menghadirkan para pensyarah dan ahli politik sebagai pembentang atau pembicara. Pengajian yang diselenggarakan secara rutin ini berperanan penting dalam membangun cara berfikir yang moden serta membangun tradisi keilmuan yang baik dan berkesan. Disamping itu, *patronage* pemikiran Islam HMI juga banyak dipengaruhi oleh pemikiran Nurcholis Madjid yang terlihat daripada pandangan mereka mengenai tajuk-tajuk Islam yang berhubungkait dengan kemodenan, seperti: Demokrasi dan Islam, toleransi dalam kehidupan sosial, serta kefahaman mengenai konsep ikhtiar dan taqdir.

Mobilisasi terhadap kewangan juga sangat penting bagi sebuah organisasi sosial, mengingat untuk menjalankan pelbagai aktiviti organisasi sangat memerlukan kewangan. Dalam hal ini, HMI menghimpun dana dengan mengajukan permohonan kepada pihak kerajaan dan alumni HMI yang tergabung dalam organisasi KAHMI, terutamanya Pengurus Majlis Daerah KAHMI Salatiga.

Demikian, aktiviti HMI sebagai organisasi sosial baharu yang secara berlanjutan dapat melahirkan generasi pembaharu yang memiliki kepedulian terhadap lingkungan dan persekitaran. Gerakan pembaharuan Islam HMI yang dijalankan melalui pengkaderan boleh berlangsung secara terus menerus kerana ianya memanfaatkan modal insan yang ada. Teori yang digunapakai dalam menganalisis aktiviti para ahli HMI sepertimana dihuraikan sebelumnya menggambarkan bagaimana gerakan sosial, atau gerakan pembaharuan HMI berlangsung. Selain itu, tindakan sosial yang dijalankan oleh ramai orang juga sangat tergantung kepada bagaimana memanfaatkan sumber kekuatan yang dimilikinya.

Kesemua penjelasan di atas, secara amnya menghuraikan bahawa kekuatan yang terpenting boleh dimanfaatkan untuk kepentingan gerakan sosial adalah modal insan, terutama para alumni HMI yang berada di Bandar Salatiga. Hubungan antara para ahli HMI dan alumni HMI yang diperkuat oleh aspek emosional organisasi merupakan faktor terpenting yang menentukan keberlangsungan HMI. Mekanisme akses dengan

memanfaatkan secara maksimum sumber daya dalaman (*self-productions*) terlihat paling dominan dalam pemanfaatan sumber kekuatan bagi keberlangsungan gerakan yang dijalankan oleh HMI. Selain itu, kelebihan HMI adalah tidak pernah membahas masalah fiqhiyah atau permasalahan furu'iyah yang banyak dibincangkan dan diperdebatkan sehingga menjadi polemik yang tidak habis-habis dalam kehidupan masyarakat.

4.6 Kesimpulan

Gerakan pembaharuan Islam di HMI boleh dilihat dari strategi dan pelaksanaan pembinaan kader yang dapat mencetak para penggiat gerakan pembaharuan Islam. Dalam setiap penyelenggaraan latihan pengkaderan sebagai media untuk membina para kader, HMI sentiasa menggunakan panduan yang ada di dalamnya selain terdapat manajemen pelaksanaannya. Data yang penyelidikan yang diperolehi sama ada dari temubual mahupun pemerhatian, bahawa pengkaderan di HMI menjadi kekuatan bagi kewujudan dan keberlanjutan organisasi sampai ke hari ini. Dikaji menggunakan analisis *strenght*, *weakness*, *opportunity* dan *treatmen* atau yang lazim dikenal dengan SWOT, ada beberapa kesimpulan kajian, iaitu: 1) Selain sistem pengkaderan yang ada, kekuatan HMI terletak pada pemikiran keislaman sepertimana termaktub dalam nilai-nilai dasar perjuangan yang juga menjadi ideologi HMI, 2) Jaringan alumni yang tersebar di seluruh negeri dan di pelbagai profesi. Dua kekuatan ini bila dimanfaatkan dengan baik, maka HMI akan dapat berperanan lebih besar lagi dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Sementara itu aspek kelemahan yang ada pada HMI hari ini, perlu menambahbaiki dengan melakukan *improvisation* pada aspek metode pengkaderan. Sehingga kader HMI yang dikesan kurang memperhatikan aspek keberagaman dalam kehidupan keseharian boleh dibenahi dengan membangun suasana dan perlu mesra terhadap agama Islam.

Gerakan pembaharuan Islam di HMI memperlihatkan keteguhannya pada konsep Islam sebagai agama *rahmatan lil alamin*. Beberapa aktiviti yang dijalankan oleh HMI, terlihat ada keberpihakan terhadap nilai-nilai toleransi, keberpihakan terhadap kebenaran dan kepada kaum *mustadafin*. Gerakan pembaharuan Islam di HMI Cawangan Salatiga boleh berjalan secara berlanjutan oleh kerana para kader HMI mampu memobilisasi pelbagai sumber daya yang boleh dimanfaatkannya, seperti moral, budaya, manusia dan kewangan. Keempat jenis sumber daya ini saling terkait satu dengan yang lainnya, dan faktor *determinan* terletak pada ideologi dan emosi organisasi.

University of Malaysia

BAB V: PERANAN DAN SUMBANGAN HIMPUNAN MAHASISWA ISLAM

CAWANGAN SALATIGA DALAM PEMBAHARUAN ISLAM

5.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan dan menganalisis gagasan dan aktiviti yang berhubungkait dengan pembaharuan dalam Islam. Analisis terhadap strategi dan pelaksanaan pengkaderan, dan aktiviti HMI yang lain yang berhubungkait dengan gerakan pembaharuan dalam Islam di HMI Cawangan Salatiga. Sistematisa pembahasan dalam bab ini mengandungi; ciri pemikiran keislaman HMI yang menjadi subjek kajian keagamaan dalam pengkaderan; peranan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam yang dijalankan melalui dua kegiatan iaitu sistem pengkaderan, perbincangan, dan aktiviti kolektif atau kumpulan; sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam sama ada dari aspek pemikiran mahupun amalan, dan terakhir posisi HMI dalam peta gerakan pembaharuan Islam.

Kajian mengenai ciri pemikiran keislaman HMI sebagai penjelasan adakah hubungkait antara pemikiran dan perilaku kader HMI dengan bahan kajian yang diperolehi dalam proses pengkaderan. Berikut ini mengenai ciri pemikiran keislaman HMI yang dianalisis dari bahan kajian keagamaan dalam pengkaderan.

5.2 Ciri Pemikiran Keislaman HMI

HMI merupakan organisasi yang mengambil peranan sebagai pertubuhan kader. Dalam pengkaderan, HMI menempatkan Islam sebagai kekuatan moral dan sekali gus ideologi pergerakan. Nilai-Nilai Dasar Perjuangan yang membahas dasar-dasar kepercayaan dalam Islam adalah isi daripada ideologi HMI yang boleh digunapakai sebagai cara memahami Islam, dan dalam masa yang bersamaan menjadi pedoman dalam kehidupan bermasyarakat dan beragama. Nilai-nilai dasar perjuangan ini juga

digunapakai sebagai bahan kajian keagamaan pada setiap peringkat pelatihan. Melalui kajian inilah pemahaman terhadap Islam dibangun sehingga para kader HMI memiliki pola fikir, sikap dan amalan selepas mengikuti proses pengkaderan.

Pembaharuan dalam Islam merupakan ikhtiar akademik (*ijtihad*) yang memiliki 4 (empat) ciri: 1) Kefahaman keagamaan yang berbeza dengan sebelumnya sebagai asas gerakan perubahan ke arah yang lebih baik; 2) selari dengan ciri yang pertama, kefahaman keagamaan yang ditawarkan merupakan hasil kajian atas sumber Islam (al-Qur'an dan hadith) yang diyakini akan membawa perubahan; 3) Keyakinan yang benar dan cara yang benar dalam beriman akan mendorong lahirnya tamadun yang berperikemanusiaan dan berketuhanan; dan 4) Iman yang benar akan memotivasi (*mendorong*) seseorang untuk melakukan *amal soleh*, sementara ilmu akan menjadi penerang dalam menjalani kehidupan.

Apa yang disebut pemikiran pembaharuan dalam Islam menurut konsep HMI adalah kefahaman keagamaan yang dirumuskan oleh HMI sepertimana termaktub dalam nilai-nilai dasar perjuangan. Secara garis besar pemikiran keislaman tersebut meliputi aspek hakikat kepercayaan, hakikat kemanusiaan, keadilan sosial dan keadilan ekonomi, serta pentingnya ilmu pengetahuan. Selain itu, bahan kajian keagamaan yang memperoleh perhatian yang tinggi dalam pengkaderan adalah pembahasan mengenai *ikhtiar* yang diterjemahkan dengan “kemerdekaan”, dan *takdir* yang dimaknai “keharusan universal (*sejagat*)”.

Seperti apa yang telah dibahas dalam bab 3 (tiga) bahawa pemikiran keislaman HMI lebih banyak mengandungi nilai-nilai ajaran Islam dan tahapan berpikir dalam memahami ajaran Islam. Pemikiran keagamaan HMI merupakan sekumpulan nilai sebagai “*world view*” dalam memahami ajaran agama dan masalah-masalah sosial yang berhubungkait dengan kehidupan di dunia. Oleh itu, dalam naskah Nilai-Nilai Dasar Perjuangan dan sumber-sumber rujukan yang lain tidak ditemukan bahan kajian

yang membahas persoalan-persoalan fiqhiyah (*hukum*), dan tatacara pelaksanaan ritual (ibadah). Selain itu, tidak ditemukan pula bahan kajian yang membahas perbezaan dan perbalahan teologi atau mazhab fiqih dalam Islam. Mengikut Beny Ridawan, bahan kajian tersebut telah dipelajari oleh ahli HMI pada masa mereka menuntut ilmu di peringkat dasar dan lanjutan, bahkan mereka telah memahami dan melaksanakannya dalam aktiviti ibadahnya.¹

Berikut pernyataan salah satu pelapis HMI yang telah mengikuti Latihan Kader

I, Nike Indra Parasetyo:

“Kami pertama kali di HMI diajarkan untuk memahami agama secara rasional (logik), di sini kami belajar dasar-dasar kepercayaan yang membahas kenapa kami harus beriman, dan untuk apa beriman itu. Dalam pembahasan asas-asas kepercayaan, kami juga belajar makna ikhtiar dan takdir, selain itu kami juga belajar makna hari kiamat. Berbeza dengan ilmu agama yang kami terima sebelumnya yang hanya membahas mengenai pengertian iman, ikhtiar dan takdir serta pengertian kiamat.”²

Lebih lanjut ianya mengatakan bahawa apa yang diajarkan di HMI melatih kami untuk memahami ajaran agama secara rasional (*logik*), dan kami diajari memahami nilai-nilai yang terkandung dalam ajaran Islam. Pembelajaran agama yang logik tersebut melatih (saya) kader HMI untuk memahami ajaran Islam secara lebih mendalam, dan saya memahaminya.³ Penekanan aspek nilai dalam pengkaderan secara kognitif tidak menjamin sikap keberagamaan akan tumbuh baik sebagaimana yang disampaikan oleh Azyumardi Azra. Oleh kerana itu, kefahaman terhadap nilai harus ditindaklanjuti dengan pembentukan persekitaran yang mendukung sikap afektif (*penerimaan*). Sesuai dengan pengalaman dan pembelajaran di atas, pernyataan salah satu peserta *intermediate training* yang dilaksanakan oleh HMI Cawangan Bandung sebagai berikut:

“Berbeza dengan bahan kajian yang saya peroleh pada training sebelumnya (basic training), pada intermediate training metode yang digunakan lebih

¹ Temubual dengan Beny Ridwan pada tarikh 17 Ogos 2015.

² Temubual dengan Nike Parasetyo pada tarikh 10 Oktober 2016.

³ Ibid.

banyak diskusi dan perbincangan berbanding ceramah. Dari sisi bahan kajian kami banyak belajar mengenai hakikat ajaran Islam tentang fungsi dan peranan manusia, Islam sebagai ajaran rahmatan lil ‘alamin dan juga membahas keadilan sosial dan keadilan ekonomi dalam Islam”.⁴

Peserta *intermediate training* yang lain mengatakan bahawa pada *training* tahap ini kami diminta lebih banyak untuk mewujudkan nilai-nilai perjuangan organisasi yang telah kami terima di pelbagai kehidupan, khasnya dalam pergerakan mahasiswa.⁵ Dalam hal ini, HMI sebagai organisasi perjuangan dijemput untuk sentiasa berperanan aktif dalam pembangunan bangsa dan pelbagai aktiviti yang lain.

Sehubungan dengan tidak adanya pelapis HMI Cawangan Salatiga yang mengikuti *advance training*, maka penyelidik tidak memperoleh maklumat mengenai kesan dan bagaimana penyelenggaraan *training* tersebut. Merujuk kepada bahan kajian pada *training* (pelatihan) tahap ini, sememangnya wujud perbezaan daripada aspek bahan kajian dan tujuan yang telah ditetapkan. Dari aspek bahan kajian, *advance training* membahas piagam Jakarta, perkembangan pemikiran Islam tentang konsep kenegaraan dan konsep ummah yang banyak dibincangkan orang sehingga ke hari ini. Disamping itu, juga dibahas mengenai perkembangan pemikiran tentang fungsi agama, dan hubungkaitnya agama dengan perubahan sosial.⁶

Berdasarkan pada analisis aspek bahan kajian digunakan dalam pengkaderan di HMI, maka boleh disimpulkan bahawa ciri pemikiran keislaman HMI yang dirumuskan sebagai bahan kajian *training* dan dipindahalihkan kepada pelapis HMI melalui sistem pengkaderan adalah sebagai berikut:

5.2.1 Pemikiran HMI bercirikan substantif

Pemikiran keislaman HMI yang substantif tersebut dapat dilihat dari bahan kajian pada setiap peringkat pengkaderan. Dari aspek ini (bahan kajian), tampak secara jelas dalam pembahasannya yang sentiasa menjelaskan aspek epistemologi. Selain itu,

⁴ Temubual dengan Doddy Usman Tomagola, pada tarikh 09 Oktober 2015.

⁵ Temubual dengan Sinta Dewi Permatasari pada tarikh 15 Oktober 2015.

⁶ PB HMI (2013), *Hasil-hasil Kongres HMI ke XXVIII; HMI untuk Indonesia Satu Tak Terbahagi*, Jakarta: PB HMI, h. 386-397.

HMI juga membahas secara mendalam hal-hal yang berhubungkait dengan *iman*, *fitrah*, dan *hanif* sebagai sebuah satu kesatuan yang bermula daripada kebaikan dan akan berakhir kepada kebaikan pula. Hal ini diasaskan pada kalimat yang berbunyi “*inna lillahi wa inna ilaihi ar-raji ’un*”.

Nilai-nilai dasar perjuangan membahas secara mendalam alasan kenapa seseorang cenderung menyakini kewujudan Tuhan, dan kenapa manusia memerlukan wahyu. Selain itu, dibahas juga bahawa setiap manusia mewarisi *dhamir*, *fitrah* dan *hanif*. Inilah alasan kenapa manusia disebut sebagai makhluk yang memiliki kecenderungan untuk beragama dan berbuat baik.⁷

Fitrah adalah kecenderungan manusia untuk melakukan kebaikan dan mengarah kepada Kebenaran Yang Mutlak, iaitu Allah SWT., dan kerana sifat asasnya ini (*fitrah*) yang menyebabkan manusia berbeza dengan makhluk-makhluk yang lain. Sedangkan *dhamir* adalah suara batin manusia yang selalu mengatakan kebenaran atau pencerahan bagi keinginan manusia untuk melakukan kebenaran.

Sementara bahan kajian yang lain, dikaji juga hubungan antara kemerdekaan dan keikhlasan. Ikhlas adalah dorongan batin untuk melakukan sesuatu tanpa ada paksaan daripada pihak luaran, akan tetapi ia murni datang dari dalam jiwa seorang pelaku. Apabila ia melakukan sesuatu oleh kerana ada paksaan daripada luar kekuatan dirinya, bererti ia dianggap tidak merdeka. Lebih lanjut dijelaskan bahawa seseorang yang hadir di dunia ini secara individu, kemudian hidup di tengah-tengah masyarakat, dan akhirnya ia kembali menjadi makhluk yang perseorangan lagi. Sebagai makhluk individual dalam kehidupan selepas kematian di mana ia harus mempertanggungjawabkan segala amal perbuatannya secara perseorangan pula.

Islam menurut pandangan HMI, juga boleh dilihat melalui penjelasannya mengenai makna kalimat syahadat “*Tidak ada tuhan selain Allah*” yang meliputi dua makna utama: *Pertama*, “*la ilaha*” mengandungi kata penafian atau *nafyu* yang

⁷ *Ibid.*

membantah semua kepercayaan yang salah atau palsu, sedangkan kalimat “*illa allah*” atau “melainkan Allah” merupakan kalimat *ithbat* iaitu pengecualiaan yang dapat dipercaya. Dengan demikian, kalimat *syahadat* mengandungi pengertian, bahawa orang yang mengucapkan kalimat syahadat bererti dia membantah semua kepercayaan palsu, dengan sendirinya ia membebaskan dirinya daripada ikatan tradisi yang mengekang, selanjutnya ia hanya mempercayai dan menyerahkan dirinya kepada Kebenaran Mutlak iaitu Allah SWT. Dalam konteks ini, manusia muslim adalah mereka yang merdeka, tidak terikat oleh pandangan dan tradisi-tradisi (*adat resam*) yang membelenggu dirinya, kerana ia hanya tunduk dan patuh sehingga hanya berserah diri (*ber-islam*) kepada Kebenaran Mutlak, yakni kepada Allah SWT.

Melalui penyelidikan terhadap bahan kajian keagamaan, pengkaji tidak mendapati bahan kajian yang bersifat *fihiyyah* dan juga pemikiran teologi sepertimana yang telah dibincangkan oleh kalangan ahli kalam klasik. Ini kerana buku yang menjadi bahan kajian HMI tidak membahas sama sekali.⁸ Sementara daripada aspek pendekatan yang digunakan dalam membahas faham keagamaan tersebut, telah menggunakan logika yang lebih terlihat daripada makna teks yang tersurat. Dari pendekatan inilah yang kemudian melahirkan pemikiran keislaman yang *substantif* (mementingkan kepada isi).

Dengan demikian, ciri *substantif* pemikiran keislaman HMI adalah meletakkan aspek nilai sebagai keutamaan. Secara praktikalnya, hal ini dijalankan dengan cara internalisasi nilai-nilai keagamaan -seperti kebenaran, kemanusiaan, kemajemukan- yang mendorong setiap manusia untuk berkarya nyata dalam membangun tamadun yang manusiawi dan berketuhanan.

⁸ *Ibid.*

5.2.2 Moden

Tipe pemikiran moden pada dasarnya lebih mengambil berat aspek pemikiran logik yang menjadi asas bagi kehidupan manusia untuk menerima atau menolak sesuatu pada masa moden.⁹ Penggunaan logika yang dibangun berasaskan pada akal inilah kemudian peradaban manusia mencapai puncak kejayaan, khususnya di bidang ilmu pengetahuan dan teknologi.

Seterusnya, cara pandang ini masuk kedalam wilayah kajian agama, dan dijadikan sebagai asas untuk memahami agama. Sejarah kecemarlangan Islam adalah dalil sejarah yang mana pada masa itu pemikiran rasional mendapatkan tempat dan dijadikan sebagai asas pembangunan tamadun Islam. Dengan cara berpikir logik (rasional), maka umat Islam mampu membezakan antara faham keagamaan hasil pemikiran manusia dan faham keagamaan yang bersumber langsung daripada Islam. Hal ini sesuai dengan pendapat Fazlurrahman yang membahagi Islam normatif dan Islam historik.¹⁰

Berkenaan dengan itu, lahirlah para tokoh pembaharu Islam Indonesia yang menyampaikan gagasannya tentang “rasionalisasi Islam” oleh Harun Nasution, “Membumikan Islam” oleh Syafii Maarif, “Islam berkemajuan dan berperadaban” oleh Muhammadiyah, dan “Islam Nusantara” oleh NU. Kesemua gagasan tersebut bermula daripada pentingnya penggunaan akal dalam memahami Islam sehingga ianya selari dengan zaman kemodenan.

Dalam konteks ini, pemikiran keislaman HMI yang bercirikan moden wujud pada aspek penggunaan akal dalam memahami ajaran Islam. Bagi HMI, kemajuan tamadun hanya akan dicapai bila umat Islam mahu menggunakan akal secara maksimum untuk mempelajari sunnatullah. Jadi, penguasaan ilmu pengetahuan menjadi syarat mutlak bagi manusia yang menyandang *khalifah fil ardh*. Ciri moden

⁹ Zuly Qodir (2006), *Pembaharuan Pemikiran Islam: Wacana dan Aksi Islam Indonesia*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 140.

¹⁰ Fazlur Rahman (2000), *Islam dan Modernitas: Tentang Transformasi Intelektual*, Bandung: Pustaka, h. 168.

pemikiran HMI juga dapat dilihat dari metode yang digunakan dalam membahas sistem kepercayaan dalam Islam.

Sehubungan dengan itu, HMI yang perihatin dan mengambil peduli pada gerakan yang berasaskan pada pembangunan tamadun manusia yang moden dengan cara kembali kepada sumber ajaran Islam dengan menggali nilai-nilai ajaran dengan merujuk langsung kepada sumbernya agar dapat dijadikan pijakan (*world view*) kehidupan umat manusia. Namun demikian, pemikiran tradisional HMI berbeza dengan pemikiran kelompok tradisional yang berusaha menghidupkan pola kefahaman dan kehidupan yang oleh sebahagian orang dinamai tradisional konservatif.

Mengikut HMI, sesuatu belum dikatakan nyata sebelum ia dilaksanakan secara nyata dengan pasti dalam bentuk amal soleh, dan nilai suatu pekerjaan dapat dilihat seberapa besar iainya membawa kebaikan bagi orang lain. Dalam konteks inilah, HMI mengambil berat pentingnya aspek karya nyata yang berdampak luas dan positif bagi kehidupan manusia, dan hal yang demikian atau karya nyata memerlukan penguasaan ilmu pengetahuan.

5.2.3 Transformatif

Islam diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia melalui Rasul-Nya dengan membawa misi (*wawasan masa depan*) pembebasan. Dalam konteks ini, kalimat yang termaktub dalam syahadat yang ertinya “aku bersaksi bahawasanya tidak wujud Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasul Allah” mengandungi makna pembebasan. Iaitu, membebaskan umat muslim daripada ketundukan dan penghambaan selain kepada Allah SWT. Dalam hal ini, Islam menekankan pada perubahan cara pandang yang asas dalam melihat kehidupan dan alam. Inilah salah satu aspek penting daripada transformasi (perubahan) atau fahaman Islam transformatif.

Dalam Nilai-nilai Dasar Perjuangan (NDP) dijelaskan bahawa sistem kepercayaan yang benar adalah yang berasal daripada sumber kebenaran (Allah SWT). Manusia untuk mencapai kepada sistem kepercayaan tersebut harus berpikir kritikal sehingga boleh mengetahui sistem kepercayaan yang benar, iaitu yang membebaskan manusia daripada sistem-sistem kepercayaan yang palsu.¹¹ Seterusnya, setelah manusia hanya mempercayai kepada sistem kepercayaan yang benar, maka amal manusia sentiasa ditunjangi oleh nilai-nilai ketuhanan dan kemanusiaan. Namun demikian, amal solih yang ditunjangi oleh kedua-dua nilai tersebut juga harus dikembangkan dengan ilmu pengetahuan sehingga dapat melahirkan kemajuan dan tamadun Islam.¹²

Untuk itu pemikiran HMI menghalu kepada ikhtiar mengembalikan kejayaan Islam dengan cara membebaskan umat Islam daripada tradisi-tradisi konservatif yang telah melembaga dan menghambat kemajuan dan tamadunnya. Tamadun moden adalah hak setiap bangsa dan umat, dan ajaran Islam mendorong setiap pemeluknya untuk memakmurkan dunia yang mengambil keutamaan nilai-nilai ketuhanan dan kemanusiaan sehingga wujud sebuah tatanan hidup yang *baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur*.

Dalam konteks ini, pembaharuan Islam tidak hanya pada wilayah teologi, akan tetapi diperlukan rumusan yang mengutamakan juga aspek kemanusiaan. Masalah sosial, hampir di kebanyakan negara terjadi dalam masyarakat menengah ke bawah, dengan demikian Islam perlu memberi perhatian kepada transformasi masyarakat bawahannya, bukannya atas, dengan cara menggali nilai-nilai ajaran agama sebagai perbaikan dan peningkatan martabat manusia. Dalam hal ini, pemikiran HMI tentang kemanusiaan, keadilan sosial dan keadilan ekonomi memiliki kesesuaian

¹¹ Pengurus Besar HMI (2013), *ibid.*, h.354

¹² *Ibid.*

dengan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat Indonesia pada ketika ini.

Berikut ini pemikiran HMI, mengenai perlunya transformasi sosial dilaksanakan.

“.....Nabi Muhammad telah memperkenalkan Islam sebagai ideologi perjuangan, dan mengubahnya menjadi keyakinan yang tinggi, serta memimpin rakyat melawan kaum penindas. Nabi Muhammad lahir dan muncul dari kebanyakan yang oleh al-Qur’an dijuluki sebagai “ummi” ...yang menurut Ali Syariati, beliau berasal daripada kelas bawah (mustad’afin) yang menderita, bukan berasal daripada kalangan borjuis dan elit penguasa. Dari kalangan inilah Muhammad memulai dakwahnya untuk mewujudkan cita-cita Islam.”¹³

Islam transformatif menghendaki berlakunya perubahan sosial umat Islam dari peringkat bawah, dan juga menghendaki perubahan secara struktural dan kultural masyarakat Islam secara amnya. Dalam konteks ini, fahaman keagamaan yang digagas oleh HMI boleh dijadikan sebagai pendorong orang yang menganut Islam untuk melakukan perubahan. Hal ini juga selaras dengan pandangan Dawam Rahardjo sebagai seorang tokoh pembaharu Islam transformatif yang berpendapat bahawa sempena memajukan umat Islam diperlukan adanya transformasi teologi.¹⁴

5.3 Peranan HMI Cawangan Salatiga dalam Pembaharuan Islam

Berikut perbincangan bahagian ini akan diuraikan mengenai peranan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam. Pembaharuan dalam Islam sebagaimana yang telah dijelaskan sebagai usaha untuk memperbaiki fahaman keagamaan yang tidak sesuai lagi dengan fahaman yang berkembang sekarang oleh kerana berkembangnya fahaman baharu. Fahaman keagamaan moden yang dialihkan kepada kader HMI seterusnya akan melahirkan generasi yang berilmu, profesional dan berkhidmat kepada umat dan negara. Namun demikian, fahaman keagamaan moden yang dimaksud tidak boleh bertentangan dengan ajaran Islam.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Zuly Qodir (2006), *Op.Cit.*, h. 128.

5.3.1 Aspek pendidikan

Sehingga saat ini HMI Cawangan Salatiga telah berusia 32 tahun sejak penubuhannya pada tahun 1984. Maka, tidak mengherankan apabila HMI telah mengambil banyak peranan dalam membina modal insan dalam kurun waktu itu, selain ianya juga telahpun ramai kalangan pelajar dan mahasiswa yang menerima pendidikan, pelatihan dan pengembangan melalui organisasi ini.

Peranan HMI Cawangan Salatiga tersebut dapat diperhatikan secara dalaman melalui aktiviti-aktiviti yang berhubungkait dengan antaranya: 1) Kajian keagamaan (*tafaqquh fi al-din*); 2) Kajian yang berhubungkait dengan isu-isu keumatan dan kebangsaan; 3) Latihan pengkaderan yang membina dan mengeluarkan hasil kader-kader yang memiliki dedikasi yang baik sebagai penggerak organisasi. Daripada ketiga-tiga peranan tersebut secara berurutan HMI telahpun menyokong peranan pesantren dalam mengajarkan ilmu agama, peranan universiti dalam melakukan kajian dan peningkatan kualiti mahasiswa, peranan lembaga pelatihan dalam membina kader yang berprofesi sebagai trainer.

Memperhatikan bahan kajian yang disampaikan pada setiap peringkat pengkaderan yang bercirikan substantif, transformatif dan moden, maka HMI boleh dimasukkan dalam kelompok gerakan pembaharuan. Selain itu, pemikiran pembaharuan HMI boleh juga merujuk kepada tujuan penubuhannya dan pemikiran Lafran pane sebagai pengasas organisasi HMI.

5.3.2 Kajian Keagamaan

Sebagai tanggapan terhadap persoalan umat Islam, HMI telah mengambil langkah-langkah nyata dalam membebaskan umat Islam pada amnya dan khasnya para ahli HMI dari kefahaman keagamaan yang yang dipengaruhi oleh sosio budaya setempat. Pada aspek teologi pula, terdapat dua hal yang menjadi cabaran umat Islam

Indonesia, iaitu: *Pertama* kefahaman *tradisional-konservatif* yang menghalang adanya kemajuan, dan *Kedua*, berhadapan dengan realiti bangsa Indonesia yang majmuk sehingga memunculkan iktikad dan tuntutan kebenaran (*truth claim*) antara masing-masing penganut ajaran. Dalam hal ini, ada beberapa hal yang dilakukan oleh HMI yang menggambarkan peranannya dalam pembaharuan Islam di Indonesia.

Gerakan pembaharuan di HMI dijalankan melalui strategi pengkaderan, iaitu dengan menyampaikan fahaman keagamaan, menggalakkan pelbagai kajian keagamaan sama ada ia berupa program rasmi mahupun bukan rasmi, banyak diikuti oleh para kader mahupun sebahagian kecilnya, atau dengan tema-tema aktual (*semasa*) mahupun tema-tema klasik. Di antara bahan kajian yang paling sering dikaji adalah nilai-nilai dasar perjuangan, hal ini ditunjukkan dengan adanya kumpulan kecil (*limited group*) yang melakukan kajian setiap bulan secara rutin.¹⁵

Melalui pelbagai aktiviti tersebut gerakan pembaharuan Islam di HMI berlangsung, sama ada sebagai usaha untuk memperbaharui fahaman keagamaan secara langsung terhadap para ahli HMI mahupun sebagai penyambung daripada pemikiran moden sebelumnya untuk disampaikan kepada generasi selanjutnya. Proses ini memperlihatkan peranan HMI sebagai “penyambung” pemikiran pembaharuan dalam Islam yang telah dimulai sejak tahun 1970 sehingga sekarang.

Menurut ketua BPL, Anita Permata Sari, kami di HMI selalu mengadakan kegiatan perbincangan berkala dua kali dalam sebulan, adapun tema yang kami bincangkan antara lain misi HMI, krisis kemanusiaan, sistem pemerintahan dalam Islam, persolaan sosial dan budaya, serta Nilai-nilai Dasar Perjuangan. Selain itu, kami juga sentiasa membahas perkembangan pemikiran di Indonesia seperti Islam berkemajuan dan bertamadun, Islam Nusantara, Islam transformatif dan lain sebagainya.¹⁶ Kajian yang sedemikian ini merupakan bahagian dari proses memberi

¹⁵ Temubual dengan Muhammad Kholil Ridwan pada tarikh 15 September 2015.

¹⁶ Temubual dengan Anita Permata Sari pada tarikh 15 Disember 2015.

kefahaman keagamaan yang moden sehingga ianya boleh keluar dari pemikiran Islam yang mengekang dan jumud yang bercirikan fahaman tradisonal.

Pemahaman keagamaan HMI juga bercirikan transformatif mengandungi nilai-nilai yang boleh menggerakkan jiwa untuk melakukan kebaikan. Oleh sebab itu, para ahli HMI tidak lagi bersikap pasif atau pasrah terhadap situasi dan kondisi yang ada, melainkan ia sentiasa berusaha membebaskan dirinya daripada tradisi-tradisi yang mengekang pemikirannya, selain mereka selalu bersikap akomodatif-selektif terhadap kemodenan dan akibat pengaruh sampingannya.

Proses pengkaderan dan aktiviti-aktiviti yang lainnya, khasnya di bidang kjian keagamaan, memperlihatkan HMI mengambil peranan sebagai “pesantren” tempat di mana mahasiswa memahami dan mendalami ajaran Islam. Selain itu, wujud pula mahasiswa yang pertama kali belajar agama (seperti membaca al-Quran, dan tatacara beribadah) di HMI. Mereka itu adalah kader HMI yang meuntut ilmu di UKSW, dan sebelumnya mereka tidak belajar agama. Mengikut Ketua Am HMI Cawangan Salatiga, sekitar 80 % daripada kader HMI Cawangan Salatiga punya latar belakang pendidikan bukan daripada aliran agama, khasnya mahasiswa UKSW yang aktif sebagai kader HMI.¹⁷

Bangsa Indonesia adalah bangsa yang majemuk daripada aspek etnik dengan banyak sub-etniknya melalui keberagaman bahasa, agama dengan kepelbagaian golongannya dan sebagainya. Terlebih lagi, bilangan penduduk bangsa Indonesia yang tersebar luas ini merentasi lebih daripada seratus pulau di Indonesia. Dalam konteks kehidupan berbangsa dan bernegara, dengan sendirinya Islam dihadapkan dengan hakikat keragaman tersebut. Sementara itu, muncul *truth claim* dari setiap kalangan pemeluknya yang kadang melahirkan ketegangan yang menjurus kepada persengketaan sosial.

¹⁷Temubual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 12 Ogos 2015.

Menghadapi *truth claim* dalam kehidupan masyarakat yang majemuk ini, maka pemikiran keislaman HMI yang mengatakan bahawa kebenaran mutlak hanyalah milik Allah SWT, dan manusia tidak akan pernah sampai kepadanya adalah tepat untuk dijadikan sebagai penapis (*filter*), dan *claim* tersebut bersifat individual yang memang harus diyakini sepenuhnya oleh setiap pemeluk agama tertentu. Dari sinilah muncul sikap toleransi (*bertolak ansur*) yang disadari dengan sepenuhnya oleh kader HMI.

Atas dasar pemikiran dan sikap yang toleran tersebut, maka tindakan-tindakan HMI tidak melihat perbezaan keyakinan dan suku bangsa sebagai penghalang untuk hidup secara harmoni di negara yang majemuk ini. Sebaliknya, HMI sentiasa menjaga persatuan dan kesatuan dalam pelbagai aspek kehidupan. Demonstrasi bertajuk “*Harmony in Diversity*” adalah wujud daripada pemikiran dan sikap toleran yang dibina di HMI.

Gambar 5.1.

Demonstrasi bertajuk “Harmony in Diversity”



Demonstrasi bertajuk “Harmony in Diversity” diikuti oleh PMII, IMM, KAMMI, GMKI, Perkumpulan Etnik di Salatiga bagi merespon konflik di Tolikara. Terlibat dalam kegiatan ini unsur pemerintahan Salatiga, kepolisian Salatiga, FKUB, dan FPBI (Forum Persaudaraan Bangsa Indonesia)

Sementara dalam konteks pembaharuan Islam, peranan HMI sebagai penyambung pemikiran pembaharuan berkewajipan juga untuk menyampaikan pemikiran moden kepada generasi selepasnya. Dalam hal ini, setiap kader HMI adalah

“pewaris” pemikiran Islam moden, dan mereka berkewajipan untuk menyampaikan kepada generasi selepasnya. Hal ini selaras dengan pernyataannya sebagaimana yang dikutip oleh Agussalim Sitompul, bahawa:

“HMI secara langsung telah berfungsi sebagai wadah yang mencetak/menghasilkan generasi-generasi terpelajar baharu yang berlangsung secara berkesinambungan di tengah-tengah masyarakat Indonesia, sama ada dalam konteks sosial budaya, mahupun sosial ekonomi dan politik”.¹⁸

Beberapa alumni HMI Cawangan Salatiga yang telah berjaya antara lain Wihadji, Tri Mulyanto, Rahmat Hariyadi dan sebagainya. Wihadji adalah koordinator tim kemenangan pemilihan raya untuk kemenangan Parti Golkar peringkat Nasional, dan Kepala Daerah Bandar Batang Jawa-Tengah. Mengikutnya, kecemerlangan yang telah diraihinya di dunia politik merupakan hasil daripada proses pengkaderan semasa ia aktif di HMI Cawangan Salatiga. Lebih lanjut, ia mengatakan bahawa pemikiran yang dikembangkan HMI dengan ciri *inklusif* telah membuka ruang yang sangat luas seperti para ahli HMI lainnya demi untuk berkhidmat dengan tidak terhad kepada golongannya.¹⁹

Sementara itu, Tri Mulyanto adalah juga alumni HMI Cawangan Salatiga yang belajar di Universiti Kristian Satya Wacana (UKSW). Beliau merupakan seorang pengusaha seramik dan dewan legislatif dari Parti Keadilan Sejahtera (PKS). Dalam pandangan Tri Mulyanto, para alumni HMI yang berkhidmat di pelbagai parti telah memperlihatkan cara pandang HMI yang moden, dan jejaringnya yang sangat luas.²⁰ Hal ini tidak dimiliki oleh organisasi luaran universiti yang lainnya, seperti PMII, IMM dan KAMMI oleh kerana ketiga organisasi tersebut merupakan binaan dan pertubuhan dari parti tertentu.²¹

¹⁸ Agussalim Sitompul (2005), *44 Indikator Kemunduran HMI: Suatu Kritik dan Koreksi untuk Kebangkitan Kembali HMI*, Jakarta: Milasa Galiza, h. 59.

¹⁹ Temubual dengan Wihadji pada tarikh 27 Ogos 2016.

²⁰ Temubual dengan Tri Mulyanto pada tarikh 15 Ogos 2016.

²¹ PMII adalah organisasi luaran universiti dibawah binaan NU dan Parti Kebangkitan Bangsa dan Persatuan Persatuan Pembangunan; IMM adalah organisasi luaran univesiti dibawah binaan Muhammadiyah dan Parti Amanat Nasional, sedangkan KAMMI pula adalah organisasi luaran universiti yang membesarkan Parti Keadilan Sejahtera (PKS).

Diantara alumni HMI yang juga berjaya iaitu: Rahmat Hariyadi, beliau seorang pengamat pendidikan di Indonesia dan pensyarah di sejumlah universiti, dan sekarang menjawat jawatan Rektor Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Salatiga, Jawa-Tengah. Menurutnya, pengkaderan di HMI telah banyak mencetak insan-insan yang berjaya di bidangnya masing-masing. Di antara faktor penting yang berpengaruh terhadap kecemerlangan HMI adalah pengembangan wawasan pengetahuan melalui pelbagai kajian, sejumlah aktiviti yang membina para ahli HMI juga memiliki kepedulian sosial, serta sikap independensi juga menjadi ciri tersendiri yang dimiliki oleh para ahli HMI.²²

Kejayaan para alumni HMI Cawangan Salatiga tersebut di atas telah menjawab cabaran yang dihadapi oleh HMI berupa masalah teologi, kultural dan struktural. Aspek fahaman teologi yang inklusif diperlihatkan oleh Wihadji yang aktif di Parti Golkar yang berasaskan kebangsaan, dan Tri Mulyanto yang aktif di Parti Keadilan Sejahtera (PKS) yang berasaskan dan berideologi Islam. Maka tidak mustahil, cabaran kultural dan struktural dapat diselesaikannya, bimana HMI dapat menggerakkan kekuatan sumber daya manusia yang ada, dengan sebuah perancangan (*planning*) dan strategi aksi (*unjuk rasa*) yang sesuai sarannya. Pendapat ini berdasarkan kepada hal-hal seperti berikut: 1) Bangunan pemikiran HMI yang substantif, moden, dan transformatif masih sesuai dan relevan untuk dijadikan sebagai “*diagnosa*” bagi ketiga-tiga masalah di atas; 2) Bilangan kader dan alumni HMI yang tersebar di seluruh penjuru nusantara dengan kepelbagaian profesinya merupakan modal sosial bagi transformasi budaya dan struktural secara menyeluruh; dan 3) Kewujudan HMI dengan sistem pengkaderan yang wujud boleh dikekalkan dan hanya memerlukan perbaikan daripada aspek tertentu sehingga diminati oleh kebanyakan mahasiswa.

²² Temubual dengan Rahmat Hariyadi pada tarikh 7 Januari 2016.

5.3.3 Kajian Mengenai Isu Semasa

Mahasiswa adalah kelompok terpelajar yang dianggap oleh masyarakat awam mengetahui banyak hal. Citra ini mengharuskan dan mendorong mahasiswa untuk mempelajari pelbagai persoalan-persoalan sosial yang menjadi isu semasa dan ramai dibincangkan oleh masyarakat. Sepertinya telah menjadi tradisi (*budaya*) di HMI membincangkan tema-tema politik, ekonomi dan hukum dalam forum seminar atau diskusi yang hanya diikuti oleh sebahagian kecil mahasiswa.²³ Agaknya tidak berlebihan jika HMI bertukar peranan sebagai “*second campus*” bagi kader-kader HMI. Bahkan sebahagian dari kader HMI ada yang menggunakan sebahagian besar waktunya untuk kepentingan persatuannya, dan bahkan ada di antara mereka yang merasa selesa dan sangat menikmati sebagai kader HMI.²⁴

Pelbagai kegiatan organisasi dalam pengertian yang luas telah mendidik seseorang mengenai bagaimana menjalankan organisasi, berkomunikasi, dan belajar menjadi pengetua serta pelbagai kegiatan keorganisasian lainnya. Organisasi ibarat “laboratorium atau makmal” tempat di mana seseorang mempraktikkan teori-teori yang diperolehi sama ada daripada universiti mahupun di HMI.

Dalam konteks pembaharuan Islam, HMI telah membina para ahlinya bagi mempersiapkan generasi yang memiliki pengetahuan luas, tidak hanya di bidang agama melainkan juga pengetahuan am. Aksi sosial yang dijalankan oleh HMI mengandungi makna berlangsungnya pembinaan nilai-nilai kepada para ahlinya, sehingga mereka menjadi generasi yang tidak hanya sekedar mengetahui, tetapi ia juga terdorong untuk melakukan tindakan oleh kerana nilai-nilai yang difahaminya.

5.3.4 Latihan Pengkaderan

Gerakan pembaharuan Islam di HMI Cawangan Salatiga berlangsung melalui proses pengkaderan dengan meliputi latihan formal dan tidak formal. Pada hakikatnya,

²³ Temubual dengan Muhammad Kholil Ridwan pada tarikh 15 September 2015.

²⁴ Hasil pengamatan pengkaji yang dijalankan antara bulan Nopember s.d Disember mereka yang banyak aktif di HMI adalah Ahmad Sahal, Muhammad Kholil Ridwan dan Usna Unisa.

keseluruhan aktiviti di HMI menghala kepada pembentukan keperibadian kader yang mencerminkan kualiti insan cita. Oleh yang demikian, maka HMI secara langsung atau pun tidak langsung memiliki peranan dalam pembangunan modal insan bangsa Indonesia. Peranan HMI dapat diketahui melalui pelbagai aktiviti sama ada secara dalaman organisai mahupun luaran sejak penubuhannya sehingga saat ini.

Alasan yang memperkuat peranan HMI tersebut dapat dilihat dari fungsi HMI sebagai organisasi yang bertugas untuk membina kader sehingga memiliki kemampuan akademik, dan senantiasa berfikir serta bertindak kreatif bagi kemakmuran bangsa. Selain sebagai organisasi kader, HMI juga menyatakan dirinya sebagai organisasi perjuangan yang sentiasa berjuang untuk menambahbaik dalam pelbagai aspek kehidupan. Selain itu, pelbagai aktiviti HMI sepertimana tergambar dari keseluruhan proses pengkaderan menampakkan peranannya nyata kepada masyarakat awam.

Jadual 5.2.
Kegiatan keorganisasian HMI Cawangan Salatiga

No	Jenis Aktiviti	Bentuk Aktiviti	Volume	Keterangan
1.	Formal	Training & Pelatihan		
		1. <i>Basic training</i>	8	Dilaksanakan oleh masing-masing HMI ranting
		2. <i>Intermediate training</i>	7	Mengirim peserta ke HMI Cawangan Surabaya, Jakarta, Purwokerto, Bandung, Ciamis, Banten dan Pekalongan.
		3. <i>Advance training</i>	0	
		4. <i>Senior Course</i>	2	Mengirim peserta ke HMI Cawangan Bandung dan Ciputat.
		5. LKK	3	Mengirim peserta ke HMI Cawangan Pekalongan, Purwokerto dan Ciputat.
2.	Penyokong aktiviti organisasi	1. <i>Up grading</i>	3	HMI Cawangan dan Ranting Walisongo, Ganessa, dan Karnoto Zarkasyi.
		2. Follow-up basic training	3	Setiap HMI Ranting
		3. Mesyuarat		
		a. Mesyuarat pengurus	3	Dilaksanakan 3 kali dalam sebulan.
		b. Mesyuarat harian	1	Dilaksanakan sebulan sekali.

		c. Mesyuarat yang dihadiri oleh semua pengurus	3	Dilaksanakan 4 bulan sekali sebagai wujud evaluasi atas perjalanan kepengurusan selama 4 bulan (semester).
		d. Konferensi: Rapat umum untuk menyampaikan laporan pertanggungjawaban dan pemilihan pengurus baharu	1	Merupakan forum pengambilan keputusan tertinggi pada HMI Cawangan dan sekali gus sebagai media pertanggungjawaban atas pelaksanaan amanat organisasi selama satu periode (Setahun kepengurusan).
3.	Seminar/diskusi /perbincangan	1. Diskusi		Dilaksanakan secara berterusan, bahan kajian yang dibincangkan merupakan bahan kajian keislaman, keindonesiaan serta wacana-wacana ilmiah lainnya dan juga diskusi dalam menyoal kondisi isu semasa yang terjadi dalam masyarakat.
		2. Seminar/persidangan		1. Aktif dan ikut serta dalam acara seminar nasional: Prof. Drs. H. Lafran Pane dalam Pusaran Sejarah Perjuangan Bangsa di Universiti Negeri Yogyakarta. 2. Mengadakan Seminar Nasional.
		3. <i>Focus Group Discussion</i> (FGD).		3. Perbincangan dan pemutaran film oleh HMI Ranting Walisongo sempena memperluas wawasan kebangsaan.

Sungguhpun HMI masih istiqamah dengan sistem pengkaderan yang ada sebagai model pengkaderan yang wujud, tanpa mengambil tahu akan bertahan sampai bila-bila masa perkhidmatannya, tetapi kehadiran organisasi luaran universiti lainnya yang mampu merebut mahasiswa untuk bersatu di dalam organisasinya juga merupakan cabaran tersendiri bagi HMI. Hal ini membawa konsekuensi logik, bahawa HMI bukan satu-satunya organisasi yang mampu menghasilkan keluaran calon pemimpin di masa mendatang. Rendahnya bilangan mahasiswa yang tertarik untuk bergabung di HMI dinilai oleh Azyumardi Azra kerana pengembangan pemikiran dan keberagaman HMI lebih cenderung mengambil berat aspek *kognitif* berbanding aspek *afektif* (*sikap penerimaan qalb*), sehingga HMI tidak dapat menarik simpatik

para mahasiswa.²⁵ Persoalan yang demikian juga terjadi di HMI Cawangan Salatiga, terutamanya di kampus IAIN Salatiga, dimana setiap tahunnya mahasiswa yang bergabung di wadah organisasi ini hanya sekitar 100-an orang pada tahun 2015.²⁶

Untuk lebih mengetahui corak pemikiran keislaman dan keindonesiaan HMI dan pengaruhnya kepada pembaharuan Islam di Indonesia, perlu kiranya dikaji mengenai arah pengkaderan di HMI. Keseluruhan pengkaderan HMI menghalu kepada terbentuknya kader yang memiliki tiga ciri, iaitu: akademik, pencipta dan pengabdian. Jadi, pengkaderan di HMI bertujuan untuk membina kader yang memiliki wawasan yang luas, bersikap tanggap dan kreatif dalam menanggapi isu-isu semasa, serta memiliki dedikasi dan kesungguhan serta tanggungjawab terhadap kejayaan organisasi mahupun kemajuan umat dan bangsa.

Pemikiran pembaharuan dalam Islam sepertimana termaktub dalam Nilai-nilai Dasar Perjuangan HMI adalah rumusan fahaman keagamaan yang dinilai mampu menjadi landasan berfikir dan berbuat bagi kemajuan umat. Berasaskan pada pemikiran ini, maka transformasi sosial yang menjadi cita-cita HMI dilaksanakan secara bertahap dengan memasukkan fahaman keagamaan kepada para ahli HMI. Pengkaderan adalah salah satu cara yang dijalankan untuk mentransfer pemikiran tersebut. Dengan demikian, para ahli HMI adalah sekelompok masyarakat yang terdidik dan disiapkan untuk menjadi pelaku (*actor*) perubahan yang dijiwai oleh ajaran Islam. Dalam hal ini, Fazlur Rahman mengatakan:

“Ajaran Nabi dan al-Qur’an tidak diragukan lagi adalah untuk diamalkan di dunia ini, kerana ajaran tersebut memberikan bimbingan bagi manusia dalam perilaku sosialnya di dunia. Tuhan ada dalam fikiran orang yang beriman untuk mengatur perilakunya apabila ia berpengalaman secara religio-moral, akan tetapi apa yang harus diatur adalah esensi daripada masalahnya”.²⁷

²⁵Azzumardi Azra (1999), *Menuju Masyarakat Madani, Gagasan, Fakta dan Tantangan*, Bandung: Remaja Rosdakarya, h. 77

²⁶ Temubual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 20 Disember 2015.

²⁷ Fazlur Rahman (2000), *Op.Cit.*, h., 15.

Sebagaimana lazimnya bahawa proses perubahan pemikiran berhubungkait dengan 3 (tiga) hal, iaitu: 1) Input, iaitu faham keagamaan yang memberi berat sebelah pada aspek makna spirit dibanding aspek makna zahir; 2) Proses, iaitu transfer fahaman keagamaan yang dijalankan antara lain melalui proses pengkaderan; 3) Output, iaitu natijah daripada sebuah proses transfer faham keagamaan sehingga para ahli HMI mampu menjadi pelaku perubahan.

Mengambil kekuatan daripada pemikiran tersebut, pengkaji melakukan analisis kualitatif hubungan antara pemikiran keislaman dengan aktiviti di HMI bagi mengetahui peranan dan sumbangan HMI dalam pembaharuan Islam sebagai natijah akhir daripada penyelidikan ini.

5.3.5 Aspek Sosial

Bangsa Indonesia hari ini sedang menghadapi masalah ekonomi yang merupakan bahagian daripada masalah sosial. Faktor kemiskinan dan rendahnya kualiti sumber daya manusia sentiasa menjadi faktor penyebab bangsa ini tidak mampu bersaing dengan bangsa lain di dunia. Sebagai bangsa yang penduduknya mayoriti beragama Islam, maka sebahagian pembaharu Islam mencuba menyampaikan pemikirannya di bidang agama, mereka itu antara lain: Nurcholis Madjid, Harun Nasution, Dawam Rahardjo, Adi Sasono dan Kuntowijoyo.

Masalah sosial yang antara lain nampak daripada struktur ekonomi dan sosial yang sangat tidak seimbang, dan terjadinya kesenjangan ekonomi dalam kehidupan masyarakat memerlukan usaha yang serius untuk diselesaikan dari pelbagai aspek. Dalam pemikiran Islam, selain transformasi bidang teologi, juga perlu adanya transformasi sosial yang melibatkan masyarakat sehingga mereka sedar untuk berubah menuju masyarakat yang bertamadun.

Pemikiran yang dibina antaranya faham keagamaan yang mengutamakan;²⁸ 1) Persaudaraan universal (*sejagat*) dan kesetaraan (*equality*); 2) Keadilan di semua aspek kehidupan, dan keadilan tersebut tidak akan tercipta tanpa membebaskan masyarakat lemah daripada penderitaan; 3) Keadilan ekonomi dan sebaliknya menentang monopoli dan penimbunan harta kekayaan. Persaudaraan yang tidak terhad oleh agama diperlihatkan oleh HMI dalam menolak diskriminasi agama.

Sehubungan dengan itu, HMI mengambil berat aspek kemanusiaan di mana seseorang hanya ditentukan oleh rasa kemanusiaan sebagai sinaran akan kecintaan yang tak terbatas kepada Tuhan. Dan di antara mereka ada yang memiliki kecekapan yang layak untuk dipilih sebagai pemimpin dengan tugas utamanya adalah menegakkan keadilan agar semua orang dapat memperoleh hak asasinya yang sama dari aspek sosial dan ekonomi secara bertanggungjawab lagi merata. Nilai-nilai inilah yang menjadi mesej penting yang ingin disampaikan oleh HMI dalam perjuangannya melalui kader-kader HMI yang telah memperoleh pembinaan sekian lama.

Menurut Beny Ridwan bahawa proses penanaman nilai-nilai (*internalisasi*) kemanusiaan, keadilan ekonomi dan sosial berlangsung dalam pelatihan pengkaderan. Nilai-nilai tersebut bersumber daripada al-Qur'an. Di antara nilai-nilai kemanusiaan adalah rasa empati dan peduli terhadap kaum lemah (*mustadh'afin*) serta pentingnya memelihara persatuan manusia.²⁹

Kewujudan kaum lemah (*mustadh'afin*) di daerah persekitaran adalah realiti yang perlu diambil iktibar bagi seseorang untuk membangunkan rasa simpati atau kepedulian terhadap persoalan keumatan dan kebangsaan. Realiti yang dihadapi oleh para kader HMI dalam memberikan kesan positif yakni perlunya kebersamaan dalam kehidupan kebangsaan dan kenegaraan, dari segolongan kecil sehingga kumpulan yang besar. Menurut salah satu pelapis HMI bahawa ahli HMI sendiri adalah majemuk ada yang berlatar belakang daripada keluarga NU, Muhammadiyah, Masyumi atau

²⁸ PB HMI (2013), *Op.Cit.*, h. 354-356.

²⁹ Temubual dengan Beny Ridwan pada tarikh 8 Januari 2016.

keluarga “*abangan*” iaitu gaya cara masyarakat Jawa dari kalangan orang kebanyakan dan awam terhadap aspek kefahaman agama, demikian Clifford Geertz mentakrifkannya. Lebih lanjut, ia mengatakan bahawa dalam kehidupan bermasyarakat, kami juga saling bekerjasama, berbincang atau berdiskusi bahkan kami mencegah terjadinya konflik yang dilatar belakangi oleh agama dan etnik.

Bertitik tolak dari refleksi atas nilai-nilai kemanusiaan, rasa keadilan sosial dan ekonomi, HMI berperanan serta bagi menanggapi isu-isu semasa yang terjadi dalam masyarakat. Menurut Ketua Umum HMI Cawangan Salatiga, Ahmad sahal, menyatakan bahawa:

“HMI sentiasa dijemput oleh pelbagai organisasi untuk membincangkan persoalan-persoalan semasa sama ada ia merupakan isu nasional mahupun isu tempatan. Demikian juga, HM Cawangan Salatiga juga menjemput organisasi-organisasi yang lain bagi membincangkan isu baharu secara bersama. Diantara isu-isu yang kami bincangkan adalah isu rusuah, masalah dadah, dan kerusakan moral remaja”.³⁰

Perbincangan isu-isu tersebut memperlihatkan bahawa mahasiswa yang terhimpun dalam organisasi memiliki kepedulian yang tinggi terhadap persoalan bangsa dan isu-isu sosial. Dalam pandangan pengkaji, kepedulian tersebut bahagian daripada refleksi atas nilai-nilai kemanusiaan dan sosial yang diwarisi oleh kader HMI. Apabila dikaitkan dengan tujuan pengkaderan di HMI, maka tindakan ini merupakan panggilan jiwa untuk melakukan khidmat di tengah-tengah masyarakat.

Pemikiran dan sikap yang bersifat tanggapan terhadap pelbagai persoalan yang muncul agaknya menjadi sifat watak HMI yang selalu aktif. Dalam hal ini, HMI dan umat Islam pada amnya, dituntut bukan setakat mengetahui, akan tetapi lebih daripada itu, iaitu perlu bergerak untuk bertindak cepat semasa berlaku musibah dan korban kemanusiaan. Dalam perspektif ini, penanaman nilai-nilai kegamaan yang membahas

³⁰ Temubual dengan Ahmad Sahal pada tarikh 23 September 2015.

kemanusiaan, keadilan dan persaudaraan manusia perlu dilakukan secara kerap dan dengan menggunakan cara-cara yang lebih menarik.

Gerakan HMI berbeza dengan gerakan islami kontemporari lainnya yang berkembang pesat di universiti yang menjadikan Islam sebagai ideologi politiknya. Hal ini seperti dikatakan oleh Oliver Roy bahawa gerakan Islam yang memperjuangkan Islam menjadi ideologi politik dan lebih bersifat praktikal ke dalam institusi politik kenegaraan. Bertolak dari pandangan bahawa Islam selain merupakan agama juga merupakan ideologi politik (*Islam as much a political ideology as religion*).³¹

Oleh kerana itu, gerakan HMI tidak mengambil berat kepada aspek penerapan Islam secara formal (*hukum*) dalam bentuk pelaksanaan syariat Islam, melainkan lebih mengambil keutamaan kepada aspek penerapan nilai-nilai keislaman dalam konteks kehidupan keagamaan dan kebangsaan. Berdasarkan atas pemikiran ini, HMI teguh dengan pendiriannya bahawa gerakan Islam harus lebih mengambil keutamaan kepada aspek nilai berbanding aspek formal. Hal ini tidak terlepas daripada pengalaman umat Islam Indonesia yang pernah mengalami ketegangan politik atau kurang harmoni antara Islam dan negara suatu ketika dahulu.

Menanggapi aspek sosial budaya iaitu lemahnya rasa ikatan kebangsaan (*nasionalisme*), *ta'awun* (*gotong royong/tolong menolong*), kepekaan sosial, dan hal-hal semacamnya yang mampu mengikis nilai-nilai kemanusiaan, HMI mengembangkan pemikiran keislaman dan keindonesiaan menjadi *paradigma* pembaharuan pemikiran Islam. Oleh kerana itu, HMI selaras dengan cita-cita penubuhan dalam perkembangannya di negara Indonesia, mahu tidak mahu hal tersebut wajib untuk terlibat dalam proses pembangunan bangsa ini, dan ini selari dengan matlamat awal penubuhan HMI iaitu untuk meningkatkan martabat bangsa Indonesia.

³¹ Oliver Roy (1994), *The Failure of Political Islam*, London: I.B. Tauris Publishers, h. vii-ix.

Usaha HMI untuk berperanan serta membangunkan bangsa Indonesia ke arah yang lebih baik menggunakan dua jalur, iaitu jalur kultural (*budaya Islam*) dan struktural (*politik Islam*). *Pertama*, gerakan kultural dilakukan dengan cara mewacanakan Islam substantif yang membolehkan bagi mengisi ruang publik tanpa ada yang merasa diketepikan. Pelbagai kegiatan yang membincangkan tajuk-tajuk semasa akan memperkuat basis budaya dan intelektualiti (*keilmuan*) umat. Dalam hal ini, Islam harus difahami secara *substantif* sehingga boleh digunapakai oleh semua pihak sebagai sebuah ajaran universal (*sejagat*).

Kedua, gerakan struktural dengan cara melibatkan kaki tangan kerajaan, agar mereka dapat memahami halatuju gerakan HMI dan misi yang diperjuangkannya dan mempengaruhi pelbagai polisi publik. Hal ini dijalankan dengan cara menyampaikan gagasan dan idea bagi kebaikan pembangunan kepada kaki tangan kerajaan.³² Jadi, tujuan gerakan struktural ini adalah ikut membangunkan bangsa yang berkeadilan dan berperikemanusiaan melalui mekanisme *agregasi*. Gerakan struktural ini sekali gus merupakan partisipasi HMI dalam pembangunan bangsa.

Sebagai konteks gerakan pembaharuan, HMI melaksanakan pelbagai kegiatan dan pelatihan secara berperingkat-peringkat, iaitu: *Pertama*, pengambilan daftar masuk ahli yang akan dipersiapkan menjadi pelapis sekali gus penyambung pemikiran pembaharuan yang dilakukan melalui pelatihan pengkaderan; *Kedua*, pelatihan pengkaderan. Pada peringkat ini, kader HMI dibimbing dan dipersiapkan untuk menjadi generasi yang memiliki pengetahuan luas, dan pelaku perubahan sebagai panggilan jiwa untuk melakukan khidmat dirinya kepada bangsa dan umat; dan *Ketiga*, peringkat aksi (*unjuk rasa*). Pada peringkat ini setiap kader HMI sama ada ia masih aktif sebagai ahli HMI mahupun sudah menjadi pesara, mereka tidak lupa dengan misi HMI yang masih perlu diperjuangkan sesuai dengan minat dan profesinya masing-masing. Dalam hal ini, interaksi antara kader HMI dan atau bekas ahli yang

³² Kegiatan ini dijalankan HMI dengan berkunjung ke pemerintah bandar Salatiga dan Universiti Satya Wacana, hal ini seperti dijelaskan oleh Ketua Umum HMI Cawangan Salatiga pada tarikh 24 Disember 2015.

tergabung dalam KAHMI terus terjalin. Melalui forum inilah, isu-isu diperbincangkan dalam forum rasmi mahupun tidak rasmi, dan pelbagai kegiatan lainnya yang dapat dilaksanakan dengan sokongan bersama semua kalangan.

Jadual 5.3.

GERAKAN PEMBAHARUAN HMI

Faham Gerakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Modenisme 2. Neo-modenisme
Bentuk Gerakan	Transformatif
Patronage Gerakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kelembagaan: KAHMI 2. Perseorangan: Nurcholis Madjid dan Akbar Tanjung
Strategi Gerakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rasional-Kultural: mengembangkan teologi transformatif yang diwujudkan kedalam tindakan kemasyarakatan 2. Tersetruktur: Dijalankan sesuai ketetapan organisasi

Dari paparan jadual tersebut di atas, dapat dilihat bahawa pada dasarnya gerakan pembaharuan HMI masih belum beranjak daripada prinsip semula para pendahulunya yang menjadi *patronage* HMI sebagai pembaharu Islam, iaitu *neo-modernisme* yang direpresentasikan oleh Nurcholis Madjid. Ada dua kelompok yang berbeza daripada aspek pemikiran pembaharuan para kader HMI, iaitu: *Pertama*, modernisme yang dipaparkan oleh kader HMI yang tidak memiliki latar belakang aliran ilmu agama, dan mereka mengenal atau mempelajari ilmu agama pertama kalinya semasa menjadi ahli di HMI. Dalam hal ini, HMI menjadi “pondok pesantren” tempat *tafaquh fi al-din* bagi mahasiswa. *Kedua*, *neo-modernisme* iaitu sejumlah mahasiswa yang memiliki latar belakang aliran ilmu agama cukup baik di mana sebelumnya mereka telahpun belajar ilmu agama di pondok-pondok pesantren atau lembaga-lembaga pendidikan Islam yang serupa. Selepas itu, mereka di HMI belajar memahami ilmu agama dengan menggunakan metode baharu yang logik yang memungkinkan untuk dinadzar (*diteorikan*) oleh mahasiswa pendahulunya.

Pemikiran yang sudah bergerak ke arah *neo-modernisme*, adalah mahasiswa IAIN dengan berlatar belakang pendidikan aliran pondok pesantren. Mereka berpandangan perlunya memelihara hubungan baik antara pemikiran Islam klasik yang kaya dengan kearifan (*hikmah*) tempatan dan zaman sekarang yang penuh dengan tuntutan zaman yang telah berubah sangat pesat oleh kerana pengaruh kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi. Sedangkan pemikiran moden adalah mahasiswa UKSW atau IAIN yang tidak memiliki latar belakang pendidikan aliran agama sebelumnya. Mereka ini hadir dan tumbuh berkembang pada zaman moden sehingga kefahaman agamanya juga hanya diperoleh dengan menggunakan logik moden.

5.4 Sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam Pembaharuan Islam

Sumbangan HMI dalam pembaharuan Islam dapat disimpulkan daripada peranan yang telah dijalankan oleh HMI dalam fungsinya sebagai organisasi pelapis yang bertujuan untuk membina insan akademik, pencipta dan pengabdian. Sementara sumbangan HMI Cawang Salatiga dalam pembaharuan Islam meliputi seperti huraian berikut:

5.4.1. Mempersiapkan Generasi Cendekiawan Muslim

Pengkaderan dan pelbagai kegiatan organisasi yang lain merupakan bahagian daripada pembinaan kader. Pembangunan modal insan kader HMI menghabiskan masa selama mereka menjadi pelajar di universiti. Ada 2 hal yang dibina iaitu: faham keagamaan yang menjadi landasan berfikir dan berbuat, karakter kader HMI yang melengkapi faham keagamaan dan kebangsaan. Natijah daripada proses pengkaderan adalah generasi Muslim yang intelek sekali gus juga alim. Sosok generasi intelek (*berilmu*) tergambar dalam *profile* generasi yang berpendidikan tinggi, berpengetahuan luas, dan berfikir rasional.

Pengembangan wawasan dijalankan dengan kegiatan diskusi, seminar dan yang semisal dengannya, sedangkan berfikir rasional boleh dilihat dari pelbagai kegiatan yang menggambarkan idealisme HMI. Selain itu, HMI juga sentiasa melaksanakan kegiatan-kegiatan sosial bagi membangun kader yang sentiasa berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Sementara dalam konteks pembaharuan, apa yang telah diperolehi oleh pelapis HMI adalah fahaman keagamaan yang memuat nilai-nilai kebenaran yang dapat mempengaruhi sikap hidup mereka terhadap persekitarannya. Selepas itu, nilai-nilai yang diperolehi oleh para pelapis HMI menjadi asas dalam menghadapi kehidupan mereka yang nyata, namun demikian wawasan yang luas perlu dimilikinya agar membolehkan mereka bersedia menyelesaikan persoalan-persoalan hidup yang mereka hadapi dalam kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara.

Kesiap sediaan untuk melakukan perubahan muncul dari rasa kemanusiaan yang mendorong kader HMI untuk sentiasa melakukan khidmat demi kepentingan bangsa dan negara. Jadi, yang menjadi asas kesiap sediaan para kader adalah nilai yang difahami, dihayati dan kemudian mempengaruhi cara berfikir, bersikap dan berperilaku. Nilai-nilai ini tumbuh dalam persekitaran organisasi dan aktiviti mereka, dan inilah yang dinamai ideologi organisasi.

Fungsi generasi pelapis dalam tubuh organisasi adalah sebagai tenaga penggerak organisasi lanjutan ke masa akan datang. Dan secara kualitatif, mereka memiliki kebolehan serta kesanggupan berkerja dan berkorban.³³ Namun demikian, seorang pelapis juga harus mempunyai pengetahuan mengenai persoalan yang menghendaki perubahan, bagaimana cara melakukan perubahan dan halatuju ke mana perubahan tersebut dikehendaki. Dalam hal ini, diperlukan generasi berilmu yang bijaksana, iaitu generasi yang berpengetahuan luas yang memiliki keboleh

³³ Agussalim Sitompul (2005), *Op.Cit.*, Jakarta: Misaka Galiza, h. 9.

mampuan serta kebolehan dalam merumuskan konsep perubahan yang dikehendaki. Kualiti generasi pelapis yang demikian merupakan hala tuju pelapisan iaitu terciptanya insan akademik.

Keperibadian yang soleh daripada generasi berilmu adalah seseorang yang amalannya disinari oleh nilai-nilai ketuhanan dan kemanusiaan di mana fitrah kemanusiaannya selalu tergerakkan untuk mendekati diri kepada Allah SWT dan selalu disokong oleh suara hati (*dhamir*) yang hanya menyuarakan kebenaran. Dengan demikian, generasi intelek yang soleh adalah insan yang memiliki kemampuan teoritikal yang sentiasa melakukan amal soleh secara berterusan.

5.4.2. Melahirkan Generasi yang Mengambil Berat Kebajikan

Seperti yang telah dilakarkan mengenai kualiti insan cita HMI adalah sosok insan yang bertanggungjawab atas terwujudnya masyarakat adil makmur yang direndhai Allah SWT. Dalam nilai-nilai dasar perjuangan telah dijelaskan bahawa seorang generasi pelapis harus percaya dan sedar akan posisinya sebagai "*khalifah fil ardh*" yang berkewajipan untuk melaksanakan tugas-tugas kemanusiaan dan kebajikan dengan baik secara berterusan.

Oleh itu, HMI sebagai organisasi yang bertujuan untuk membina kader umat dan bangsa yang memiliki wawasan kebangsaan dan agama memberi bera sebelah pada aspek pengkaderan. Pengkaderan di HMI antara lain bertujuan untuk membina generasi pelapis agar bersedia untuk berlatih dan mengembangkan kualiti dirinya guna menyokong tugas keumatan dan kebangsaan. Selain itu, para pelapis dibina agar bersiap sedia melakukan amal soleh dan berkorban bagi pembangunan bangsa yang bertamadun.

Selari dengan tujuan pengkaderan, maka HMI memasukkan bahan kajian tentang peranan manusia sebagai "*khalifah fil ardh*" kedalam kurikulum pelatihan. Bahan kajian ini berhubungkait dengan misi organisasi pada satu sisi dan tugas

diciptakannya manusia sebagai makhluk yang diberi amanat oleh Allah SWT untuk memakmurkan dunia. Kejayaan dalam menjalankan amanat ini mensyaratkan kepada manusia untuk menuntut ilmu dan siap untuk melakukan perubahan sosial.

5.4.3. Melahirkan Generasi Berkhidmat

Sikap perhatian dan tanggap terhadap persoalan keumatan dan kebangsaan merupakan ciri generasi pelapis HMI. Sikap tersebut bukan hanya dibincangkan dalam kitab atau pedoman organisasi, melainkan ianya juga wujud dalam diri kader HMI. Pembentukan sikap tersebut berlangsung dalam proses pengkaderan dalam pengertaian luas yang meliputi pelatihan dan seluruh aktiviti organisasi.

Pengabdian adalah insan yang memiliki kesungguhan (*committed*) dan dedikasi tinggi untuk berkarya demi kepentingan orang banyak tanpa memperhatikan perbezaan antara kaum dan agama. Dalam kedudukannya sebagai "*khalifah fi al-ardh*", manusia tidak hanya berbuat untuk kepentingan dirinya atau kelompoknya sendiri melainkan juga berbuat untuk orang atau kumpulannya yang lain. Ia melakukan perbuatan tersebut dengan ikhlas dan mengamalkan ilmunya dengan bersungguh-sungguh untuk mewujudkan cita-cita dan kepentingan sesama.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa HMI ibarat seperti makmal bagi masyarakat "*laboratorium sosial*" tempat di mana para generasi pelapis berbincang, berdiskusi, membuat perancangan. Kesediaan generasi pelapis untuk menjalankan amanah organisasi sebagai dasar sebuah proses pembentukan peribadi. Dalam proses seperti ini, biasanya mereka siap menjadi generasi yang sentiasa ikhlas berbuat dan siap berkhidmat demi kepentingan sosial masyarakat. Menurut Rahmat Hariyadi, bahawa wujudnya perbezaan cukup memberi erti penting antara orang-orang yang

pernah ikut berperanan dalam organisasi dibandingkan dengan orang-orang tidak pernah terbabit langsung di organisasi ini.³⁴

Penyelidikan dengan tajuk “Peranan dan Sumbangan Himpunan Mahasiswa Islam Cawangan Salatiga dalam Pembaharuan Islam” antara lain merupakan hasil daripada temubual dengan sejumlah responden seperti termaktub dalam jadual yang terlampir dalam senarai nama yang pengkaji sertakan bersama dengan kedudukan dan tarikh temu bual bersama mereka satu persatu.³⁵

5.5 Posisi HMI dalam Peta Gerakan Pembaharuan Islam

Peralihan kedudukan Islam di Indonesia yang semakin ke tengah dalam politik bermula pada tahun 1990 yang dinamai “*politik akomodasi Islam*”. Setidak-tidaknya ada empat pola akomodasi yang menonjol ketika itu, yakni: *Pertama*, akomodasi struktural, iaitu dengan diambil daftar masuk para pemikir (*cendekiawan*) dan penggiat Islam untuk menduduki posisi-posisi penting dalam posisi pemerintahan mahupun badan-badan *legislatif*. *Kedua*, akomodasi infra struktur dengan penyediaan dan bantuan infra struktur bagi kepentingan umat Islam. *Ketiga*, akomodasi kultural berupa diterimanya *ekspresi kultural Islam* ke dalam wilayah masyarakat luas seperti pemakaian tudung, baju Melayu, sehingga ucapan *assalamualaikum*. *Keempat*, akomodasi legislatif, yakni usaha penerapan beberapa aspek hukum-hakam Islam agar menjadi hukum negara, meskipun hanya berlaku bagi umat Islam sahaja.³⁶

Politik akomodasi ini tidak terlepas daripada ikhtiar intelektual (*ijtihad akademik*) para pembaharu Islam pada era 1970. Selaras dengan perkembangan zaman, hubungan antara Islam dengan negara yang sebelumnya kurang harmoni kerana perbezaan halatuju politik. Pada satu pihak penggiat Islam menghendaki agar

³⁴ Temubual dengan Rahmat Hariyadi pada tanggal 7 Januari 2016.

³⁵ Senarai nama mereka yang sempat ditemubual dengan beberapa responden, kedudukan dan tarikh temubual ada dalam lampiran.

³⁶ M. Imdadun Rahmat (2007), *Arus Baru Islam Radikal-Trasmisi Revivalisme Islam Timur Tengah Ke Indonesia*, Jakarta: Erlangga, h. 134.

Islam dijadikan sebagai dasar negara, di pihak yang lain pula mereka berpendirian bahawa kukuhnya Indonesia adalah bukan kerana negara sekular tetapi juga bukan negara agama.

Dalam hal ini, HMI masih menyakini bahawa pemikiran pembaharuan dan gerakan pembaharuan Islam masih lagi sesuai untuk dijadikan sebagai tolak ukur ke arah kemajuan tersebut. Beberapa alasan yang menyertainya antara lain: 1) Meluasnya gerakan islamisasi di pelbagai universiti di Indonesia yang cenderung literal (*zahiriah*) dalam memahami Islam; 2) Kefahaman yang serupa dapat melahirkan gerakan radikal, seperti halnya aksi terorisme di pelbagai belahan dunia di mana kefahaman agama mereka dijadikan sebagai pembenaran hukum (*justifikasi*); 3) Hadirnya gerakan lintas negara yang menyebarkan fahaman keagamaan yang dinilai oleh sebahagian orang akan mengugut keutuhan bangsa dan konflik sosial.

Untuk melakukan pergerakannya, HMI memakai pola seperti yang dinyatakan oleh Jeffrey K. Hadden, sebagaimana yang dikutip oleh Edgar F. Borgotta,³⁷ iaitu: *Pertama*, gerakan keagamaan *endogenous* yang berusaha mengubah karakter internal (*watak sifat dalaman*) agama. *Kedua*, gerakan keagamaan *exogenous* yang berusaha mempengaruhi persekitaran di mana agama itu wujud, dan *Ketiga*, gerakan agama *generatif* yang berusaha memperkenalkan agama baharu kepada budaya ataupun persekitaran dan masyarakatnya. Dengan pola cara gerakan tersebut, HMI berusaha melakukan sosialisasi fahaman keagamaan yang *rasional*, *substantif* dan *transformatif* sehingga HMI dapat mempunyai basis pergerakan yang kuat dan solid.

Perilaku (*collective behaviour*) yang dilakukan oleh para ahli HMI dalam teori gerakan sosial masuk ke dalam bentuk gerakan sosial baharu. Dalam teori pergerakan sosial, gerakan sosial lama hanya menempatkan kelas sebagai faktor utama bagi munculnya gerakan sosial dengan menolak ketepi faktor agama, sedangkan gerakan sosial baharu menjadikan agama sebagai penyebab (*trigger*) bagi sebuah gerakan

³⁷ Edgar F. Borgotta (1992), *Encyclopedia of Sociology*, New York: Mac Millan Publishing Company, h. 1642.

sosial. Sebab, menurut Sanderson, agama dapat berfungsi sebagai penyambung penting dalam usaha pembentukan dan perubahan. Dengan demikian, Sanderson ingin menyatakan bahawa agama juga mampu tampil (*menunjukkan diri*) sebagai fenomena gerakan.³⁸

Pernyataan Sanderson ini dapat difahami dengan baik yang memandangkan gerakan pembaharuan HMI yang dijalankan bertujuan memperhalusi fahaman keagamaan yang semula mengekang pemeluknya untuk berkembang, tetapi sebaliknya agama dapat menggerakkan dan membangunkan tamadun manusia yang lebih baik lagi di masa akan datang.

5.6 Kesimpulan

Gerakan pembaharuan Islam di HMI Cawangan Salatiga telah berlangsung lebih daripada 32 tahun lamanya semenjak tahun 1985. Pada rentang masa yang cukup panjang tersebut, banyak hal yang telah dilakukannya, terutamanya dalam pembinaan kuantiti dan kualiti sumber daya insaniah kader HMI. Kepelbahagian aktiviti sama ada yang formal mahupun tidak formal merupakan aktiviti yang mencuba untuk membangun sifat watak kader sepertimana yang ditetapkan oleh organisasi iaitu “terbinanya insan akademik, pencipta dan pengabdian yang bernafaskan Islam”.

Diantara peranan HMI Cawangan Salatiga dalam konteks pembaharuan Islam, adalah seperti berikut: 1) Aspek pendidikan dan pembelajaran yang meliputi pembelajaran ilmu agama, pembelajaran ilmu-ilmu umum dan penanaman sifat watak. HMI sebagai “pondok pesantren” mengajarkan kefahaman keagamaan moden yang merujuk kepada sumber ajaran Islam. HMI sebagai “*second campus*” tempat belajar dan berbincang mengenai isu-isu semasa, seperti isu kemanusiaan, penyalahgunaan kuasa, keadilan sosial dan ekonomi. HMI sebagai organisasi kader yang berkewajipan

³⁸ Stephen K. Sanderson (1991), *Sosiologi Makro: Sebuah Pendekatan terhadap Realitas Sosial*. Jakarta: Rajawali Pers, h. 531-532.

untuk mencetak keluarannya menjadi generasi yang berwawasan luas, tanggap dan kreatif dalam merespon isu-isu semasa; 2) Aspek sosial sama ada fikiran mahupun amalan. HMI sebagai makmal masyarakat “laboratorium sosial” di mana para kader mencuba merancang dan melaksanakan demonstrasi bagi menanggapi isu-isu sosial semasa kerap berlaku dan selalu diperkatakan.

Sumbangan HMI dalam pembaharuan Islam antara lain dapat meliputi:

1) Melahirkan generasi yang faham ilmu agama dan sains; 2) Melahirkan generasi yang sangat peduli dan mengambil berat kebajikan masyarakatnya; 3) Melahirkan generasi yang boleh melakukan khidmat kepada masyarakat. Proses pembentukan generasi yang sedemikian rupa melalui proses panjang sama ada aktiviti organisasi dalam bentuk formal mahupun bukan-formal. Pemikiran keislaman HMI yang bercirikan *substantif*, *transformatif*, dan moden boleh jadi memberi pengaruh terhadap pemikiran dan sikap. Hal ini seperti ditegaskan oleh Azyumardi Azra bahawa masukan berupa pemikiran pembaharuan akan mempengaruhi keluaran (*out come*) selepas melalui proses yang panjang.

BAB VI: PENUTUP

6.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan bagi tujuan merumuskan peranan dan sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam. Rumusan ini didapatkan daripada aktiviti yang dilakukan oleh HMI Cawangan Salatiga melalui proses pengkaderan. HMI yang disebut oleh sebahagian ahli sebagai organisasi pembaharu, maka penyelidik melakukan kajian kepustakaan (*library research*) terhadap pemikiran HMI di bidang agama. Penyelidikan ini pula merupakan jawapan terhadap pertanyaan mengenai isi bahan pemikiran Islam HMI yang boleh dinilai sebagai pemikiran moden.

Selanjutnya, penyelidik menganalisis proses pengkaderan sebagai media pemindahan (transfer) fahaman keagamaan moden kepada para ahli HMI. Dalam penyelidikan ini, dianalisis juga mengenai faktor-faktor yang menyokong keberlangsungan proses pengkaderan di HMI sama ada dari aspek penyelenggaraannya mahupun aspek bahan kajiana. Kajian ini menggunakan satu kaedah yakni *resource mobilization theory* bagi membolehkan mendapat gambaran mengenai bagaimana faktor-faktor pendukung berkerja secara berterusan sehingga gerakan pembaharuan berlangsung. Dapatan kajian ini juga merupakan jawapan ke atas pertanyaan kedua dalam penyelidikan ini.

Kajian yang menggambarkan aktiviti kader dan organisasi membuktikan kewujudan HMI sebagai sesebuah organisasi yang masih istiqamah dengan pemikiran dan perjuangannya untuk bedakwah dan meningkatkan martabat bangsa Indonesia. Dinamika perjalanan organisasi dari masa ke masa menjadi bukti nyata kewujudan peranan HMI sebagai suatu pertubuhan di mana mahasiswa tidak setakat menuntut ilmu hal ehwal Islam melainkan juga menjadi salah satu jentera dan tulang

belakang dalam mempersiapkan pemimpin di masa hadapan. Oleh yang demikian, kajian ini ditumpukan bagi merumuskan peranan dan sumbangan HMI dalam pembaharuan Islam. Dan kajian ini dimulai dengan menganalisis pemikiran keislaman HMI, menganalisis strategi dan kaedah pelaksanaan pengkaderan, serta merumuskan peranan dan sumbangan HMI dalam pembaharuan Islam.

6.2 Dapatan Kajian

Kajian ini telah menghasilkan beberapa jawapan selaras dengan soalan penyelidikan mengenai peranan dan sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam. Dapatan kajian daripada penyelidikan ini adalah sebagai berikut:

6.2.1 Berkenaan dengan pemikiran keislaman HMI merangkumi beberapa aspek iaitu dasar-dasar kepercayaan dalam Islam, ikhtiar dan takdir, masalah kemasyarakatan, ilmu pengetahuan dan pandangan HMI mengenai hubungan antara Islam dan negara.

a. Dasar-dasar Kepercayaan dalam Islam

Pembahasan tentang dasar-dasar kepercayaan HMI telah mengambil berat pada makna kalimat berupa ruh yang menjadi asas dalam ajaran Islam, iaitu *syahadat* yang berbunyi “*la ilaha illa Allah*”. Kalimat ini menafikan (*la ilaha*) segala bentuk kepercayaan atau penghambaan dan memperkecuali (*illa Allah*) satu keimanan kepada Allah SWT. *Syahadat* ini sekaligus menegaskan kepada umat Islam agar membebaskan dirinya dari seluruh kepercayaan yang ada, dan seterusnya hanya tunduk kepada kebenaran yang datang dari Allah SWT.

Bagi HMI, jalan yang ditempuh untuk membangun anjakan berfikir mengenai pengiktirafan sifat semulajadi ketuhanan adalah merupakan pondasi awal dalam membangunkan masyarakat bertamadun atau “masyarakat madani” meminjam istilah yang digunakan oleh Nurcholis Madjid. Paradigma berfikir

yang sedemikian rupa membolehkan tumbuh berkembang melalui penanaman fahaman *tauhid* yang dikembangkan daripada *syahadat*. Dalam Islam, kalimat “*la ilaha illa Allah*” merupakan dasar ajaran tauhid yang paling utama dan yang paling asas.¹

Dalam mengkaji sistem kepercayaan, ada 2 (dua) yang dinilai penting, iaitu: sistem kepercayaan itu sendiri dan cara yang diperoleh untuk memahami sistem kepercayaan. Kalimat “*la ilaha illa Allah*” adalah anjakan yang paling asasi dalam bertauhid. Seterusnya, syahadat kedua “*wa asyhadu anna Muhammadan Rasulallah*” mengandungi makna tentang cara memperoleh pemahaman tentang sifat Allah SWT dan tuntutan beribadah.

Seterusnya, manusia adalah makhluk yang didalam dirinya wujud kecenderungan kepada agama (*iman*), kesucian (*fitrah*) dan sentiasa menuju kepada yang benar (*hanif*). Oleh sebab itu, *iman*, *fitrah* dan *hanif* mendorong manusia untuk melakukan kebaikan (*amal shaleh*) sebagai amalan dari ketundukan/berserah diri (*Islam*) kepada Allah SWT. Sementara itu, *dhamir* (hati nurani) yang wujud pada diri seseorang sebagai pemangkit isyarat keinginan dan pendorong seseorang untuk melakukan kebaikan, kesucian dan menuju kebenaran.

Dengan demikian, iman yang kuat dan benar serta diperkuat oleh *fitrah* *hanif*, dan *dhamir* yang wujud dalam diri manusia akan membimbing manusia dalam menyikapi alam dan kehidupan (*world view*) secara benar pula. Oleh sebab itu, sikap dan perilaku seseorang yang beriman akan menggambarkan kebaikan Tuhan (sifat kesempurnaan Allah). Dalam konteks ini, kebaikan Tuhan dan hakikat manusia yang punya kecenderungan terhadap kesucian (*fitrah*) sentiasa menuju kepada yang *hanif* (kebenaran). Oleh sebab itu, *inna*


¹Sememangnya merupakan perjanjian primordial (*covenant*) sejak di alam ruh antara manusia dengan Tuhan/Allah. Allah bertanya kepada manusia bahawa bukankah Aku ini Tuhan kalian. Lalu, manusia menjawab bahawa sememangnya kami naik saksi bahawa Engkau adalah Tuhan kami. Itulah asal mula sifat hanif pada diri manusia.

lillahi wa inna ilaihi raji'un (Kita –manusia- berasal dari Allah dan akan kembali kepada-Nya) memberikan makna bahawa seluruh aktiviti ritual dan karya manusia selama di dunia ditujukan hanya untuk mencari perkenaan (*redha*) Allah. Dengan demikian, '*amal salih* merupakan gambaran daripada seorang manusia yang *fitri* (suci) dan mengarah kepada yang *hanif* (benar) dan kemudian ia akan mendekat kepada redha Allah (*lillah*).

Oleh itu, salah satu fungsi daripada ilmu tentang Tuhan adalah untuk menjelaskan bagaimana agar manusia dapat meletakkan *iman* kedalam hati dan fikirannya sehingga boleh menjadi “filter” bagi perbuatan dan fikiran yang tidak sesuai dengan sifat *fitrah*, *hanif* dan suara hati kecil (*dhamir*) manusia.

Orang yang beriman (mukmin) dalam menyikapi kehidupan di dunia ini dan fungsinya sebagai *khalifah fil ardhi* boleh digambarkan sebagai berikut: Memandang ke atas hanya kepada Allah SWT, dan memandang ke bawah kepada alam sejagat, sedangkan kepada sesama manusia memandang secara horizontal (melintang). *Vertical (menegak)* sebagai bentuk penghambaan manusia, *top down* sebagai bentuk rasa syukur dan bagaimana melihat alam yang menunjukkan isyarat kewujudan Tuhan, dan terakhir *horizontal* (melintang) adalah dalam perjuangan mempertahankan martabat kemanusiaan.

Rajah 6.1.



b. Ikhtiar dan Takdir

Dalam pembahasan *ikhtiyar* dan *taqdir*, HMI menawarkan sebuah pengertian yang baharu dengan menggunakan kata “kemerdekaan manusia” dan “keharusan universal” (sejagat). Pemberian makna dan atau penggunaan kata tersebut memudahkan dalam memahami makna konsep *ikhtiyar* dan *taqdir*.

Kemerdekaan manusia berkait rapat dengan sikap *ikhlas* dalam melakukan amal kebaikan. *Ikhlas* tidak akan wujud jika kemerdekaan tidak tersemat dalam diri manusia sebagai pelaku perbuatan itu. Sementara itu, keikhlasan (*ikhlas*) untuk melakukan sesuatu pekerjaan hanya berasaskan kepada kemahuan dan kemerdekaan selaras dengan suara hati.

Ikhlas adalah kemahuan yang bebas daripada kekangan, dan iainya hanya akan ada sekiranya ia merdeka (tidak ada kekangan). Oleh sebab itu, kemerdekaan merupakan syarat utama untuk melakukan kerja kebaikan, dan kebaikan itu ada oleh kerana wujudnya keikhlasan. Di sisi lain, kemerdekaan untuk melakukan perbuatan sama ada baik atau buruk merupakan akibat nyata dari wujudnya tanggungjawab secara persendirian, sepertimana adanya kehidupan di dunia dan di akhirat.

Sedangkan “keharusan universal” (sejagat) adalah sesuatu yang sudah menjadi ketentuan Allah (*sunnatullah*) yang meliputi ketetapan Allah seperti hukum alam, dan ketetapan Allah dalam hukum sosial. Oleh kerana itu, manusia diminta untuk mempelajari hukum alam bagi pengembangan ilmu pengetahuan dan tamadun manusia. Dan di sisi yang lain, manusia wajib untuk membangun sejarah kehidupan manusia yang baik dengan menggunakan pertimbangan nilai-nilai kemanusiaan dan ketuhanan.

c. Masalah Sosial

Manusia adalah individu yang merdeka, tidak dibelenggu dan dipaksa, melainkan ia bebas melakukan pilihan yang dikehendaki dalam mewujudkan sesuatu amal. Manusia selain sebagai makhluk individu, ia juga sebagai makhluk sosial yang memiliki kecenderungan dan punya ketergantungan mempertahankan kehidupannya. Dengan demikian, manusia mengandung dua bentuk yang menjadi kudrat/ketentuan *ilahiyyah*, yaitu makhluk individual dan sosial.

Sebagai makhluk individual, manusia bertanggungjawab terhadap masyarakat dan alam persekitaran, oleh sebab itu ia perlu menguasai ilmu pengetahuan dan menjadi orang yang berjiwa sosial. Peribadi manusia yang demikian disebut “insan cita”, dan ketika mereka hidup secara kolektif maka akan tumbuh “masyarakat cita” yang sentiasa berbuat amal kebajikan bagi mencari redha Allah SWT.

d. Ilmu Pengetahuan

Kerja kemanusiaan (*amal saleh*) sebagai buah daripada keimanan, dan kerja kemanusiaan harus berasaskan pada ilmu pengetahuan. Dengan demikian, ilmu pengetahuan itu sendiri adalah alat yang digunakan oleh manusia untuk mencari dan menemukan kebenaran dan melakukan kerja kemanusiaan. Ilmu pengetahuan sebagai sebuah usaha untuk mencari kefahaman terhadap ayat-ayat Allah SWT, bagi memelihara dan meningkatkan keimanan kepada-Nya, ia juga menjadi sebuah kewajiban dari adanya peranan *kekhalifahan* seorang manusia. Manusia tidak akan mampu mengambil peranan sebagai *khalifah* tanpa memiliki ilmu pengetahuan.

Dengan demikian, pengasingan antara aliran ilmu agama dengan aliran ilmu bukan agama merupakan proses pensejarahan ilmu yang bersifat

subjektif. Islam tidak mengenal adanya pengasingan, bahkan ilmu yang belakangan disebut dengan “ilmu sekuler” boleh berfungsi sebagai penjelas atau penerangan (*parameter*) ilmu agama.

Pemikiran HMI di bidang agama bercirikan perkara berikut: substantif iaitu pemikiran yang lebih mengutamakan kepada aspek nilai daripada hal-hal yang bersifat teknikal dan kefahaman; moden iaitu sebuah penjelasan yang logik dan boleh difahami dengan mudah oleh akal; dan transformatif iaitu pemikiran yang mendorong manusia untuk bergerak dan berubah selaras dengan tuntutan zaman.



6.2.2 Berkenaan dengan strategi dan pelaksanaan pembangunan kader di HMI Cawangan Salatiga sehingga boleh menjadi penggiat gerakan pembaharuan Islam.

- a. Gerakan pembaharuan Islam di HMI boleh dilihat dari strategi dan pelaksanaan pembangunan kader. Dalam setiap penyelenggaraan latihan pengkaderan sebagai media untuk membina para kader, HMI sentiasa menggunakan pedoman yang di dalamnya mengandungi kaedah pengurusan pelaksanaan pelbagai aktiviti. Data yang penyelidik perolehi sama ada dari temu bual mahupun pemerhatian, bahawa pengkaderan di HMI menjadi kekuatan bagi kewujudan dan kelangsungan organisasi sehingga ke hari ini. Dalam hal ini wujud beberapa kesimpulan kajian, iaitu: 1) Selain sistem pengkaderan yang sedia ada, kekuatan HMI terletak pada pemikiran keislaman sepertimana termaktub dalam Nilai-Nilai Dasar Perjuangan dan sekaligus menjadi materi latihan pengkaderan; 2) HMI memiliki jejaring alumni yang cukup luas dan tersebar di seluruh negeri dengan pelbagai profesinya. Kedua-dua kekuatan

inilah yang menjamin keberlangsungan gerakan pembaharuan HMI, dan apabila dimanfaatkan secara baik, maka HMI akan menghasilkan peranan yang lebih besar lagi.

- b. Sementara itu aspek kelemahan yang ada pada HMI hari ini, perlu dibaik pulih dengan melakukan penambahbaikan pada aspek metode pengkaderan. Sehingga kader HMI yang terkesan kurang memperhatikan aspek keberagaman dalam kehidupan harian mereka boleh dipertingkatkan lagi dengan membangun suasana persekitaran yang baik.
- c. Gerakan pembaharuan Islam di HMI menunjukkan keteguhannya pada konsep Islam sebagai agama yang *rahmatan li al-alamin*. Beberapa aktiviti yang berhubungkait dengan “Aksi Kemanusiaan” terhadap musibah tanah runtuh dan “Deklarasi Damai” tampaknya sangat mengutamakan kebersamaan dalam kesepaduan bersama (toleransi), serta ada keberpihakan terhadap kaum *mustad’afin* sebagai cerminan atas nilai-nilai murni ketuhanan, kemanusiaan dan kebenaran. Sementara gerakan pembaharuan Islam di HMI Cawangan Salatiga boleh dikatakan berjalan secara berterusan oleh kerana para kader HMI mampu memanfaatkan pelbagai kekuatan, seperti: moral, budaya, modal insan dan material. Dan ia saling berkait satu dengan yang lainnya, dan faktor penggerak utamanya terletak pada ideologi dan emosi organisasi sebagai kekuatan non material/bukan fizikal, dan alumni HMI atau institusi yang ditubuhkannya (KAHMI dan Yayasan Insan Cita) sebagai kekuatan modal insan dan jaringan manusiawi.

6.2.3 Berkenaan dengan peranan dan sumbangan HMI Cawangan Salatiga dalam pembaharuan Islam.

Gerakan pembaharuan Islam di HMI Cawangan Salatiga telah wujud lebih dari 30 tahun. Pada rentang masa yang cukup lama tersebut, banyak hal yang telah dilakukannya, terutamanya dalam pembinaan kualiti modal insan bagi kader HMI itu sendiri. Kepelbahagian aktiviti sama ada yang formal mahupun non formal merupakan aktiviti yang mencuba untuk membangun karakter kader yang baik sepertimana yang telah ditetapkan iaitu “terbinanya insan akademik, pencipta dan pengabdian yang bernafaskan Islam”.

Dengan demikian boleh difahami bahawa 3 (tiga) karakter sepertimana tersebut dalam visi organisasi HMI merupakan indikator daripada *out put* seseorang kader setelah mereka melalui proses pengkaderan di HMI. Dan iainya menjadi alat pengukur atau tujuan pengkaderan HMI yang ditetapkannya dalam pengkaderan.

Adapun peranan HMI secara rinci dapat dikelompokkan ke dalam tiga hal, iaitu:

a. Berperanan sebagai “pesantren”.

Pesantren sepertimana difahami secara umum adalah lembaga yang bergerak dalam pembelajaran agama Islam, dakwah, dan pembangunan kader ulama. Dalam hal ini, penyelidik menggunakan istilah “pesantren” sebagai lembaga keagamaan yang memiliki peranan dalam mengajarkan ilmu agama.

HMI adalah organisasi pengkaderan yang ditunjangi oleh mahasiswa Muslim. Tidak semua ahli HMI memiliki pengetahuan agama kerana tidak semuanya pernah menuntut ilmu di pesantren atau lembaga pendidikan Islam (madrasah). Oleh itu, HMI juga menyelenggarakan pembelajaran baca al-Quran dan ilmu-ilmu agama yang asas secara informal. Selain itu, HMI bekerjasama dengan lembaga pendidikan peringkat menengah untuk

menyelenggarakan kegiatan keagamaan pada bulan ramadhan, yang dinamai dengan “Pesantren Ramadhan”. Dalam hal ini, para pelajar tinggal di sekolah dan mengikuti kegiatan-kegiatan seperti halnya kegiatan di pesantren. Kegiatan-kegiatan yang dirancang dan dilaksanakan oleh HMI Cawangan Salatiga ini menunjukkan bahawa HMI telah memerankan diri sebagai lembaga pendidikan pesantren.

b. Berperanan sebagai “*second campus*”.

Kampus adalah sebuah kompleks atau tempat dimana berdiri sejumlah gedung universiti atau perguruan tinggi. Di tempat ini, berlangsung sebuah pembelajaran dan pelbagai aktiviti mahasiswa yang menyokong kualiti akademik dan potensi mahasiswa.

Pelbagai kegiatan yang diselenggarakan oleh HMI antaranya berhubungkait dengan peningkatan kualiti akademik seperti kajian yang membahas persoalan umat dan bangsa. Kegiatan-kegiatan tersebut memperlihatkan bahawa organisasi telah menyokong peningkatan kualiti akademik dan sosial. Sehingga para mahasiswa yang aktif dalam kegiatan organisasi memiliki kemampuan dan kemahiran tertentu yang lebih dibanding mereka yang tidak. Dalam hal inilah, organisasi telah mengambil peranan sepertimana yang menjadi tugas kampus atau setidaknya ikut menyokong peningkatan kualiti akademik mahasiswa.

c. Berperanan sebagai “Makmal atau Laboratorium sosial”.

Berasaskan pada nilai-nilai yang diperoleh sama ada di universiti mahupun di organisasi, mahasiswa memerlukan wadah untuk *aktualisasi* dan *efleksi* diri bagi pengembangan potensi. HMI adalah tempat dimana para mahasiswa

mengembangkan potensi dirinya dalam berorganisasi dan meningkatkan kemampuan akademik yang lain.

Tidak kesemuanya yang dipelajari di universiti boleh dipraktikkan semasa mahasiswa belajar. Oleh sebab itu, mahasiswa memerlukan tempat untuk mempraktikkannya di luar universiti. Dalam hal ini, organisasi (HMI) menjadi tempat yang dirancang oleh HMI untuk mengamalkan apa yang telah diperoleh semasa mereka belajar seperti halnya sebuah “makmal” sosial. Antaranya: kepemimpinan, nilai-nilai kemanusiaan, kecerdasan sosial dan sebagainya.

d. Berperanan sebagai “Lembaga Pelatihan”.

Sebagai organisasi kader, HMI tentunya memiliki sistem perkaderan, di mana keseluruhan aktiviti mengarah kepada tercapainya tujuan pengkaderan. Peringkat pelatihan kader di HMI meliputi: *basic training*, *intermediate training* dan *advance training*.

Kegiatan pelatihan di HMI secara umum bertujuan untuk mempersiapkan kader umat yang memiliki wawasan keagamaan dan kebangsaan serta siap untuk berkhidmat di tengah-tengah kehidupan masyarakat. Oleh kerana itu, ramai para alumni HMI yang menjadi pemimpin sebuah organisasi sosial keagamaan, parti dan lembaga dimana ia bekerja. Sementara itu, faham keagamaan yang dikaji di HMI telah mempersiapkan mereka untuk menjadi penggiat gerakan pembaharuan.

e. Berperanan sebagai “Agent of change”.

Ada tiga aktiviti besar yang boleh membentuk kader HMI sebagai “agent of change”, iaitu aktiviti pengkaderan formal dan pengembangan *potensi*. Kedua aktiviti ini lah yang menciptakan para pelapis HMI sebagai agen perubahan dan pembaharuan di pelbagai tempat dan bidang. Dalam konteks gerakan

pembaharuan dalam Islam, HMI Cawangan Salatiga telah mengambil peranan sebagai “penyambung” pemikiran pembaharuan, dan tempat bagi mempersiapkan generasi pembaharu dari masa ke masa.

Adapun sumbangan HMI yang lahir dari aktiviti yang telah dijalankan dari masa ke masa oleh HMI Cawangan Salatiga adalah sebagai berikut:

a. Melahirkan generasi cendekiawan muslim.

Cendekiawan mengandungi pengertian seseorang yang menguasai ilmu pengetahuan dan juga memiliki komitmen (*comited*) untuk melakukan perubahan sosial. Biasanya komitmen ini hanya dimiliki oleh seseorang yang memiliki ideologi kerana sifat sebuah ideologi mengandungi keyakinan dan tanggungjawab untuk melakukan perubahan sosial.²

Pemikiran keislaman HMI yang bercirikan substantif, transformatif, dan moden sepertimana dibahas sebelumnya juga sebagai ideologi organisasi. Pemikiran ini mengandungi nilai-nilai pergerakan bagi transformasi sosial, dan ianya dikira mampu mengubah dan membangun pemikiran dan sikap HMI. Oleh kerana pemikiran yang ditransfer semasa pelatihan akan membentuk pandangan dan sikap para ahli HMI yang toleran, dan terbuka terhadap perubahan yang ada.

Aktiviti-aktiviti HMI memperlihatkan bahawa para ahlinya tidak hanya memiliki pengetahuan, tetapi juga memiliki nilai-nilai perjuangan dalam melakukan perubahan sosial sehingga mereka dapat menjadi penggiat gerakan pembaharuan dalam Islam. Dalam pengertian ini, HMI telah memberikan sumbangan bagi lahirnya pada cendekiawan muslim.

² Ali Syariati 2001, *Tugas Cendekiawan Muslim*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h.183-184

Disamping itu, sumbangan HMI dalam gerakan pembaharuan Islam di Indonesia ialah telah menjadi pewaris dan penyambung pemikiran pembaharuan Islam. Pengkaderan di HMI yang bertujuan untuk membina insan akademik, pencipta dan pengabdian yang memberikan berat sebelah pada pemikiran Islam moden merupakan sumbangan yang penting dalam rangka menjaga keberlangsungan gerakan pembaharuan dalam Islam.

b. Melahirkan insan akademik yang kreatif

Insan akademik yang kreatif adalah seorang terpelajar yang memiliki kemampuan untuk membaca dan menciptakan gagasan-gagasan baru bagi penambahbaikan atau pembaharuan. Gagasan-gagasan tersebut berasaskan pada kondisi yang wujud dan atas dorongan fahaman agama yang mengandungi nilai-nilai ajaran agama yang transformatif. Sehingga para ahli HMI juga disemangati oleh ajaran Islam dalam berdakwah.

Gagasan dan aksi-aksi yang dijalankan oleh para ahli HMI memperlihatkan karakter kader insan akademik yang kreatif. Aksi peduli kemanusiaan bagi menyokong masyarakat yang memperoleh musibah tanah runtuh merupakan wujud daripada bacaan mereka yang menunjukkan karakter dimaksud. Selain itu, kes kerusuhan yang dilatarbelakangi oleh faktor agama di Tolikara telah melahirkan idea kreatif dengan melakukan aksi dengan tajuk "*Harmony in Diversity*". Aksi bersama yang digagas oleh HMI ini diikuti oleh PMII, IMM, KAMMI, GMKI, Unsur Kerajaan Salatiga, Forum Komunikasi Umat Beragama, dan Forum Persaudaraan Bangsa Indonesia.

c. Melahirkan generasi pengabdian dan pengkhidmat.

HMI menamakan dirinya sebagai organisasi perjuangan. Iaitu organisasi yang membawa misi dakwah bagi siar Islam dan berjuang bagi kemakmuran

kehidupan bangsa. Sehubungan dengan itu, maka pengkaderan di HMI sentiasa menanamkan nilai-nilai agama yang mengandungi nilai-nilai perjuangan bagi mengubah (*transformation*) kehidupan masyarakat.

Pelbagai aktivi sama ada dalam bentuk kajian mahupun aktiviti sosial memperlihatkan bahawa HMI telah membangun manusia yang memiliki wawasan keagamaan dan kebangsaan. Kedua-dua wawasan ini mempengaruhi karakter peribadi kader HMI menjadi seorang peribadi yang peduli terhadap persoalan umat dan bangsa. Dengan demikian, pengkaderan di HMI, secara tidak disedari oleh para kadernya telah membangun modal insan yang memiliki dedikasi tinggi untuk berkhidmat kepada umat dan negara. Karakter dan ciri terbentuk melalui pelbagai aktiviti yang berlangsung selama mereka aktif dalam organisasi. Sementara pemikiran keislaman HMI yang dikaji oleh para kader telah menjadi asas bagi langkah mereka yang mengutamakan nilai-nilai kemanusiaan dan kebajikan.

6.3 Cadangan

Secara amnya, kajian ini dapat memberikan manfaat kepada para pemerhati gerakan sosial, terutama mengenai gerakan pembaharuan yang telah dijalankan oleh HMI. Berdasarkan hasil kajian ini, didapati bahawa faktor asasi yang menjadikan HMI disebut-sebut sebagai organisasi pembaharu. Penilaian ini diasaskan pada proses pengkaderan di HMI yang memberi berat sebelah pada transfer pemikiran Islam yang substantif, transformatif dan moden.

Melalui proses pengkaderan ini, HMI berjaya dalam melahirkan ahli Islam yang moden seperti Nurcholis Madjid, Dawam Rahardjo, dan Adi Sasono. Pengkaderan yang wujud, di mana pemikiran pembaharuan Islam sepertimana termaktub dalam NDP juga masih dijadikan sebagai materi pokok kajian. Beberapa

tokoh masyarakat sebagai natijah daripada pengkaderan di HMI Cawangan Salatiga, antara lain: Rahmat Hariyadi, Wihaji dan Rofik Santoso.

Hasil dari kajian ini juga diharapkan dapat menambah khazanah keilmuan tentang gerakan dan pemikiran pembaharuan Islam. Secara ilmiah, pemikiran keislaman HMI yang menekankan pada aspek nilai dinilai selaras dengan perkembangan masa dan boleh dijadikan panduan di mana dan bila-bila masa. Sementara secara amaliah, proses transfer pemikiran pembaharuan melalui pengkaderan boleh dijadikan sebagai contoh dalam gerakan pembaharuan Islam.

Sungguhpun demikian, kajian ini juga mendapati adanya beberapa kelemahan dan kekurangan yang tetap perlu diperbaiki, iaitu:

a. Organisasi Dalaman

HMI perlu melakukan penambahbaikan pada aspek pengembangan metode dengan melakukan *impovitation* sehingga dapat memperoleh simpati daripada mahasiswa untuk bergabung di dalamnya. Pihak alumni HMI (KAHMI) perlu menyokong program HMI bagi pembinaan generasi yang berwawasan luas dan religi di masa akan datang.

b. Organisasi Luaran

Perlu adanya kajian pembeding yang kajiannya dapat melihat secara mendalam proses pengkaderan dengan teori-teori pendidikan. Kajian ini lebih banyak menggambarkan bagaimana potensi-potensi yang boleh digerakkan sehingga boleh memastikan keberlangsungan gerakan pembaharuan Islam di HMI, dengan demikian diperlukan juga kajian lainnya untuk melihat aspek lain terutama dari perspektif dan sudut pandang yang lain.

6.4 Kata Penutup

Kajian ini merupakan satu usaha kecil untuk mengangkat khazanah dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Pengkaji berharap kajian ini dapat bermanfaat dan dapat ikut mengambil bahagian serta menyumbangkan pemikiran dalam memperkaya warisan pengetahuan mengenai tumbuh kembang dan peranan sesebuah organisasi Islam.

Semoga kajian ini bermanfaat dan dapat menyumbang kepada kebaikan di masa akan datang. Selain itu, pengkaji menyadari bahawa kajian ini masih banyak kekurangan dan jauh daripada kesempurnaan. Oleh itu, saya membuka diri untuk menerima masukan bagi menambahbaikan penyelidikan ini.

University of Malaya

RUJUKAN

- A Ubaedillah (2007), *Pendidikan Kewargaan: Demokrasi, Hak Asasi Manusia, dan Masyarakat Madani*. Jakarta: ICCE UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Agussalim Sitompul (1976), *Sejarah Perjuangan HMI 1947-1975*, Surabaya: Bina Ilmu.
- Agussalim Sitompul (1982), *HMI dalam Pandangan Seorang Pendeta*, Jakarta: Gunung Agung.
- Agussalim Sitompul (1995). *Historiografi HMI Tahun 1947-1993*, Jakarta: Intermasa.
- Agussalim Sitompul (1997), *Citra HMI*, Yogyakarta: Aditya Media.
- Agussalim Sitompul (2002), *Menyatu dengan Umat, Menyatu dengan Bangsa: Pemikiran Keislaman-Keindonesiaan HMI 1947-1997*, Jakarta: Misaka Galiza.
- Agussalim Sitompul (2003), *KAHMI Memadukan Langkah Menuju Persatuan Membangun Indonesia Baru*, Yogyakarta: Adi Citra Karya Nusantara.
- Agussalim Sitompul (2006), *Pemikiran HMI dan Relevansinya dengan Sejarah Perjuangan Bangsa Indonesia*, Integrita Dinamika Press.
- Agussalim Sitompul (2008), *Historiografi Himpunan Mahasiswa Islam Tahun 1947-1993*, Jakarta: Misaka Galiza.
- Agussalim Sitompul (2008), *Menyatu Dengan Umat Menyatu dengan Bangsa: Pemikiran Keislaman dan Keindonesiaan HMI 1947-1997*, Jakarta: Milasa Galiza.
- Agussalim Sitompul (2010), *44 Indikator Kemuduran HMI: Suatu Kritik dan Koreksi Kebangkitan Kembali HMI*, Jakarta: Misaka Gazila.
- Agussalim Sitompul ed. (1997), *50 Tahun HMI*, Jakarta: Misaka Galiza.
- Ahmad Amir Aziz (2009), *Pembaharuan Teologi: Perspektif Modernisme Muhammad Abduh Dan Neo-Modernisme Fazlur Rahman*, Yogyakarta: Teras.
- Ahmad Azhar Basyir (1993), *Refleksi atas Persoalan Keislaman: Seputar Filsafat, Hukum, Politik dan Ekonomi*, Bandung: Mizan.
- Ahmad Fauzi (2016), *Perkembangan HMI Cabang Salatiga*, Salatiga: LAPMI Press.
- Ahmad Jaenuri (2004), *Orientasi Gerakan Islam Modern*, Surabaya: LPAM.
- Akbar S. Ahmad (1992), *Post Modernism and Islam*, Lodon: Routledge.
- Ali Abdul Halim Mahmud (2011), *Perangkat-Perangkat Tarbiyah Ikhwanul Muslimin*, Penerj. Wahid Ahmadi, Fakhruddin Nursyam, dan Khozin Abu Faqih, Solo: Era Adicitra Intermedia.

- Anas Urbaningrum (2004), *Islamo-Demokrasi: Pemikiran Nurcholish Madjid*, Jakarta: Penerbit Republika.
- Andree Fillard (1999), *NU Vis a Vis Negara: Pencarian Isi, Bentuk dan Makna*, Yogyakarta: Lkis.
- Anthony Oberschall (1973), *Social Conflict and Social Movement*, Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Aqib Suminto (1986), *Politik Islam Hindia Belanda*, Jakarta: LP3ES.
- Azhari Akmal Tarigan (2003), *Islam universal: Kontekstualisasi NDP HMI dalam Kehidupan beragama di Indonesia*, Bandung: Cita Pustaka Media.
- Azyumardi Azra (1996), *Pergolakan Politik Islam*, Jakarta: Paramadina.
- Azyumardi Azra (1999), *Menuju Masyarakat Madani: Gagasan, Fakta dan Tantangan*, Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Bahtiar Effendi (1998), *Islam dan Negara, Transformasi Pemikiran dan Praktik Politik Islam di Indonesia*, Jakarta: Paramadina.
- Bert Klandermans (1984), "Mobilization and Participation: Social-Psychological Explanation of Resource Mobilization Theory", dalam *American Sociological Review*.
- Bob Edward and John D. McCarthy (2004), "Resources and Social Movement Mobilization" dalam David S. Snow, (ed.), *The Blackwell Companion to Social Movement*, UK: Blackwell Publishing.
- BPS. Kantor Statistik Kodya Salatiga (2004), "Salatiga dalam Angka Indonesia" Kantor Statistik Salatiga, Salatiga.
- Buechler Steven M (1995), "New Social Movement Theories", *The Sociological Quarterly*, Volume, 36.
- Clifford Geertz (1981), *Abangan, Santri, Priyai dalam Masyarakat Jawa*, terj., Bandung: Dunia Pustaka.
- Dalier Noer (1996), *Gerakan moden Islam di Indonesia 1900-1942*, Jakarta: LP3S, h.12.
- Darmawan Triwibowo (2006), *Gerakan Sosial: Wahana Civil Society bagi Demokratisasi*, Jakarta: LP3ES.
- David A. Locher (2001), *Collective Behaviour*, Pennsylvania: Prentice Hall.
- Dawam Rahardjo (1993), *Intelektual Inteligensia dan Perilaku Politik Bangsa: Risalah Cendekiawan Muslim*, Bandung: Mizan.
- Djayadi Hanan (2006), *Gerakan Pelajar Islam Indonesia di Bawah Bayang-Bayang Negara*, Yogyakarta: PB PII & UI Press.

- Doug McAdam dan David Snow ed. (1997), *Social Movement: Readings on Their Emergence, Mobilisation and Dynamics*, Los Angeles: Roxbury Publishing Company.
- Doug McAdam, John D. McCarthy & Mayer N. Zald (ed.) (1996), *Comparative Perspectives on Social Movements: Political Opportunities, Mobilizing Structures, and Cultural Framings*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Edgar F. Borgotta (1992), *Encyclopedia of Sociology*, New York: Mac Millan Publishing Company.
- F. Budi. Hardiman (2004), *Filsafat Moden*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Fazlur Rahman (1980), *Major themes of the Quran*, Chicago: Bibliotheca Islamica.
- Fazlur Rahman (1982), *Islam*, Chicago: The Universiti of Chicago Press.
- Fazlur Rahman (2000), *Islam Dan Modernitas Tentang Transformasi Intelektual*, Bandung: Pustaka.
- Haedar Nashir (2007), *Gerakan Islam Syari'at: Reproduksi Salafiyah Ideologis di Indonesia*, Jakarta: Pusat Studi Agama dan Peradaban Muhammadiyah.
- Hariqo Wibawa Satria, (2010), *Lafran Pane: Jejak Hayat dan Pemikirannya*, Jakarta: Lingkar.
- Harun Nasution (1995), *Islam Rasional Gagasan dan Pemikiran*, Bandung: Mizan.
- Ibn Khaldun, Muqaddimah, (terj.) Ahmadi Thoha, Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Ibnu Mandhur, Jamal al-Din Muhammad Ibnu Mukram (1990), *Lisanul Arab*, Bairut: Dar Sader Publisier.
- Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Imaduddin Abdulrahim (1993), "Islam dan Masa Depan: Permasalahan Ilmu Pengetahuan" dalam, *Islam dan Kebudayaan Indonesia: Dulu, Kini, dan Esok*, Jakarta: Yayasan Festival Istiqlal.
- Imaduddin Abdulrahim (1999), *Islam, Sistem Nilai Terpadu*, Jakarta: Yayasan Sari Insani.
- Indra Kusumah (2007), *Risalah Pergerakan Mahasiswa, Bandung*: INDYDEC Press.
- John L. Esposito (2004), *Islam Warna-Warni: Ragam Ekspresi Menuju "Jalan Lurus"*, (Penerjemah) Arif Maftuhin, Jakarta: Paramadina.
- Kacung Marijan (1992), *Quo Vadis NU Setelah Kembali ke Khittah 1926*, Jakarta: Erlangga.
- Lafran Pane (1997), *HMI Mengayuh Di Antara Cita Dan Kritik*, Yogyakarta: Aditya Media.

- M. Farid Nasution (1993), *Penelitian Praktis*, Medan: Pustakan Widya sarana dan IAIN Press.
- M. Imdadun Rahmat (2007), *Arus Baru Islam Radikal-Trasmisi Revivalisme Islam Timur Tengah ke Indonesia*, Jakarta: Erlangga.
- M. Ridwan Lubis (1992), *Pemikiran Sukarno tentang Islam*, Jakarta: CV Masagung.
- M. Rusli Karim (1997), *HMI MPO dalam Kemelut Modernisasi Politik di Indonesia*, Bandung: Mizan.
- M. Syafii Anwar (1995), *Pemikiran dan Aksi Islam Indonesia: Sejarah Kajian Politik Tentang Cendekiawan Muslim Orde Baru*, Jakarta: Paramadina.
- Manna al-Qatthan (1993), *Mabahis fi Ulumul Quran*, Riyad: Mansyurat al- asry al-Hadis.
- Muhammad Imara (1979), *Al-Islam wa al-Sulthoh al-Diniyah*, Kairo: Dar al-Saqofah al-Jadidah.
- Muhammad Iqbal (1994), *Rekonstruksi Pemikiran Islam: Studi Tentang Kontribusi Gagasan Iqbal Dalam Pembaruan Hukum Islam*, Jakarta: Kalam Mulia.
- Murthada Muthahari (1985), *Masyarakat dan Sejarah : Kritik Islam atas marxisme dan teori Lainnya*, Bandung: Mizan.
- Murthada Muthahari (2002), *Manusia dan Alam Semesta: Konsepsi Islam tentang Jagad Raya*, Jakarta: Lentara.
- Nando Baskara (2009), *Gerilyawan-gerilyawan Militan Islam*, Jakarta: Buku Kita.
- Nazih Ayubi (1991), *Political Islam: Religion and Politics in the Arab World*, London and New York: Routledge.
- Noeng Moehadjir (1989), *Metodologi Penyelidikan Kualitatif*, Yogyakarta: Rake Sarasin.
- Nurcholis Madjid (2000), *Masyarakat Religius: Membumikan Nilai-nilai Islam dalam Kehidupan Masyarakat*, Jakarta: Paramadina.
- Nurcholis Madjid (1992), *Islam Doktrin dan Peradaban: Sebuah Telaah Kritis tentang Masalah Keimanan, Kemanusiaan dan Kemoderenan*, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina.
- Nurcholis Madjid (1995), *Pintu-Pintu Tuhan*, Jakarta. Yayasan Wakaf Paramadina.
- Nurcholis Madjid (1988), *Islam Kemoderenan dan Keindonesiaan*, Bandung: Mizan.
- Nurcholis Madjid (1992), *Islam Doktrin Dan Peradaban: Sebuah Telaah Kritis Tentang Masalah Keimanan, Kemanusiaan dan Kemoderenan*, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina.

- Nurcholis Madjid (1999), “Tafsir Islam Perihal Etos Kerja” dalam, *Nilai dan Makna Kerja dalam Islam*, Jakarta: Nuansa Madani.
- Oliver Roy (1994), *The Failure of Political Islam*, London: I.B. Tauris Publishers.
- PB HMI (2013), “HMI Untuk Indonesia Satu Tak Terbagi”, *Hasil-Hasil Kongres HMI ke XXVIII*, Jakarta: PB HMI.
- Pengurus Pusat Muhammadiyah (1985), *Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga*, Yogyakarta: Majelis Pustaka.
- Quintan Wictorowicz (ed.), *Gerakan Sosial Islam: Teori, Pendekatan, dan Studi Kasus*, Yogyakarta: Gading Publishing bekerja sama dengan Yayasan Wakaf Paramadina, h. 18
- Rajendra Singh (2001), *Social Movements, Old and New: A Post-Modernist Critique*, New Delhi: SAGE Publications India.
- Ramli H. M. Yusuf (1997), *50 tahun HMI Mengabdi Republik*, Yogyakarta: LASPI.
- Sabarina Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Setia William J. (2007), *Atlas Lengkap Pelajar Indonesia dan Dunia*, Jakarta: Wahyu Media.
- Solichin (2010), *HMI Candradimuka Mahasiswa*, Jakarta: Sinergi Persadatama Foundation.
- Stephen K. Sanderson (1991), *Sosiologi Makro: Sebuah Pendekatan terhadap Realitas Sosial*, Jakarta: Rajawali Pers.
- Steven M. Buechler (1995), “New Social Movement Theories.” Dalam *The Sociological Quarterly*, Vol. 36, No. 3.
- Sudirman Tebba (2004), *Orientasi Sufistik Cak Nur: Komitmen Moral Seorang Guru Bangsa*, Jakarta: KPH.
- Syamsul Maarif (2010), *Sosiologi Perilaku Kolektif dan Gerakan Sosial*, Yogyakarta: Gress Publishing.
- Syarifuddin Jurdi (2010), *Muhammadiyah dalam Dinamika Politik Indonesia 1966-2006*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Tarmidzi Taher (2001) “Sumbangan Pembaruan Islam kepada Pembangunan” dalam Sukandi AK, *Nurcholis Madjid: Jejak Pemikiran dari Pembaharu sampai Guru Bangsa*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Victor Tanja (1982), *HMI Sejarah dan Kedudukannya di Tengah-Tengah Gerakan Pembaharu Muslim di Indonesia*, Jakarta: Sinar Harapan.
- William L Resse (1980), *Dictionary of Philosophy and Religion*, USA: Humanites Press Ltd.

Zuly Qodir (2006), *Pembaharuan Pemikiran Islam: Wacana dan Aksi Islam Indonesia*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

JURNAL

Abdul Basit (2016) “The Ideological Fragmentation of Indonesian Muslim Students and Da’wa Movements In The Post-Reformed Era”, *Indonesia Journal of Islam and Muslim Societies*, Volume 2, No. 2, h. 185-208.

Ahmad Ali Nurdin (2005), “Islam and State: A Study of the Liberal Islamic Network in Indonesia 1999-2004”, *New Zealand Journal of Asian Studies*, Volume 7, No. 2, h. 20-38

Buechler, Steven M (1995), “New Social Movement Theories”, *The Sociological Quarterly*, Volume, 36, No. 3, h. 441-464.

Fazlur Rahman (1980), “Islam: Legacy and Contemporary Challenge,” *Islamic Studies*, Volume 19, No. 4 h. 237-238.

Kamarrudin Saleh (2012), “Transfer Pemikiran Pembaharuan dan Modernisme di Malaysia: Suatu Penyelidikan Awal”, *International Journal of Islamic Thought*, Volume. 2, No. 2, h. 23-37

Khalid Novianto (2007), “Pemetaan Gerakan Islam Transnasional di Indonesia”, *Reform Review Journal*, Volume 1, No.1, h. 24-46.

Muhamad Ali (2015), “The Muhammadiyah’s 47 th Congres and Islam Berkemajuan”, *Studi Islamika*, Volume 22, No. 2, h.377-386

Nadirsyah Hosen, “Religion and the Indonesian Constitution: A Recent Debate”, *Journal of Southeast Asian Studies*, Volume 36, No. 3, h. 419-440

Olaf Schumann (1999), “Dilema Islam Kontemporer antara Masyarakat Modern dan Negara Islam,” *Jurnal Pemikiran Islam Paramadina*, Jakarta, Volume 1, No. 2, h. 57.

Oman Sukmana (2013), “Konvergensi antara Resource Mobilization Theory dan Identity-Oriented Theory dalam Studi Gerakan Sosial Baru”, *Jurnal Sosiologi Reflektif*, Volume 8, No.1. h. 39-62.

Syafi’ah (2014), “Aspek Pemikiran Keagamaan Nurcholis Madjid”, *Jurnal Pemikiran Islam*, Volume, 39, No. 2, h. 165-172.

Syamsul Bakri (2016), “Modernisasi Dalam Perubahan Sosial Dalam Lintasan Sejarah Islam”, *Studi Agama-agama dan Pemikiran Islam*, Volume 14, No. 2, h. 173-190

SUMBER-SUMBER LAIN

Djohan Efendi (1984), “Keterbatasan, Kebebasan dan Tanggungjawab Manusia, Sebuah Tinjauan Tentang Masalah Takdir Dari Perspektif Tauhid Islam”, *Prisma*, No. Ekstra, h. 89-94.

Hamid Fahmy (2012), “Konstruksi Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia”, dalam <http://hamidfahmy.com/konstruk-pembaharuan-pemikiran-Islam-di-indonesia/>

M. Dawam Raharjo (1993), “Ensiklopedi Al-Quran: Ulil Amri”, *Ulumul Qur'an*, No. 2/1993, h. 26-34.

M. Maghfuri ar-Rumi (2008), *Di Atas Daun Talas: Refleksi Dasawarsa Reformasi dan Transisi Demokrasi*, Makalah Latihan Kader II (LK-II) HMI Cabang Ciputat.

Muhamad Zaid Ismail dan Norahida Mohamed (2015), “Islah dan Tajdid: Pendekatan Pembinaan Semula Tamadun Islam”, International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21 st Century, Uiversiti Sultan Zaenal Abidin: Proceeding of ICIC.

Pengurus Pusat Muhamadiyah (1985), *Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga*, Yogyakarta: Majlis Pustaka.

Yudhie R. Haryono (2001), “Gagalnya Mazhab Islam Liberal”, Jakarta: *Republika* 21 Maret 2001.